



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN NEGARA**

**PARLIMEN KEDUA BELAS
PENGKAL KELIMA
MESYUARAT PERTAMA**

KANDUNGAN

MENGANGKAT SUMPAH	(Halaman	1)
PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA Mengalukan Pelantikan Semula Ahli dan Kedatangan Ahli Baru	(Halaman	1)
JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman	2)
USUL-USUL: Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong - <i>YB Tuan Khoo Soo Seang</i>	(Halaman	20)
	(Halaman	21)

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang
2. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Puan Doris Sophia ak Brodi
3. “ Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman (Dilantik)
4. “ Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar (Dilantik)
5. “ Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan (Perlis)
6. “ Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop (Johor)
7. “ Tuan Ahmad bin Hussin (Perlis)
8. “ Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu (Dilantik) – *Senator – Timbalan Menteri Luar Negeri I*
9. “ Datuk Dr. Awang Adek Hussin (Dilantik) – *Senator – Timbalan Menteri Kewangan I*
10. “ Dato' Azian bin Osman (Perak)
11. “ Tuan Baharudin bin Abu Bakar (Dilantik)
12. “ Dato' Boon Som a/l Inong (Dilantik)
13. “ Puan Chew Lee Giok (Dilantik)
14. “ Tuan Chiew Lian Keng (Dilantik)
15. “ Datuk Chin Su Phin (Dilantik)
16. “ Datuk Chiw Tiang Chai (Dilantik)
17. “ Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg (Sarawak)
18. “ Dato' Donald Lim Siang Chai (Dilantik) – *Senator – Timbalan Menteri Kewangan II*
19. “ Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah (Dilantik)
20. “ Tuan Gan Ping Sieu (Dilantik) - *Senator – Timbalan Menteri Belia dan Sukan II*
21. “ Datuk Heng Seai Kie (Perak) – *Senator – Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat*
22. “ Dato' Sri Idris Jala (Dilantik) – *Senator Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
23. “ Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom (Dilantik) – *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
24. “ Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh (Dilantik)
25. “ Dato' Dr. Johari bin Mat (Kelantan)
26. “ Datuk Haji Kadzim Haji M. Yahya (Sabah)
27. “ Tuan Khoo Soo Seang (Johor)
28. “ Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon (Dilantik) – *Senator – Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
29. “ Tuan Lee Cheam Choon (Melaka)
30. “ Tuan Lihan Jok (Sarawak)
31. ” Datuk Maglin a/l Dennis D'Cruz – *Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan II*
32. “ Datuk Maijol Mahap (Sabah)
33. “ Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit (Dilantik)

34. Yang Berhormat Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim (Dilantik) – *Senator*
– *Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
35. “ Dato' Maznah binti Mazlan (Dilantik) – *Senator*
– *Timbalan Menteri Sumber Manusia*
36. “ Tuan Mohamad Ezam bin Mohd. Nor (Dilantik)
37. “ Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah (Negeri Sembilan)
38. “ Dato Sri Dr. Mohd. Effendi bin Norwawi (Dilantik)
39. “ Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad (Perlis)
40. “ Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin (Kedah)
41. “ Dato' Muhammad Olian bin Abdullah (Dilantik)
42. “ Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi (Kelantan)
43. “ Dato' Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff (Pulau Pinang)
44. “ Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai (Dilantik)
45. “ Dato' Ng Fook Heng (Pahang)
46. “ Puan Hajah Noriah binti Mahat (Dilantik)
47. “ Puan Norliza binti Abdul Rahim (Dilantik)
48. “ Datuk Seri G. Palanivel (Dilantik)
– *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
49. “ Tuan Pau Chiong Ung (Dilantik)
50. “ Datuk Paul Kong Sing Chu (Dilantik)
51. “ Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin (Dilantik) – *Senator*
– *Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar*
52. “ Datuk Raja Ropiaah binti Raja Abdullah (Dilantik)
53. “ Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah (Selangor)
54. “ Puan Hajah Rohani binti Abdullah (Terengganu)
55. “ Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal (Dilantik)
56. “ Datuk Haji Saat bin Haji Abu (Melaka)
57. “ Tuan Saiful Izham bin Ramli (Kedah)
58. “ Tuan Subramaniam a/l Veruthasalam (Dilantik)
59. ” Dato' Syed Ibrahim bin Kader (Dilantik)
60. “ Dr. Syed Husin Ali (Selangor)
61. “ Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim (Pulau Pinang)
62. “ Dato' Dr. Yeow Chai Thiam (Negeri Sembilan)
63. ” Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus (Dilantik)
64. “ Dato' Hajah Zaitun binti Mat (Pahang)

DEWAN NEGARA**Ketua Pentadbir Parlimen**

Dato' Ngah Senik

Setiausaha Dewan Negara

Datuk Zamani bin Haji Sulaiman

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)

Encik Che Seman bin Pa Chik

PETUGAS-PETUGAS PENYATA RASMI (*HANSARD*)

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd Hassan

Rosna binti Bujairomi

Nurziana binti Ismail

Suriyani binti Mohd. Noh

Aisyah binti Razki

Yoogeswari a/p Muniandy

Nor Liyana binti Ahmad

Zatul Hijanah binti Yahya

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan

Hafilah binti Hamid

Siti Norhazarina binti Ali

Mohd. Shahrul Hafiz bin Yahaya

Mulyati binti Kamarudin

Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli

Saipul Rizal bin Wahid

Nor Hamizah binti Haji Hassan

Azmir bin Mohd Salleh

Nur Nazihah binti Mohd. Nazir

Noraidah binti Manaf

Mohd. Fairus bin Mohd. Padzil

Mohd. Izwan bin Mohd. Esa

Nor Kamsiah binti Asmad

Siti Zubaidah binti Karim

Aifarina binti Azaman

Noorfazilah binti Talib

Farah Asyraf binti Khairul Anuar

Julia binti Mohd. Johari

Syahila binti Ab Mohd Khalid

Siti Norlina binti Ahmad

Hazwani Zarifah binti Anas

Mohd. Zaidi bin Mahmood

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
Isnin, 2 Mei 2012

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

MENGANGKAT SUMPAH

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat sumpah:

- Yang Berhormat Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad.
- Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd. Sultan.

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA

**MENGALU-ALUKAN PELANTIKAN SEMULA AHLI
DAN KEDATANGAN AHLI BARU**

Tuan Yang di-Pertua: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan salam sejahtera dan juga selamat pagi. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan mengalu-alukan Yang Berhormat Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad di atas pelantikan semula sebagai Ahli Dewan Negara dan juga pelantikan baru Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan. Seperti mana lafaz sumpah dan ikrar setia yang telah dilafazkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat sebentar tadi, ingin saya mengingatkan agar kita semua hendaklah betul-betul berazam untuk memahami, menghayati, mendukung dan mempertahankan Perlembagaan negara Malaysia.

Ahli-ahli Yang Berhormat, izinkan saya menarik perhatian kepada semua Ahli Yang Berhormat termasuk diri saya juga yang berada di dalam Dewan yang mulia ini, pagi ini, tentang peranan dan perwatakan salah seorang Ahli *Senate* kita yang baru-baru ini dalam hal ini. Sukacita saya merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Mulia Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim... *[Tepuk]* Bukan kerana apa, kerana beliau telah menunjukkan suatu pendirian dan sikap yang begitu berprinsip, yang begitu tinggi dan maruah diri yang amat mulia serta taat setia demi untuk mendukung serta mempertahankan Perlembagaan Persekutuan dan juga mematuhi semua undang-undang negara yang telah diluluskan oleh Parlimen.... *[Tepuk]* Inilah contoh yang amat baik dan saya berharap, kerana kita adalah semua Ahli Dewan Negara satu sahaja, apabila dilantik, itulah peranan kita, tidak kira siapa, tidak kira parti politik mana sekalipun.

■ **1010**

Saya berharap lebih ramai lagi Ahli-ahli Yang Berhormat akan mencontohi sikap Yang Berhormat tersebut dan cara begini tentu sekali Dewan Negara ini akan dihormati oleh negara dan rakyat kita.

Seterusnya Ahli-ahli Yang Berhormat, sebagaimana biasa saya selalu mengingatkan diri saya dan semua Ahli-ahli Dewan Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini, agar marilah kita semua berazam untuk memartabatkan dan memperkasakan Dewan Negara yang mulia ini sebagai satu Dewan yang bermaruah, berkualiti, berkedibiliti dan berintegriti yang betul-betul komited kepada kepentingan negara dan rakyat Malaysia sejagat.

Akhir sekali Yang Berhormat, kini selesailah sudah Majlis Angkat Sumpah kita pada hari ini. Sekian, terima kasih.

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah** minta Kementerian Belia dan Sukan menyatakan, perbandingan penggunaan sumber-sumber kementerian dari segi bilangan projek (program) yang berorientasikan belia berbanding dengan yang "berorientasikan sukan" di kementerian berkenaan sepanjang empat tahun yang lalu. Sehubungan itu minta juga diberikan perbandingan sumber tenaga pentadbiran/profesional serta perbandingan kadar bajet / pembiayaan untuk kemajuan / pembangunan belia dan sukan.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan I [Dato' Razali bin Haji Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada dua Ahli Yang Berhormat yang baru mengangkat sumpah, juga mengucapkan terima kasih di atas peringatan dan perutusan Tuan Yang di-Pertua sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, sepanjang tahun 2009 sehingga 2011, kementerian telah melaksanakan sebanyak 11,818 projek ataupun program yang berorientasikan belia berbanding 4,098 projek atau program yang berorientasikan sukan. Manakala perbandingan dari segi sumber tenaga pentadbiran ataupun profesional untuk kemajuan pembangunan belia adalah seramai 148 orang berbanding dengan 107 orang bagi program pentadbiran profesional kemajuan pembangunan sukan.

Justeru, sebagai perbandingan kadar bajet ataupun pembiayaan, sebanyak 80.6 peratus iaitu RM167,316,296 diperuntukkan untuk belia manakala baki sebanyak 19.4 peratus iaitu sebanyak RM40,341,767 diperuntukkan bagi program sukan. Manakala bajet bagi tahun 2012 telah memperuntukkan kepada program-program pembangunan belia sebanyak RM58,700,000 dan bagi program pembangunan sukan pula adalah sebanyak RM33,210,000. Terima kasih.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas jawapan yang telah diberikan. Antara perkara yang mendorong saya mengemukakan soalan ini dan saya rasa semangat daripada soalan itu Tuan Yang di-Pertua, ialah bahawa pada tanggapan awam program-program yang berorientasikan belia itu sangat kurang. Saya tidak tahu adakah ini kerana publisiti yang kurang atau apa puncanya maka ini berlaku. Ini kerana hal-hal ini pun dalam perbahasan di Dewan ini minggu lalu, selain daripada saya, beberapa orang Ahli-ahli lain juga menyebutkan tentang seakan-akan program belia itu dibengkalaikan. Walaupun tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menyebut 11,800 program yang berorientasikan belia tetapi kenapakah dari segi publisiti perkara ini tidak menonjol?

Satu lagi soalan yang hendak saya tanya yang dianggap *factual* sifatnya, adakah kementerian sekarang mempunyai pengarah belia? Saya ingat di suatu masa dahulu mantan Perdana Menteri, Tun Abdullah adalah Pengarah Belia. Saya hendak tahu sama ada jawatan itu masih ada dan sudah diisi. Jadi yang hendak ditekankan di sini ialah tentang kelesuan kelab-kelab belia yang ditimbulkan dalam Dewan ini beberapa hari yang lalu.

Jadi sekali lagi Yang Berhormat Timbalan Menteri, semangat daripada soalnya adalah persepsi umum bahawa seakan-akan kementerian tidak melakukan yang cukup untuk pembangunan belia. Terima kasih.

Dato' Razali bin Haji Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat dan saya juga hendak mengucapkan terima kasih kepada seluruh Ahli-ahli Dewan Negara yang sememangnya memberikan penekanan kerana itulah masa depan kita.

Mengenai kurangnya pemahaman terhadap pengajuran program yang dibuat oleh para belia kita ialah, saya setuju salah satunya dari segi liputan. Mungkin kerana program yang dianjurkan itu tidak membawa satu kesan yang besar jika dilaporkan. Namun begitu, pihak kementerian akan terus melaksanakan program-program berasaskan minat belia dalam negara. Justeru itu, bagi mengatasi persepsi tersebut, kementerian akan menganjurkan sekali lagi Himpunan Sejuta Belia pada 23 hingga 27 Mei di Putrajaya sebagai tanda mengiktiraf dan menonjolkan potensi kreativiti para belia kita dan saya percaya kalau Ahli-ahli Yang Berhormat saya jemput untuk sama-sama hadir, apabila kita melihat nanti, kita akan bangga dengan para belia kita yang sebenarnya cukup bersedia, bertanggungjawab dan memikul amanah kepada semua program sama ada berorientasikan belia atau sukan, kerohanian, ekonomi, keusahawanan dan sebagainya.

Keduanya dari segi jawatan, Kementerian Belia dan Sukan tidak lagi ada pengarah belia tetapi sudah pun kita laksanakan sejak beberapa tahun yang lalu iaitu Ketua Pengarah Jabatan Belia dan Sukan Negara di mana ia menggantikan pengarah belia yang dahulu. Ketua Pengarah Jabatan Belia dan Sukan Negara akan melihat kepada kedua-dua segmen kerana belia dan sukan sebenarnya tidak boleh kita pisahkan. Namun begitu, di bawah Ketua Pengarah Jabatan Belia dan Sukan Negara, ada dua Timbalan Ketua Pengarah iaitu Timbalan Ketua Pengarah Belia dan Timbalan Ketua Pengarah Sukan bagi membantu secara khusus mengenai program-program pembangunan belia dan sukan.

Jadi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, saya percaya penerangan ini dapat memberikan kita sedikit persepsi bahawa para belia sememangnya dahagakan pemerhatian dan dalam masa yang sama, seperti yang saya nyatakan tadi, hanyalah peruntukan yang diberikan kepada Kementerian Belia dan Sukan. Sebenarnya belia merentasi hampir 12 kementerian. Di mana Kementerian Pertanian sebagai contoh, melihat kepada program-program belia tani dengan skala yang lebih besar. PLKN di bawah Kementerian Pertahanan juga melihat kepada pembangunan semangat patriotisme para belia kita dan Kementerian Pengajian Tinggi juga melahirkan para belia kita yang mempunyai sifat kesukarelaan selain daripada perkara-perkara yang berkaitan dengan pendidikan. Justeru itu, saya sekali lagi mengharapkan perkara ini sama-sama kita jayakan agar persepsi tersebut dapat kita hindarkan dari terus melekat kepada para belia dan program-program berorientasikan belia.

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih jawapan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi. Jadi saya ada beberapa persoalan dengan belia.

Pertama, saya ingin mengetahui tentang status bantuan pengupayaan kepada persatuan-persatuan belia di peringkat cawangan-cawangan sebab sekarang ini saya tengok masih lagi bantuan itu dibekukan. Saya tidak tahu kenapa, mungkin pihak kementerian boleh bagi jawapan.

Kedua berkenaan status Tabung Pinjaman Belia Niaga. Mungkin pihak kementerian boleh memberikan status terkini tentang tabung tersebut.

Ketiga, saya berminat tentang penganjuran sukan *Le Tour de Langkawi* iaitu sukan berbasikal bertaraf antarabangsa yang mana kalau kita lihat, sukan ini sudah hampir sepuluh tahun lebih dianjurkan oleh pihak kerajaan kita melalui Kementerian Belia dan Sukan. Jadi soalan saya, saya hendak tanya apakah jumlah ekonomi yang dihasilkan daripada penganjuran *Le Tour de Langkawi 2012*, dan apakah nilai ekonomi tersebut turut dinikmati oleh masyarakat tempatan dan apakah bentuk-bentuknya? Terima kasih.

Dato' Razali bin Haji Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat yang saya percaya mewakili para belia dari segi kepimpinan setelah dilantik di Dewan Negara ini, tahniah saya ucapkan.

Pertama, dari segi peruntukan yang disediakan, sejak tahun 2010, kementerian telah pun menyediakan tambahan sebanyak RM1 juta daripada RM500,000 kepada Majlis Belia Malaysia.

■ 1020

Mulai tahun 2012 ini peruntukan bantuan tersebut telah ditambah kepada RM1.5 juta. Manakala bantuan bagi pihak Majlis Belia Negeri daripada RM50,000 sekarang ini telah pun dinaikkan kepada RM100,000. Manakala Majlis Belia Daerah sebanyak 103 daerah yang biasanya menerima RM20,000 setahun telah pun kita naikkan kepada RM50,000 setahun. Ini sebagai tanda bahawa keperluan untuk kita menggerakkan para belia kita dari segi bantuan pentadbiran dan program.

Keduanya, kita tidak bekukan permohonan daripada e-Bantuan. Mereka masih boleh memohon melalui Borang PB 1 di mana para belia kita yang mewakili 8,000 persatuan berdaftar di bawah ROY hingga hari ini boleh terus membuat permohonan tersebut cuma jumlah peruntukan yang disediakan itu mungkin agak terbatas. Jadi, kita terpaksa menilai dengan begitu teliti kecuali kita mendapat peruntukan yang jauh lebih besar yang kita ada sekarang seperti Yang Berhormat tahu.

Keduanya, Tabung Ekonomi Belia sebenarnya yang dirujuk oleh Yang Berhormat tadi dibekukan kerana tabung ini bersifat tabung pusingan.

Kita tidak menerima geran tahunan seperti tabung-tabung lain. Ia berasaskan kepada kutipan dan bayaran balik peminjam yang telah pun menerima. Selepas kita mendapat kutipan yang tinggi barulah kita boleh beri kepada peminjam yang seterusnya. Tabung ini sebenarnya bermula dengan dana sebanyak RM40 juta satu ketika yang terpaksa kita hentikan kerana kita masih dalam proses untuk mengutip kembali pinjaman yang ada.

Ketiga, tentang *Le Tour de Langkawi*. Saya minta maaf saya tidak dapat bagi impak ekonomi secara terperinci pagi ini. Mungkin kita boleh sampaikan kepada Ahli Yang Berhormat secara bertulis kemudian. Namun begitu saya percaya selepas penganjuran yang begitu lebih belasan tahun kita telah berjaya melahirkan atlet sukan dari segi sukan prestasi tinggi seperti Josiah Ng, Azizul, Anuar Manap dan sebagainya menunjukkan bahawa ada kesan daripada penganjuran *Le Tour de Langkawi*.

Keduanya, dari segi sukan untuk semua, saya percaya Yang Berhormat semua perasan kalau dianjurkan program berbasikal, jumlah sambutan kehadiran para belia kita dan rakyat terutamanya dalam bidang sukan amatlah tinggi. Saya juga agak terkejut kerana sebuah basikal boleh mencecah harga RM80,000 yang perlu dibeli tidak ada *installment* yang seperti motosikal namun rakyat kita mampu beli. Tidak pun datang ke kementerian membuat aduan susah hendak beli basikal kerana mereka betul minat dengan sukan yang saya percaya sedikit sebanyak lahir daripada penganjuran *Le Tour de Langkawi* yang kita mulakan sejak pimpinan terdahulu. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat saya mempersilakan Yang Berhormat Tuan Baharudin bin Abu Bakar, pertanyaan kedua.

2. Tuan Baharudin bin Abu Bakar minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan, apakah usaha-usaha strategik yang dilakukan oleh kementerian dalam membawa usahawan-usahawan IKS ke peringkat antarabangsa.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri I [Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir]: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh...*

Tuan Yang di-Pertua: *Walaikumussalam.*

Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir: ...Dan salam sejahtera, salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan menyedari kepentingan produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh Perusahaan Kecil dan Sederhana atau PKS untuk menembusi pasaran antarabangsa. Pelbagai bentuk inisiatif telah diambil dalam menjayakan hasrat ini melalui kerjasama dengan pelbagai kementerian dan agensi yang berkenaan.

Komitmen ini adalah selari dengan objektif Pelan Induk PKS (2011-2020) yang ingin meningkatkan sumbangan PKS terhadap pertumbuhan ekonomi negara yang mapan dan seimbang. Antara usaha-usaha yang dilaksanakan bagi membawa usahawan-usahawan PKS ke peringkat antarabangsa adalah, menggalak dan mempromosikan produk PKS ke peringkat antarabangsa melalui program kerjasama strategik dengan *foreign hypermarket*, dengan izin, di Malaysia. Melalui program ini produk PKS yang dijual di pasar raya ini turut dipasarkan di cawangan mereka di luar negara.

Selain itu menganjur dan membiayai program promosi dan penjenamaan bagi produk PKS di luar negara melalui kerjasama antara pelbagai kementerian dan agensi kerajaan yang berkaitan seperti Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan. Memperkenalkan juga Program Pembangunan Jenama PKS untuk meningkatkan penampilan produk PKS tempatan supaya produk PKS mendapat tempat di pasaran luar negara.

Antara inisiatif yang telah dilaksanakan ialah melalui program *National Mark of Malaysian Brand*, dengan izin, yang mengiktiraf produk PKS bagi membolehkan mereka meluaskan pasaran luar negara. Melalui program ini, syarikat yang mendapat persijilan *National Mark of Malaysian Brand* akan diberikan insentif yang meliputi kemudahan untuk menyertai promosi perdagangan tempatan dan antarabangsa.

Selain itu, menyediakan bantuan kewangan melalui geran pembangunan pasaran atau MDG oleh MATRADE yang merupakan Skim Bantuan Kewangan untuk membantu PKS memperluaskan pasaran ke luar negara dan meringankan perbelanjaan syarikat dalam menjalankan aktiviti-aktiviti promosi dan pembangunan pasaran eksport.

Usahawan-usahawan PKS diberikan 50 peratus geran secara bayar balik atas perbelanjaan yang diluluskan bagi aktiviti-aktiviti yang layak melalui penyertaan syarikat di dalam pameran perdagangan antarabangsa di luar negara. Misi perdagangan dan pelaburan, misi jualan khusus dan aktiviti-aktiviti lain yang berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Soalan tambahan Yang Berhormat Tuan Baharudin.

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menyatakan selamat pulang ke tanah air Yang Berhormat Timbalan Menteri atas misi di Jepun baru-baru ini. Jadi, soalan saya yang kedua berkenaan apakah jumlah keseluruhan syarikat PKS terutamanya bumiputera? Kalau boleh dinyatakan nama-nama syarikat tersebut yang telah setakat ini berjaya dibantu melalui usaha-usaha yang dinyatakan sebentar tadi. Terima kasih.

Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir: Terima kasih Yang Berhormat atas soalan sebentar tadi. Sebenarnya terlalu banyak syarikat-syarikat PKS termasuk bumiputera yang telah mendapat manfaat daripada program-program yang telah dijalankan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan juga kementerian-kementerian yang lain termasuklah agensi-agensi kerajaan yang berkenaan.

Dalam soal syarikat-syarikat bumiputera pula di bawah SME Corp iaitu salah satu agensi di bawah MITI, jumlah lebih kurang 8,796 buah syarikat telah mendapat pelbagai kemudahan termasuk pembiayaan yang berjumlah RM675.1 juta. Ini juga termasuk syarikat-syarikat bumiputera. Selain itu, agensi seperti MATRADE pula lebih mengkhususkan kepada bantuan untuk membantu syarikat-syarikat ini mengeksport ke pasaran-pasaran luar dan ini pun satu jumlah dan satu angka yang agak tinggi.

Saya tidak dapat menamakan setiap satu syarikat tetapi cukup mungkin sekadar nyatakan mengenai tiga buah syarikat yang telah mendapat pelbagai bantuan baru-baru ini yang pertamanya Walet World Sdn. Bhd.. Kalau ikut namanya sudah tentu ianya terlibat dalam industri sarang burung walet yang telah mendapat pelbagai khidmat nasihat untuk membantu syarikat tersebut mengeksport produk mereka ke pasaran terbesar sarang burung walet iaitu China.

Kita juga telah melakukan khidmat nasihat untuk pepadanan bisnes iaitu memperkenalkan mereka kepada syarikat-syarikat yang bakal menjadi pembeli. Selain daripada itu ada juga sebuah lagi syarikat PKS iaitu IC Microsystems Sdn. Bhd. yang mengeluarkan *microchip* untuk syarikat-syarikat asing dan baru-baru ini syarikat tersebut telah menang Anugerah Inovasi PKS dan daripada situ telah dapat banyak bantuan daripada kerajaan termasuklah daripada Khazanah. Satu lagi syarikat ialah MM *Vitaoils* yang mengeluarkan produk-produk berunsurkan minyak ini. Saya kira ianya termasuklah bahan-bahan kosmetik dan setakat ini 90 peratus daripada pengeluarannya adalah untuk eksport. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Mempersilakan Yang Berhormat Puan Hajah Noriah binti Mahat.

■ 1030

Puan Hajah Noriah binti Mahat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya Tuan Yang di-Pertua kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, sejauh manakah kita mempunyai kemampuan pengeluaran kilang IKS bagi eksport ke luar negara dan dari segi mutu dan standard piawaian antarabangsa serta kuantiti produk. Adakah kita mempunyai kawasan perindustrian khusus untuk IKS terutamanya bumiputera? Terima kasih.

Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir: Terima kasih Yang Berhormat di atas soalan tersebut. Sebenarnya semua isu ini dianggap amat-amat penting sekali untuk menjayakan eksport bagi syarikat-syarikat IKS ini. Pertama saya lihat bahawa kualiti IKS semakin meningkat lebih-lebih lagi apabila mereka menyedari bahawa pasaran luar Malaysia ini adalah lebih besar dan mungkin lebih menguntungkan. Oleh kerana itu mereka dibantu oleh kerajaan untuk memenuhi segala piawaian antarabangsa termasuklah untuk menembusi pasaran-pasaran tertentu. Contohnya, kalaulah kita ada produk makanan yang hendak di eksport ke negara-negara Arab contohnya, yang pertamanya sudah tentulah ianya mesti mempunyai sijil halal. Keduanya, memenuhi segala piawaian yang lain.

Ketiganya dari segi pembungkusannya juga perlu tertera perkataan-perkataan dalam bahasa Arab untuk menjelaskan apa sebenarnya produk yang dijual. Oleh itu, saya anggap kualiti produk eksport kita adalah pada tahap yang tinggi. Ini bukan hanya satu yang kita katakan tetapi juga pengiktirafan daripada pembeli-pembeli di luar negara. Dari segi kuantiti ini sebenarnya merupakan salah satu cabaran kita hadapi. Setiap kali kita mengadakan misi perdagangan di mana kita mempromosi produk-produk kita termasuklah produk PKS.

Bakal-bakal pelanggan di sana kerana begitu tertarik dan suka dengan produk kita, lalu sekali gus memohon tempahan yang begitu besar. Kadang-kadang bayangkanlah satu PKS yang kecil menerima tempahan sampai dua kontena dalam masa dua minggu atau dua minggu. Jadi sudah tentu ini merupakan satu cabaran dari segi kuantitinya. Kita dapati kerap kali syarikat-syarikat PKS kita tidak dapat memenuhi permintaan sebesar itu dan ini juga sedikit sebanyak menjejaskan nama baik negara yang dilihat mempunyai kualiti tetapi tidak begitu besar dari segi kuantitinya.

Kita sedang mencari pelbagai cara untuk menyelesaikan masalah ini contohnya untuk memastikan pihak yang mendapat tempahan itu dapat kongsi tempahan tersebut dengan syarikat-syarikat lain yang dapat mengeluarkan produk yang lebih kurang sama. Dari segi kawasan ataupun taman perindustrian, setiap negeri saya lihat masih lagi berusaha untuk menyediakan taman-taman perindustrian untuk tujuan PKS dan kita dapati oleh kerana begitu banyak sekali usahawan-usahawan baru yang menceburkan diri dalam bidang tersebut maka keperluan untuk taman industri ini tidak pernah cukup. Jadi oleh kerana itu, usaha-usaha yang lebih strategik dengan perancangan jangka masa panjang dilaksanakan supaya kemudahan taman industri ini dapat disediakan dengan cukup bagi memenuhi permintaan daripada PKS yang baru. Terima kasih.

3. Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh minta Menteri Kewangan menyatakan, keterangan mengenai dana RM2 bilion mengikut skim *SME Financing Fund* dengan kadar faedah 2 peratus (*profit rate*) yang telah diumumkan dalam Bajet 2012 dan berapa banyak bank-bank yang menyertai dan syarikat-syarikat yang telah memohon. Apakah kriteria untuk mendapat pinjaman ini, jaminan yang diberikan oleh kerajaan dan setakat ini nyatakan jumlah syarikat yang telah berjaya mendapat pinjaman ini terutamanya syarikat-syarikat India.

Timbalan Menteri Kewangan II [Dato' Donald Lim Siang Chai]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Skim Pembiayaan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) patuh syarat merupakan satu skim yang diwujudkan oleh kerajaan bertujuan untuk memberi bantuan pembiayaan secara *Islamic* kepada syarikat PKS yang layak bagi mengembangkan aktiviti perniagaan. Dana ini diselenggarakan oleh *SME Corporation* dengan kerjasama Persatuan Institusi Perbankan Islam Malaysia (AIBIM).

Skim pembiayaan PKS ini mempunyai dana RM2 bilion yang disediakan oleh 13 buah institusi kewangan Islam yang mengambil bahagian antaranya ialah Bank Islam Malaysia Berhad, Bank Muamalat Malaysia Berhad, Maybank Islamic Berhad dan CIMB Islamic Bank Berhad. Di antara syarat-syarat utama skim pembiayaan ini ialah syarikat PKS mestilah sekurang-kurangnya 60 peratus milik rakyat Malaysia. Jumlah pembiayaan maksimum ialah RM5 juta dan tujuan pembiayaan untuk membiayai modal kerja pembelian aset atau untuk menaikkan taraf perniagaan.

Tempoh pembiayaan sehingga lima tahun dan kadar faedah mengikut kadar semasa yang ditetapkan oleh institusi kewangan Islam yang mengambil bahagian manakala kerajaan akan menyediakan bantuan kadar keuntungan sebanyak 2 peratus setahun bagi meringankan kos pembiayaan yang ditanggung oleh syarikat PKS. Proses pemberian pinjaman dan kelulusan pembiayaan bagi skim ini adalah mengikut amaran semasa institusi kewangan Islam yang terlibat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, skim ini baru sahaja dilancarkan pada 24 April 2012 bulan lepas yang lalu di Bachok, Kelantan. Syarikat PKS bolehlah menghubungi institusi kewangan Islam yang mengambil bahagian untuk mendapatkan kemudahan pembiayaan pinjaman ini. Sekian.

Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana memberi penjelasan. Saya berpendapat skim-skim seperti ini memanglah bagus, daripada penjelasan nampak seperti terdapat banyak skim.

Akan tetapi apabila kita turun ke peringkat akar umbi PKS ataupun SME memberi *feedback* kepada kita semua dengan izin, bahawa skim-skim ini tidak sampai kepada mereka. Saya pun tidak tahu kenapa tetapi saya rasa nombor satu *guideline* apabila kerajaan – dana ini daripada kerajaan, tetapi tiap-tiap institusi dia mempunyai *guideline* yang berlainan.

Dia tidak sama. Nombor satu institusi ini dia tidak hendak mengambil risiko. Dia kalau boleh hendak pinjam kepada mereka yang biasa sudah kenal. Kalau dia pinjam RM500,000 dulu dia hendak pinjam balik RM3 juta pada orang yang sama. Jadi saya hendak tanya kepada kerajaan, sama ada nombor satu apabila kita skim ini skim yang baru. Memang skim yang bagus yang baru dilancarkan pada 24 April sama ada kementerian akan menubuhkan satu badan bukan seperti Bank Negara yang hanya monitor berapa banyak yang dikeluarkan tetapi satu badan yang betul-betul tengok siapa yang mendapat dan siapa yang ditolak.

Kalau mereka yang ditolak pinjaman ini, bolehkah mereka merayu kepada badan ini?...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tambah soalan tambahan itu *you* ringkaskan.

Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh: Okey, itu sahaja. Adakah kita hendak buat satu badan untuk monitor betul-betul? Ini kerana memang Tuan Yang di-Pertua, perkara yang begitu hebat sekali di akar umbi. Terima kasih.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh dan bangkit isu syarikat PKS tidak dapat *loan* dari bank-bank. Untuk makluman Yang Berhormat, isu ini bukan baru. Isu ini memang seperti yang kita tahu syarikat yang ada perniagaan yang baik, pentadbiran yang baik dalam bidang *business* yang boleh dapat keuntungan memang bank-bank akan beri bantuan.

■ 1040

Saya diberitahu oleh Bank Negara bahawa untuk setiap bulan, *loan* atau wang yang bagi pinjaman untuk syarikat untuk *business loan*, tiap-tiap bulan pun ada peningkatan yang dua digit. Untuk bulan Mac tahun 2012 ini pertumbuhan 10.8 peratus, bulan Februari 10.6 peratus, bulan Januari 10.7 peratus tiap-tiap bulan ada peningkatan dan kes-kes yang spesifik kita boleh rujuk kepada saya lah, kita akan bantu mereka. Memang isu ini bukan sahaja Kementerian Kewangan hendak tahu, memang Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri mereka pun ada tengok isu ini dan seperti yang kita tahu SME Corp memang mereka selalu memantau isu ini. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Pertanyaan yang kedua dipersilakan Yang Berhormat Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah.

Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya amat bersetujulah dengan pandangan sahabat saya Yang Berhormat Dato' Jaspal Singh. Sebenarnya RM2 bilion yang dilancarkan ini satu langkah yang patut kita puji walaupun angkanya tidak besar, tidak besar sebenarnya tetapi kita harus puji kerana ia akan memudahkan IKS untuk mendapatkan sumber kewangan sebagai modal pusingan yang baru. Saya rasa dan mohon penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri juga ianya akan lebih mendapat manfaat daripada IKS kalau sekiranya tabungan ini ataupun *fund* ini dapat disalurkan ataupun dikeluarkan melalui badan-badan seperti CGC yang memberi jaminan untuk pinjaman-pinjaman tersebut. Ini kerana sebagaimana yang disebutkan tadi kalau 13 bank terlibat dengan dasar-dasar pinjaman mereka yang tersendiri sudah tentu ini sedikit sebanyak menimbulkan kesulitan kepada peminjam-peminjam. Adakah kerajaan bercadang untuk mengeluarkan dana-dana yang baru melalui CGC di samping apa yang telah ada hari ini untuk masa akan datang? Terima kasih.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Mohammed Najeeb atas pandangan supaya program-program yang lain kita ambil. Memang program yang baru kita lancar ini adalah untuk membantu syarikat PKS. Seperti yang kita sedia maklum, PKS memainkan peranan yang besar untuk segi pekerjaan, dari segi *business* dan juga ekonomi kita. Memang dari semasa ke semasa kita akan adakan program seperti yang ini RM2 bilion memanglah satu angka yang memang kalau kira bukannya besar tetapi kita haraplah sedikit sebanyak boleh bantu syarikat PKS.

CGC ada program yang tersendiri dan kita memang akan tambah program yang lain dalam masa akan datang. Sekian.

4. Datuk Chin Su Phin minta Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan menyatakan, apakah langkah-langkah terbaru pihak kementerian dalam membendung aktiviti penipuan perniagaan berasaskan internet yang semakin menjadi-jadi dan adakah pihak kementerian bercadang mewajibkan para peniaga di *internet* mendaftarkan perniagaan mereka di Suruhanjaya Syarikat Malaysia.

Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan I [Dato' Joseph Salang anak Gandum]: Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Chin Su Phin atas pertanyaan yang dikemukakan. Selamat pagi, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, penyediaan laman-laman web termasuklah laman web berasaskan perniagaan tidak perlu dilesenkan di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 atau Akta 588. Namun aktiviti yang dijalankan melalui medium ini masih tertakluk kepada semua undang-undang negara yang berkaitan. Bidang kuasa Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) merangkumi penyiasatan ke atas laman web yang melakukan kesalahan di bawah seksyen 211, dan 233 Akta 588.

Internet adalah satu platform perantaraan yang mempunyai pelbagai fungsi dan peranan. Aktiviti penipuan perniagaan secara asasnya adalah satu kesalahan jenayah. Sebagai langkah pencegahan, SKMM turut memainkan peranan dalam mendidik para pengguna *internet* mengenai cara-cara untuk menjamin keselamatan diri serta memastikan kesahihan sesuatu aktiviti perniagaan yang dijalankan dalam talian melalui kempen Klik Dengan Bijak yang diadakan dari semasa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, perniagaan melalui medium *internet* adalah dikawal selia melalui Akta Perdagangan Elektronik 2006 di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK). Kementerian tersebut sedang dalam proses untuk menyemak semula Akta Perdagangan Elektronik 2006 bagi menambah keyakinan pengguna untuk menjalankan transaksi perniagaan dalam talian. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dipersilakan soalan tambahan Datuk Chin Su Phin.

Datuk Chin Su Phin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya ialah adakah kerajaan bercadang untuk bekerjasama dengan Kementerian Dalam Negeri dalam mewujudkan satu badan khas peringkat kebangsaan khusus bagi mencegah penipuan perniagaan seperti yang dilaksanakan Kerajaan UK di mana pada tahun 2008 mereka telah menubuhkan *National Fraud Strategy Authority*. Badan ini berfungsi bukan sahaja mencegah penipuan Internet secara menyeluruh malahan memberi penekanan kepada aktiviti penipuan yang paling kerap berlaku sekali gus dalam melindungi ekonomi mereka daripada kesan penipuan perniagaan yang semakin meningkat ketika ini. Terima kasih.

Dato' Joseph Salang anak Gandum: Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Chin Su Phin. Tuan Yang di-Pertua, maklumat yang diutarakan oleh Yang Berhormat Senator tadi adalah maklumat yang saya anggap sebagai penting dan boleh kita pelajari daripada negara tersebut. Sebagaimana yang kita telah maklum bahawa Kerajaan Malaysia adalah kerajaan yang terbuka dan sentiasa mengambil iktibar dari mana-mana pun yang boleh kita pelajari dari segi bagaimana kita boleh membuat penambahbaikan kepada yang telah sedia ada. Apa yang diutarakan oleh Yang Berhormat saya fikir boleh kita pelajari dan mungkin kita boleh perbaiki lagi supaya ianya dapat mengatasi gejala yang semakin berleluasa di negara kita. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi, tambahan yang kedua.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, kita difahamkan daripada laporan terkini bahawa *digital advertising* ataupun iklan melalui digital ini telah mencapai tahap 70 peratus daripada perkara yang mempengaruhi pelanggan seluruh dunia. Jadi, saya ingin tanya kepada pihak kerajaan, apakah kerajaan telah pun membuat peraturan-peraturan khusus di bawah Akta Perdagangan Elektronik khususnya untuk memastikan semua agensi-agensi yang terlibat dengan perkara digital dan membuatkan peraturan yang spesifik berkenaan dengan peraturan untuk pemasaran barang-barang melalui cara-cara digital.

Ini kerana perkara ini kalau tidak dibuat secara tegas ianya akan menyebabkan berlakunya penipuan yang lebih berleluasa pada masa depan? Itu yang pertama.

Kedua berapakah pendapatan yang telah pun dijanakan oleh industri melalui cara-cara yang berkaitan dengan pengiklanan melalui Internet ini dan sekarang ini berapa banyakkah kes yang telah pun dilaporkan di peringkat Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan berkenaan dengan kes-kes yang melibatkan penipuan *internet*? Terima kasih.

■ 1050

Dato' Joseph Salang anak Gandum: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Tuan Yang di-Pertua, kementerian kami iaitu Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan adalah kementerian yang menyediakan perkhidmatan kepada mana-mana pihak dalam perniagaan atas talian dan kementerian melalui SKMM hanya memantau apa yang dianggap sebagai salah guna. Sekiranya ada aduan, maka kementerian melalui SKMM akan menyiasat. walau bagaimanapun, berkenaan pemantauan perniagaan-perniagaan atau pun pendapatan yang diperoleh oleh peniaga-peniaga itu adalah di bawah seliaan kementerian-kementerian yang lain.

Sebagai analogi, kementerian kami adalah satu kementerian yang menyediakan *highway*, tetapi bagaimanakah *highway* tersebut digunakan kelak, itu adalah di bawah tanggungjawab kementerian-kementerian yang lain dan memang benar apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Senator atau dikatakan oleh Yang Berhormat Senator. Kementerian kami memang sentiasa bekerjasama, bekerja rapat dengan semua kementerian-kementerian yang terlibat dalam menggunakan perkhidmatan *internet* dan ini merupakan satu perkara yang baru dan kita sentiasa mencari jalan mengatasi masalah atau pun bagaimana kita boleh memanfaatkan rakyat kita dengan perkhidmatan yang ada lebih lagi dari apa yang kita sedang lakukan sekarang. Terima kasih.

5. Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg minta Menteri Pelajaran menyatakan, keputusan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun 2011 baru-baru ini menunjukkan banyak jurang perbezaan di antara sekolah-sekolah di kawasan bandar dengan sekolah-sekolah di kawasan pedalaman. Apakah nisbahnya dan punca utama yang menyebabkan jurang yang ketara itu yang terdapat di Sarawak.

Timbalan Menteri Pelajaran I [Datuk Dr. Wee Ka Siong]: Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya, pencapaian calon SPM tahun 2011 menunjukkan peningkatan berbanding tahun 2010. Berdasarkan Gred Purata Nasional, pencapaian calon bandar bertambah baik sebanyak 0.22 mata iaitu daripada 4.89 pada tahun 2010 kepada 4.67 pada tahun 2011. Pencapaian calon luar bandar pada tahun 2011 juga bertambah baik sebanyak 0.13 mata iaitu daripada 5.52 pada tahun 2010 kepada 5.39 pada tahun 2011. Manakala prestasi keseluruhan bagi negeri Sarawak juga menunjukkan peningkatan sebanyak 0.19 mata iaitu daripada gred purata negeri 5.58 pada tahun 2011 kepada 5.39 pada tahun 2010. Berdasarkan kepada Gred Purata Mata Pelajaran (GPMP), sekolah luar bandar di Sarawak telah menunjukkan peningkatan prestasi dalam 13 mata pelajaran.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Lembaga Peperiksaan Malaysia telah membuat satu analisa keputusan SPM 2010 dan 2011 bagi sekolah bandar dan sekolah luar bandar di Sarawak. Kita mengakui bahawa secara tradisinya memang terdapat jurang perbezaan di antara sekolah bandar dan sekolah luar bandar dari segi pencapaian Gred Purata Mata Pelajaran. Berdasarkan keputusan SPM 2010 dan 2011, jurang GPMP sekolah bandar dan sekolah luar bandar ada subjek-subjek tertentu yang melebihi 1.0 seperti Bahasa Inggeris (BI), Matematik, Matematik Tambahan, Fizik, Biologi dan Prinsip Perakaunan.

Akan tetapi untuk makluman Dewan yang mulia ini, sekolah luar bandar di Sarawak telah mula merapatkan jurang prestasi mata pelajaran antara sekolah bandar dengan sekolah luar bandar. Mata pelajaran tersebut adalah Pendidikan Moral, Sains, Fizik, Kimia, Kesusasteraan Melayu, Geografi, Prinsip Perakaunan dan Ekonomi Asas. Kementerian tidak menafikan terdapat kekangan yang dihadapi oleh murid-murid luar bandar khususnya di kawasan-kawasan pedalaman untuk mendapatkan akses pendidikan seperti pelbagai kemudahan yang diperoleh di bandar.

Sehubungan itu, Kementerian Pelajaran sentiasa berusaha menyediakan pelbagai kelengkapan khususnya kemudahan asas agar peluang pembelajaran dapat dirasakan seperti mana dinikmati murid-murid di kawasan bandar. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Soalan tambahan. Yang Berhormat, ada apa-apa?

Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg: Ada. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan tadi. Saya ada membuat cadangan baru-baru ini dalam perbincangan Titah Diraja. Soalan tambahan, masih kah wujud masalah kekurangan guru di Sarawak sekarang? Ini kerana saya ada membuat cadangan supaya kalau boleh pengambilan untuk guru-guru pelatih digalakkan anak-anak Sarawak yang berkecukupan agar di beri tempat di institusi latihan guru di Sarawak. Terima kasih.

Datuk Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab pertanyaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator tadi, saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa Kementerian Pelajaran mempunyai dasar pengambilan yang juga memberi fokus kepada negeri Sabah dan Sarawak. Dengan erti kata yang lain, dalam dasar pengambilan pelajar ke IPGM iaitu Institut Pendidikan Guru, kita mengambil kira faktor ini. Khususnya di Sarawak, kita mempunyai perancangan di mana kita berikan satu kuota yang cukup besar kepada pelatih-pelatih atau bakal pelatih dari negeri Sarawak, tetapi dengan syarat ia mestilah memenuhi syarat-syarat kemasukan seperti mana yang ditentukan oleh MQA. Ini kerana kalau kita hendak beri ijazah kepada seseorang, syarat-syarat minima itu perlu dipenuhi. Jadi, kita memberi satu kuota yang cukup kepada negeri Sarawak.

Pada waktu yang sama juga, Yang Berhormat Senator membangkitkan tentang kekurangan guru. Ingin saya memaklumkan kepada Yang Berhormat Senator mungkin dalam konteks sekolah menengah. Baru-baru ini satu pengumuman telah dibuat oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pelajaran di mana kita akan menghantar 4,900 orang yang telah menamatkan pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda Pendidikan dari semua IPTA untuk dihantar ke sekolah menengah. Kebanyakannya ke sekolah menengah dan ini dapatlah sekali gus menyelesaikan masalah kerana sebelum itu kita gunakan perkhidmatan guru interim yang mana guru interim pun sebahagian besarnya datangnya daripada graduan ISMP ini.

Jadi, sekarang dengan adanya tindakan yang diambil dan mereka akan mula bertugas pada penghujung bulan Mei. Setelah mereka dihantar ke sana, saya yakinlah masalah yang dihadapi oleh Sarawak seperti mana yang pernah dibangkitkan di Dewan Rakyat dapat diselesaikan dengan lebih baik. Saya bagi jaminan bahawa dengan penghantaran guru yang ramai sekali ke Sarawak ini, ia pasti dapat meredakan keadaan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Bagus Yang Berhormat. Jawapan bagus, jelas. Sekarang silakan Yang Berhormat Senator Puan Chew Lee Giok.

Puan Chew Lee Giok: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin kemukakan soalan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Apakah kaedah atau pun tindakan yang lebih berkesan yang akan diambil oleh Kementerian Pelajaran bagi mengurangkan jurang perbezaan keputusan SPM antara sekolah-sekolah luar bandar dan sekolah-sekolah di bandar? Terima kasih.

Datuk Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya kalau kita melihat secara umumnya, kita memang ada satu strategi untuk menangani atau merapatkan jurang perbezaan dari segi pendidikan yang diterima oleh pelajar-pelajar di luar bandar dan bandar. Saya memberi contoh. Untuk memberi akses pendidikan yang baik kepada sekolah-sekolah pedalaman, di bawah sistem kita, kita wujudkan sekolah P1, P2 dan P3 di mana guru-guru yang berkualiti ini, kita beri galakan mereka berkhidmat di kawasan pedalaman yang cukup jauh dan mereka menerima RM1,500 sebagai ganjaran tambahan. Untuk sekolah yang dikatakan sederhana dari segi tahap kesusahannya, kita beri RM1,000. Manakala untuk P1 pun kita memberikan RM500.00, itu tambahan sebagai satu untuk memastikan jangan ada guru yang dihantar ke sana mereka tidak, semua hendak balik di kawasan-kawasan pinggir bandar ataupun sekolah bandar, itu pertama.

■ 1100

Kedua jika kita merancang di kawasan Sarawak misalnya ataupun kawasan Orang Asli, kita kena menyediakan yang dikatakan hostel kepada pelajar-pelajar, kalau Yang Berhormat yang memang datangnya daripada Sarawak memang faham apa yang berlaku di Sarawak, mungkin pelajar perlu berjalan kaki lebih daripada empat jam. Kalau kita tidak memberikan satu asas pendidikan yang baik biarlah mereka berjalan dan lama-kelamaan mungkin ibu bapa sendiri pun tidak ada keyakinan.

Jadi dalam konteks ini, sejak beberapa tahun ini kita menyediakan asrama. Ada tempat-tempat yang bagi kepada ibu untuk bersama dan ini adalah contoh antara tindakan. Bukan sahaja dari segi itu, kita juga memberi galakan kepada sekolah-sekolah dan sekolah luar bandar kalau mereka ingin bertanding dari segi akademik dan misalan kantin bersihlah apa juga pertandingan kita akan membezakan antara sekolah bandar dan sekolah luar bandar supaya mereka turut dapat memenangi anugerah.

Saya memberikan satu contoh SK Ulu Lebai adalah sebuah sekolah yang jauh tetapi adalah sebuah sekolah berprestasi tinggi dan turut menerima RM700,000 setahun. Ini sebagai contoh kita memberikan galakan dan pada waktu yang sama juga kita melihat kalau kita menghantar penduduk jati, *native figure*, dengan izin, kita juga hantar ke kawasan pedalaman supaya mereka dapat menikmati kemudahan yang disediakan oleh kementerian dan baru-baru ini kementerian juga mengambil keputusan di mana 1Bestari.net. 1Bestari.net kalau kita sebelum ini membicarakan tentang ini ramai yang mengatakan, "Oh itu agak jauh macam mana kawasan pedalaman?". Saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini, 1Bestari.net untuk Sarawak kita sudah mulakan tahun ini pada bulan September sehingga tahun hadapan. Bermaksud 4G dari segi *coverage*, dari segi *internet* akan lebih laju dan untuk semua sekolah termasuk juga di kawasan-kawasan pedalaman.

Jadi jika dahulunya sekolah-sekolah ini tidak ada, kita sediakan. Saya rasa satu lagi perkara dari segi bekalan air bersih, ini di antara perkara yang kita hendak berikan tumpuan dan kita juga menyediakan bekalan elektrik yang mencukupi. Kesemuanya ini adalah antara langkah yang diambil di bawah kementerian dan dengan cara ini, saya yakin kita dapat mempertingkatkan akses pendidikan dalam kalangan pelajar-pelajar luar bandar. Terima kasih.

6. Tuan Lee Cheam Choon minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, masalah banjir kilat yang sering berlaku di sekitar kawasan bandar telah menjadi satu masalah yang perlu dihadapi oleh kebanyakan penghuni bandar. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak kementerian untuk mengatasi masalah ini

Tuan Yang di-Pertua: Timbalan Menteri Kementerian Kesihatan yang menjawab? Tidak apalah Yang Berhormat, silakan kalau sudah bersedia.

Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin]: Ya, saya mewakili Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, izinkan saya di sini. Sekarang ini sudah ada persetujuan yang dibuat tetapi saya tidak menggalakkan perkara ini berlaku selalu. Menteri dan Timbalan Menteri ada kalau tidak boleh pun, beritahu awal-awal ya.

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Saya minta maaf.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak mengapalah kalau sudah bersedia, saya hendak mendengar jawapan Yang Berhormat, silakan.

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Saya akan memaklumkan kepada kementerian Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) telah mengambil beberapa langkah untuk membantu PBT menangani isu banjir kilat di kawasan bandar. Di antara langka-langkah yang telah diambil oleh kementerian ini adalah pengeluaran surat peringatan secara berkala kepada semua Pihak Berkuasa Tempatan ataupun PBT mengenai kaedah-kaedah untuk menangani masalah banjir.

Langkah-langkah pencegahan bencana banjir yang perlu diamalkan oleh PBT termasuklah:

- (i) mengenal pasti kawasan parit dan longkang yang berisiko tinggi yang boleh menyebabkan kejadian banjir;
- (ii) membuat persediaan awal bagi mengelakkan berlakunya banjir kilat dengan menyenggarakan sistem perparitan agar bebas daripada sampah sarap dan rumput supaya aliran air tidak tersekat;
- (iii) bekerjasama dengan agensi-agensi lain seperti Jabatan Pengairan dan Saliran, Jabatan Kerja Raya dan Pejabat Daerah; dan
- (iv) keperluan PBT untuk merujuk kepada Jabatan Pengairan dan Saliran sebelum melaksanakan sebarang pembinaan infrastruktur seperti jambatan, laluan pejalan kaki yang merentasi sungai atau rizab sungai di kawasan PBT bagi mendapatkan nasihat teknikal dan kelulusan yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian ini juga melalui JKT menyediakan peruntukan pembangunan di bawah projek kecil BP1 bagi membantu PBT untuk membina dan menaiktarafkan sistem perparitan. Bagi tahun 2011, sejumlah RM96,551394.45 sen telah disalurkan kepada PBT-PBT seluruh negara bagi melaksanakan projek-projek kecil infrastruktur membina dan menaiktarafkan parit serta longkang.

Di samping itu KPKT melalui Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia (JPBD) juga telah menyediakan Garis Panduan Perancangan Kejiranan Hijau dan Garis Panduan Perancangan Taman Atas Bumbung. Garis Panduan Perancangan Kejiranan Hijau ini menggalakkan perancangan pelan susun atur yang boleh melambatkan air larian permukaan melalui aplikasi penggunaan Manual Saliran Mesra Alam Malaysia (MSMA) dan juga pelaksanaan sistem penuaian air hujan ataupun *rain water harvesting*, dengan izin.

Selain itu di bawah seksyen 12, Akta Perancangan Bandar dan Desa, Akta 172 telah memperuntukkan bahawa setiap Pihak Berkuasa Perancang Tempatan (PBPT) perlu menyediakan Rancangan Tempatan (RT) bagi kawasan di bawah pentadbiran masing-masing. Dokumen RT yang disediakan telah mengenal pasti *flood prone areas*, dengan izin, dan mencadangkan pelan-pelan mitigasi di dalam cadangan sistem saluran bagi mengatasi masalah banjir di kawasan-kawasan terlibat. Di bawah rancangan ini juga akan hanya menempatkan guna tanah bagi tujuan perumahan di lokasi-lokasi yang sesuai dan mengelakkan peletakkannya di kawasan banjir.

Bagi kawasan-kawasan banjir telah sedia ada, di zon dan dibangunkan oleh tujuan perumahan, langkah-langkah telah diambil oleh PBPT supaya kelulusan hanya diberikan kepada kediaman berkepadatan rendah seperti rumah sesebuah dan rumah berkembar. Untuk pembinaan rumah sesebuah, pemaju atau pemilik tanah boleh mereka bentuk bangunan dengan menggunakan tiang atau kaedah-kaedah seni bina yang lain bagi mengatasi apabila berlakunya banjir. Dengan adanya sistem saluran terancang terutamanya di kawasan bandar, ia sudah tentu dapat menyelesaikan masalah semasa terutamanya kawasan banjir.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu pihak PBT juga boleh merancang untuk menyediakan kolam takungan sebagai tebatan banjir. Kolam takungan ini bertindak sebagai kawasan takungan dan simpanan air sementara dari berlakunya pertambahan isi padu air yang tinggi. Ia bagi mengurangkan jumlah atau isi padu sungai di bahagian hulu sebelum aliran sungai memasuki pusat bandar sekali gus mengelakkan daripada limpahan air ataupun banjir di kawasan bandar.

Garis panduan kawasan kolam takungan sebagai sebahagian tanah lapang JPBD 4/97 telah dikeluarkan oleh kementerian sebagai panduan kepada PBT dan pemaju dalam menyediakan kolam takungan bagi mengawal banjir selain daripada dijadikan sebagai kawasan tanah lapang. Mengenai pembangunan di kawasan tadahan air, kawasan paya dan kawasan laluan air di dalam kawasan seliaan Kerajaan Tempatan, kelulusan sesuatu pembangunan berkenaan adalah di bawah penetapan kuasa kerajaan negeri dan PBT masing-masing.

Walaupun pelbagai garis panduan disediakan di peringkat persekutuan namun akhirnya adalah terpulang kepada pertimbangan kerajaan negeri untuk memberikan kelulusan atau sebaliknya. Tuan Yang di-Pertua terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, soalan tambahan Yang Berhormat Senator Tuan Lee Cheam Choon.

Tuan Lee Cheam Choon: Terima kasih di atas jawapan. Saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri daripada kementerian yang berlainan dapat menjawab soalan tambahan saya ini. Negeri Melaka dan Bandar Melaka khususnya merupakan sebuah tempat tumpuan pelancongan dan sering berlakunya banjir kilat, maka ia akan menjejaskan usaha-usaha untuk mempertingkatkan pengusahaan pelancongan di Negeri Melaka. Jadi saya ingin tahu bilakah akan dilaksanakan, dimulakan ataupun diselesaikan fasa projek bagi mengatasi banjir kilat di Negeri Melaka. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sebelum menjawab, bolehkah Yang Berhormat menjawab soalan ini? Saya rasa susah Yang Berhormat, itu sebabnya saya hendak menekankan lain kali kementerian-kementerian yang berkenaan silalah datang jawab elok-elok. Tidak payah Yang Berhormat, Yang Berhormat tidak perlu menjawab. Saya teruskan kepada soalan yang ketujuh, dipersilakan pertanyaan yang ketujuh Yang Amat Mulia Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim, silakan Yang Berhormat.

■ 1110

7. Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim minta Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan menyatakan, usaha-usaha kementerian untuk menambah minat membaca di kalangan rakyat bagi mempertingkatkan keperluan pasaran bahan ilmiah sedangkan harga buku di Malaysia mengalami harga pasaran yang lebih tinggi jika dibandingkan dengan negara jiran seperti Indonesia.

Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan I [Dato' Joseph Salang anak Gandum]: Terima kasih Yang Berhormat Mulia Tunku atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua, penentuan harga buku ilmiah adalah berdasarkan kepada faktor penawaran dan permintaan bahan tersebut mengikut pasaran semasa. Secara perbandingan, harga buku di Indonesia adalah lebih rendah berbanding harganya di Malaysia disebabkan faktor-faktor antaranya seperti berikut:

- (i) permintaan atau saiz pasaran terhadap buku yang lebih tinggi;
- (ii) keupayaan syarikat-syarikat penerbitan menggunakan teknologi penerbitan terkini; dan
- (iii) kualiti kandungan dan fizikal buku yang diterbitkan.

Tuan Yang di-Pertua, usaha-usaha untuk meningkatkan minat membaca rakyat Malaysia sebagai salah satu cara bagi menyokong perkembangan industri buku negara yang dilaksanakan oleh kementerian ini adalah seperti:

- (i) mengadakan Program Galakan Membaca dengan pelbagai pihak bagi meningkatkan minat membaca masyarakat yang secara tidak langsung dapat menggalakkan masyarakat untuk membeli buku;
- (ii) meningkatkan ketersediaan prasarana untuk pembacaan masyarakat seperti membina perpustakaan awam dan perpustakaan desa di seluruh negara;
- (iii) memperluaskan capaian perkhidmatan perpustakaan secara konvensional dan elektronik bagi memudahkan masyarakat mendapat bahan bacaan secara mudah, cepat dan tepat tanpa sempadan, masa dan lokasi;
- (iv) menyediakan dana penulis dan dana industri kreatif untuk menggalakkan lebih banyak penerbitan buku ilmiah oleh penulis tempatan; dan

- (v) menyediakan bank buku di tempat-tempat umum seperti stesen pengangkutan awam dan kemudahan perpustakaan komuniti di pusat membeli belah.

Terima kasih.

Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri kerana jawapan itu. Soalan tambahan saya, apakah cara usaha yang dilakukan oleh kerajaan untuk menambah lagi? Saya faham sekarang sudah banyak perpustakaan, adakah usaha hendak menambahkan lagi perpustakaan bukan sahaja di bandar-bandar tetapi di kampung-kampung kita. Terima kasih.

Dato' Joseph Salang anak Gandum: Terima kasih Yang Berhormat Mulia Tunku. Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu pertanyaan yang memang tepat dari segi permintaan dari Yang Berhormat-Yang Berhormat lebih-lebih lagi Yang Berhormat Ahli Dewan Rakyat iaitu bukan hanya menambahkan lagi jumlah perpustakaan desa tetapi juga menaik taraf lagi kualiti perpustakaan tersebut.

Oleh yang demikian, kerajaan melalui kementerian kami memang sentiasa berunding dan bekerjasama dengan kerajaan-kerajaan negeri lebih-lebih lagi dari segi mendapatkan tapak untuk pembinaan perpustakaan desa. Ini dari tahun ke setahun, permintaan memang bertambah Yang Berhormat Mulia Tunku dan ini adalah satu-satunya petunjuk yang baik bahawa lebih ramai rakyat kita ingin mendapatkan kemudahan pembacaan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menambah soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Mulia Tunku Abdul Aziz tadi. Adakah kementerian bercadang untuk menggalakkan lagi industri buku ilmiah ini? Pertamanya, untuk menambah subsidi penerbitan buku. Tadi ada disebut tentang subsidi penulisan, saya faham. Akan tetapi di samping subsidi menulis buku, saya rasa perlu juga ada subsidi penerbitan buku. Kemudian, di samping itu perlu juga ada subsidi untuk kegiatan-kegiatan perbincangan buku sama ada di perpustakaan-perpustakaan, di radio dan televisyen sendiri dan juga subsidi untuk mengiklankan buku seluas mungkin. Jadi, inilah antara bentuk-bentuk subsidi yang harus difikirkan untuk menggalakkan penyebaran dan penerbitan dan pembacaan buku-buku ilmiah ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Joseph Salang anak Gandum: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus. Tuan Yang di-Pertua, pertanyaan Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus tadi adalah lebih elok sekiranya dikatakan cadangan.

Ini adalah cadangan yang saya anggap sebagai sangat-sangat bernilai dan kementerian memang mengalu-alukan cadangan ataupun secara pertanyaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus tadi. Ini saya percaya adalah satu-satunya jalan bagaimana kita boleh memperbanyakkan lagi bahan bacaan berbentuk buku ilmiah dan salah satu cara kita memperbanyakkan lagi penulis-penulis yang ingin menulis buku yang lebih mendalam dari segi kandungannya dari apa yang kita ada sekarang.

Sebagaimana yang telah saya katakan tadi, subsidi memang ada tetapi mungkin tidak mencukupi bukan hanya dari segi pembelian iaitu sebagaimana yang kita tahu, pembelian terus daripada penulis-penulis pun ada. Itu adalah sebagai satu subsidi tetapi apa yang mungkin perlu kita lakukan ialah menambahkan lagi jumlah subsidi yang kita beri kepada penulis-penulis tersebut supaya harga buku tidak begitu tinggi dan oleh yang demikian mampu dibeli oleh pembaca-pembaca.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya telah katakan dalam jawapan awal saya tadi iaitu misalnya program bank buku. Ini adalah satu tindakan yang mungkin boleh memudahkan lagi pembaca-pembaca berkongsi buku pembacaan iaitu misalnya setelah seseorang membaca, ia boleh tinggalkan buku itu di bank-bank buku tersebut dan pembaca yang lain boleh berkongsi menggunakan bahan tersebut. Ini baru sahaja dilancarkan dan saya percaya ia akan berkembang pesat. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

8. Puan Chew Lee Giok minta Menteri Kesihatan menyatakan, perbandingan perkhidmatan kesihatan awam yang disediakan oleh kerajaan di Malaysia berbanding dengan negara-negara ASEAN yang lain.

Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Puan Chew Lee Giok dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, perbandingan kemajuan perkhidmatan kesihatan awam sesebuah negara boleh dibuat melalui pengukuran beberapa indikator kesihatan utama.

Kajian oleh sekumpulan penyelidik yang diterbitkan dalam jurnal *The Lancet*, volume 377, dengan izin, bertarikh 29 Januari 2011, telah menyenaraikan Malaysia di tangga ketiga teratas dari kelompok sepuluh buah negara ASEAN selepas Brunei dan Singapura pada tahun 2010.

■ 1120

Mengikut Jabatan Perangkaan Malaysia, jangka hayat semasa lahir bagi lelaki adalah 71.7 tahun dan perempuan adalah 76.1 tahun. Kadar kematian bayi pada tahun 2009 adalah seramai 6.9 orang bagi seribu kelahiran hidup. Nisbah kematian ibu atau MMR pada tahun 2009 pula adalah seramai 27 orang bagi 100,000 kelahiran hidup dan kadar kematian kanak-kanak di bawah lima tahun pada tahun yang sama adalah seramai 8.5 orang bagi seribu kelahiran hidup. Bagi indikator yang sama, negara Thailand, Filipina, Indonesia, Vietnam, Laos, Kemboja dan Myanmar kesemuanya menunjukkan pencapaian lebih rendah berbanding tiga negara ASEAN di atas.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi tahap kecekapan pengurusan perkhidmatan kesihatan, pada tahun 2008, perbelanjaan kesihatan per kapita yang paling tinggi di kalangan negara ASEAN dibelanjakan oleh Singapura iaitu sebanyak USD1,404 per kapita diikuti oleh Brunei sebanyak USD834 per kapita dan Malaysia adalah di tempat yang ketiga dengan perbelanjaan sebanyak USD353 per kapita. Perbelanjaan kesihatan yang paling rendah dalam tempoh yang sama ialah Myanmar iaitu sebanyak USD12 per kapita.

Pada tahun 2008, pembiayaan oleh kerajaan merupakan sumber utama bagi membiayai perkhidmatan kesihatan iaitu di Brunei, 85.5 peratus; Thailand, 74 peratus; Indonesia, 54.4 peratus; dan Malaysia, 54 peratus. Bagi negara-negara ASEAN yang lain, sumber utama pembiayaannya adalah dari sumber swasta termasuklah dari insurans kesihatan swasta, sumbangan pihak majikan, wang saku dan simpanan persendirian. Bagi menampung keperluan kesihatan pada tahun 2008, Thailand membelanjakan sebanyak 14 peratus dari keseluruhan perbelanjaan kerajaannya untuk tujuan tersebut diikuti dengan Vietnam, 9.3 peratus; Kemboja, 9 peratus; Singapura, 7.8 peratus; dan Malaysia adalah negara ketiga terendah sebanyak 4.1 peratus mengatasi Laos dan Myanmar.

Tuan Yang di-Pertua, dalam mengurangkan kejadian penyakit berjangkit, Malaysia lebih maju ke hadapan jika dibandingkan dengan pencapaian negara-negara sedang membangun lain di peringkat ASEAN. Buktinya, Malaysia telah pun mencapai sasaran *Millennium Development Goal* atau MDG untuk mengurangkan insiden malaria menjelang tahun 2015.

Pada tahun 1990, insiden kes malaria adalah 289.5 per 100,000 penduduk dan kadar ini menurun kepada 18.6 per 100,000 penduduk pada tahun 2011. Kadar kematian malaria juga telah mencapai sasaran hampir sifar iaitu kurang daripada 0.2 per 100,000 penduduk sejak tahun 1992. Malaysia juga dijangkakan akan mencapai sasaran MDG bagi menurunkan kadar jangkitan HIV kepada 11 orang bagi setiap 100,000 penduduk menjelang tahun 2015. Pelaksanaan aktiviti-aktiviti di bawah perkhidmatan kesihatan awam telah menunjukkan kejayaan dalam menurunkan kadar HIV baru dari kadar 21.7 orang bagi setiap 100,000 penduduk pada tahun 2000 kepada 12.2 orang pada tahun 2011.

Bagi penyakit tibi pula, kadar pengesanan kes ataupun *case detection rate* (CDR) dengan izin, telah meningkat dari 51 peratus pada tahun 1990 kepada 84 peratus pada tahun 2011. Kadar sembuh tibi juga menunjukkan peningkatan trend daripada 69 peratus pada tahun 1995 kepada 79 peratus pada tahun 2011. Terima kasih.

Puan Chew Lee Giok: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri. Soalan saya, berapakah jumlah perbelanjaan kewangan untuk perkhidmatan kesihatan awam di Malaysia mengikut pecahan negeri?

Mengapa kerajaan tidak bercadang untuk melabelkan atau mencatatkan harga-harga ubat pada ubat-ubat yang diedarkan kepada pesakit-pesakit? Terima kasih.

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Terima kasih Yang Berhormat di atas soalan tambahan. Yang Berhormat, saya memohon izin untuk menjawab persoalan mengenai jumlah perbelanjaan keseluruhan untuk kesihatan awam bagi tahun 2011 adalah RM2.8 bilion, sementara perbelanjaan ubat keseluruhan Kementerian Kesihatan Malaysia adalah sebanyak RM1.7 bilion. Bagi menjawab persoalan Yang Berhormat mengikut pecahan negeri, *insya-Allah* saya akan berikan secara bertulis.

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Tadi disebut bahawa Malaysia menduduki tangga ketiga dalam konteks ASEAN. Bagaimanakah pula kedudukan Malaysia dalam konteks Asia dan dunia? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, bolehkah itu?

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Yang Berhormat bertanyakan mengenai perkhidmatan kesihatan awam ya. Okey, saya juga akan memberikan jawapan secara bertulis, Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, soalan Yang Berhormat itu terlalu spesifik, Yang Berhormat. Agaknya Yang Berhormat tolong beritahu. Okey.

Puan Chew Lee Giok: Tuan Yang di-Pertua, tadi soalan saya yang satu lagi belum dijawab.

Tuan Yang di-Pertua: Okey, cukup, cukup Yang Berhormat, cukup, cukup. Sudah *clear* sudah. / dengar apa yang *you* soal tadi, sudah jawab sudah.

9. Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan, apakah kebaikan dan manfaat pembinaan kilang pemprosesan nadir bumi, dan adakah kebaikannya lebih banyak berbanding dengan keburukannya yang kita semua sedia maklum.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri I [Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir]: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Dr. S. Ramakrishnan dipecahkan kepada dua bahagian. Saya akan hanya menjawab soalan bahagian kedua untuk mengelak daripada berlaku *subjudice* kepada perbincangan yang sedang berlaku di peringkat Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen dan mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, projek pemprosesan nadir bumi merupakan industri yang strategik memberi faedah kepada negara kerana:

- (i) Malaysia akan menjadi satu-satunya negara di Asia Tenggara yang menghasilkan bahan mentah atau input yang penting bagi keluaran berteknologi tinggi seperti *compact fluorescent lamp*, *auto catalytic converter*, *flat panel display*, *disk drive* dan *super magnet for renewable energy industry*, dengan izin;
- (ii) mewujudkan peluang pekerjaan setelah kilang beroperasi serta peluang pekerjaan daripada *spin-off* industri hulu ada dan industri hiliran yang baru;
- (iii) meningkatkan pendapatan pertukaran mata asing negara;
- (iv) pemindahan teknologi dengan menyediakan latihan kepada pekerja-pekerja tempatan;
- (v) menggalakkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan;
- (vi) pembelian bahan mentah tempatan;
- (vii) menjana aktiviti ekonomi daripada perkhidmatan tempatan dan penggunaan utiliti seperti elektrik dan air;

- (viii) *spin-off*, dengan izin, kepada industri huluan tempatan seperti kilang baru asid sulfurik dan perluasan industri asid hidroklorik; dan
- (ix) potensi untuk menarik pelaburan baru terutama dari sektor hiliran berteknologi tinggi yang menggunakan nadir bumi sebagai bahan mentah atau *input*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, bagi memastikan keselamatan dan kesihatan orang awam sentiasa terpelihara, kelulusan projek nadir bumi adalah tertakluk kepada pengawasan dan kawalan dua akta iaitu:

- (i) Akta Pelesenan Tenaga Atom 1984 di bawah LPTA; dan
- (ii) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1970 di bawah Jabatan Alam Sekitar.

Ini bermakna lesen yang akan dikeluarkan kepada syarikat pemprosesan nadir bumi pada bila-bila masa sahaja boleh ditarik balik dan operasi diberhentikan dengan serta-merta jika syarikat melanggar mana-mana syarat yang telah ditetapkan di bawah kedua-dua akta tersebut dan peraturan-peraturannya yang berkaitan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan projek nadir bumi adalah ditentukan berdasarkan fakta saintifik dan teknikal bahawa ianya adalah ditentukan dari segi keselamatan dan tidak membahayakan kesihatan orang awam serta tidak menjejaskan alam sekitar.

■ 1130

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Timbalan Menteri. Pelaburan ini bukan pelaburan yang biasa. Ini luar biasa, khususnya bahan yang diproses, khususnya ialah pelupusan sisa-sisa radioaktif yang bakal dihasilkan semasa kilang itu beroperasi. Kalau begitu banyak kebaikan, kenapa Australia tidak mahu syarikat itu beroperasi di Australia? Mungkin ada sebabnya dan bagaimanakah kita negara yang kecil boleh melupakan sisa-sisa radioaktif memandangkan banyak bantahan di tempatan, di sekeliling dan di Australia juga. Sehingga sekarang tidak ada satu jawapan yang teliti.

Tuan Yang di-Pertua: Cukup Yang Berhormat.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Itu soalan saya. Terima kasih.

Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir: Terima kasih di atas soalan tadi Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya nyatakan tadi saya ingin mengelak daripada berlakunya *sub judice* untuk menjawab soalan yang khusus kepada isu Lynas. Akan tetapi apa yang telah dimaklumkan oleh pihak Lynas bahawa keputusan untuk tidak mengadakan operasi yang sama di Australia adalah keputusan syarikat sendiri bukannya larangan daripada pihak kerajaan Australia.

Keduanya, di Malaysia ini kita mempunyai *cluster* industri kimia yang dapat membantu pembekalan dari segi bahan-bahan yang diperlukan kepada kilang nadir bumi. Kita merupakan negara yang berdekatan dengan pasaran iaitu China, Jepun, Korea Selatan dan Taiwan, terima kasih.

[Timbalan Yang di-Pertua (Puan Doris Sophia ak Brodi) mempengerusikan Mesyuarat]

Timbalan Yang di-Pertua: Memandangkan tidak ada soalan tambahan kedua, kita teruskan kepada soalan kesepuluh, Puan Hajah Rohani binti Abdullah. Silakan Yang Berhormat.

10. Puan Hajah Rohani binti Abdullah minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, adakah kerajaan bercadang mewujudkan pondok polis di setiap tanah rancangan FELDA dan nyatakan nisbah bilangan anggota polis berbanding jumlah penduduk di Tanah Rancangan FELDA serta nyatakan langkah-langkah kerajaan bagi membendung kegiatan jenayah yang semakin meningkat di kawasan Tanah Rancangan FELDA masa kini.

Timbalan Menteri Dalam Negeri II [Dato' Lee Chee Leong]: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Puan Hajah Rohani binti Abdullah yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat Senator di dalam Dewan yang mulia ini statistik daripada FELDA menunjukkan terdapat sebanyak 317 buah tanah rancangan FELDA yang ada di seluruh negara, yang mana sembilan tanah rancangan tersebut mempunyai balai polis dan 42 Tanah Rancangan FELDA mempunyai pondok-pondok polis dengan keanggotaan seramai 219 pegawai dan anggota polis. Ingin saya jelaskan juga, bagi kawalan keselamatan di FELDA ini, selain daripada penugasan dibuat oleh anggota polis biasa, ianya juga dilaksanakan oleh polis bantuan yang setakat ini berjumlah seramai 2,942 pegawai dan anggota di seluruh tanah rancangan FELDA.

Anggota polis bantuan ini mempunyai kuasa-kuasa polis serta membolehkan mereka membawa senjata api semasa melaksanakan tugas-tugas di dalam kawasan yang ditetapkan. Berdasarkan kepada jumlah kekuatan polis biasa dan polis bantuan FELDA yang ada di tanah rancangan FELDA kini, nisbah anggota polis berbanding jumlah penduduk FELDA adalah bersamaan dengan 1:506 iaitu seorang anggota polis bagi setiap 506 orang penduduk FELDA. Namun demikian nisbah ini tidak menggambarkan nisbah secara tepat yang mana terapat juga rancangan-rancangan FELDA yang terletak di dalam kawasan pentadbiran daerah polis yang berhampiran. Pada masa kini kerajaan tidak bercadang untuk mewujudkan pondok-pondok polis di setiap tanah rancangan FELDA memandangkan peranan yang dimainkan oleh polis bantuan oleh FELDA tersebut cukup berkesan. Walau bagaimanapun, kerajaan akan mempertimbangkan sekiranya terdapat keperluan di masa hadapan untuk mewujudkan pondok-pondok polis atau balai polis mahupun daerah polis di setiap tanah rancangan FELDA.

Bagi menjamin keselamatan ketenteraman awan, kementerian menerusi Polis Diraja Malaysia telah mengambil langkah-langkah proaktif untuk mengurangkan jenayah di seluruh negara melalui pendekatan seperti berikut:

- (i) melaksanakan tindakan pencegahan jenayah secara bersepadu dengan melibatkan agensi-agensi kerajaan yang berkaitan seperti pihak berkuasa tempatan, Agensi Antidadah Kebangsaan, RELA dan Jabatan Pertahanan Awam;
- (ii) meningkatkan rontaan di kawasan yang kerap berlaku jenayah. Kehadiran polis atau *omnipresence* dipertingkatkan dengan bantuan anggota tambahan dari RELA dan JPAM;
- (iii) mengadakan operasi secara berterusan secara sepanjang tahun bagi mengurangkan kadar jenayah;
- (iv) melakukan penambahbaikan terhadap sistem komunikasi PDRM bagi memastikan PDRM dapat memberikan *responds time* yang lebih pantas kepada jenayah yang berlaku;
- (v) mengadakan kerjasama antara pihak polis dengan lain-lain agensi seperti JKKK atau daerah, ADUN, Ahli Parlimen, Rukun Tetangga dan lain-lain pasukan keselamatan tambahan atau sokongan dalam program pencegahan jenayah; dan
- (vi) meningkatkan penglibatan masyarakat dan NGO dalam membantu pihak polis membanteras jenayah melalui kempen kesedaran dan penyaluran maklumat.

Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan Puan Hajah Rohani binti Abdullah.

Puan Hajah Rohani binti Abdullah: Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah memberikan jawapan yang begitu jelas. Apa-apa pun kita faham, daripada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi memang kita dapati bilangan pondok polis atau balai polis di tanah rancangan FELDA di seluruh Malaysia ini memang berkurangan sedikit bilangannya berbanding dengan tanah rancangan FELDA itu sendiri. Saya faham juga komitmen kerajaan untuk mengujudkan pondok polis atau balai polis di tanah rancangan kerajaan ini bukan satu perkara yang mudah. Banyak faktor yang perlu di fikirkan, diambil kira sebelum diputuskan. Soalan saya, apakah alternatif lain yang boleh dibuat oleh kementerian mahupun FELDA untuk memastikan kegiatan jenayah di kawasan FELDA ini dapat dikurangkan. Terima kasih.

Dato' Lee Chee Leong: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat senator atas soalan tambahan tersebut. Dari aspek penambahan anggota polis bantuan di seluruh tanah rancangan FELDA, pihak pengurusan telah menggandakan bilangan keanggotaannya iaitu pada tahun 2006, jumlah keanggotaannya hanya seramai 1,412 orang sahaja. Namun sehingga tahun 2012 jumlahnya telah meningkat kepada 2,942 orang anggota iaitu kenaikan sehingga 100 peratus dan pihak pengurusan FELDA akan terus membuat penambahan sekiranya ada keperluan.

Tuan Yang di-Pertua, KDN amnya dan FELDA khususnya, sentiasa peka terhadap aktiviti jenayah dan juga gejala sosial yang berlaku Tanah Rancangan FELDA. FELDA telah menyahut seruan kerajaan supaya melancarkan dan menggerakkan program *gated community*, dengan izin, yang bertujuan membantu mengawasi keamanan dan kesejahteraan di dalam kawasan FELDA.

■ 1140

Program *gated community* ini telah dilancarkan pada tahun 2011 di Bandar Tun Razak, Jengka Pahang. Pada tahun 2011, FELDA telah mengadakan kerjasama dengan RELA dalam usaha memperkemas kawalan keselamatan rancangan dengan memberikan penambahbaikan dan bantuan kepada anggota RELA dan tenaga sukarelawan. Jumlah anggota RELA telah ditingkatkan daripada 26,074 anggota pada Jun 2011 kepada 53,564 anggota pada tahun 2012.

Di samping itu kerjasama juga dibuat bagi meningkatkan tahap keselamatan rancangan dengan membina pondok kawalan keselamatan yang dipanggil Pusat Operasi RELA dan pada tahun ini sebanyak seratus buah Pusat Operasi RELA telah dibina melibatkan kos berjumlah RM5 juta. Selain daripada kerjasama dengan RELA, FELDA telah mengadakan program pengambilan rekrut Wataniah dalam usaha meningkatkan langkah keselamatan dan menggalakkan generasi FELDA terlibat dalam anggota sambilan tentera.

FELDA juga mengadakan kerjasama dengan agensi-agensi yang lain termasuk AADK, PEMADAM dan Polis Diraja Malaysia dan lain-lain lagi dalam usaha memberi kesedaran jenayah dan keselamatan kepada warga FELDA. Sekian terima kasih.

11. Puan Norliza binti Abdul Rahim minta Menteri Kewangan menyatakan, apakah rasionalnya Bank Negara Malaysia mengarahkan supaya institusi perbankan mengurangkan fokus pemberian pinjaman persendirian (kad kredit, sewa beli, pinjaman perumahan) tetapi memberi fokus yang lebih kepada pinjaman korporat.

Timbalan Menteri Kewangan II [Dato' Donald Lim Siang Chai]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Bank Negara Malaysia tidak pernah mengarahkan institusi-institusi kewangan untuk mengurangkan pemberian pinjaman persendirian atau meningkatkan pinjaman korporat. Pendekatan yang diambil oleh Bank Negara Malaysia ialah untuk memastikan amalan pembiayaan runcit yang berhemah, bertanggungjawab dan terus bagi pihak *consumer* dan institusi kewangan.

Institusi kewangan dikehendaki untuk memastikan bahawa pembiayaan hanya individu yang mempunyai keupayaan untuk membayar semula pinjaman bagi sepanjang tempoh pembiayaan. Usaha ini adalah untuk memastikan sektor isi rumah dan pasaran kredit yang mapan serta tahap keberhutangan kumulatif isi rumah kekal sejajar dengan kemampuan kewangan sektor tersebut. Dengan tempoh sepuluh tahun kebelakangan ini, paras keberhutangan sektor isi rumah di Malaysia meningkat pada kadar purata tahunan 12.5 peratus.

Ini mencakupi 76.6 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada tahun 2011 dan merangkumi 55 peratus daripada jumlah pembiayaan terkumpul oleh sistem perbankan.

Walaupun peningkatan paras keberhutangan ini adalah disokong oleh peningkatan tahap pendapatan, keadaan pekerjaan yang stabil serta penilaian kredit yang kukuh oleh institusi kewangan. Pelaksanaan garis panduan amaran pembiayaan yang bertanggungjawab ini adalah penting untuk memastikan paras keberhutangan sektor isi rumah adalah sentiasa pada tahap yang terkawal sekali gus menggalakkan sektor isi rumah untuk terus menikmati kemudahan kredit pinjaman meningkatkan kemampuan masing-masing. Sekian.

Puan Norliza binti Abdul Rahim: Terima kasih jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sebenarnya saya mendapat makluman mengenai Bank Negara ini daripada *Malaysian Business*, saya ingat Januari punya keluaran. Akan tetapi tidak mengapalah, dan saya ingin bertanya lagi sekali, sejak kita perkenalkan NKRA dan PEMANDU sebagai terajunya, setakat manakah pinjaman korporat kita telah berkembang dan pembangunan ekonomi kita telah tercapai? Terima kasih.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Norliza binti Abdul Rahim. Saya ucapkan terima kasih atas pertanyaan. Dari segi ekonomi kita seperti yang kita sedia maklum, tahun lepas kita capai 5.1 peratus pertumbuhan ekonomi dan untuk tahun ini kita memang harap boleh dapat 4.5 peratus. Angka ini kalau dibandingkan dengan negara-negara lain di dunia pada masa ini, angka 4 peratus ke atas adalah angka yang baik, angka yang kita bangga sebab dalam dunia yang menghadapi masalah kewangan pada masa ini kita tahu bukanlah senang untuk hendak jalankan *business* pada masa ini.

Kita tengok dari segi *loan* yang dikeluarkan dari bank-bank negara kita, nampaknya ada pertumbuhan yang lebih kurang 12.5 peratus untuk setiap bulan dan saya memang percaya kita akan capai sasaran kita supaya negara kita boleh dapat lebih seperti pelabur asing datang dan lain-lain kita rancang. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Dengan jawapan menteri itu tadi maka setakat itu sahajalah Sesi Pertanyaan-Pertanyaan Bagi Jawab Lisan kita pada pagi ini. Sebelum itu terlebih dahulu ingin menjemput seorang Menteri untuk mengemukakan satu usul.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Timbalan Menteri Kewangan I [Datuk Dr. Awang Adek Hussin]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 9.30 malam dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Khamis, 3 Mei 2012”.

Timbalan Menteri Kewangan II [Dato' Donald Lim Siang Chai]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

USUL

MENJUNJUNG KASIH TITAH UCAPAN SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya;

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-bilang syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Seri Paduka Baginda semasa membuka Penggal Kelima, Parlimen Yang Kedua Belas.” *[26 April, 2012]*

Timbalan Yang di-Pertua: Sekarang ingin meminta Menteri Kewangan untuk menjawab.

11.49 pg.

Timbalan Menteri Kewangan I [Datuk Dr. Awang Adek Hussin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam Perbahasan Titah Diraja di Dewan yang mulia ini. Semua pandangan, teguran dan cadangan yang diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berhubung perkara yang telah dibangkitkan berkaitan Kementerian Kewangan amatlah dihargai. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya terus menjawab soalan-soalan dan isu-isu yang telah ditimbulkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Pertamanya tentang kedudukan ekonomi yang telah dibawa oleh Yang Berhormat Dato' Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff dan juga Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman mengenai kedudukan ekonomi negara, adakah kesan daripada kedudukan ekonomi dunia keseluruhannya dan bagaimana kedudukan kita berbanding dengan negara-negara lain.

■ 1150

Sebagai sebuah negara yang amat terbuka di kalangan negara yang paling terbuka di dunia ini, kalau diukur dari segi peratusan perdagangan antarabangsa berbanding dengan KDNK kita iaitu 172 peratus. Sudah tentu apa yang berlaku di negara luar akan memberi kesan kepada negara kita. Maka sebab itu masalah yang dihadapi oleh negara-negara di Eropah umpamanya turut memberi kesan walaupun negara Eropah hari ini merupakan hanya 10 peratus dari segi rakan perdagangan kita berbanding dengan dahulu, sekarang dah tinggal 10 peratus.

Akan tetapi apa pun, ia masih lagi memberi kesan kerana ini secara langsung. Kesan secara tidak langsung ialah kesan apa yang berlaku di Eropah kepada negara-negara lain terutamanya China, Singapura.

Kita pula mempunyai hubungan perdagangan dengan negara-negara tersebut. Jadi walaupun secara langsung kita hanya 10 peratus bergantung pada Eropah tetapi kalau kita campur kesan-kesan secara tidak langsung atau *indirect* melalui kesan Eropah ke atas negara-negara lain serantau ini, maka sudah tentu ia memberi kesan. Apa pun pertumbuhan ekonomi negara kita masih dikekalkan pada tahap yang boleh dirasakan tidak terlalu tinggi dan tidak terlalu rendah pada tahap 5.1 peratus pada 2011. Kalau berbanding dengan negara-negara lain di rantau ini, prestasi tersebut adalah agak baik umpamanya Korea Selatan - 4.4 peratus, Hong Kong - 4.3 peratus, Singapura - 4.3 peratus, Taiwan - 5 peratus, Filipina - 4.9 peratus dan Thailand - 4.8 peratus.

Negara-negara yang agak tinggi berbanding kita dari segi pertumbuhan ekonomi ialah Indonesia, Vietnam, China, India. Negara-negara ini merupakan negara yang mempunyai pasaran domestik yang besar. Walaupun perkembangan dunia agak malar tetapi oleh kerana pasaran domestiknya besar terutama China maka pertumbuhan ekonominya masih lagi kuat. Apa pun dengan usaha yang dibuat dalam Belanjawan 2012 melalui program-program Transformasi Ekonomi, Transformasi Luar Bandar, Transformasi Kerajaan dan sebagainya maka kita menjangkakan prestasi pada tahun 2012 ini masih dapat dipertahankan. Walaupun kadar pertumbuhan yang dijangka melebihi 4 peratus sehingga 5 peratus, kita agak konservatif kerana kita tidak mahu menjangkakan satu pertumbuhan yang terlalu tinggi.

Kalau kita lihat petanda-petanda awal kerana kita baru di peringkat awal tahun 2012, nilai eksport kekal mencatat pertumbuhan 7.1 peratus dalam bulan Januari dan Februari. Manakala import juga masih kukuh 10 peratus dan kalau kita lihat indeks pengeluaran industri berkembang, *industrial production* berkembang pada tahap 3.8 peratus. Maksudnya masih lagi positif dan masih lagi dalam keadaan yang boleh selari dengan jangkaan kita untuk pertumbuhan umum bagi tahun 2012. Indeks Bursa Kuala Lumpur (KLSCI) bahkan mencatat angka yang lebih tinggi di April 2012 berbanding dengan Disember 2011. Begitu juga pelaburan asing masih lagi kukuh bahkan kalau kita lihat peningkatan pelaburan asing daripada tahun 2009 ke 2010, 2011 peningkatan yang begitu ketara yang boleh membanggakan.

Kalau kita ambil kira pula pelbagai langkah kerajaan untuk merangsang ekonomi dengan perbelanjaan seperti Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) yang melibatkan sejumlah hampir lima juta penerima dan ini sudah tentu penerima yang berpendapatan rendah yang sudah tentu akan membelanjakan duit ini. Ini akan terus membawa kesan lipat ganda, *multiplier effect*, dengan izin kepada ekonomi kita. Jadi kerajaan masih lagi berpegang kepada unjuran ekonomi pada tahun 2012 ini dalam lingkungan 4 peratus hingga 5 peratus. Ini juga selari dengan sedikit berita baik yang telah dibuat oleh IMF umpamanya, Tabung Kewangan Antarabangsa yang meningkatkan unjuran mereka daripada yang dibuat dalam bulan Januari telah diperbaharui dalam bulan April dan kadar peningkatan ekonomi dunia nampaknya semakin baik walaupun tidaklah tinggi sangat. Akan tetapi semakin baik umpamanya ekonomi dunia dijangka berkembang kepada paras ataupun pada kadar 3.5 peratus berbanding 3.3 peratus sebelumnya dan juga perdagangan dunia dianggap akan meningkat sebanyak 4 peratus berbanding dengan 3.8 peratus sebelumnya.

Isu yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Dr. Ramakrishnan mengenai hutang negara, apakah hutang negara mencecah lebih 50 peratus. Kalau kita kira hutang negara atau hutang luar negeri biasanya yang merangkumi hutang luar negeri yang diambil oleh Kerajaan Persekutuan oleh Perusahaan Awam Bukan Kewangan (NFPE) dan juga sektor swasta bersekali hutang negara kita kepada luar negara, jumlahnya adalah 30.2 peratus berbanding KDNK sehingga Disember 2011. Manakala kalau kita ambil hutang Kerajaan Persekutuan yang meliputi hutang dalam dan luar negeri, ini lain pula. Hutang Kerajaan Persekutuan meliputi dua-dua, hutang luar dan hutang dalam negeri, ini berjumlah sebanyak RM456 bilion atau 53.5 peratus daripada KDNK.

Sebenarnya soalan ini sudah pun kita jawab beberapa kali melalui soalan lisan. Ada kebimbangan yang telah disuarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan saya memberi jaminan bahawa kebimbangan ini memang diambil kira oleh kerajaan kerana buat masa ini memang ada batasan atau limit. Umpamanya hutang Kerajaan Persekutuan tidak seharusnya melebihi 55 peratus, sekarang kita ada 53.5 peratus. Jadi memang kerajaan perlu berwaspada supaya *threshold* ini tidak dilepasi.

Yang Berhormat Senator Puan Rohani membawa isu kenaikan harga dan apa langkah-langkah. Memang kita tahu kerajaan kita banyak mengambil langkah-langkah untuk mengawal kenaikan harga. Pertamanya kita perlu ingat bahawa kenaikan harga ini adalah fenomena dunia, bukannya di Malaysia sahaja harga naik. Semua barangan naik di seluruh dunia. Bagaimana kita menanganinya? Ini yang dilakukan oleh kerajaan, barangkali jauh lebih bersungguh-sungguh daripada yang dilakukan oleh negara-negara lain. Barangkali kerana kita ada kemampuan untuk memberi subsidi umpamanya kepada, jadi di antara yang penting ialah mengawal harga petrol, diesel, gas masak, gula, tepung gandum, minyak masak serta beras, ini penting.

■ 1200

Kalau kita tidak mengawal barang-barang utama ini barangkali harga yang dialami oleh pengguna kita juga akan meningkat seperti mana di negara-negara lain. Kita juga meningkatkan penguatkuasaan ke atas kawalan harga dan ada pula pelaksanaan Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan, menubuhkan sebuah jawatankuasa peringkat Kabinet bagi menangani isu-isu bekalan harga, menguatkuasakan Akta Persaingan (*Competition Policy*) 2012. Maknanya mesti ada persaingan. Jangan ada pakatan antara syarikat-syarikat yang boleh mengenakan harga yang tinggi. Memantau bekalan barangan keperluan supaya tidak berlaku kekurangan penawaran terutama sekali di musim-musim perayaan, mewujudkan kedai-kedai 1Malaysia yang kita tahu terdapat 250 jenis produk keperluan harian yang mempunyai harga yang rendah, puratanya 40 peratus daripada harga biasa. Cuma hari ini, kedai-kedai 1Malaysia ini masih lagi tidak terdapat di seluruh bahagian atau pun daerah. Dalam proses penambahan.

Jadi kalau kita lihat, sebenarnya apa yang dibuat oleh kerajaan kita ini jauh lebih banyak. Kita lihat negara-negara jiran umpamanya yang tidak berbuat sedemikian dan sehingga terpaksa melepaskan kenaikan harga barang yang boleh membawa kepada demonstrasi seperti di negara Indonesia. Jadi kita alhamdulillah, tetapi kesemua ini melibatkan kos kepada kerajaan. Kos yang agak tinggi. Ini juga perlu diperhatikan supaya ianya dapat terus berdaya maju, *sustainable* dengan izin, dijangka masa panjang.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz ada menyebut tentang peralatan penyusuan bayi dikenakan cukai yang tinggi. Saya dimaklumkan bahawa banyak produk ini sememangnya dihapuskan cukai, tetapi ada juga beberapa produk yang masih dikenakan cukai. Ada yang 20 peratus, 15 peratus dan barangkali ini dianggap tinggi terutama sekali dalam konteks penyusuan anak-anak. Jadi, saya sudah dapati bahawa terdapat beberapa produk yang mempunyai duti yang tinggi di antara 15 peratus hingga 20 peratus. Saya meminta supaya kita lihat dan kaji. Sebab utama mengapa kita masih ada ini ialah permintaan daripada syarikat-syarikat tempatan. Umpamanya botol susu dan puting memang kita kenakan cukai, tetapi ini kerana ada juga yang lokal. Lokal tidak kenalah cukai, tetapi kalau kita hendak beli yang import memang ada cukai. Cuma kita akan kaji sebanyak manakah cukai-cukai yang dikutip daripada ini kerana kalau boleh kita kaji apa yang patut dibuat pada masa-masa akan datang. Memahami bahawa adalah penting untuk kita beri keutamaan kepada usaha-usaha menjaga bayi dan mengurangkan kos.

Jadi saya harap Yang Berhormat dapat menerima jawapan. Buat masa ini memang terdapat dan rasionalnya ialah untuk menjaga kepentingan syarikat-syarikat tempatan yang mengeluarkan produk yang sama. Jadi kalau ibu bapa beli yang import, dia kena bayar lebih sedikit. Akan tetapi kalau dia hendak beli yang lokal, tidak ada cukai.

Yang Berhormat Datuk Chiu Tiang Chai menyarankan bukan sahaja duti import dan eksais untuk kereta Hybrid dan elektrik dilepaskan, diberi pengecualian tetapi juga alat-alat lain yang selari dengan usaha memupuk teknologi hijau, bersih. Memang betul dari segi pengecualian cukai ke atas kereta Hybrid dan elektrik sudah pun 100 peratus pengecualian atas duti eksais dan import. Kerajaan juga ada memberi pengecualian produk-produk yang menggunakan teknologi hijau, pengecualian duti import dan cukai jualan ke atas peralatan penjimatan tenaga (*energy saving*). Jadi kalau ada peralatan untuk *energy saving* dan juga untuk menjana tenaga daripada sumber yang boleh diperbaharui (*renewable energy*), ini pun diberi pengecualian. Pengecualian duti import dan cukai ke atas peralatan sistem solar *photovoltaic*. Maaf, saya pun tidak tahu solar *photovoltaic* ini apa dia. Teknikal sedikit. Pengecualian cukai jualan ke atas pembelian barangan penggunaan penjimatan tenaga keluaran tempatan seperti penyaman udara, kipas, lampu. Pengecualian cukai jualan ke atas sistem pemanas sun solar keluaran tempatan juga ada. Jadi ada macam-macam yang diberikan pelepasan dan saya yakin senarai ini boleh ditambah bila ada keperluan.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz dan Senator Dato' Mustafa Kamal ada bertanya pelaksanaan GST. Memang GST sekarang ini masih lagi dalam peringkat kajian dan pengembangan iaitu memberi penerangan kepada rakyat. Kita tahu bahawa sistem GST ini adalah baik, tetapi di mana-mana sahaja sekiranya ia dilaksanakan pada peringkat awal ia boleh menimbulkan sedikit masalah implementasi dan ini perlu difahami dan perlu diperjelaskan. Jadi buat masa ini, tidak ada *timeframe* dari segi pelaksanaan oleh kerajaan ke atas GST ini.

Yang Berhormat Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah menimbulkan soal langkah-langkah Bank Negara Malaysia berhubung pinjaman peribadi di mana semua bank diarahkan mengetatkan syarat pinjaman iaitu pendapatan perlu dikira berdasarkan pendapatan bersih. Tolak EPF, tolak cukai, tolak PERKESO. Jadi memanglah pendapatan kasar nampak banyak, tetapi bila dipotong-potong nampak sedikit. Jadi berdasarkan kepada pendapatan bersih itu, maka kewajaran untuk mereka mendapat pinjaman itu akan berkurangan sedikit dan ini adalah langkah yang dibuat oleh kerajaan langkah awalan. Memang masalahnya tidak timbul sangat lagi, tetapi dibimbangkan kalau tidak dikenakan langkah ini, maka satu hari mungkin tidak begitu lama kita akan menghadapi dengan masalah hutang yang tidak dibayar oleh sektor isi rumah.

Buat masa ini, hutang isi rumah ialah 76.6 peratus daripada KDNK. Ini boleh dikira tidaklah terlalu tinggi, tetapi tidak terlalu rendah juga. Ada negara-negara yang rendah daripada 76.6 peratus, ada juga yang lebih tinggi tetapi kita perlu berwaspada. Itulah sebabnya kerajaan atau pun Bank Negara telah memperketatkan syarat-syarat pinjaman dan ianya telah pun memberi kesan. Sejak pelaksanaan garis panduan ini, sistem perbankan masih mencatat pertumbuhan pinjaman untuk isi rumah untuk semua segmen.

Pada bulan Februari 2012, institusi-institusi kewangan telah melaporkan peningkatan 14 peratus dalam jumlah kelulusan pembiayaan kepada sektor isi rumah setelah berlaku penurunan sebanyak 25 peratus dalam bulan Januari. Maknanya bila mula diperkenalkan sistem baru ini, maka didapati bahawa memang terdapat kekurangan dari segi pinjaman. Barangkali bank pun agak terlalu berwaspada atau terlalu berhati-hati. Manakala isi rumah pula sekarang ini perlu lebih berdaya maju apabila ingin memohon pinjaman. Akan tetapi selepas itu, nampaknya ianya kembali tumbuh berkembang dan diharapkan kadar perkembangan ini tidaklah terlalu tinggi. Jadi kalau dahulunya terlalu tinggi, maka kita tidak mahu melihat pinjaman itu negatif. Akan tetapi kadar positif kita itu janganlah terlalu tinggi kerana takut-takut ia berhadapan dengan masalah.

■ 1210

Apa yang berhubung kait dengannya ialah isu yang dibawa oleh Yang Berhormat Senator Datuk Paul Kong Sing Chu iaitu pinjaman untuk membeli rumah kedua dan pinjaman untuk membeli rumah ketiga. Memang Bank Negara juga mengeluarkan garis panduan baru yang menetapkan nisbah maksimum *loan to value*, dengan izin, sebanyak 70 peratus untuk pinjaman perumahan ketiga dan seterusnya. Bukan yang kedua, yang kedua masih lagi sama. Satu dan dua sama. Ketiga dan seterusnya memang dikenakan 70 peratus. Bagi syarikat, pinjaman yang ketiga dan seterusnya hanya dibenarkan sebanyak 60 peratus bagi pinjaman perumahan oleh bukan individu.

Jadi, ini juga mempunyai matlamat yang sama supaya tidak berlaku keadaan spekulasi yang berlebihan dan jelas kalau kita lihat kesannya memang dapat di rasa iaitu harga rumah berkembang pada kadar tahunan yang lebih perlahan iaitu 6.6 peratus pada suku keempat 2011. Ini adalah lebih baik daripada sebelumnya pada kadar 9.9 peratus, 8 peratus. Jadi, sekarang dengan keperluan baru ini maka harga rumah masih meningkat tetapi pada kadar 6.6 peratus. Jadi, ada kesan positif. Kita tidak mahu lihat keadaan spekulasi sehingga kenaikan harga rumah ini meningkat dengan tinggi dan satu hari dia boleh menjadi buih, *bubble* yang boleh pecah dan ini memberi kesan yang mendalam kepada sektor *property*, hartanah.

Bilangan peminjam yang mempunyai lebih daripada dua akaun, maknanya lebih daripada dua rumah juga menjadi semakin sederhana peningkatannya kepada 2.9 peratus pada akhir tahun 2011 berbanding 14.9 peratus. Sebelum garis panduan ini yang memiliki pinjaman perumahan lebih daripada dua, 14.9 peratus. Akan tetapi apabila kita sudah kenakan ini, dia sudah jadi 2.9 peratus. Bermakna ini adalah sesuatu yang baik.

Ini..., kalau saya boleh terus kepada isu-isu yang dibawa oleh Yang Berhormat Senator Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal mengenai pinjaman perumahan. Pinjaman perumahan ini kita macam-macam skim. Kadang-kadang pun kita boleh *confused*. Pertamanya, Skim Rumah Pertamaku. Keduanya, PR1MA iaitu Pinjaman Rumah 1Malaysia. Ketiganya kita ada pula Syarikat Jaminan Kredit Perumahan untuk rumah-rumah kos rendah dan sederhana.

Ini yang dibuat oleh syarikat PROHAS yang melibatkan peruntukan kerajaan yang memberi jaminan terutama sekali kepada mereka yang tidak mempunyai slip gaji yang tidak bekerja dalam sektor yang formal seperti bekerja sendiri, menjual kuey teow goreng. Duit banyak tetapi dia tidak ada slip gaji. Jadi, ini kerajaan telah mengadakan skim syarikat jaminan kredit perumahan. Maknanya tertakluk kepada pinjaman RM100,000 ke bawah, pembelian rumah untuk tujuan kediaman sahaja, tidak boleh hendak meniaga, bukan beli rumah untuk disewa dan pemohon yang berpendapatan paling kurang RM1,000 untuk membolehkan dia membayar balik hutang ini. Maka ini layak di bawah skim jaminan kredit perumahan. Kalau Skim Rumah Pertamaku tadi, ini untuk membolehkan pembeli pertama, terutama sekali profesional muda yang baru gajinya RM3,000 ke bawah. Jadi, dia hendak beli rumah, dia tidak ada *down payment* 10 peratus, 20 peratus. Jadi, ini *guaranteenya* diberikan oleh cagar emas. Ini tertakluk kepada harga rumah yang...

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Boleh minta laluan?

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: ...RM220,000 dan sekiranya peminjam itu isteri dan suami mempunyai pendapatan RM6,000, maka dia boleh beli rumah yang bernilai RM400,000. Sila Yang Berhormat Senator.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Baru-baru ini ada laporan di surat khabar bahawa tidak ada satu pinjaman pun diberi dalam Skim Pinjaman 1Malaysia oleh bank-bank tempatan. Saya nampaknya bank-bank tidak ada keyakinan dengan peminjam. Jadi, bagaimanakah kerajaan akan menguruskan atau menjayakan program ini.

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Tidak. Sebenarnya laporan itu kalau tidak satu pun, saya rasa memang salahlah kerana Skim Pinjaman Perumahan 1Malaysia itu lain pula. Itu yang dijual oleh PR1MA ini yang merupakan rumah-rumah yang dimajukan dengan mengambil tanah kerajaan. Jadi, harganya itu dapat dikurangkan seperti di Putrajaya. Berebut habis. Tidak cukup. Macam mana pula bank tidak bagi pinjaman. Takkan semua mereka ini bayar duit sendiri. Tidak munasabah, tidak munasabah. Itu tidak munasabah. Kita ada statistik yang menunjukkan..., ini umpamanya yang dibuat oleh syarikat jaminan perumahan ini yang PROHAS yang saya cakap tadi. Jumlah *guarantee* yang dibuat sebanyak 2,543. Nilai yang *diguaranteekan* RM123 juta. Maknanya ada PR1MA pun begitu juga, Perumahan Rumah Pertamaku pun ada. Beribu lebih pinjaman yang telah dimohon. Mungkin salah lapor itu.

Dari segi Yang Berhormat Senator Dato' Muhammad Olian bin Abdullah ada membawa isu barangkali perlu difokuskan dengan lebih banyak usaha-usaha untuk membangunkan Rumah Mesra Rakyat dan Skim Rumah Pertamaku di luar-luar bandar. Memang Rumah Mesra Rakyat ini dikhususkan di luar bandar kerana di sanalah perlunya ada tanah kerana ini kena ada tanah hendak buat Rumah Mesra Rakyat. Jadi, kalau bandar-bandar susah juga hendak ada tanah itu. Biasanya perumahan di bandar-bandar ini dia akan bergantung kepada *high rise*. Sebagai contoh SPMB ini, hingga Januari 2012, SPMB telah menyiapkan 17,479 unit Rumah Mesra Rakyat dan 1,007 unit masih dalam pembinaan.

Di samping itu, SPMB juga ada terlibat dengan rumah mampu milik yang mampu milik ini bergantung kepada pembelian oleh orang ramai. Ia tidak melibatkan subsidi ini, Rumah Mesra Rakyat ini dan kebanyakan memang di luar bandar. Tentang Skim Rumah Pertamaku ini, ini mungkin tidak begitu praktikal di luar bandar kerana ini kepada mereka yang baru bekerja, gajinya RM3,000 ke bawah. Kalau di luar bandar, RM3,000 gaji itu, kira sudah banyak itu. Jadi, kalau gaji di luar bandar RM1,000, hendak beli rumah di bawah Skim Rumah Pertamaku ini payah sedikitlah. Jadi, saya rasa untuk luar bandar, kita tumpukan kepada skim-skim perumahan seperti Rumah Mesra Rakyat, Rumah PPRT ataupun rumah kos rendah dan sederhana. Jadi, barangkali itu lebih sesuai. Memang digalakkan diberi rumah kos rendah dan sederhana. Bank Negara pun ada menetapkan kadar faedah limit jangannya lebih daripada 9 peratus umpamanya.

Kalau bagi pembiayaan secara Islam dan 1.75 peratus di atas BLR. Jadi ia ada limit supaya ini merupakan pinjaman kepada sektor keutamaan.

■ 1220

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi ada membawa tentang isu kadar siling bagi produk perbankan Islam yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia. Bank Negara sebenarnya tidak menetapkan siling. Ini terserahlah kepada bank kerana sudah banyak bank iaitu 32 buah bank. Dia boleh bersaing. Jadi dia pun ada beberapa jenis kemudahan. Satunya yang berkadar tetap dan ini dibuat berdasarkan kepada akad jual beli rumah bergantung kepada kos campur dengan keuntungan. Jadi ia tetap.

Satu lagi yang berdasarkan kepada dasar berubah. Dalam kes yang kadar berubah ini yang dibuat oleh bank-bank Islam, memang bank itu sendiri ada meletakkan kadar siling. Bank sendiri. Bank Negara tidak tetapkan tetapi bank itu sendiri kerana ia tidak mahu kadarnya terlalu tinggi nanti pembeli akan terasa tidak adil. Maka biasanya bank ada menetapkan kadar yang tidak melebihi 10 peratus hingga 12 peratus. Jadi memang ada bagi kadar yang berubah. Bank Negara tidak ada.

Yang Berhormat Datuk Haji Yunus mengenai bank-bank luar pesisir...

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Saya mohon mencelah.

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Ya, sila.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Timbalan Menteri kerana menjawab soalan berkenaan dengan kadar siling yang saya tanya tentang perbankan Islam. Saya timbulkan isu ini Yang Berhormat Timbalan Menteri ialah kerana terdapat fatwa-fatwa yang telah dikemukakan oleh beberapa buah negara di Timur Tengah yang menyatakan sistem perbankan kita tidak menurut syariah. Ini kerana mempunyai unsur-unsur mengambil keuntungan yang melebihi batasan. Itu yang pertama.

Keduanya, saya juga difahamkan dalam kes-kes yang diputuskan di mahkamah, terdapat kes-kes yang dengan jelas Hakim menyatakan bahawa kadar keuntungan yang diterima oleh bank-bank yang mengamalkan sistem perbankan Islam melebihi keuntungan yang diterima oleh sistem yang dibuat oleh konvensional dan ini sebenarnya menyalahi daripada sistem syariah. Saya memahami bahawa di peringkat Bank Negara terdapat sebuah Majlis Penasihat Syariah di Bank Negara. Jadi dalam konteks ini oleh kerana negara kita merupakan antara perintis sistem perbankan Islam dunia, saya memohon agar kalau kadar ini belum ditetapkan oleh pihak Bank Negara agar membuat satu ketetapan dan mendapatkan fatwa dari pihak yang berwajib, berkenaan dengan sistem kewangan Islam agar membuat keputusan sama ada untuk kadar tetap atau kadar berubah bagi penetapan harga siling. Ini kerana kita tidak mahu, antara perkara asas dalam Islam ialah memberi keadilan dan mengambil keuntungan yang tidak melebihi batas kepada pengguna. Jadi dalam konteks ini kita tidak mahu mana-mana negara memberikan fatwa dan pendapat bahawa sistem perbankan dan produk negara kita melepasi batas syariah. Itu yang pertama.

Kalau boleh saya tidak mahu lagi mendengar *statements* daripada hakim yang berkaitan bahawa dalam sistem kita ini walaupun namanya Islam melebihi keuntungan daripada bank konvensional. Jadi saya mohon kalau belum ada ketetapan, dibuatkan ketetapan dan kalau sama ada berubah atau tidak berubah, itu bergantung kepada bank. Sebagaimana kita lihat kerajaan boleh kawal BFR/BLR, jadi sistem ini juga sepatutnya boleh dikawal. Saya pohon pendapat Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih.

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat itu barangkali isu-isu yang di masa lepas. Sekarang ini banyak isu-isu itu sudah pun diatasi, umpamanya dari segi penerimaan sistem kewangan Islam di Malaysia ini sama ada menepati kehendak-kehendak syariah seperti mana yang difahamkan oleh sesetengah ulama di luar negara. Memang dahulu saya rasa banyaklah pertikaian tetapi semakin lama semakin matang sistem kita ini semakin kurang. Oleh sebab itu kita lihat dari segi penerimaan bank-bank Islam sendiri bahkan dari Saudi sudah pun ada di negara kita. Tidak mungkin mereka datang ke negara kita ini.

Sekarang kita sudah ada 32 buah bank Islam termasuk bank-bank antarabangsa. Kalau dirasakan bahawa sistem kewangan Islam kita ini tidak selari dengan kehendak fatwa dan sebagainya, itu saya rasa tidak timbul lagi.

Cuma barangkali ada satu atau dua produk. Itu biasalah. Dahulu pun banyak produk yang kita perkenalkan yang tidak selesa oleh mereka di luar. Sukuk umpamanya pada permulaan sukar untuk kita mendapatkan pelabur-pelabur daripada Timur Tengah. Akan tetapi hari ini bank-bank Timur Tengah sendiri seperti Al Rajhi Bank telah mengeluarkan sukuk yang selesa kepada mereka yang berdasarkan kepada harta yang menjadi pemilik harta yang diuruskan oleh Cagamas. Kalau dahulu ia tidak ada aset. Jadi perkara ini sekarang berubah dengan masa.

Soal penetapan kadar dan soal tidak adil, saya rasa masalah ini lebih kepada pinjaman yang berdasarkan kepada harga tetap. Contohnya, dahulu banyak kompelin yang saya terima semasa di Bank Negara dahulu, apabila membuat pembiayaan perumahan bila akad jual beli itu untuk 20 tahun ia sudah ada satu kadar keuntungan. Jadi sudah tetaplah. Masalahnya peminjam selepas itu hendak membayar balik atas sebab-sebab..., tidak tahulah dia cari duit lain atau apa. Ini hendak kira balik berapa banyak yang perlu dibayar.

Dia kata tidak mungkin hendak bayar untung banyak sangat. Baru ambil setahun sahaja tetapi kadar keuntungan dikira untuk selama 20 tahun umpamanya. Ini menjadi isu tetapi bukan soal kadar tetap atau kadar yang berubah. Saya rasa kadar berubah adalah lebih munasabah dari segi itulah. Tidaklah ada satu kadar keuntungan yang boleh melambung tinggi kecuali dalam pembelian komoditi atau apa itu lainlah. Akan tetapi kalau setakat kadar keuntungan, kadar faedah umpamanya dalam segi konvensional tidaklah melambung sebanyak 3 peratus atau 4 peratus dalam satu jangka masa yang pendek. Jadi ini masalah, yang lebihnya kalau kita tetapkan tetapi itulah yang dikehendaki iaitu jual beli yang tetap.

Banyak kes pelaksanaan. Barangkali satu atau dua kes yang mana pelanggan tidak puas hati, bawa ke mahkamah. Maka mahkamah pun tengoklah. Betullah satu tahun dia pinjam pun *you* caj dia banyak sangat. Nampaklah tidak adil tetapi saya rasa ini adalah merupakan masalah-masalah yang tidak pokoklah. Masalah yang pelaksanaannya dan kalau boleh sistem itu barangkali kalau dibiarkan untuk 20 tahun dia pinjam, tidak timbullah masalahnya. Pinjaman 20 tahun mungkin kadar keuntungan itu dianggap adil tetapi kalau kadar keuntungan untuk kadar masa pendek maka tidak adil.

Jadi saya tidak nampaklah isu, memanglah Yang Berhormat saya pun setuju. Kita tidak mahulah ada orang yang mengatakan sistem kita ini tidak adil. Kita tidak mahu tetapi saya rasa penerimaannya semakin meluas, keadaannya menjadi semakin baik.

Terima kasih Yang Berhormat..

Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah: Mohon mencelah.

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Ya, sila.

Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah: Boleh ya?

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Boleh.

Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin membetulkan sedikit persepsi berhubung tanggapan umum tentang apa yang diamalkan dalam sistem perbankan Islam terutamanya dalam hujah yang mengatakan bahawa perbankan Islam mengenakan kadar pembiayaan yang lebih tinggi.

Saya rasa ini sesuatu yang berlaku di satu ketika dahulu sedangkan ia hari ini sebenarnya tidak berlaku. Oleh sebab sebagai pemain industri yang baru hendak masuk iaitu menawarkan perkhidmatan perbankan dalam sistem yang sedikit berbeza sudah tentu perbankan Islam ini mestilah menjadi lebih kompetitif daripada sistem perbankan konvensional yang sedia ada. Akan tetapi kerana ianya baru, sudah tentu sedikit sebanyak masalah-masalah teknikal terutamanya dari segi perundangan yang menyebabkan kadang-kadang hakim membuat keputusan apabila kes-kes yang menghadapi masalah dirujuk kepada mahkamah, maka hakim membuat keputusan yang seolah-olah menggambarkan bahawa sistem perbankan Islam ini lebih mahal daripada konvensional. Sedangkan ia sebenarnya disebabkan oleh terma-terma teknikal yang menyulitkan yang saya maksudkan tadi.

■ 1230

Jadi itu yang pertama. Kedua, saya ingin mengulas pandangan ataupun *statement* Yang Berhormat Menteri berhubung dengan bilangan 32 bank-bank yang ada hari ini dan setengahnya adalah perbankan Islam. Jadi, adakah Bank Negara akan terus menerus menggalakkan atau menerima kemasukan bank-bank Islam yang lain ke negara ini? Sedangkan kita tahu bahawa kek ini sebenarnya sama, saiznya sama dengan kemasukan begitu banyak bank-bank Islam ke dalam pasaran Malaysia. Sedangkan pasaran itu tidak mengembang seperti yang kita jangkakan. Sudah tentu ini meningkatkan, kata orang, *competitiveness* dalam pasaran. Saya harap perkara ini tidak akan berlaku yang akhirnya merugikan industri perbankan Islam itu sendiri. Terima kasih.

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat memang ada pengalaman kerana dahulu bertugas di Public Bank. Memang dari segi pelaksanaan itu teknikal dan sebagainya memanglah. Akan tetapi oleh kerana kita sekarang ini sudah mempunyai 32 bank institusi kewangan Islam, saya rasa ia semestinya menjadi lebih kompetitif. Tidak akanlah 32 ini bersekongkol membuat perkara yang samakan, tidak logiklah. Jadi, memang apa-apa persepsi yang mengatakan ianya mahal, ia tidak kompetitif, saya rasa bertentangan dengan jumlah bank yang kita ada.

Soal kedua, sama ada jumlah ini akan ditambah lagi. Saya rasa jumlah ini akan dikekalkan buat sementara waktu, saya tidak ada dengar bahawa lesen-lesen ini akan ditambahkan. Tujuan kita untuk mengadakan sejumlah yang boleh bersaing dan juga sejumlah ini juga telah merangkumi bank-bank Islam antarabangsa yang sudah banyak di negara kita ini. Saya rasa ini sudah merupakan sejumlah yang sesuailah. Jadi, saya tidak ada idealah, tidak mengetahui sama ada dikembangkan lagi. Bank luar pesisir masih terbuka. Bank luar pesisir kalau hendak buat, masih terbuka dan kita memang mengalukan. Luar pesisir ini banyak kelebihannya. Pertamanya, sekarang ini ia boleh bukan sahaja berada di Labuan, ia boleh buka pejabat di Semenanjung. Ia menikmati cukai yang baik, 3 peratus atau RM20,000 dari segi faedah. Juga ia tidak dikenakan pengawalan mata wang sebab bank luar pesisir ini beroperasi dalam mata wang asing. Jadi, ia tidak ada *exchange control* yang dikenakan.

Jadi, memang banyak dan bank-bank luar pesisir saya rasa sudah berkembang dengan baik. Sehingga hari ini, Lembaga Luar Pesisir ini mahu mengembangkan pula perniagaan dalam bidang-bidang baru seperti bidang komoditi, aktiviti perdagangan komoditi antarabangsa. Terutama sekali perdagangan petroleum dan produk-produk berkaitan. Ini pun sudah diberi keistimewaan cukai 3 peratus dan kita dapati bahawa Labuan mungkin akan menjadi pusat untuk perdagangan petroleum dan petroleum produk ini. Kita nampak pelbagai syarikat besar sudah pun mengambil bahagian dalam perkhidmatan baru ini seperti *Petronas, Dialog, YTL, Power International, UK Based, BB Energy, Victor Trading*. Jadi, permulaan macam kerajaan sentiasa melihat bagaimana dapat kita mengembangkan lagi perniagaan di Labuan di luar pesisir.

Yang Berhormat Senator Datuk Haji Saat bin Haji Abu, mencadangkan supaya ekoran daripada masalah yang timbul berdasarkan peminjam-peminjam yang tidak dapat mengambil pinjaman kerana rekodnya tidak baik dari segi pembayaran balik seperti mana yang terdapat dalam CTOSkah, CCRISkah ataupun syarikat-syarikat yang membuat laporan kredit ini. Bagi mereka yang pinjam kurang daripada RM100 ribu ini, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Saat bin Haji Abu kata, kita ampunkan, kita hapuskan. Kerajaan tidak ada cadangan untuk menghapuskan pinjaman ini kerana dia akan memberi implikasilah yang besar. Kalau pinjam, cubalah bayar, jangan ambil pinjam dan bila sudah ada satu dasar yang kemudiannya diampunkan nanti peminjam lain pun hendak juga. Jadi, kita tidak boleh buat amalan-amalan yang seperti itu.

Isu selanjutnya ialah Senator Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah. Beliau ada sini? Saya tidak nampak tadi. Saya rasa dia bawa isu yang cukup penting iaitu dari segi pengiklanan GLC sama ada mereka tidak mengutamakan pengiklanan produk-produk dengan menggunakan media berbahasa kebangsaan. Sebaliknya mengutamakan media yang berbahasa Inggeris ataupun bahasa lain. Memang saya memberi perhatian khusus kepada perkara ini dan saya minta pegawai buat kajianlah. Ini kerana...

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: *[Menyampuk]*

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Belum jawab lagi sudah hendak celah. Bagi jawab dahulu, tidak apa. Bagi jawab dahulu, lepas itu boleh celah... *[Ketawa]*

Ini kerana memang ini satu dasar, dasar memang jelas, dasar kerajaan memang jelas. Bahasa Kebangsaan memang perlu diutamakan dalam apa jua bidang. Kita tidak boleh berselindung di belakang kepentingan komersial. Jadi, kalau sebab komersial, kita punya pelanggan lebih senang berbahasa Inggeris, maka kita pun hendak buat bahasa Inggeris. Saya rasa ini tidak wajar kerana ia akan melanggar dasar bahasa kebangsaan kita.

Jadi, apabila kajian dibuat, beberapa GLC yang besarlah hendak buat semua ini tidak sempat. Saya lihat dari segi Tenaga Nasional, Telekom, kerana ini besar-besar. Memang dari segi perbelanjaan kita lihat bahawa Bahasa Malaysia bagi TNB adalah paling tinggi, keduanya bahasa Inggeris, ketiga bahasa Cina, keempat bahasa Tamil. Jadi, dari segi itu memang apa pun persepsi kita tetapi dari segi perbelanjaan TNB terhadap pengiklanan ataupun media cetak memang...

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Yang Berhormat.

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Ya, okey.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: ...Akan tetapi yang saya hendak tahu, dalam *absolute figure*nya berapa? Dikatakan lebih tinggi, adakah lebih tinggi dari segi peratusannya, daripada segi ringgitnya atau macam mana? Satu lagi tadi katakan hendak buat kajian. Saya rasa tidak perlu kajianlah. Seorang profesor dari komunikasi dari USM telah membuat kajian dan ini ternyata memang secara nisbahnya media-media berbahasa Melayu, berbahasa kebangsaan itu tidak mendapat iklan yang sewajarnya terutama daripada GLC ini. Jadi, saya rasa tidak payahlah buat kajian lagi, saya rasa beri sahajalah arahan supaya Khazanah mengarahkan GLC untuk memastikan media-media berbahasa kebangsaan ini diberi keutamaan dalam mendapatkan ruang iklan itu. Terima kasih.

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Terima kasih Yang Berhormat. Apabila saya kata kajian tidaklah bermaksud hendak pergi tanya satu-satu pasaran ya. Maksud sayanya, bagi saya untuk mendapat maklumat tersebut bagi pergi dapatkan maklumat untuk saya. Jadi, saya pun tidak tahu yang profesor UKM itu buat, kalau ada...

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: USM.

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: USM buat. Kalau ada, bagi boleh kita tengok, betulkah teliti. Dari segi jumlah, kalau TNB, jumlah yang kita ada tahun. Oh! Ini pun tidak *current*lah. Tahun 2008, jumlahnya tidak *current*lah. Kita kena tengok yang baru tetapi tahun 2008, saya bagi contoh yang saya ada ini, tahun 2008. 2004, 2005, 2006, 2007, 2008 tetapi mungkin tidak *current*. Akan tetapi pada masa tahun 2008, perbelanjaan yang dibuat oleh TNB, bahasa Malaysia sebanyak RM1.2 juta, bahasa Inggeris – RM1.1 juta, bahasa Cina – RM200 ribu, bahasa Tamil – RM40 ribu.

■ 1240

Jadi nampak memang jumlahnya besarlah tapi kalau campur bahasa lain-lain, semua, banding dengan bahasa kebangsaan tak besarlah sebab tiga sahaja. Akan tetapi kalau Telekom Malaysia, memang daripada segi jumlahnya bahasa Inggeris masih mengatasi iaitu RM55.5 juta, bahasa Malaysia RM3.3 juta. *Value* ini satu tapi kita kena tengok juga daripada segi *volume* kerana kadar pengiklanan ini mungkin bahasa Inggeris dia mahal, mungkinlah. Saya kira kadar yang dikenakan untuk bahasa Inggeris mahal. Jadi mungkin jumlah *value* nya tinggi tapi daripada segi *pieces* itu kurang umpamanya.

Jadi apa pun, saya setuju sangatlah dengan Yang Berhormat Senator Firdaus. Bahagian saya pun membuat tekanan kepada pegawai-pegawai MoF supaya dasar ini tidak boleh kita ketepikan, mesti disampaikan dalam apa jua bentuklah, arahan atau sebagainya supaya kita tidak mengambil ringan dasar-dasar ini kerana kita tidak, sekali lagi saya ulangi, tidak boleh berselindung di belakang kepentingan komersial terutama sekali dasar-dasar pokok. Dasar yang tidak pokok sangat itu tidak apalah tapi bahasa kebangsaan ini adalah dasar pokok. Jadi terima kasih Yang Berhormat kerana membawa masalah ini untuk perhatian umum.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Boleh saya mencelah sedikit?

Timbalan Yang di-Pertua: Boleh mencelah.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Adakah itu bermakna bahawa Timbalan Menteri memberi jaminan bahawa berdasarkan semangat jawapan itu tadi, untuk masa akan datang, media-media berbahasa kebangsaan itu akan mendapat saham yang lebih daripada segi untuk mendapatkan bajet iklan ini terutama daripada GLC? Terima kasih.

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Daripada segi jaminan itu saya tak tahulah, tapi saya bagi jaminan untuk dibuat arahan. Soal sama ada akhirnya keputusan itu ataupun *outcome* itu selari dengan apa yang kita hendak, itu kita kena lihat semulalah. Arahan akan kita beri supaya dasar nasional ini dihormati dan dilaksanakan. Terima kasih Yang Berhormat.

Ini mengenai skim vendor, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yunus. Skim Vendor GLC juga memang setengah-setengah GLC sudah laksanakan. Contohnya MAS, Proton, Telekom, TNB, UEM, Boustead Holding, *Chemical Company of Malaysia* (CCM). Antara tahun 2004 hingga 2011, seramai 5,326 vendor telah menyertai beberapa *vendor program* dan didapati 314 sudah *graduate*, sudah berjaya. Kesemua GLC telah membelanjakan kira-kira RM6.6 bilion, merupakan kontrak-kontrak yang diberikan kepada vendor.

Ini mengenai pertanyaan Yang Berhormat Senator Puan Rahmani@Rohani binti Abdullah iaitu mengenai jumlah peminjam dan jumlah pinjaman yang diluluskan sehingga kini bagi Skim Rumah Pertamaku. Ini Yang Berhormat Subramaniam tadi pun ada sebut ya. Sehingga akhir Februari 2012, sejumlah 1,652 permohonan telah diterima untuk mendapatkan pembiayaan di bawah skim ini. Sebanyak 576 permohonan tidak diteruskan disebabkan oleh permohonan berganda. Maknanya dia minta daripada banyak institusi kewangan. Ini menjadikan jumlah pemohon sebenar adalah seramai 1,076 permohonan. Daripada jumlah permohonan sebenar, sebanyak 389 permohonan telah diluluskan manakala sebanyak 515 permohonan telah ditolak sebahagian besarnya disebabkan oleh kegagalan pemohon untuk memenuhi syarat kelayakan pinjaman yang ditetapkan oleh institusi kewangan. Sebanyak 125 permohonan lagi ditolak disebabkan oleh pemohon tidak memenuhi kriteria skim. Pada masa yang sama, 172 permohonan sedang diproses oleh institusi kewangan. Itu gambaran kedudukan yang ada tapi nak kata sudah berjaya sepenuhnya pun belum, kita dalam proses lagi.

Ada beberapa Ahli Yang Berhormat seperti Yang Berhormat Senator Saiful Izham, Yang Berhormat Senator Tunku Abdul Aziz, Yang Berhormat Senator Dato' Muhammad Najeed bin Abdullah menyentuh tentang *share swap* antara MAS dan AirAsia. Saya pun rasa segan nak jawab lagi sebab ini jawapan yang serupa yang telah diberikan. Akan tetapi hari ini saya difahamkan ada pengumuman akan dibuat pada jam lima petang. Saya pun tak tahu pengumuman apa, *honestly* ya, bukan saya tak nak beritahu Dewan tapi saya sendiri pun tak tahu. Jadi jawapan biasanya yang saya beri dulu, memang ini menguntungkan kedua-dua pihaklah.

Akan tetapi oleh kerana ada ketidakpuasan hati dan sebagainya, kita lihat daripada segi pengumuman pada lima petang ini takut-takut apa yang saya jawab di sini tak kena dengan pengumuman yang dibuat. Kalau kena pun tak sesuai juga, sebab macam mana saya boleh buat kenyataan yang mendahului pengumuman yang hendak dibuat? Jadi kalau tak kena pun tak kena, kalau kena pun tak kena... [*Ketawa*] Jadi kalau boleh Yang Berhormat izinkan sayalah, kita tungguh pukul lima petang, daripada segi MAS ini.

Yang Berhormat, saya ingin meneruskan lagi. Tentang kod pemetongan, yang ini soalan Yang Berhormat Senator Tuan Ahmad bin Hussin. Kod potongan gaji tidak diberikan kepada bank-bank komersial, ini pun saya dah jawab dalam soalan lisan. Maknanya masih lagi di peringkat kajian. Kerajaan kena pastikan kerana seperti yang saya dah bagi tahu dahulu, ada beberapa isu sama ada pinjaman-pinjaman ini kita nak bagi bank-bank komersial melakukannya kerana bank-bank komersial patutnya tumpu yang besar-besar. Yang kecil-kecil ini kerajaanlah.

Yang Berhormat Dato' Najeed pun ada sebut, dia kata yang SME ini pun nak bagi pinjaman kepada pegawai kerajaan pun nak buat apa dia kata. Jadi jawapannya ialah SME ini dia kata dia bagi sebab dia lebih kepada pegawai-pegawai kerajaan yang nak bersara, dah dekat-dekat persaraan. Jadi nak memulakan perniagaan kecil-kecil kah, dia bagi skim inilah, *lcash* ini. Jadi ada sebabnyalah. Seperti mana yang ditanya, saya faham bahawa Yang Berhormat Dato' Najeed tidak mahu SME Bank ini hilang fokus. Jadi pinjaman kepada kerajaan pun nak diberi.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz ada sebut pasal tempoh *redemption* pinjaman perumahan ini, tempoh lama dia kata iaitu satu hingga enam bulan. Mengikut *standard operating procedure* atau SOP bahagian pinjaman ini, tempoh sebenarnya ialah 20 hari, tapi kena lengkaplah. Jadi mungkin dalam proses itu maklumat tak lengkaplah – tapi kalau 20 hari itu kira okeylah tapi kalau enam bulan macam Yang Berhormat sebut itu memang lama sangatlah. Jadi kita harap supaya yang 20 hari ini akan dipatuhilah.

Hanya ada satu dua perkara lagi, saya ingat sempat ini sebelum *lunch* ini. I-Cash dah jawab, Tuan Ahmad bin Hussin – Ha, Tuan Ahmad bin Hussin, dia sebut yang pasal kajian di Kedah mendapati pertumbuhan IKS agak bermasalah. Nampaknya Kedah ini banyak masalah ya, bukan IKS sahaja, macam-macam masalah. Bergurau sahaja Yang Berhormat, bergurau sahaja. Kelantan pun masalah juga... [*Ketawa*] Tak apa, itu gurau itu boleh, jangan marah Yang Berhormat.

Kita dapat statistik, bagi negeri Kedah, sebanyak 379 PKS telah mendapat kelulusan pembiayaan daripada SME Bank dengan jumlah pembiayaan bernilai RM580 juta tapi dalam tempoh beberapa tahun dia, dari tahun 2005 hingga 2009. Memang ada tetapi kalau masih lagi tak memuaskan itu memang semua tak memuaskan. Pinjaman ini banyak yang tak memuaskan dia kata, pasal apa tak dapat dan sebagainya dan macam-macam. SME Bank ini hari ini saya pun nak sebut supaya kita tahu, NPL SME Bank ini pun tinggi iaitu 16 peratus.

■ 1250

Jadi dia kena hati-hatilah sebabnya SME Bank ini untuk dapat membantu SME mesti berdaya maju. Kalau tidak berdaya maju, kerugian, kerajaan tidak sanggup hendak *recapitalize* sahaja. Jadi dia mesti berwaspada. Yang mana hendak pinjam ini, dia kena *check* betul-betullah. Kalau yang berdaya maju, boleh. Akan tetapi yang tidak berdaya maju tidak boleh lagi dibuat. Saya rasa itu sahaja yang ada kecuali kalau ada Yang Berhormat rasa tertinggal, boleh saya.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawawi: Terima kasih. Ada dua isu. Pertama, berkenaan dengan cara pembayaran balik pembiayaan kereta, *rule 78* yang telah pun saya kemukakan kepada Parlimen tempoh hari.

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Cara pembiayaan balik?

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawawi: Ya. Saya mungkin terpaksa *repeat* baliklah benda ini.

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Sedikit bolehlah.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawawi: Antara rungutan yang saya terima di kalangan ramai orang muda ini, separuh daripada gaji mereka terpaksa dihabiskan untuk bayar kereta. Kita difahamkan bahawa cara pembayaran balik pembiayaan kereta hari ini telah menggunakan peraturan di bawah *rule 78* dan kita dimaklumkan bahawa di negara-negara lain, sebagai contohnya di US. Sebanyak 19 buah negeri telah pun mengharamkan penggunaan *rule 78* iaitu menggunakan *pro rate* untuk pembayaran balik kereta bertentangan dengan kadar sekarang ini. Semakin lama semakin kecil berdasarkan kepada baki pembiayaan yang ada. Jadi, saya bertanya kepada pihak kerajaan sekarang, bagaimanakah sikap kita terhadap sistem ini? Adakah kerajaan bercadang untuk menghapuskan sistem *rule 78* ini bagi menggantikan sistem yang lebih baik kerana ini yang telah pun diamalkan di seluruh dunia. Itu yang pertama.

Manakala yang kedua berkenaan dengan kes yang membabitkan royalti ini. Adakah ia berkaitan dengan Kementerian Kewangan ataupun akan dijawab oleh Jabatan Perdana Menteri? Terima kasih.

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Okey, soal royalti ini, ini sudah menjadi isu perundangan. Sudah pergi mahkamah. Jadi kita biarkan perundanganlah yang selesaikan. Jadi, saya tersalah cakap pula nanti, kalah pula kes Yang Berhormat di mahkamah itu. Jadi biar. Kita jangan campur. Biar dia.

Keduanya, kaedah pembayaran balik itu, saya rasa kalau dilaksanakan di negara-negara lain saya yakin pihak Bank Negara Malaysia dan juga industri sebab pinjaman kereta ini dia ada industri besar.

Jadi kita boleh berbincang. Kalau industri dan juga pihak pengguna, Persatuan Pengguna merasakan ini yang lebih baik, saya rasa Bank Negara Malaysia sentiasa terbuka. Kalau yang lebih baik dan lebih selamat dari segi bukan sahaja menjaga kepentingan pengguna tetapi juga dari segi kutipan bayar balik dan sebagainya, maka tidak ada sebab ia tidak boleh dilaksanakan. Akan tetapi ini perlu diperhalusi dan perlu diteliti. Jadi, itulah jawapan saya. Saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Kalau masih ada lagi yang belum beres, kita boleh bereskan sama ada melalui bertulis ataupun boleh bercakap kepada saya di luar Dewan.

Saya sekali lagi mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan yang cukup bernas terutama Yang Berhormat di depan saya ini. Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah yang begitu ingin mendapat..., tidaklah ghairah tetapi kurang sedikit. Kepastian sama ada ini adalah jaminan bahawa perbelanjaan pengiklanan dalam Bahasa Kebangsaan itu semestinya akan meningkat di masa akan datang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Jadi begitulah jawapan yang telah diberi oleh pihak Kementerian Kewangan yang baru kita dengar sebentar tadi. Jadi terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah menjawab begitu panjang lebar.

Seterusnya saya ingin mempersilakan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat untuk memberi jawapan ke atas perbahasan Titah Diraja oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tempoh hari. Silakan, Yang Berhormat.

12.54 tgh.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datuk Heng Seai Kie]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Zaitun binti Mat, Yang Berhormat Senator Puan Chew Lee Giok, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Noriah binti Mahat, Yang Berhormat Senator Puan Norliza binti Abdul Rahim. Yang Berhormat Senator Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit, Yang Berhormat Senator Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal. Yang Berhormat Senator Datuk Raja Ropiah binti Raja Abdullah dan Yang Berhormat Senator Tuan Saiful Izham bin Ramli yang telah menyentuh perkara-perkara di bawah tanggungjawab Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat semasa perbahasan Titah Diraja di Dewan yang mulia ini.

Pihak kementerian menghargai serta mengambil perhatian semua pandangan, saranan, cadangan dan teguran membina daripada Ahli-ahli Yang Berhormat bagi membolehkan kementerian meningkatkan lagi sistem penyampaiannya demi kesejahteraan kumpulan sasaran khususnya wanita, keluarga, kanak-kanak, warga emas, orang kurang upaya, mangsa bencana dan mereka yang memerlukan. Saya amat sukacita kerana banyak perkara dan isu berhubung wanita telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Perkembangan positif ini jelas menunjukkan perjuangan kementerian untuk mengarusperdanakan gender dalam pembangunan negara semakin mendapat perhatian segenap lapisan masyarakat termasuk di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat saranan supaya kerajaan segera menggubal atau meminda undang-undang yang berkaitan supaya selaras dengan obligasi negara di bawah dengan izin, *Convention on the Elimination of All Form of Discrimination Against Women*. Ingin saya nyatakan di sini, antara tindakan utama yang diambil oleh kementerian apabila ditubuhkan pada tahun 2001 ialah meminda Perkara 8(2) Perlembagaan Persekutuan. Pindaan ini telah diluluskan oleh Parlimen pada bulan Ogos tahun 2001 bagi memastikan tiada sebarang bentuk diskriminasi berasaskan gender. Susulan pindaan bersejarah tersebut, antara pindaan perundangan yang lain ialah:

- (i) pindaan kepada Akta Pencen 1980 pada tahun 2002 bagi membolehkan balu pesara kerajaan yang berkahwin semula terus mendapat pencen;

- (ii) pindaan kepada Akta Tanah Kawasan Penempatan Berkelompok 1960 pada tahun 2002 bagi membolehkan isteri atau bekas isteri atau waris kadim peneroka menjadi pemilik bersama tanah berkelompok;
- (iii) pindaan kepada Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 pada tahun 2005 bagi membolehkan balu yang berkahwin semula terus mendapatkan pencen ilat; dan
- (iv) pindaan secara pentadbiran di bawah Perkara 15(2), Perlembagaan Persekutuan pada tahun 2010 bagi membolehkan permohonan kerakyatan bagi anak wanita warganegara Malaysia yang berkahwin dengan warganegara asing yang lahir di luar negara dibuat di pejabat perwakilan Malaysia di luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan cadangan supaya kerajaan mengkaji semula takrifan keganasan rumah tangga, suka saya nyatakan bahawa Akta Keganasan Rumah Tangga 1984 yang dipinda pada bulan Disember 2011 telah meluaskan takrifnya daripada keganasan yang berbentuk fizikal sahaja kepada bentuk yang turut merangkumi penderaan psikologi dan kecederaan emosi. Selain itu, pindaan kepada Akta Keganasan Rumah Tangga turut memperuntukkan kesalahan keganasan rumah tangga yang sebelum ini hanya merangkumi yang dilakukan sendiri oleh suami atau isteri untuk turut meliputi kesalahan yang dilakukan melalui pihak ketiga seperti saudara mara atau kawan kepada suami atau isteri.

Bagi menangani kes keganasan rumah tangga, kementerian melalui agensi-agensi di bawahnya seperti Jabatan Pembangunan Wanita dan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) telah melaksanakan pelbagai program avokasi untuk memberi kesedaran kepada masyarakat khususnya wanita, antaranya ialah:

- (i) Seminar Literasi Undang-undang dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan seperti Jabatan Kehakiman Syariah, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Polis Diraja Malaysia...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa betul-betul mencemburui kita. Jadi Yang Berhormat boleh sambung lagi sebelah petang nanti.

Datuk Heng Seai Kie: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat sekalian, saya ingin tangguhkan Dewan ini sekarang dan kita akan sambung lagi pukul 2.30 petang nanti. Sekian.

Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

2.31 ptg.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, menyambungkan?

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datuk Heng Seai Kie]: *[Mengangguk]*

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

2.33 ptg.

Datuk Heng Seai Kie: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bagi menangani kes keganasan rumah tangga, kementerian melalui agensi-agensi di bawahnya seperti Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) dan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) telah melaksanakan pelbagai program evokasi untuk memberikan kesedaran kepada masyarakat khususnya wanita. Antaranya:

- (i) Seminar Literasi Undang-undang untuk kerjasama agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan seperti Jabatan Kehakiman Syariah, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Polis Diraja Malaysia, *Women AIDS Organizations* dan Majlis Kebangsaan Pertubuhan-Pertubuhan Wanita Malaysia;
- (ii) Program Pengurusan Emosi yang menggunakan pendekatan kaunseling keluarga bertujuan untuk memberikan pendedahan mengenai pendekatan humanistik, kemahiran asas kaunseling, psikologi pengurusan keluarga dan teknik pengurusan emosi yang berkesan;
- (iii) Bengkel Selamatkan Diri Anda bertujuan untuk memberikan pendedahan kepada para peserta mengenai langkah-langkah untuk menyelamatkan diri daripada menjadi mangsa keganasan rumah tangga;
- (iv) bagi membantu pasangan menguruskan konflik dan tekanan, modul alam keibubapaan serta menangani tekanan dan konflik telah diintegrasikan dalam kursus pra-perkahwinan dan *SMARTSTART* LPPKN. Kursus ini disertai oleh pasangan yang akan berkahwin dan baru berkahwin iaitu kurang daripada lima tahun. Program dilaksanakan dengan kerjasama Jabatan Pendaftaran Negara, NGO dan badan-badan agama;
- (v) memperkenalkan perkhidmatan Talian Nur 15999 pada 5 Disember 2007 bagi memudahkan orang awam termasuk mangsa keganasan rumah tangga membuat aduan atau membuat pertanyaan yang berkaitan. Sepanjang tahun 2010, sebanyak 118 aduan mangsa keganasan rumah tangga telah diterima manakala bagi tahun 2011 pula, sebanyak 163 aduan mangsa keganasan rumah tangga telah diterima dan kesemua aduan telah diberi intervensi oleh JKM; dan
- (vi) khidmat bimbingan dan kaunseling bagi mengukuhkan emosi dan psikologi mangsa keganasan rumah tangga. Sebanyak 192 kes bagi tahun 2010 dan 130 sepanjang tahun 2011 telah diberi perkhidmatan kaunseling oleh JKM dan JPW.

Selain itu, susulan pindaan pada Akta Keganasan Rumah Tangga pada tahun 2011, pihak Polis Diraja Malaysia sedang mengemas kini modul latihan bagi meningkatkan pengetahuan pegawai polis yang menerima laporan dan mengendalikan kes keganasan rumah tangga dengan lebih berkesan dan profesional.

Tuan Yang di-Pertua, status penggubalan Akta Gangguan Seksual turut dibangkitkan juga dalam Dewan yang mulia ini. Sebagai makluman, kementerian telah mengadakan beberapa siri perbincangan dengan agensi kerajaan terbabit seperti Jabatan Peguam Negara, Polis Diraja Malaysia dan Kementerian Sumber Manusia serta pihak-pihak yang berkepentingan yang lain seperti pertubuhan bukan kerajaan, kesatuan yang mewakili kepentingan pekerja dan majikan serta ahli akademik untuk mendapatkan pandangan mereka berhubung keperluan penggubalan Akta Gangguan Seksual. Setelah meneliti pandangan semua pihak, adalah didapati peruntukan undang-undang yang sedia ada dalam Kanun Keseksaan mampu untuk menangani isu gangguan seksual.

Selain itu, Akta Kerja 1955 yang dipinda oleh Kementerian Sumber Manusia pada tahun 2011 mempunyai peruntukan khas bagi menangani isu gangguan seksual di tempat kerja. Tuan Yang di-Pertua, langkah kerajaan untuk memastikan tercapainya matlamat 55 peratus tenaga kerja wanita dalam sektor pekerjaan tercapai menjelang tahun 2015 turut mendapat perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat. Sebagai makluman, kerajaan adalah komited dalam usaha meningkatkan daya saing dan kebolehpasaran wanita dalam tenaga kerja. Antara langkah yang diambil ialah menggalakkan penyertaan wanita dalam bidang perniagaan dan keusahawanan seperti digariskan di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh.

Selaras dengan langkah tersebut, di bawah inisiatif Bidang Keberhasilan Utama Negara, "*Meningkatkan Pendapatan Golongan Berpendapatan Rendah*" iaitu NKRA LIH. Kerajaan menyasarkan untuk melatih dan melahirkan 4,000 orang usahawan wanita menjelang tahun 31 Disember 2012 ini. Sehingga 29 Februari 2012, seramai 3,180 orang usahawan wanita yang terlatih berjaya dilahirkan dengan pendapatan minimum RM3,500 sebulan bagi tempoh tiga bulan berturut-turut.

Menerusi jabatan pembangunan wanita pula, latihan kemahiran dan bimbingan keusahawanan disediakan bagi menggalakkan penyertaan wanita dalam aktiviti ekonomi untuk menjana pendapatan dan meningkatkan kualiti hidup mereka. Antara program teras kemahiran ialah bidang kecantikan, jahitan, penghasilan kraf tangan, masakan, pelancongan, peruncitan, pemprosesan makanan dan asuhan kanak-kanak. Usaha ini dapat menyumbang kepada peningkatan tenaga kerja wanita di Malaysia sekali gus melatih wanita untuk berdikari melalui pekerjaan atau perniagaan dari rumah. Sehingga bulan Disember tahun 2011, seramai 63,842 orang wanita telah menyertai dan menerima faedah daripada program-program yang dilaksanakan.

■ 1440

Daripada bilangan tersebut seramai 2,791 orang peserta telah diberi latihan intensif dalam jangka masa tiga hingga enam bulan dan sejumlah 84 peratus telah berjaya menjana pendapatan sendiri pekerjaan atau berniaga secara kecil-kecilan. Selain itu Kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat telah melaksanakan program insentif 1Malaysia Kursus Asas Asuhan Kanak-kanak (KAAK) yang bertujuan untuk melahirkan lebih pengusaha dan pengasuh taman asuhan kanak-kanak yang terlatih. Pada tahun 2011 seramai 9,261 orang pengusaha dan pengasuh wanita telah dilatih di seluruh negara. Berhubung status terkini pelaksanaan dasar sekurang-kurangnya 30 peratus wanita di peringkat pembuat keputusan dalam sektor korporat, Kementerian telah melaksanakan Program Inisiatif Pengarah Wanita iaitu WDP. Program ini adalah bagi meningkatkan pengetahuan serasi kemahiran kritikal untuk melaksanakan peranan sebagai Ahli-ahli Lembaga Pengarah menerusi kaedah latihan yang berstruktur, mengambil kira kemahiran teknikal dan *soft skill*, dengan izin.

Sesi latihan pertama telah diadakan dari 22 hingga 24 Februari 2012. Manakala sebanyak sembilan kursus lagi akan dilaksanakan dengan sasaran seramai 200 orang peserta pada penghujung bulan Disember 2012. Selepas tamat latihan para peserta program akan melalui latihan simulasi pengarah bagi membiasakan mereka dengan situasi serta cabaran sebenar yang perlu dan bakal dihadapi mereka sebagai ahli lembaga pengarah kelak.

Selain itu satu direktori pengarah wanita sedang dibangunkan sebagai *repository* bagi membolehkan pihak-pihak yang berhasrat untuk membuat pencarian calon wanita yang *competent* untuk dilantik sebagai ahli lembaga pengarah. Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat membuat cadangan supaya satu formula dibentuk bagi memastikan wanita berkerjaya dapat menjadi ibu dan pekerja yang baik. Dalam hal ini pendekatan dan strategi secara holistik yang memerlukan kerjasama semua pihak amatlah diperlukan. Antaranya mewujudkan persekitaran kerja yang mesra keluarga seperti penyediaan kemudahan penjagaan anak, penyusunan anak serta waktu dan cara kerja yang lebih fleksibel.

Selain itu apa yang lebih penting ialah perkongsian tanggungjawab terhadap keluarga antara suami dengan isteri serta ahli-ahli keluarga yang lain. Tanggungjawab terhadap penjagaan keluarga tidak seharusnya dibebankan ke atas bahu golongan wanita semata-mata. Sebaliknya para suami dan ahli-ahli keluarga perlu memainkan peranan masing-masing serta memberikan sokongan sewajarnya dalam memastikan wanita berkerjaya dapat mengimbangi tanggungjawabnya sebagai seorang isteri, ibu, anak dan juga pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan amat komited untuk melaksanakan bajet responsif gender. Kesungguhan ini dapat dilihat melalui Bajet 2012 di mana peruntukan yang disediakan telah mengambil kira keperluan yang berbeza antara lelaki dan wanita. Sebagai contoh sebanyak RM50 juta telah diperuntukkan kepada Kementerian bagi menyediakan suntikan percuma imunisasi *Human Papillomavirus* (HPV) kepada wanita dengan memberikan sebanyak RM150 bagi tiga suntikan.

Yang kedua ialah penyediaan peruntukan sebanyak RM10 juta untuk melaksanakan program meningkatkan penyertaan wanita berpotensi menjadi ahli lembaga pengarah dan program-program bagi menarik wanita masuk ke pasaran pekerjaan.

Ketiga ialah sebanyak RM300 juta juga diperuntukkan untuk Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga iaitu TEKUN dan sebanyak RM2.1 bilion untuk tabung keusahawanan Amanah Ikhtiar Malaysia bagi menyuntik semangat terutamanya kepada golongan wanita untuk menceburkan diri dalam bidang keusahawanan dan memperkembangkan perniagaan mereka serta menerokai peluang ekonomi baru.

Keempat, peruntukan sebanyak RM700 juta juga disediakan untuk membina sebuah hospital khususnya bagi kaum wanita dan kanak-kanak. Yang kelima pendidikan rendah dan menengah secara percuma di sekolah-sekolah kerajaan serta bantuan persekolahan sebanyak RM100 kepada semua pelajar sekolah rendah dan menengah tanpa mengira jantina yang secara langsung dapat meningkatkan lagi akses kanak-kanak kepada pendidikan.

Bagi membolehkan perspektif gender diketengahkan dalam penggubalan dasar dan pelan tindakan serta perancangan program dan intervensi yang lebih berkesan, semua kementerian dan agensi kerajaan telah diminta untuk menyedia dan mengumpul data mengikut pecahan jantina. Arahan ini terkandung dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil.2, Tahun 2011 mengenai garis panduan bagi penyediaan cadangan Anggaran Perbelanjaan Tahun 2012 dan 2013 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan pada 14 Januari 2011. Selain itu Pekeliling Perbendaharaan Bil.3, Tahun 2012 mengenai garis panduan bagi penyediaan cadangan Anggaran Perbelanjaan Tahun 2013 yang dikeluarkan pada 17 Januari 2012 juga telah mengarahkan kementerian dan agensi kerajaan untuk memastikan agar semua keperluan berdasarkan gender diambil kira dalam proses perancangan.

Selain itu kementerian sedang bekerjasama dengan Kementerian Kewangan untuk mengenal pasti elemen yang sesuai dalam sistem Belanjawan Negara yang baru iaitu bajet berasaskan *outcome* bagi memastikan perspektif gender diintegrasikan dalam proses penyediaan belanjawan.

Tuan Yang di-Pertua, isu kekurangan taska di tempat kerja dan cadangan mewujudkan taska swasta di jabatan kerajaan serta kualiti taska yang tidak memuaskan turut disentuh. Sambutan majikan sektor awam bagi menubuhkan taska di tempat kerja semakin memberangsangkan. Daripada kajian yang dijalankan oleh kementerian pada tahun 2011 sebanyak 19 daripada 25 kementerian dan sembilan daripada 77 jabatan kerajaan telah mempunyai taska di tempat kerja. Antara faktor mengapa beberapa kementerian dan jabatan tidak mempunyai taska di premis mereka adalah seperti berikut:

- (i) berkongsi dengan kementerian lain yang telah menubuhkan taska terutamanya bagi kementerian dan jabatan yang berada dalam kompleks atau parcel yang sama di Putrajaya;
- (ii) premis pejabat tidak mempunyai ruang yang mencukupi;
- (iii) pegawai dan kakitangan tidak memerlukan perkhidmatan penjagaan anak di tempat kerja;
- (iv) bilangan kakitangan yang sedikit serta tidak ekonomik untuk diadakan, dan;
- (v) berkongsi ruang pejabat dengan organisasi lain.

Bagi mengendalikan taska di tempat kerja sektor awam ketua jabatan boleh menyumber luar atau dengan izin, *outsourc*e kepada pengusaha swasta. Mengenai kualiti taska di tempat kerja mana-mana taska yang berdaftar perlu mematuhi dengan izin standard minimum yang ditetapkan di bawah Akta Taska 1984 dan peraturan yang berkaitan di bawahnya. Pegawai JKM yang diberi kuasa menjalankan pemantauan dari masa ke semasa untuk memastikan kualiti taska sentiasa terjamin.

■ 1450

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin memberikan maklum balas kepada cadangan agar kementerian menyediakan modul khusus sebagai persediaan golongan ibu bapa untuk mendidik anak secara berkesan.

Kementerian melalui LPPKN iaitu Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara telah membangunkan pelbagai modul latihan keibubapaan bagi membantu golongan ibu bapa menangani cabaran dalam mendidik anak-anak secara berkesan.

Antara modul latihan yang telah dibangunkan ialah Modul Keluarga@Kerja dan Modul Persediaan Pra Perkahwinan SMARTSTART. Selain itu, bagi memberikan kemahiran dan pengetahuan berkaitan dengan pendidikan kesihatan reproduktif, LPPKN telah membangunkan modul cakna diri iaitu edisi ibu bapa pada tahun 2010. LPPKN dengan kerjasama pertubuhan bukan kerajaan, agensi-agensi kerajaan dan sektor swasta telah melaksanakan pelbagai program kemahiran keibubapaan seperti berikut:

- (i) Kursus Pra Perkahwinan SMARTSTART yang disertai oleh pasangan yang akan berkahwin dan baru berkahwin untuk memberi ilmu pengetahuan dan kemahiran persediaan awal perkahwinan. Sehingga bulan Disember tahun 2011, sejumlah 415 program telah dilaksanakan dengan disertai lebih 7,135 pasangan dengan kerjasama Jabatan Pendaftaran Negara, NGO dan badan-badan agama;
- (ii) Program Keluarga@Kerja atau pun dengan izin, *Parenting@Work* khusus untuk ibu bapa bekerja sama ada di sektor awam atau swasta sejak tahun 2007 untuk membantu ibu bapa bekerja mengimbangi tanggungjawab kerja dan keluarga. Bagi tempoh tahun 2007 hingga bulan Disember tahun 2011, sejumlah 459 program telah dilaksanakan oleh LPPKN yang melibatkan seramai 19,856 orang ibu bapa; dan
- (iii) Siri Kursus Ilmu Keluarga@LPPKN secara bulanan di setiap negeri kepada masyarakat umum untuk memberi kemahiran keibubapaan dan ilmu pemantapan keluarga. Bagi tempoh tahun 2006 sehingga bulan Disember 2011 yang lalu, sejumlah 6,753 kursus telah pun dianjurkan dengan penyertaan seramai 728,675 orang.

Tuan Yang di-Pertua, bagi tahun 2012, kursus keibubapaan akan diperluaskan ke peringkat komuniti setempat dengan kerja sama NGO sebagai salah satu usaha untuk mencegah jenayah termasuklah penderaan terhadap kanak-kanak. Menerusi program kerjasama ini, sukarelawan, NGO akan melaksanakan kursus keibubapaan khususnya di komuniti setempat yang berisiko.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai langkah-langkah tambahan yang telah dan akan diambil untuk mengatasi masalah tekanan yang dihadapi oleh golongan wanita, kementerian melalui LPPKN telah mengambil pelbagai inisiatif mengurangkan masalah tersebut serta langkah-langkah memperkukuhkan institusi keluarga agar ia tidak menambah tekanan kepada golongan wanita dan lelaki. Antaranya:

- (i) kemahiran perhubungan antara pasangan bagi membantu wanita menguruskan konflik dan tekanan. Tajuk "*Alam Keibubapaan*" serta "*Menangani Tekanan dan Konflik*" turut diintegrasikan dalam kursus Pra Perkahwinan SMARTSTART LPPKN. Kursus ini di hadiri oleh pasangan yang akan berkahwin atau baru berkahwin. Sehingga bulan Disember 2011, sejumlah 415 program telah dilaksanakan melibatkan penyertaan seramai 7,135 pasangan;
- (ii) meningkatkan *accessibility* kepada perkhidmatan sokongan keluarga. Memperluaskan perkhidmatan sokongan keluarga baru misalnya penubuhan secara perintis anjung interaktif, rekreasi, intervensi dan sokongan keluarga di bawah LPPKN pada bulan Mei 2010. Pusat ini turut menyediakan perkhidmatan terapi keluarga terutama bagi keluarga berisiko tinggi; dan

- (iii) Kursus Pengurusan Kewangan. Menyedari bahawa kemiskinan dan kesempitan kewangan antara masalah yang dihadapi oleh wanita dan keluarga mereka, kementerian melalui LPPKN telah melaksanakan program Pengurusan Kewangan Keluarga atau Smart Belanja@LPPKN untuk membantu keluarga meningkatkan pengetahuan, memberi panduan dan kemahiran dalam merancang kewangan serta perbelanjaan keluarga setiap bulan. Program ini dijalankan dengan kerjasama Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit.

Tuan Yang di-Pertua, pihak kementerian meneruskan perjuangannya supaya warga emas di negara ini dapat hidup sejahtera, bermaruah dan mempunyai martabat diri yang tinggi di samping mendapat penjagaan dan perlindungan sebagai ahli keluarga dan anggota masyarakat. Dalam hal ini, kementerian telah mengambil inisiatif untuk mengkaji semula Dasar Warga Tua Negara yang digubal pada tahun 1995 dan Pelan Tindakan Dasar Warga Tua Negara yang diguna pakai pada tahun 1998. Susulan kajian semula ini, Dasar Warga Emas Negara dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara yang baru telah pun dirangka dan diluluskan oleh kerajaan pada 5 Januari 2011 yang lalu.

Satu daripada strategi di bawah dasar dan pelan tindakan yang baru ini ialah pembelajaran sepanjang hayat bagi memberi peluang kepada warga emas untuk melengkapkan dan meningkatkan potensi diri dengan ilmu pengetahuan serta kemahiran untuk hidup secara aktif dan produktif dalam keluarga dan masyarakat. Sehubungan dengan itu, Institut Gerontologi Universiti Putra Malaysia iaitu UPM telah pun memperkenalkan Program Universiti Era Ketiga sejak tahun 2008 bagi menawarkan program pembelajaran sepanjang hayat di peringkat sijil kepada warga emas. Para peserta program mengikuti pelbagai kursus keilmuan, kemahiran dan kesenggangan di kampus UPM di Serdang, Selangor seperti asas pengkomputeran dan *internet*, fotografi digital, seni laman, masakan, kraf tangan dan kelas bahasa asing. Seramai 102 orang warga emas telah menyertai program ini pada tahun 2008, 214 orang pada tahun 2009, 233 pada tahun 2010 dan 215 orang pada tahun 2011.

Tuan Yang di-Pertua Universiti Terbuka Malaysia juga turut menggalakkan warga emas melanjutkan pelajaran di universiti tersebut menerusi insentif dalam bentuk diskaun sebanyak 75 peratus daripada yuran pengajian. Kementerian melalui JKM iaitu Jabatan Kebajikan Masyarakat telah menubuhkan 22 pusat aktiviti warga emas menerusi kerjasama strategik dengan NGO yang memberi manfaat kepada sejumlah 18,195 orang warga emas di seluruh negara.

Pusat ini menyediakan kemudahan kepada warga emas termasuk yang tinggal bersendirian dan kesunyian menjalani aktiviti sosial dan riadah bersama dengan ahli masyarakat yang lain. Kerajaan juga memberi tumpuan kepada usaha meningkatkan peluang pekerjaan kepada warga emas antaranya ialah meningkatkan peluang pekerjaan dalam sektor formal melalui:

- (i) masa bekerja anjal;
- (ii) kerja separuh masa; dan
- (iii) bekerja dari rumah.

■ 1500

Dalam hal ini peraturan kerja iaitu pekerja separuh masa tahun 2010 telah pun digubal dan mula berkuat kuasa pada 1 Oktober 2010 bagi meningkatkan penyertaan suri rumah, ibu tunggal, warga emas dan orang kurang upaya dalam pasaran pekerjaan. Selain itu, pada pertengahan bulan Mei 2012 seramai 10 orang pesara daripada Persatuan Pesara Kerajaan Malaysia akan membantu menjayakan bagi sistem di Anjung Singgah Kuala Lumpur dengan menjadi rakan dan memberikan khidmat nasihat serta para-kaunseling kepada golongan gelandangan di pusat sehenti intervensi tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan isu bantuan kebajikan. Kementerian turut melaksanakan pendekatan *productive welfare*, dengan izin, untuk meningkatkan pendapatan golongan miskin dan yang memerlukan agar mereka mampu berdikari dan tidak bergantung kepada bantuan kebajikan semata-mata untuk saraan hidup. Dalam hal ini, Ahli-ahli Yang Berhormat ada menyentuh mengenai Program AZAM Niaga.

Sebagai makluman, Program AZAM Niaga adalah salah satu inisiatif di bawah bidang keberhasilan utama negara meningkatkan taraf hidup isi rumah berpendapatan rendah dari tahun 2010 sehingga 10 April 2012, seramai 23, 350 isi rumah yang berpendapatan rendah telah pun menyertai Program AZAM Niaga di bawah kementerian.

Manakala seramai 16,782 orang peserta pula telah menyertai Program Azam Niaga di bawah Amanah Ikhtiar Malaysia. Bagi tujuan ini, peruntukan sebanyak RM224.4 juta telah pun diagihkan kepada peserta Azam Niaga bagi memberi bantuan peralatan perniagaan atau modal permulaan. Seterusnya, berhubung dengan isu penerima bantuan kebajikan yang perlu membuat permohonan semula bagi pelanjutan bantuan mereka. Suka saya jelaskan di sini bahawa sistem penyampaian bantuan JKM diuruskan mengikut prosedur kualiti urus iaitu PK Utama. Langkah ini bertujuan untuk memastikan agar proses pengendalian bantuan kewangan di bawah Skim Bantuan Persekutuan dan Skim Bantuan Negeri dapat dijalankan dengan cekap dan berkesan.

Sehubungan itu, Jabatan Kebajikan Masyarakat menjalankan seliaan dan menyediakan laporan kaji semula sebelum tamat tempohnya untuk menilai kesesuaian untuk melanjutkan tempoh bantuan. Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian secara aktif dalam perbahasan Titah Diraja. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Kementerian Pelajaran.

Puan Chew Lee Giok: Tuan Yang di-Pertua, boleh tak? Soalan saya tidak dijawab.

Tuan Yang di-Pertua: Ya...

Puan Chew Lee Giok: Boleh saya kemukakan?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat maksud kementerian mana tadi itu?

Puan Chew Lee Giok: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat sudah bersedia Yang Berhormat? Yang Berhormat Timbalan Menteri? Ada satu, silakan, pendek.

Puan Chew Lee Giok: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Lain kali bangun awal sikit sebelum saya bagi ya.

Puan Chew Lee Giok: Okey, okey.

Tuan Yang di-Pertua: Jangan...

Puan Chew Lee Giok: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri saya hendak tanya ada soalan saya waktu saya berbahas tentang sejauh mana kah keberkesanan usaha Kursus Praperkahwinan dalam mengurangkan kecenderungan perceraian. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri hanya menjawab terdapat beberapa kursus 750 program dan jumlah peserta tetapi tidak dijawab saya punya soalan. Kedua ialah tentang untuk statistik perceraian, apakah pecahan mengikut tempoh perkahwinan dan umur? Apakah trend perceraian di kalangan muda dengan tempoh perkahwinan yang amat singkat? Terima kasih.

Datuk Heng Seai Kie: Terima kasih Yang Berhormat atas soalan tambahan yang telah dikemukakan. Tentang kesan bagi Kursus SMARTSTART iaitu Kursus Praperkahwinan saya tiada statistiknya. Walau bagaimanapun, untuk menjawab dan saya meminta jawapan secara bertulis, tetapi bagi isu kedua yang telah dibangkitkan iaitu tentang sebab ataupun punca perceraian dan juga trend-trend berkenaan dengan perceraian di negara ini. Suka saya memaklumkan kepada Dewan ini bahawa antara punca utama yang menyebabkan perceraian di kalangan rakyat kita mengikut etnik ialah bagi kaum Melayu pertama sekali ialah tiada persefahaman diikuti dengan sikap tidak bertanggjawab oleh si suami.

Ketiga ialah campur tangan mertua ataupun ipar. Untuk masyarakat Cina pula, sebab utama atau punca utama dan kedua adalah sama seperti kaum Melayu iaitu tiada persefahaman dan sikap tidak bertanggungjawab si suami tetapi bagi punca yang ketiga ialah untuk kaum Tionghoa ialah ketagihan dadah. Sementara itu untuk kaum India pula, punca utama ialah campur tangan mertua diikuti dengan punca yang kedua ialah tiada persefahaman dan ketiga pula ialah enggan dimadukan oleh si suami. Diikuti dengan satu lagi yang keempat ialah curang.

Manakala tentang kategori umur adalah didapati bahawa mereka yang menunjukkan ataupun mencatatkan kadar penceraian yang paling tinggi ialah dalam mereka yang berkahwin dalam tempoh kurang daripada lima tahun. Itu ialah satu tempoh yang risikonya tinggi untuk penceraian. Jikalau kita banding dari segi iaitu tentang sebab perkahwinan mengikut strata antara bandar dan luar bandar pula. Bagi bandar, sebab punca utama untuk bandar dan luar bandar sememangnya adalah sama iaitu yang pertama sekali tiada persefahaman. Kedua ialah tidak bertanggungjawab tetapi bagi punca yang ketiga di antara yang paling kerap sekali untuk yang bandar ialah berlakunya perlakuan curang oleh si suami.

Bagi luar bandar pula, punca ketiga ialah campur tangan mertua ataupun ipar-duai. Itu sahaja, jadi dengan itu sekali lagi saya ucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun menyertai dalam perbincangan ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ingin saya menarik semua perhatian Ahli Yang Berhormat, kalau sekiranya Yang Berhormat ingin mencelah ataupun memohon penjelasan elok dilakukan semasa wakil kementerian Yang Berhormat Timbalan atau pun Yang Berhormat Menteri sedang beri jawapan.

Sekarang saya akan mempersilakan Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran.

3.08 ptg.

Timbalan Menteri Pelajaran II [Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi]: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, salam sejahtera, salam 1Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Kementerian Pelajaran Malaysia saya ingin merakamkan ucapan terima kasih di atas keprihatinan semua Ahli Yang Berhormat Senator kerana telah mengambil perhatian yang serius terhadap pembangunan pendidikan melalui perbincangan yang berlangsung daripada 23 hingga 26 April 2012.

Seramai 16 Ahli Yang Berhormat Senator telah mengambil bahagian dalam perbincangan ini dengan membangkitkan pelbagai perkara menyentuh Kementerian Pelajaran Malaysia. Justeru, saya akan menjawab perkara-perkara yang dibangkitkan serta mengulas isu-isu yang spesifik dengan sebaik mungkin. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran Malaysia amat menjunjung tinggi Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa Istiadat Pembukaan Penggal Kelima, Majlis Parlimen Ke-12. Dalam hal ini, KPM sentiasa berusaha dengan mengambil pelbagai langkah proaktif bagi memastikan sistem pendidikan negara mampu melahirkan modal insan yang seimbang, berilmu pengetahuan, kemahiran, kreatif, inovatif, berketerampilan dan berakhlak mulia.

■ 1510

Oleh itu, pandangan dan saranan Yang Berhormat Senator Tuan Khoo Soo Seang, Yang Berhormat Senator Dato' Boon Som a/l Inong, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz binti Md. Naw, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yunus Haji Kurus, Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Noriah binti Mahat, Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg dan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit akan diberikan perhatian yang sewajarnya bagi memantapkan lagi sistem pendidikan negara. Justeru, penglibatan semua Ahli-ahli Yang Berhormat Senator dalam siri dialog kebangsaan, *public engagement* yang telah pun bermula pada 29 April hingga 14 Julai tahun 2012 amat dialu-alukan.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang perkhidmatan guru sementara seperti dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Khoo Soo Seang, mulai tahun 2012 Kementerian Pelajaran Malaysia sebenarnya tidak lagi melantik guru sandaran tidak terlatih (GSTT). Sebagai langkah penyelesaian sementara bagi memenuhi keperluan semasa, Jabatan Pelajaran Negeri dibenarkan melantik guru interim, guru yang terlatih melalui Surat Pekeliling Perkhidmatan KPM Bil.1/2007. Menyentuh tentang kekurangan guru di SJK(T), SJK(C) seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Khoo Soo Seang dan Yang Berhormat Senator Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah. Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bercadang untuk mengulas lagi kerana perkara ini telah pun dijawab secara panjang lebar semasa sesi jawab lisan pada 24 April yang lalu.

Berhubung dengan penempatan dan perkhidmatan guru tempatan di kawasan pedalaman seperti dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg, Kementerian Pelajaran Malaysia memang memberi keutamaan kepada calon anak tempatan yang layak dan memenuhi syarat-syarat ditetapkan...

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Bagi laluan...

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: ...Untuk mengikuti pengajian di Institut Pendidikan Guru (IPG).

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada seorang bangun Yang Berhormat..

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Minta laluan.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Saya habiskan ayat ini sedikit. Yang kemudiannya ditempatkan untuk mengajar di kawasan-kawasan pedalaman di negeri masing-masing, terutamanya di Sarawak dan Sabah. Ya, silakan.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya minta soalan mengenai sekolah SRJK(T) Serdang. Soalan ini saya tidak pernah minta dahulu iaitu sekolah ini bumbung jatuh dan mereka pun banyak kali ada membuat rayuan untuk pertolongan, tidak ada pertolongan hingga bumbung pun jatuh, baru Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri pergi jumpa mereka. Soalan saya ialah Perdana Menteri mengumumkan di merata-rata tempat bahawa RM440 juta diperuntukkan untuk sekolah Tamil. Kenapa tidak ada peruntukkan untuk sekolah ini sehingga bumbungnya jatuh? Itulah soalan saya. Terima kasih.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya sekolah tersebut sudah pun kita luluskan cuma perlaksanaannya sahaja. Jadi, kalau lambat lagi nanti Yang Berhormat hubungi saya sahajalah sebab saya pun yang menjaga sekolah SJK(T) ini. Jadi, hubungi saya Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Okey, teruskan Yang Berhormat.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Mengenai aduan yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi mengenai tunggakan gaji guru belum dibayar sepenuhnya. Saya memohon jasa baik Ahli Yang Berhormat mengemukakan senarai guru-guru yang dimaksudkan untuk penelitian secara terperinci pihak kementerian. Manakala mengenai dakwaan Ahli Yang Berhormat yang menyatakan sebuah sekolah di Kuala Lumpur yang mengarahkan guru-guru Muslim mengikuti ceramah *brother* Kristian. Perkara tersebut akan diberi perhatian serius dan siasatan akan dilakukan dengan seberapa segera. Dalam hal ini, kementerian tidak akan berkompromi terhadap perkara-perkara yang boleh menjejaskan profesionalisme guru. Cuma saya hendak perjumpakan kepada Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi iaitu tentang tunggakan gaji guru ini oleh kerana bila kita balik kepada sistem sebelumnya daripada SBPA, maka kenaikan 13 peratus itu memang tidak dinafikan ada setengah sekolah ataupun guru-guru yang belum mendapatnya, tunggakan selama lebih kurang tiga bulan itu kerana masalah pengurusan teknikal.

Tuan Yang di-Pertua, pandangan Yang Berhormat Senator Dato' Boon Som a/l Inong bahawa kaedah pengajaran dan pembelajaran (P&P) oleh guru perlu berubah sejajar dengan perubahan teknologi amatlah disanjung tinggi oleh kementerian. Dalam hal ini, kursus-kursus peningkatan profesionalisme guru bagi meningkatkan lagi mutu P&P sentiasa memberi penekanan kepada peningkatan kualiti.

Antara kaedah dan teknik yang diterapkan termasuklah kaedah pembelajaran luar bilik darjah (PLBD), pembelajaran akses sendiri, '*self access learning*', pembelajaran secara kontekstual, kontraksivisme, pembelajaran menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), belajar cara belajar, pembelajaran *mastery* dan pembelajaran berasaskan kajian masa depan.

Selain itu, guru juga digalakkan untuk menggunakan kreativiti masing-masing dalam sesi P&P bagi memotivasikan murid-murid mencapai kejayaan dalam kehidupan seperti mengamalkan kemahiran berfikir secara kreatif dan kritis dan yang terkini pada tahun 2011 program *i-Think* telah diperkenalkan dan diadaptasi dalam P&P. Program ini bertujuan untuk mempertingkatkan dan membudayakan kemahiran berfikir dalam kalangan murid ke arah menghasilkan murid berfikir kreatif dan kritis.

Untuk makluman Yang Berhormat, kita juga sekarang ini menggalakkan penggunaan *video conferencing* sebagai contohnya, tadi bila saya berada di Batu Pahat dalam Majlis Pembukaan Sekolah Menengah Sains Batu Pahat, kita mengadakan *video conferencing* dengan beberapa sekolah SBP. Ini satu pendekatan yang saya kata bahawa kita mengikut arus perubahan dan mereka juga boleh melakukan *video conferencing* dengan sekolah-sekolah di luar negara iaitu dalam proses pengantarabangsaan ini.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi, Kementerian Pelajaran Malaysia tidak menghalang guru-guru untuk terlibat dalam kegiatan politik. Walau bagaimanapun, penglibatan guru-guru tersebut... [Disampuk]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat berhenti sekejap Yang Berhormat. Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi ada tidak? Kalau boleh sila masuk sebab soalan dia banyak dijawab ini. Okey, teruskan Yang Berhormat.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Walau bagaimanapun, penglibatan guru-guru tersebut akan dipantau secara berterusan oleh KPM. Langkah-langkah tersebut bertujuan untuk memastikan aktiviti yang dilakukan di luar waktu bertugas tidak menjejaskan tugas rasmi guru-guru tersebut di sekolah. Guru-guru siswazah yang terlibat dalam politik mestilah mematuhi syarat Pekeliling Perkhidmatan Kementerian Pelajaran Malaysia Bil.2/2010, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam, Kelakuan dan Tatatertib 1993 dan Pekeliling Perkhidmatan Bil.9/2010. Malangnya, hingga ke hari ini Tuan Yang di-Pertua, tidak ramai yang mohon untuk mendapat kebenaran aktif dalam politik, mungkin dia risau, takut agaknya. Akan tetapi *insya-Allah* oleh kerana kita berada dalam proses mematangkan Perlembagaan, maka sebenarnya tidak ada siapa yang sepatutnya takut asalkan kita matang.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan peruntukkan kepada pendidikan Islam yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat, kementerian sentiasa memberi perhatian dengan menyalurkan peruntukan yang sewajarnya. Selain bertanggungjawab kepada sekolah menengah kebangsaan agama (SMKA) dan sekolah agama bantuan kerajaan (SABK), kerajaan juga secara tidak langsung membantu sekolah agama rakyat (SAR). Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, untuk tahun 2011 sahaja kerajaan telah menyalurkan peruntukan pembangunan sebanyak RM1.84 juta kepada SMKA, RM2.45 juta kepada SABK serta menyalurkan peruntukan kewangan sebanyak RM95 juta untuk membantu sekolah agama rakyat.

Yang Berhormat Senator Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah telah membangkitkan kejadian bumbung sebuah sekolah. Yang ini yang saya hendak jawab Yang Berhormat. Sebenarnya kita telah luluskan peruntukan sebanyak RM2.3 juta bagi membaiki kerosakan dan membantu sekolah tersebut. Jadi, kalau ada apa-apa Yang Berhormat hubungi sayalah.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Minta sedikit. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya juga minta senarai sekolah-sekolah di mana peruntukan yang diberitahu, yang dihebohkan oleh Perdana Menteri RM440 juta. Senarai...

Tuan Yang di-Pertua: Ini Yang Berhormat, ini soalan lain pula sudah ini.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Itu dalam ucapan saya ada minta.

Tuan Yang di-Pertua: Yang sekarang ini hendak dapatkan semua *list* juga?

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Saya ada minta tetapi sehingga sekarang saya tidak dapat senarai itu. Terima kasih.

■ 1520

Tuan Yang di-Pertua: Jawab Yang Berhormat.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Saya akan uruskan perkara tersebut.

Mengenai cadangan Yang Berhormat Senator Puan Mariany binti Mohammad Yit supaya banyak sekolah berasrama penuh ditubuhkan, Kementerian ingin memaklumkan bahawa kapasiti sekolah sedia ada masih boleh menampung keperluan murid-murid berprestasi tinggi. Selain SBP, kementerian juga mempunyai sekolah-sekolah kawalan khas di bawah pentadbiran Jabatan Pelajaran Negeri yang turut memberi peluang kepada murid-murid cemerlang. Di samping itu, pengiktirafan sekolah berprestasi tinggi merupakan langkah kerajaan membangunkan kecemerlangan sekolah dan memperluas *accessibility* murid cemerlang.

Untuk makluman Yang Berhormat, tadi kita telah pun merasmikan Sekolah Menengah Sains, Batu Pahat dan dalam masa terdekat ini Sekolah Menengah Agama Persekutuan Bentong dan tiga dalam pembinaan iaitu Sekolah Menengah Sains, Jeli, Sekolah Menengah Sains, Kuching Utara dan satu lagi saya terlupa.

Untuk makluman Yang Berhormat, selain daripada sekolah berasrama penuh, kita juga mengusahakan supaya sekolah harian menjadi sekolah cemerlang dengan proses yang dipanggil sebagai melonjakkan menjadi sekolah berprestasi tinggi dan hingga ke hari ini ada 66 sekolah telah pun berjaya dipilih sebagai sekolah berprestasi tinggi. Jadi sekolah harian juga boleh menjadi sekolah cemerlang.

Merujuk kepada isu sekolah luar bandar yang kekurangan kemudahan komputer dan *internet* yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus, kerajaan sedang berusaha meningkatkan kemudahan tersebut melalui projek 1Bestari.net. Syarikat penyedia perkhidmatan 1Bestari.net akan membekalkan kemudahan *internet* ke semua sekolah seluruh negara dalam tempoh dua tahun setengah. Sekolah-sekolah yang masih belum menerima perkhidmatan 1Bestari.net boleh menggunakan perkhidmatan *internet* dari penyedia perkhidmatan yang lain seperti TM Malaysia Berhad, Jaring dan sebagainya.

Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga 9 Mac yang lalu, lebih kurang 1,275 sekolah sudah pun dipasang dengan kemudahan 1Bestari.net ini. Sebab itu kita jangka pada tahun hadapan, semua sekolah di seluruh negara akan menerima kemudahan 1Bestari.net ini di mana 3,324 sekolah akan mendapat kemudahan dua hingga empat *megabits per second* dan 6,619 sekolah akan mendapat kelajuan empat hingga sepuluh *megabits per second*. Jadi ini bermakna bahawa kerajaan amat prihatin tentang perkembangan ICT sekarang ini. Program 1Bestari.net ini sebenarnya mempunyai banyak kelebihan dan untuk makluman Yang Berhormat, ia menggantikan *SchoolNet* yang kita guna sebelum ini yang kurang berkesan dan *accessibility* nya ialah 99.9 peratus.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin telah menyentuh tentang Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan Sistem Analisis Peperiksaan Sekolah (SAPS) yang dianggap membebankan guru. Kerajaan ingin menegaskan bahawa KSSR merupakan satu usaha menambah baik kurikulum dan kaedah pengajaran dan pembelajaran (PNP). KSSR memberi fokus kepada meningkatkan lagi strategi PNP kepada bentuk didik hibur di samping memasukan elemen kreativiti dan inovasi, keusahawanan dan teknologi maklumat dan komunikasi secara *explicit* supaya PNP lebih menarik, menyeronokkan dan bermakna.

Sementara Sistem Analisis Peperiksaan Sekolah (SAPS) bertujuan untuk mengikuti perkembangan pencapaian atau prestasi setiap murid supaya tindakan sewajarnya dapat diberikan dengan cepat mengikut keperluan murid tersebut. SAPS ini merupakan *one-stop-data centre* KPM. Segala kelemahan mengenai *accessibility internet* dan pelaksanaan sistem ini sedang ditambah baik dari semasa ke semasa supaya sistem ini dapat digunakan pada masa hadapan dengan lebih teratur bagi mengurangkan beban guru. Telah diputuskan bahawa guru hanya perlu mengisi dua kali setahun sahaja iaitu untuk peperiksaan pertengahan tahun dan peperiksaan akhir tahun.

Mengenai cadangan Yang Berhormat Senator Dato' Boon Som a/l Inong supaya mata pelajaran Sivik dan Kewarganegaraan dikaji semula, Kementerian memaklumkan bahawa kurikulum yang digubal telah memberi penekanan kepada aspek patriotisme dan cintakan negara. Aspek tersebut diajar dalam tajuk-tajuk tertentu dalam mata pelajaran Pendidikan Moral dan Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan. PSK bertujuan memberi kesedaran kepada pelajar tentang peranan, hak dan tanggungjawab mereka dalam masyarakat dan negara untuk melahirkan anggota masyarakat dan warganegara yang bersatu padu, patriotik dan boleh menyumbang ke arah kesejahteraan masyarakat dan negara.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Tuan Baharudin bin Abu Bakar, kerajaan telah menjadikan mata pelajaran Sejarah sebagai mata pelajaran wajib lulus dalam peperiksaan SPM mulai tahun 2013. Ini merupakan satu langkah yang tepat agar modal insan yang dilahirkan mempunyai ilmu pengetahuan, bertanggungjawab, berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta mampu memberi sumbangan kepada keharmonian dan kemakmuran masyarakat serta negara. Selain itu, untuk memastikan generasi muda dapat dibentuk dan didedahkan dengan pengetahuan sejarah di peringkat awal persekolahan lagi, mata pelajaran Sejarah di peringkat sekolah rendah akan diperkenalkan mulai tahun 2014 di Tahap 2, iaitu Tahun 4, secara berperingkat-peringkat.

Kementerian telah mewajibkan kepada semua murid Islam mempelajari Pendidikan Islam di samping menjalani aktiviti kerohanian sebagai kokurikulum seperti Kem Bestari Solat, J-Qaf dan sebagainya. Mereka juga diwajibkan menduduki peperiksaan mata pelajaran Pendidikan Islam dalam peperiksaan PMR dan SPM. Akan tetapi, kementerian tidak bercadang untuk menjadikan mata pelajaran Pendidikan Islam wajib lulus dalam peperiksaan sebagaimana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi. Kementerian juga menyediakan buku teks Pendidikan Islam dan buku rujukan termasuk Al-Quran yang mempunyai terjemahan untuk kegunaan guru-guru dan pelajar.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian memahami kerisauan Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ahamat bin Yusop terhadap penguasaan bahasa Inggeris di kalangan pelajar. Melalui dasar MBMMBI yang telah dilaksanakan oleh kementerian mulai tahun 2011, pelbagai strategi dan inisiatif telah dilaksanakan bagi meningkatkan lagi penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan murid. Selain itu, guru-guru Bahasa Inggeris juga diberikan insentif seperti Bayaran Insentif Subjek Pendidikan (BISP) dan berpeluang melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Manakala guru-guru Bahasa Inggeris yang berpengalaman dan telah bersara juga telah dilantik menjadi guru kontrak Bahasa Inggeris bagi menampung keperluan guru pakar dalam bidang tersebut seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Baharudin bin Abu Bakar.

Mengenai cadangan menjadikan Bahasa Siam dan Bahasa Punjabi sebagai mata pelajaran di sekolah seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Boon Som a/l Inong dan Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh, Kementerian akan mengkaji keperluan tersebut. Walau bagaimanapun, Bahasa Punjabi sememangnya ditawarkan kepada pelajar dalam peperiksaan PMR dan SPM manakala Bahasa Siam sudah pun diangkat kertasnya. Selain itu, bahasa etnik juga digalakkan perkembangannya melalui persatuan atau kelab yang ditubuhkan berdasarkan keperluan pelajar etnik di sekolah. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, bahasa etnik seperti KadazanDusun telah pun diajar di sekolah rendah dan menengah dan sudah pun ada peperiksaan di peringkat PMR dan SPM.

Tuan Yang di-Pertua, bagi isu keciciran yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Raja Ropiaah binti Raja Abdullah, statistik pendidikan menunjukkan jumlah murid yang tidak menyambung pelajaran di semua peringkat persekolahan di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia dari tahun 2010 ke tahun 2011 adalah seramai 70,398 orang iaitu 1.5 peratus. Sebenarnya tidak semua murid tersebut terus tercicir daripada mendapat pendidikan kerana terdapat segolongan besar murid itu sebenarnya meneruskan pelajaran untuk mendapatkan pendidikan dalam bidang-bidang yang sesuai dengan kehendak ibu bapa dan minat murid tersebut di institusi bukan di bawah Kementerian Pelajaran seperti mengambil bidang kemahiran, teknikal dan sebagainya.

■ 1530

Terdapat juga murid-murid yang terus meninggalkan dunia pendidikan kerana tidak berminat terhadap pelajaran, masalah kesihatan dan juga memasuki alam pekerjaan. Ada juga banyak kes Tuan Yang di-Pertua ialah kebanyakan sekolah di pedalaman yang ketiadaan asrama desa, di mana mereka terpaksa berjalan kaki untuk sampai ke sekolah dan apabila berlaku hujan lebat, banjir dan sebagainya mereka tidak boleh ke sekolah dan sebab itulah langkah kita antara lain ialah untuk membina lebih banyak asrama-asrama desa di kawasan-kawasan pedalaman.

Kementerian telah mengambil langkah untuk memperkasakan pendidikan vokasional dan kemahiran bagi membuka ruang kepada murid menjadikan bidang kemahiran pilihan mereka. Objektif program asas vokasional secara umumnya adalah untuk mencegah keciciran murid pada peringkat rendah dan menengah rendah yang disebabkan oleh pelbagai punca seperti keciciran, murid lembam sehingga hilang minat untuk belajar, murid bermasalah disiplin, murid bermasalah sosial ekonomi dan sebagainya. Untuk makluman, dengan adanya pengenalan PLV di sekolah harian ini maka menjelang tahun 2015, lebih kurang 9,000 pelajar akan mendapat Sijil Kemahiran Tahap 1 dan Tahap 2.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahaja yang dapat dijelaskan mengenai perkara-perkara yang menyentuh Kementerian Pelajaran yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator sekalian. Perkara-perkara yang tidak sempat dijelaskan akan tetap diambil perhatian dan tindakan sewajarnya. Sekali lagi kementerian mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih di atas keprihatinan, perhatian, teguran dan sokongan yang berterusan Ahli-ahli Yang Berhormat Senator terhadap usaha-usaha yang dijalankan oleh Kementerian Pelajaran. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, sekarang saya mempersilakan Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air.

3.32 ptg.

Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air [Dato' Noriah binti Kasnon]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, *assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada enam orang Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian membahaskan perkara dan isu yang menyentuh bidang tugas Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air sepanjang sesi perbincangan Titah Diraja di Dewan yang mulia ini. Ahli-ahli Yang Berhormat tersebut adalah Yang Berhormat Senator Datuk Haji Kadzim bin Haji M. Yahya, Yang Berhormat Senator Puan Norliza binti Abdul Rahim, Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawli, Yang Berhormat Senator Datuk Chiew Tiang Chai dan Yang Berhormat Senator Tuan Chiew Lian Keng.

Saya juga mengambil kesempatan merakamkan penghargaan kepada Yang Berhormat Senator Tuan Khoo Soo Seang yang telah sudi berkongsi pendapat beliau dalam menyokong kepentingan teknologi hijau bagi meningkatkan taraf hidup rakyat di negara ini. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab mengikut sektor. Sektor tenaga, gangguan bekalan elektrik di Sabah. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Kadzim bin Haji M. Yahya telah membangkitkan isu gangguan elektrik di Sabah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sangat peka akan masalah gangguan elektrik dan ketidakcukupan bekalan elektrik yang dihadapi oleh pengguna-pengguna di Sabah. Perancangan pembekalan elektrik di Negeri Sabah merupakan satu komitmen menyeluruh dan berterusan kerajaan dalam usaha atau mempertingkatkan tahap 'keboleharapan' pembekalan elektrik di Sabah. Tahap pembekalan elektrik di sesebuah tempat boleh diukur melalui pencapaian SAIDI atau dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *Average Interruption Duration Index System* yang merupakan indeks yang digunakan untuk menilai kadar gangguan bekalan yang dialami oleh seorang pengguna bagi setahun.

Bagi seluruh Negeri Sabah, SAIDI yang telah dicatatkan pada tahun 2009 adalah sebanyak 2867.23 minit untuk seorang pelanggan dalam setahun dan berasaskan usaha-usaha yang telah diambil oleh Sabah Electricity Sdn. Bhd. atau SESB.

Dengan bantuan kewangan Kerajaan Persekutuan indeks SAIDI ini telah dapat dikurangkan kepada 687.38 minit bagi seorang pelanggan setahun atau penurunan sebanyak 76 peratus pada tahun 2010 dan seterusnya kepada 494.64 minit bagi seorang pelanggan setahun pada tahun 2011 iaitu menyaksikan penurunan sebanyak 31 peratus. Prestasi positif ini merupakan kesinambungan impak daripada pelaksanaan pelbagai projek pengukuhan dan menaiktarafkan sistem sebagai usaha untuk meningkatkan kualiti serta daya harap bekalan elektrik di Negeri Sabah yang dibiayai melalui peruntukan khas daripada Kerajaan Persekutuan di bawah dana khas inisiatif SAIDI 700 minit pada tahun 2010 dan inisiatif SAIDI 4.7 mengikut sektor pada tahun 2011.

Pengurangan SAIDI ini telah memberi makna yang besar ataupun *touch point* dengan izin, kepada rakyat dalam meningkatkan mutu dan kualiti hidup mereka. Antara projek yang telah memberikan impak yang besar di bawah inisiatif ini adalah projek pemasangan generator mudah alih dengan kapasiti penjanaan 800 megawatt di beberapa Pencawang Pembahagian Utama atau PPU di Negeri Sabah termasuk di Malawa, Tanjung Aru, Sandakan, Tawau dan POIC Lahad Datu. Projek menaiktarafkan alat ubah di PPU, projek menaiktarafkan sistem perlindungan atau *protection system* dengan izin, melalui pemasangan *current differential relay*, dengan izin, pada sistem 33KV serta projek pemasangan *transmission line arrester* (TLA) dengan izin, pada talian 33KV.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh, kerajaan telah mengenal pasti beberapa lagi projek untuk dilaksanakan merangkumi segmen penjanaan, penghantaran dan pembahagian khususnya di kawasan-kawasan Pantai Timur Sabah. SESB juga akan meneruskan projek-projek dan inisiatif bagi meningkatkan *operating margins*, dengan izin, memperkukuhkan prestasi rangkaian penghantaran dan pembahagian dengan melaksanakan selenggaraan pencegahan yang lebih kerap. Melaksanakan projek-projek pengukuhan sistem bagi rangkaian penghantaran dan pembahagian, pengurusan henti tugas serta menambah kapasiti penjanaan. Pelaksanaan projek-projek pembekalan elektrik ini dijangka dapat meningkatkan lagi daya harap pembekalan elektrik di Negeri Sabah serta dapat membantu merancakkan lagi projek-projek pembangunan ekonomi yang telah dirancang oleh Kerajaan Negeri Sabah.

Kedua, caj sambungan pengguna untuk bekalan elektrik. Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin mengulas mengenai pandangan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Puan Norliza binti Abdul Rahim dan Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman mengenai isu *contribution*, dengan izin, yang dikenakan kepada pemaju untuk satu-satu projek perumahan oleh pihak Tenaga Nasional Berhad atau TNB. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, apa yang disebutkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sebagai *contribution*, dengan izin, adalah saya kira merujuk kepada caj sambungan pengguna ataupun CSP ataupun *connection charge*, dengan izin.

Secara amnya CSP merupakan pembayaran awal yang dijelaskan oleh pengguna ataupun pemaju untuk menampung sebahagian kecil kos infrastruktur bekalan elektrik yang diperlukan untuk memberi bekalan kepada pengguna. Oleh itu ia juga merupakan satu bentuk yuran komitmen ataupun *commitment fee*, dengan izin, daripada pengguna yang mendapatkan bekalan elektrik daripada pihak TNB. Setiap permintaan bekalan elektrik daripada pengguna terutamanya permintaan bekalan dalam skala besar memerlukan pihak utiliti merancang serta memperuntukkan pembinaan infrastruktur yang melibatkan kos yang tinggi di peringkat awal lagi. Justeru dengan membayar CSP, pihak pengguna akan dapat membuktikan komitmen mereka terhadap bekalan yang dipohon ataupun yang diperlukan.

Sektor air, tanggungjawab Pengurusan Bekalan Air Negara. Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawī, ingin saya memaklumkan bahawa selaras dengan pindaan kepada Jadual Kesembilan dan Jadual kesepuluh, Perlembagaan Persekutuan pada tahun 2005. Bidang kuasa pengurusan perkhidmatan bekalan air telah dipindahkan dari Senarai Negeri kepada Senarai Bersama. Di bawah Senarai Bersama, Kerajaan Persekutuan melalui Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara ataupun SPAN telah dipertanggungjawabkan untuk mengawal selia industri perkhidmatan air termasuk operator-operator air berpandukan kepada Akta Industri Perkhidmatan Air 2006, Akta 655.

Di bawah senarai bersama ini, semua kerajaan negeri yang masih memiliki operator bekalan air kana tetap bertanggungjawab di atas entiti berkenaan. Oleh yang demikian kerajaan-kerajaan negeri perlu memastikan prestasi perkhidmatan dan prestasi piawai operator air dimiliki dalam keadaan baik dan memuaskan.

■ 1540

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya untuk sektor teknologi hijau, insentif kepada perusahaan hijau. Mengenai insentif yang telah diberikan oleh pihak kerajaan kepada perusahaan hijau seperti mana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Chiew Tiang Chai, kerajaan telah menyediakan pelbagai insentif untuk meningkatkan pembangunan teknologi hijau.

Antara kemudahan insentif ini ialah skim pembiayaan teknologi hijau atau dengan izin, *Green Technology Financing Scheme* sebanyak RM1.5 bilion yang telah mula dilaksanakan pada bulan Januari 2010. Insentif ini merupakan galakan daripada kerajaan kepada syarikat-syarikat pengeluar dan pengguna teknologi hijau dalam empat sektor utama iaitu sektor tenaga, sektor air dan pengurusan sisa, sektor pengangkutan dan juga sektor bangunan. Skim ini melibatkan pinjaman mudah yang mana pihak kerajaan memberi subsidi tanggungan 2 peratus kadar faedah setahun dan jaminan kerajaan sebanyak 60 peratus daripada jumlah pembiayaan yang diluluskan. Setakat ini insentif yang disediakan bagi pembangunan projek-projek teknologi hijau ini telah dinikmati oleh 42 buah syarikat dengan anggaran projek teknologi hijau sebanyak RM655 juta. Projek-projek teknologi hijau ini diharap dapat menjana sumber pendapatan baru dan pembangunan ekonomi negara yang mampan.

Tuan Yang di-Pertua, selain itu insentif galakan juga diberi untuk meningkatkan dan menggalakkan penggunaan teknologi hijau dalam industri pembinaan dan perumahan di negara ini. Satu indeks penarafan ke atas bangunan mesra alam yang dikenali sebagai *Green Building Index* (GBI) dengan izin, telah dibangunkan oleh Pertubuhan Arkitek Malaysia dan *Association of Consulting Engineers Malaysia*. GBI bertujuan menggalakkan aplikasi teknologi hijau dan struktur bangunan mampan dalam industri pembinaan di Malaysia. Antara insentif yang diberikan termasuklah pengecualian cukai pendapatan, pengecualian duti setem ke atas surat cara pindah milik bagi pembeli yang membuat pembelian bangunan dan rumah kediaman yang telah memperoleh sijil GBI.

Tuan Yang di-Pertua, selain itu kerajaan juga menyediakan insentif kepada syarikat-syarikat yang terlibat di dalam penjanaan elektrik daripada sumber tenaga boleh baharu atau *renewable energy*, dengan izin, dan penjimatan tenaga atau pun kecekapan tenaga yang meliputi taraf perintis, elaun cukai pelaburan, pengecualian duti import dan juga cukai jualan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat seterusnya, bagi sektor pengurusan sisa dan air pula, insentif bagi aktiviti kitar semula sisa juga disediakan. Syarikat-syarikat yang menjalankan aktiviti kitar semula sisa yang mempunyai nilai tambah tinggi dan menggunakan teknologi tinggi adalah layak mendapat insentif seperti taraf perintis atau elaun cukai pelaburan. Aktiviti-aktiviti yang layak mendapat insentif-insentif ini adalah seperti berikut:

- (i) kitar semula sisa pertanian atau produk sampingan pertanian; dan
- (ii) kitar semula kimia dan papan panel atau produk berasaskan kayu dibancuh semula.

Melalui insentif-insentif seperti yang ditawarkan ini, pihak kerajaan berharap agar pelbagai industri akan lebih membangun dan cenderung ke arah mengaplikasikan teknologi hijau di masa hadapan.

Lima - Pelan Induk Teknologi Hijau. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Chiew Lian Keng, telah menyentuh tentang pelaksanaan pelan induk teknologi hijau. Saya ingin memaklumkan bahawa kementerian ini telah mengatur pelbagai program bagi memberikan kesedaran dan menarik minat rakyat untuk mempraktikkan amalan hijau dalam kehidupan seharian. Penerimaan dan perubahan pemikiran masyarakat terhadap amalan hijau dan aplikasi teknologi hijau merupakan langkah awal dalam memastikan keberkesanan usaha memelihara alam sekitar yang dilaksanakan oleh kerajaan sekali gus dapat meningkatkan tahap kesihatan dan kualiti hidup rakyat.

Sehubungan itu, pelbagai bentuk promosi telah dijalankan dan pelbagai lagi promosi telah dirancang oleh pihak kementerian dalam meningkatkan tahap kesedaran rakyat.

Promosi dan kesedaran awam ke atas teknologi hijau ini disasarkan kepada masyarakat awam melalui tiga komponen iaitu promosi melalui penganjuran acara, melalui media dan peluasan direktori teknologi hijau.

Sehingga bulan Mac 2012 Tuan Yang di-Pertua, pelbagai aktiviti untuk mempromosi teknologi hijau telah pun dilaksanakan. Sebanyak empat siri karnival "1Hijau, 1Komuniti" telah diadakan di Taman Tasik Titiwangsa, Kuala Lumpur, di Bandar Raya Melaka, di Sekinchan Negeri Selangor dan di Miri, Sarawak. Penganjuran karnival "1Hijau, 1Komuniti" yang berkonsepkan santai namun berinformasi mengandungi pelbagai aktiviti merangkumi gerai jualan produk mesra alam, kaunter penukaran barangan kitar semula dan sesi penerangan ke arah gaya hidup komuniti yang mesra alam. Kesemua karnival ini telah pun berjaya menarik perhatian orang ramai untuk turut serta dan mempelajari lebih mendalam mengenai gaya hidup hijau dan ini menunjukkan perkembangan yang positif untuk pembangunan teknologi hijau untuk masa yang akan datang.

Pada tahun ini juga kementerian dengan kerjasama *Malaysian Green Technology Corporation (GreenTech Malaysia)* akan menganjurkan *International Greentech and Eco Product Exhibition and Conference (IGEM)* dengan izin, di *Kuala Lumpur Convention Centre* untuk kali yang ketiga secara berturut pada 10 hingga 13 Oktober 2012.

Selain berperanan sebagai platform dalam mempromosikan produk dan perkhidmatan terkini dalam teknologi hijau serta potensi pelaburan dan pembangunan industri teknologi hijau, acara tahunan ini yang disertai oleh syarikat-syarikat dalam negara dan syarikat-syarikat luar negara adalah kemuncak promosi dan kesedaran awam tentang amalan dan aplikasi teknologi hijau. Seperti IGEM tahun-tahun sebelumnya, sambutan pengunjung sama ada pelawat perdagangan mahupun orang awam dijangka amat menggalakkan termasuklah akan menjana pelaburan, potensi perniagaan dan transaksi perdagangan di antara peserta.

Tuan Yang di-Pertua, bagi kesedaran teknologi hijau di peringkat kanak-kanak, kementerian juga telah memperkenalkan sebuah rancangan televisyen iaitu *Green Kids TV Show*, dengan izin, sebanyak 13 buah episod. Rancangan televisyen kanak-kanak ini amat bermanfaat kerana gaya penyampaian yang mudah dan berkesan untuk menarik perhatian kanak-kanak. Rancangan *Green Kids TV Show* ini telah mula ditayangkan pada awal Januari 2012 di RTM2 pada setiap hujung minggu. Selain itu pihak kementerian juga memperkenalkan portal teknologi hijau secara *on line* untuk memudahkan orang ramai mendapat maklumat berkenaan teknologi hijau. Direktori teknologi hijau juga disediakan bagi membantu syarikat-syarikat yang mengamalkan teknologi hijau untuk memperkenalkan produk dan perkhidmatan yang mesra alam kepada umum.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Boleh saya mencelah sedikit?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, silakan Yang Berhormat .

Dato' Noriah binti Kasnon: Silakan Yang Berhormat.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Cuma soalan pendek sahaja Tuan Yang di-Pertua. Tadi disebut tentang *TV show* itu, *Green 'Teen' TV Show* nama dia Yang Berhormat?

Dato' Noriah binti Kasnon: *Green Kids*.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: *Green Kids TV Show* itu dalam bahasa Inggeris sahaja, dalam Bahasa Melayu tidak ada?

Dato' Noriah binti Kasnon: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah. Saya maklum sangat-sangat maklum bahawa Yang Berhormat adalah pejuang bahasa. *Insya-Allah* Yang Berhormat, keprihatinan Yang Berhormat itu saya akan angkat ke pihak kementerian. Mungkin kita boleh adakan juga dalam set bahasa Melayu. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri penjelasan saya Tuan Yang di-Pertua, saya mohon maaf. Sebentar tadi berkenaan dengan pemasangan set generator mudah alih saya telah menyebut "800 megawatt", sebenarnya 80 megawatt Tuan Yang di-Pertua. Saya bimbang di masuk dalam *Hansard* yang silap.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahaja penjelasan atas perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh rakan-rakan Ahli Yang Berhormat, dan sekali lagi jutaan terima kasih atas keprihatinan semua Ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam sesi perbincangan kali ini yang memberi pandangan yang menyentuh bidang tugas Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air termasuklah yang memberi pandangan dan juga cadangan yang mungkin tidak berbentuk pertanyaan. Segala bentuk perhatian, teguran dan pandangan *insya-Allah* akan kita berikan sebaik-baik perhatian, khasnya yang menyentuh dengan kepentingan orang ramai selaras dengan Gagasan 1Malaysia, "Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan". Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi. Silakan Yang Berhormat.

3.49 ptg.

Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi I [Dato' Hamzah bin Zainudin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan menjunjung Kasih Titah ucapan diraja Dewan Negara 2012 yang menyentuh isu-isu berkaitan dengan Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi.

■ 1550

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi (MPIC) adalah salah satu kementerian yang telah dapat membawa pulangan yang besar melalui pendapatan eksport komoditi. Ianya meningkat dari tahun ke tahun, sebagai contoh pada tahun 2009 pendapatan eksport adalah berjumlah RM91.2 bilion manakala pada tahun 2010 meningkat kepada RM114.2 bilion. Pada tahun 2011, pendapatan eksport negara melalui sektor komoditi ini telah mencapai pulangan yang paling besar setakat ini sebanyak RM141.2 bilion. Pencapaian ini diperoleh kerjasama dan komitmen yang telah ditunjukkan oleh seluruh warga MPIC dan agensi-agensi di bawah kementerian serta kerjasama semua rangkaian industri komoditi negara.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Paul Kong Sing Chu telah menyarankan supaya kerajaan menggembleng tenaga dalam industri sawit bagi melakukan penyelidikan dan pembangunan untuk menggantikan pekerjaan yang dilakukan oleh pekerja-pekerja asing. Beliau juga menyarankan supaya kerajaan menjalankan kajian terhadap struktur gaji dan lain-lain kemudahan dalam usaha menggalakkan orang muda tempatan bekerja di sektor perladangan.

Tuan Yang di-Pertua, MPOB bukan hanya membuat penyelidikan dari segi aktiviti huluhan tetapi juga aktiviti pertengahan dan hiliran. Bagi mengurangkan kebergantungan terhadap tenaga buruh, MPOB buat masa ini telah berjaya menghasilkan peralatan kejenteraan ladang termasuk alat penuai tandan sawit bermotor yang dikenali sebagai cantas bagi menggantikan kaedah manual atau galah dan sabit. Cantas berupaya meningkatkan produktiviti penuai dari 1.4 tan tandan sehari kepada 2.7 tan tandan sehari. Adalah dianggarkan sekiranya semua ladang0ladang sawit menggunakan cantas sepenuhnya keperluan tenaga penuai buah sawit dapat dikurangkan sehingga 20,000 orang. Sehingga 31 Disember 2011, permohonan cantas yang telah diluluskan bagi penggunaan oleh pekebun-pekebun kecil dan di estet-estet adalah sebanyak 1,950 buah semuanya.

Kedua, beberapa jentera untuk memudahkan pengangkutan buah sawit di ladang. Ini termasuk jentera kompak atau *compact transporter* yang lebih efisien untuk kawasan yang sukar seperti tanah gambut yang dapat mengurangkan bilangan tenaga kerja. Ketiga, *roller picker* dan beberapa mesin-mesin dan jentera-jentera yang lain. Bagi menggalakkan penggunaan jentera di ladang-ladang lain-lain usaha yang dilakukan adalah seperti latihan dan seminar pembinaan teknologi kejuruteraan yang telah dibangunkan oleh MPOB untuk tujuan adaptasi oleh industri dan mengadakan penyelidikan secara usaha sama di antara agensi-agensi penyelidikan dengan pihak industri dalam menghasilkan jentera-jentera baru.

Penyediaan insentif sebanyak RM1,000 untuk setiap pembelian cantes yang berharga di antara RM2,500 sehingga RM3,900 seunit dan menyediakan insentif pengecualian dari duti import dan cukai jualan untuk mesin dan kelengkapan perladangan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat kerajaan memang sentiasa serius dan prihatin dengan kebajikan pekerja ladang di samping tidak mengabaikan kepentingan majikan sektor perladangan. Atas keprihatinan kerajaan inilah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan kadar gaji minimum kebangsaan bagi sektor swasta pada 30 April 2012 yang lalu sebagai hadiah istimewa golongan pekerja negara ini sempena Hari Pekerja. Kadar tersebut adalah sebanyak RM900.00 sebulan atau RM4.33 sejam bagi Semenanjung dan RM880.00 sebulan atau RM3.85 sen sejam untuk Sabah dan Sarawak serta Wilayah Persekutuan Labuan.

Untuk makluman Yang Berhormat ahli Dewan, kadar upah pekerja ladang sebelum ini hanya sebanyak RM650 sebulan sahaja. Ini tidak termasuk elaun ataupun upah tambahan yang diberikan seperti *special gratuitous payment* dan insentif yang diberikan berdasarkan kepada produktiviti pekerja dan harga semasa komoditi. Bergantung pada produktiviti pendapatan bersih seorang pekerja ladang ialah di antara RM850 sebulan sehingga RM2,500 sebulan. Kita berharap pihak majikan sektor perladangan akan terus memberikan elaun dan upah tambahan ini di samping menyediakan kemudahan-kemudahan lain seperti tempat tinggal termasuk subsidi bil api dan air, pengangkutan anak-anak ke sekolah dan kemudahan kesihatan. Ini diharapkan dapat mengurangkan beban perbelanjaan pekerja ladang.

Di samping itu usaha-usaha lain juga telah dan sedang giat dijalankan oleh MPIC bagi menarik golongan belia atau pelajar-pelajar lepasan sekolah untuk menceburi sektor perladangan sawit termasuk penubuhan Institut Perladangan dan Komoditi Malaysia atau *Institute of Malaysian Plantation and Commodities* (IMPAC). IMPAC berperanan memberi latihan kemahiran terutamanya bagi kerja-kerja yang berkaitan dengan sektor perladangan kepada belia tempatan dan pekebun kecil. Selain itu kementerian juga menganjurkan *Hello Komoditi* yang merupakan pameran industri komoditi dan peluang-peluang pekerjaan di seluruh negara.

Adalah diharapkan dengan langkah ini, ia akan menyedarkan akan golongan muda dalam negara tentang peluang-peluang kerjaya di dalam sektor komoditi. Bagi tahun ini kementerian telah menganjurkan lima *Hello Komoditi* iaitu di Sipitang, Kuala Penyu dan Putatan di Sabah, Bagan Serai, Perak dan di Kota Tinggi, Johor. Jumlah pengunjung bagi kelima-lima sesi ini adalah seramai hampir 6,500 orang pengunjung yang terdiri daripada pelajar sekolah menengah, penuntut Institut Pengajian Tinggi, para belia dan pekebun-pekebun kecil.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Paul Kong Sing Chu juga membangkitkan isu prestasi MPOB yang telah memungut ses dari industri sawit. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, tujuan MPOB ditubuhkan adalah untuk mempertingkatkan pembangunan industri sawit Malaysia melalui, aktiviti penyelidikan, pembangunan dan penyediaan perkhidmatan kepada industri. Bagi membiayai aktiviti-aktiviti tersebut industri dikenakan bayaran ses sebanyak RM13 untuk setiap tan minyak sawit yang dihasilkan. Di mana, RM9 ialah untuk *research and development* (R&D), RM2 untuk Skim Penstabilan Harga Minyak Sawit dan RM2 untuk aktiviti mempromosikan minyak sawit.

Dari semua kutipan ses yang telah diperolehi, setakat ini MPOB telah dapat menghasilkan 500 teknologi yang sesuai digunakan oleh industri sawit bagi antara lain penghasilan produk-produk baru bernilai tambah. Langkah ini membolehkan industri sawit Malaysia memperkukuhkan kedudukannya sebagai satu industri yang terus menjana pendapatan eksport yang tinggi iaitu RM83.39 bilion pada tahun 2011 berbanding RM62.2 bilion pada tahun 2010.

Beberapa sumbangan secara langsung dan tidak langsung MPOB ke atas kesejahteraan industri sawit negara adalah seperti berikut:

- (i) pengumpulan baka produk sawit dari luar negara untuk mengeluarkan baka-baka baru yang berhasil tinggi seperti PS1 dan PS2 dan seterusnya pokok yang berhasil tinggi berjaya diklon sebagai bahan tanaman;

- (ii) formulasi baja khusus untuk kegunaan ladang sawit di pelbagai jenis tanah seperti MPOB F1, F2, F3, F4, F5 yang dikeluarkan oleh beberapa syarikat tempatan;
- (iii) pembangunan jentera untuk penuaian dan pengangkutan dalam ladang seperti *cantas*, *roller picker* – mengutip buah lerai, *grabber* - memungut tandan buah sawit automatik dan *super crawler* dan beluga untuk kegunaan tanah gambut.
- (iv) pengurusan kawalan perosak bersepadu untuk mengurangkan penggunaan bahan kimia seperti *mathnasium* dan *feromen* untuk mengawal serangan serangga kumbang badak, bakteria, BT dan perangkap lekat untuk mengawal ulat bungkus;
- (v) penggunaan biojisim sawit dalam sektor automobil, perabot dan tenaga. Penggunaan bio komposit sawit untuk komponen kereta, medium dan *CT fiberboard* untuk pembuatan perabot dan *bracket* untuk pengeluaran tenaga;

■ 1600

- (vi) teknologi biodiesel B5 atau *methylester* yang telah digunakan di stesen-stesen minyak di wilayah tengah seperti Selangor, Negeri Sembilan dan Melaka;
- (vii) menghasilkan *phytonutrients* seperti Vitamin E khususnya *tychotrinol* yang telah dikomersialkan dan dieksport; dan
- (viii) sumbangan MPOB secara tidak langsung bersama Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC) bagi meneroka pasaran baru minyak sawit di negara dan juga menangkis serangan negatif terhadap industri sawit negara.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Pau Chiong Ung ada membangkitkan isu tanaman baru dan tanam semula sawit dan getah di negeri Sarawak. Untuk makluman Yang Berhormat, kelulusan permohonan tanah bagi tujuan pertanian adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Dalam hal ini, kementerian bersama-sama agensi-agensi pelaksana di bawahnya seperti Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dan Lembaga Getah Malaysia (LGIM) sentiasa bersedia membantu para pekebun kecil berjaya dalam input pertanian untuk mengusahakan tanaman komoditi seperti sawit dan getah.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat senator Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar telah membangkitkan isu mengenai perlunya meningkatkan eksport produk-produk kayu-kayan yang siap dan memperluaskan penanaman koko dan lada. Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat, di bawah Dasar komoditi Negara dan Dasar Perindustrian Kayu Negara (NATIP), kementerian memberi penekanan kepada penyusunan semula industri perindustrian dan meningkatkan pengeksporan produk-produk nilai tambah. Melalui NATIP, industri kayu-kayan akan distrukturkan semula kepada industri yang berteraskan pengeluaran produk hiliran bernilai ditambah berbanding pengeluaran produk hulu pada nisbah 60:40 menjelang tahun 2020.

Pada tahun 2011, eksport kayu-kayan Malaysia adalah bernilai RM20.03 bilion di mana nilai eksport bagi produk hiliran adalah sebanyak 58 peratus atau RM11.62 bilion. Manakala eksport produk hulu pada tahun tersebut adalah 42 peratus atau RM8.41 bilion. Penstrukturan semula ini dilaksanakan dengan kerjasama erat kerajaan dan pihak industri melalui pelaksanaan penyelidikan dan pembangunan yang bernilai komersial, pembangunan modal insan yang memenuhi keperluan industri bekalan bahan mentah yang mencukupi, serta peningkatan akses pihak industri kepada kemudahan pembiayaan dari institusi kewangan. Kerajaan sentiasa mencari jalan bagaimana untuk meningkatkan lagi mutu produk-produk kayu seperti perabot untuk dipasarkan di seluruh dunia. Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia baru-baru ini telah pun menandatangani satu perjanjian kerjasama dengan Politecnico di Milano, sebuah universiti yang termasyhur di Itali untuk melahirkan pereka-pereka bentuk yang setaraf dengan pereka-pereka bentuk antarabangsa...

Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai: Yang Berhormat Timbalan Menteri, minta penjelasan?

Timbalan Yang di-Pertua: Ada yang mencelah Yang Berhormat.

Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai: Soalan tambahan, boleh Tuan Yang di-Pertua? Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya ingin bertanya mengapa kerjasama itu dibuat dengan Politecnico di Milano, *Italy* dan tidak dengan universiti-universiti yang lain? Terima kasih.

Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi I, [Dato' Hamzah bin Zainudin]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Nallakaruppan, tunggulah dahulu. Kita belum jelaskan lagi, sudah tanya. Itulah sebabnya. Sabar. Kalau yang lain tidak sabar, tidak apalah. Yang Berhormat kena sabar sedikit. Tidak habis lagi ini. Kita buat dengan Universiti Politecnico di Milano di Milan Itali adalah oleh kerana hari ini perabot adalah merupakan salah satu produk yang kita eksport di luar negara. Kita hendak meletakkan imej perabot-perabot negara kita ini lebih setanding dengan perabot-perabot yang merupakan perabot-perabot yang boleh kita letak sebagai taraf yang paling tinggi seperti pengeluar-pengeluar di Italy, di Eropah, di Amerika, di negara-negara yang besar. Olehsebab itu kita memerlukan pereka-pereka bentuk yang hebat-hebat yang merupakan bertaraf antarabangsa.

Politecnico di Milano ini adalah merupakan sebuah universiti yang paling utama di Itali dari segi *design*, *architecture* dan juga *engineering*. Oleh sebab itu apabila kita mengadakan dengan universiti yang utama di Itali yang juga merupakan salah sebuah universiti yang besar di Eropah, kalau tidak silap saya mungkin dalam kedudukan nombor 13 atau 14 di Eropah, jadi pereka-pereka bentuk kita yang boleh dilahirkan melalui kerjasama dengan universiti yang besar ini kita dapat melahirkan pereka-pereka bentuk yang mempunyai kelas teristimewa yang boleh setaraf dengan pereka-pereka bentuk antarabangsa. Oleh sebab itu kita memilih Universiti Politecnico di Milano supaya ianya nanti apabila kita hendak membeli perabot-perabot, tidak lagi payah kita beli perabot dari Itali, tetapi kita boleh membeli perabot-perabot yang dibuat di Malaysia di bawah kelolaan pereka-pereka bentuk dari kelulusan Itali seperti Politecnico di Milano. Itulah sebabnya kita bekerjasama dgn universiti ini, Yang Berhormat...

Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai: [Bangun]

Dato' Hamzah bin Zainudin:- Ada lagi?

Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, soalan saya dijawab dengan baik sekali. Terima kasih.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Ini...

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Boleh saya mencelah sedikit Yang Berhormat Timbalan Menteri?

Dato' Hamzah bin Zainudin: Boleh, boleh.

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Berkenaan dengan teknologi tadi, kita melihat dari segi penjelasan Yang Berhormat tadi memang kita menampakkan itu adalah satu konteks yang memang kita mengarah ke arah global. Dalam masa yang sama dari segi *transfer technology* Yang Berhormat, ada tidak dalam perkara ini bermakna kita menggunakan perkara serampang dua mata. Sambil kita menggunakan teknologi yang ada di sana, dari segi *transfer technology* untuk kepakaran tempatan memperoleh ilmu atau pun teknologi yang diwujudkan di sana di bawa ke Malaysia. Ada tidak cadangan pihak Kementerian untuk melakukan perkara tersebut? Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Seperti yang telah pun saya jelaskan awal-awal tadi, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi ini dapat mengeluarkan satu jumlah yang besar dari segi pendapatan eksport negara. Perabot merupakan salah satu komoditi yang terlibat di bawah Kementerian saya ini. Apabila kita melihat dari segi pengeluaran perabot, ianya tidak dapat dipertingkatkan begitu hebat seperti sektor-sektor lain seperti sawit, getah, koko dan lain-lain. Maka sebab itu kita melihat bahawa ada perkara yang kekurangan di sini.

Maka sebab itu kita terpaksa keluar untuk bekerjasama dengan Politecnico di Milano ini, bukan hanya dari segi kerjasama untuk melahirkan pereka-pereka bentuk tetapi dari segi *engineeringnya* untuk menentukan bahawa alat-alat yang akan kita keluarkan nanti juga adalah alat-alat yang dapat dikeluarkan oleh jurutera-jurutera yang juga akan kita teruskan bekerjasama dengan universiti ini. Jadi bukan hanya dari segi reke bentuknya, tetapi juga dari segi *engineeringnya*. Ini kerana dari segi masa hadapan untuk penggunaan perabot kita bukan hanya menggunakan kayu-kayan, tetapi juga akan menggunakan produk-produk baru seperti *composite material*, bahan-bahan material yang baru-baru, sains material yang akan kita dapat kerjasama melalui universiti terkemuka ini. Terima kasih Yang Berhormat senator Tuan Baharudin. Jadi mengenai kerjasama yang kiat buat ini, *insya-Allah* ianya akan membuka peluang kepada kedudukan Malaysia sebagai pengeksport perabot yang ke-9 terbesar di dunia dapat dipertingkatkan lagi.

Mengenai tanaman koko, mulai tahun 2012 kerajaan akan memperluaskan kawasan tanaman koko oleh sektor pekebun kecil sebanyak 2000 hektar setiap tahun dan dijangka akan mencapai 30,000 hektar menjelang tahun 2015 dengan sasaran pengeluaran biji koko meningkat 36,000 tan.

■ 1610

Untuk mencapai sasaran tersebut, kerajaan menyediakan insentif penanaman bernilai RM8,000 sehektar dalam bentuk *input* penanaman seperti bekalan anak pokok, baja dan racun rumpai serta termasuk kerja-kerja pembersihan tanah. Bagi tanaman lada pula, aktiviti perluasan tanaman giat dipromosikan di seluruh negara dengan mensasarkan penambahan seluas 600 hektar tanaman baru pada setiap tahun. Melalui usaha ini, jumlah pengeluaran lada Malaysia dapat ditingkatkan daripada 24,227 tan pada tahun 2010 kepada 31,000 tan menjelang tahun 2015. Sasaran ini akan dicapai melalui insentif penanaman bernilai RM14,000 sehektar dalam bentuk input penanaman seperti bekalan keratan lada, pokok sokongan, baja dan racun rumpai serta termasuk kerja-kerja pembersihan tanah.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Muhammad Olian bin Abdullah telah membangkitkan isu mengenai penggunaan teknologi terkini di sektor komoditi bagi meningkatkan daya saing industri komoditi negara. Beliau juga ada menanyakan bantuan-bantuan serta dorongan oleh pihak kerajaan terhadap penglibatan peneroka dan pengusaha golongan belia di sektor perladangan dan komoditi serta saranan untuk menyediakan *database* dalam sektor ini.

Untuk makluman Yang Berhormat, adalah menjadi tumpuan kerajaan untuk menggalakkan sektor perladangan dan komoditi menggunakan teknologi terkini di dalam pengeluaran dan penghasilan produk-produk baru. Hasrat ini terkandung di dalam teras kedua Dasar Industri Komoditi Negara iaitu memacu pemodenan industri komoditi menjelang tahun 2020. Melalui proses ini, negara akan dapat mempelbagaikan pengeluaran produk-produk nilai tambah yang dapat meningkatkan daya saing dan menembusi pasaran-pasaran baru. Ini dalam jangka masa panjang akan membolehkan industri komoditi untuk memperkukuhkan kedudukannya sebagai salah satu tunggak ekonomi dan punca pendapatan eksport utama negara.

Tuan Yang di-Pertua, pihak kementerian buat masa ini sedang mengumpulkan segala maklumat serta data bagi menyediakan satu *database* mengenai peneroka ataupun pengusaha golongan belia di dalam sektor ini. Kementerian perlu menggunakan data-data yang dikumpulkan melalui beberapa kementerian yang lain. Ini adalah kerana sektor perusahaan, perladangan dan komoditi ini melibatkan beberapa kementerian lain seperti Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Perdagangan, Antarabangsa dan Industri.

Walau bagaimanapun buat masa ini kementerian masih lagi menggunakan segala data-data yang terkumpul di bawah agensi-agensi kementerian seperti Lembaga Minyak Sawit (MPOB), Lembaga Getah Malaysia (LGM), Lembaga Koko Malaysia (LKM), Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB), Lembaga Lada Malaysia (MPB) dan Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN) untuk menjalankan segala program bagi kumpulan sasar masing-masing.

Kerajaan ada menyediakan pelbagai insentif bagi menggalakkan rakyat terutamanya golongan muda atau para belia berkecimpung dalam perusahaan tanaman komoditi termasuk:

- (i) skim bantuan tanam semula sawit pekebun kecil dan skim tanam baru sawit pekebun kecil dengan bantuan bernilai RM7,500 sehektar bagi semenanjung dan RM9,000 sehektar bagi Sabah dan Sarawak. Bantuan ini meliputi kos pembersihan tanah, bahan tanaman dan *input* pertanian;
- (ii) insentif penanaman semula atau baru, getah dengan bantuan sehektar bernilai RM9,230 semenanjung dan RM14,000 Sabah dan RM13,500 di Sarawak dalam bentuk *input* pertanian;
- (iii) program pembangunan tanaman koko dengan bantuan bernilai RM6,500 sehektar dalam bentuk *input* tanaman;
- (iv) insentif penanaman lada bernilai sehingga RM14,000 sehektar dalam bentuk *input* tanaman; dan
- (v) Program tanaman baru kenaf bernilai RM3,500 sehektar dalam bentuk *input* tanaman.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin menyentuh mengenai isu kekurangan anak benih sawit dan peruntukan pembangunan kawasan tanaman getah di Sarawak yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Lihan Jok. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan menyediakan bantuan *input* pertanian termasuk anak benih sawit kepada pekebun-pekebun kecil yang berjaya di bawah Skim Tanam Baru Sawit Pekebun Kecil dan Skim Tanam Semula Sawit Pekebun Kecil.

Walau bagaimanapun, buat masa ini terdapat sedikit kelewatan bagi proses bekalan anak benih sawit kerana pada tahun 2011 kemasukan bekalan bijih benih cambah dari Semenanjung ke Sarawak telah dihentikan buat sementara waktu bagi mencegah penyakit yang disebabkan oleh virus yang dinamakan CCCVD. Ini menyebabkan proses penyediaan anak benih sawit di peringkat tapak semaian sawit tergendala sedikit. Namun demikian, sekatan tersebut telah ditarik balik oleh Jabatan Pertanian Sarawak dan kini masalah bekalan anak benih sawit di Sarawak dapat diatasi.

Isu mengenai peruntukan pembangunan kawasan getah di bawah *National Key Economic Area*, kerajaan ada menyediakan dua skim bantuan tanaman getah iaitu Skim Bantuan Tanam Semula Getah dan Skim Tanam Baru Getah. Kadar bantuan dan syarat kelayakan bagi kedua-dua skim tersebut adalah sama iaitu RM9,230 sehektar di Semenanjung Malaysia dan RM14,000 sehektar di Sabah dan RM13,500 sehektar di Sarawak.

Dalam pelaksanaan program ini, syarat atau kriteria utama untuk mendapatkan bantuan ini adalah pemilik adalah pemilik atau pekebun kecil itu hendaklah merupakan seorang warganegara Malaysia dan memiliki keluasan tanah iaitu di antara suku hektar sehingga 40 hektar atau 100 ekar tanah yang sah dimiliki termasuk tanah NCR di Sarawak dan kawasan terletak di dalam zon getah. Program ini akan dilaksanakan oleh pihak berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah atau RISDA, Lembaga Industri Getah Sabah atau LIGS dan Jabatan Pertanian Sarawak atau JPS di Sarawak. Secara keseluruhannya, jumlah kawasan yang terlibat bagi tahun 2012 adalah seluas 52,202 hektar iaitu tanam semula seluas 34,760 hektar dan tanam baru seluas 15,752 hektar. Bagi negeri Sarawak, ianya melibatkan kawasan seluas 13,520 hektar bagi tanam baru dan tanam semula getah.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mengakhiri penggulungan ini saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian membahaskan Ucapan Titah Diraja berkaitan dengan Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi. Segala pandangan, ulasan dan saranan yang telah dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat akan diberi perhatian sepenuhnya dan langkah-langkah susulan akan diambil bagi meningkatkan pembangunan industri komoditi negara. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Seterusnya saya ingin memberi peluang kepada Menteri dari Kementerian Dalam Negeri untuk menjawab. Silakan Yang Berhormat.

4.18 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri II [Dato' Lee Chee Leong]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator di Dewan yang mulia yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan ke atas Usul Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di Dewan yang mulia ini dari 23 April hingga 26 April lalu yang menyentuh berkenaan Kementerian Dalam Negeri.

Sebelum saya menjawab pertanyaan-pertanyaan yang telah dibangkitkan secara spesifik, izinkan saya untuk turut sama menjunjung kasih ke atas Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di atas Titah Ucapan Tuanku yang telah menyentuh secara langsung berkenaan kementerian ini. Saya dan seluruh warga KDN akan terus komited dan beriltizam untuk memelihara keamanan, keselamatan dan kesejahteraan rakyat serta negara yang menjadi teras utama kementerian ini.

■ 1620

Sebagaimana yang turut dinyatakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini, hasil usaha tersebut, Indeks Keamanan Dunia yang dikeluarkan oleh *Global Peace Index* (GPI) telah mengiktiraf Malaysia sebagai negara ke-19 paling aman di dunia dan kedua di Asia serta pertama di Asia Tenggara. *The World Justice Project* pula mengiktiraf Malaysia sebagai negara paling selamat di kalangan 19 buah negara berpendapatan sederhana serta kedudukan kedua belas negara paling selamat di dunia mengatasi Amerika Syarikat dan Britain. *World Economic Forum* juga telah menempatkan Malaysia di kedudukan 63 pada tahun lepas berbanding tangga ke-93 pada tahun 2010, kenaikan sebanyak 30 tangga.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Noriah binti Mahat meminta penjelasan bilakah muzium Bukit Kepong akan dibina. Kerajaan sentiasa menghargai jasa-jasa dan pengorbanan pejuang-pejuang yang telah berkorban demi mempertahankan kedaulatan negara. Justeru, supaya generasi muda hari ini dapat mengingati jasa pejuang-pejuang terdahulu, kerajaan dalam *Rolling Plan* Kedua, Rancangan Malaysia Kesepuluh telah memperuntukkan sebanyak RM15 juta bagi projek muzium Bukit Kepong. Cadangan projek ini akan dimulakan pada pertengahan tahun ini.

Seterusnya, berhubung perkara yang disentuh oleh Yang Berhormat Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar dan Yang Berhormat Senator Datuk Raja Ropiaah yang meminta siasatan segera dan tindakan diambil terhadap perlakuan segelintir individu yang mencemuh, menghina dan merendah-rendahkan martabat Raja-Raja Melayu di hari pertabalan Yang Dipertuan Agong seperti yang didedahkan baru-baru ini. Kerajaan memandang serius terhadap perbuatan menghina dan memperlekehkan institusi beraja seperti bertindak biadab semasa Istiadat Pertabalan Yang Dipertuan Agong di Istana Negara. Berkenaan perkara ini, PDRM sedang menjalankan siasatan di bawah seksyen 4(1)(P), Akta Hasutan 1948. Kertas siasatan akan dirujuk ke Pejabat Peguam Negara apabila siasatan selesai. Sekiranya siasatan mendapati bahawa dakwaan tersebut berasas, kerajaan akan mengambil tindakan tegas berlandaskan undang-undang sedia ada terhadap mana-mana pihak yang terlibat tanpa mengira latar belakang politik.

Beralih pula kepada cadangan daripada Yang Berhormat Senator Puan Norliza Abdul Rahim agar kerajaan lebih tegas dengan mengambil tindakan kepada mana-mana pihak yang melanggar undang-undang negara...

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Boleh mencelah? Boleh tanya sedikit jangka masa, tempoh siasatan itu lama mana? Berapa lama tempoh jangka masa siasatan?

Dato' Lee Chee Leong: Tuan Yang di-Pertua, memang tiada had atau satu tempoh yang ditetapkan untuk membuat sesuatu siasatan, ia akan berlandaskan...

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Saya kurang puas hati. Mana boleh tiada had, kalau setahun, dua tahun, lima tahun, ada had juga? Jawablah secara logik.

Dato' Lee Chee Leong: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila duduk Yang Berhormat, biar Timbalan Menteri menjawab.

Dato' Lee Chee Leong: Memang tiada, kalau bolehlah dalam tempoh tiga bulan, kalau boleh dapat bukti akan dibawa ke Peguam Negara, tunggu keputusannya akan di caj ke mahkamah atau tidak.

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Kenapa lama sangat? Saya hendak tanya, berapa orang yang terlibat? Kalau seorang atau dua orang, cepatlah, kalau ribu, lama. Dalam istana, saya fikir orang yang hina Raja itu tidak ramai, mungkin dua tiga orang. Kalau dua tiga orang, saya anggap sebulan atau dua bulan cukuplah. Jadi, saya hendak penjelasan yang logik.

Dato' Lee Chee Leong: Tuan Yang di-Pertua, memang ia masih dalam siasatan polis.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan daripada Yang Berhormat Senator Puan Norliza Abdul Rahim agar kerajaan lebih tegas dengan mengambil tindakan kepada mana-mana pihak yang melanggar undang-undang negara. Beliau juga bertanya, apabila ISA dimansuhkan, sementara menunggu rang undang-undang baru, peruntukan undang-undang yang mana yang boleh digunakan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Senator dan Dewan yang mulia ini, dalam memenuhi agenda program transformasi politik kerajaan yang sedang berlangsung sekarang, kerajaan telah mengambil keputusan untuk memansuhkan ISA dan menggantikannya dengan undang-undang yang baru. Pada masa yang sama, undang-undang lain yang sedia ada juga turut dikuatkuasakan seperti Kanun Keseksaan, Kanun Prosedur Jenayah, Akta Hasutan 1948, Akta Imigresen 1959/63 dan lain-lain akta yang berkaitan di dalam menjaga keselamatan negara. Oleh yang demikian, tidak timbul isu apakah tindakan yang akan diambil apabila ISA dimansuhkan yang seakan-akan dilihat negara kita ini seolah-olah kekurangan undang-undang untuk menjaga keselamatan negara.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi pula menyatakan secara rasmi bantahan terhadap serangan yang dibuat oleh samseng kepada pelajar-pelajar yang telah berhimpun secara aman di Dataran Merdeka dan minta PDRM mengambil perhatian serius. PDRM sebagai agensi utama yang bertanggungjawab menjaga keamanan negara telah menjalankan siasatan secara profesional dan tegas dalam menangani kejadian pertelingkahan dan pergelutan di antara kumpulan pelajar-pelajar berbaju hitam yang berhimpun di kawasan Dataran Merdeka Kuala Lumpur pada jam lebih kurang 2.40 pagi, 19 April lalu. Berkenaan dengan insiden ini, satu kertas siasatan telah dibuka di bawah seksyen 395, Kanun Keseksaan kerana menyamun sebuah kamera milik DBKL oleh lima orang yang berpakaian hitam. Satu lagi kertas siasatan dibuka di bawah seksyen 147, Kanun Keseksaan atas kesalahan merusuh. Setakat ini seorang lelaki telah ditangkap semasa kejadian dan tiga orang lagi ditangkap selepas insiden tersebut. Mereka ditahan reman sehingga 27 April lalu bagi membantu siasatan. Kertas siasatan akan dirujuk kepada pihak timbalan pendakwa raya untuk arahan selanjutnya.

Yang Berhormat Senator Chew Lee Giok menyentuh berkenaan sindiket penjualan bayi di negara ini. Beliau bertanya berapa kes telah dikesan dan langkah-langkah diambil untuk mengatasinya. KDN telah menubuhkan jawatankuasa mengenai sindiket penjualan bayi yang melibatkan kementerian, agensi, jabatan berkaitan seperti Kementerian Kesihatan, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Jabatan Pendaftaran Negara, Polis Diraja Malaysia dan Jabatan Kebajikan Masyarakat bagi menangani isu ini dengan lebih menyeluruh. Semua agensi yang menganggotai jawatankuasa ini dapat berkongsi maklumat berhubung kes-kes pendaftaran kelahiran yang dilakukan untuk tindakan agensi berkenaan.

■ 1630

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sebanyak 32 kes direkodkan bagi kes yang melibatkan penjualan bayi sepanjang tempoh tahun 2008 sehingga 2011. Seramai 33 bayi telah dapat diselamatkan dan sebanyak 59 tangkapan telah dibuat bersabit aktiviti sindiket penjualan bayi di negara ini. Sindiket ini dikesan menggunakan dokumen palsu dalam modus operandi mereka. Siasatan polis setakat ini mendapati terdapat dua orang kenamaan berstatus Dato' telah ditangkap kerana disyaki terlibat dengan kegiatan ini dan siasatan kes tersebut masih dijalankan. Antara tindakan yang diambil kementerian bagi menangani sindiket penjualan bayi ini adalah seperti berikut:

- (i) mengadakan program kesedaran bagi meningkatkan kesedaran orang ramai terhadap jenayah penjualan bayi;
- (ii) memperkemas prosedur pendaftaran kelahiran bayi baru lahir dan juga pengambilan anak angkat bagi memastikan tiada penipuan dilakukan;
- (iii) pemantauan berterusan oleh Kementerian Kesihatan terhadap hospital dan klinik swasta yang menyediakan rawatan bersalin; dan
- (iv) menggalakkan orang ramai untuk menyalurkan maklumat tentang kegiatan jenayah penjualan bayi.

Bagi maksud mencegah dan membanteras gejala pemerdagangan manusia, kerajaan telah melaksanakan pelbagai program bina upaya kepada anggota penguatkuasaan, perundangan dan kehakiman mengenai pemerdagangan manusia. Kursus-kursus yang diberikan merangkumi pelbagai aspek penguatkuasaan, pendakwaan, perlindungan dan pemulihan mangsa.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Puan Chew Lee Giok di atas keprihatinan beliau mengenai tangkapan ke atas sindiket penipuan *internet* dan judi bola sepak antarabangsa yang beroperasi di negara kita khususnya tangkapan pada April lalu yang dibuat di Selangor. Beliau turut bertanya berapa orang tempatan dan antarabangsa yang telah ditipu.

Ingin saya maklumkan berkenaan tangkapan yang dibuat pada awal April lalu terhadap sindiket yang beroperasi di Kajang, Selangor adalah hasil maklumat awam yang mana seramai 177 orang telah ditangkap yang terdiri daripada rakyat China, Taiwan dan juga warga tempatan. Daripada jumlah tersebut, 30 orang telah dituduh di mahkamah di bawah seksyen 6(1)(c), Akta Imigresen 1959/63 dan Akta Pasport 1966. Seramai 135 orang telah diusir dan bakinya 12 orang telah dibebaskan.

Berkenaan mangsa yang telah diperdayakan oleh sindiket ini pula, siasatan awal polis setakat ini mendapati modus operandi sindiket ini melibatkan pertaruhan yang diterima daripada luar negara sahaja dan hanya menjadikan Malaysia sebagai negara transit disebabkan faktor kemudahan akses *internet* yang lebih baik. Siasatan polis setakat ini juga mengesahkan tiada pertaruhan daripada rakyat tempatan yang terlibat.

Yang Berhormat Senator Puan Chew turut meminta kementerian mengambil perhatian terhadap sindiket 'gores dan menang' yang masih berleluasa di bandar-bandar terutama di Kuala Lumpur dan Johor Bahru. Bagi kes-kes penipuan yang melibatkan sindiket 'gores dan menang' ini, modus operandi mereka adalah menipu orang ramai dengan menawarkan harga yang tidak setimpal atau tidak sama dengan nilai barangan yang diberikan kepada pembeli. Modus operandi sindiket ini lebih menjerus kepada bidang kuasa pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan. PDRM sentiasa bekerjasama dengan pihak berkuasa yang lain dalam menguatkuasakan undang-undang di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Mohammed Najeeb menyentuh berhubung dengan Pejabat Imigresen Seremban, Negeri Sembilan yang mana dilihat pejabat itu terlampau sempit dan orang terlampau ramai. Terima kasih di atas keprihatinan Yang Berhormat Senator atas perkara ini. Kementerian sentiasa peka terhadap kemudahan dan keselesaan orang awam yang berurusan dengan kementerian ini serta pegawai dan kakitangan yang bertugas. Bagi Pejabat Jabatan Imigresen Malaysia Negeri Sembilan, kementerian ini telah memohon cadangan pembinaan kompleks Kementerian Dalam Negeri, Negeri Sembilan dalam *Rolling Plan* Ketiga, Rancangan Malaysia Kesepuluh. Skop cadangan kompleks ini akan mengandungi ruang pejabat yang dijangka mampu menampung kapasiti pegawai dan kakitangan Jabatan Imigresen Negeri Sembilan dan orang awam yang berurusan dengan jabatan tersebut.

Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal Singh pula bercakap mengenai isu polisi had umur pekerja asing yang ditetapkan sehingga umur 45 tahun sahaja dan ini telah mengakibatkan kerugian kepada restoran India Muslim kerana kehilangan tukang masak yang berpengalaman. Beliau memohon KDN mengkaji semula polisi agar tukang masak yang berpengalaman lebih dari lima tahun dapat berkhidmat sehingga umur 55 tahun.

Buat masa ini, pihak kerajaan masih mengekalkan had umur maksimum kemasukan pekerja asing ke negara ini adalah 45 tahun termasuklah bagi sektor perkhidmatan restoran. Had umur maksimum ini juga terpakai di dalam melaksanakan proses pemulihan atau Program 6P yang berakhir 10 April 2012 yang lalu.

Yang Berhormat Senator Tuan Lee Cheam Choon memberi penekanan terhadap isu...

Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh: Saya minta mencelah. Terima kasih Yang Berhormat atas jawapan tadi. Saya bertanya dalam soalan saya semasa perbahasan apakah logik 45 tahun ini? Adakah sebab-sebab kita takut mereka ada penyakitkah atau apakah sebab logiknya? Memang benda ini satu masalah yang begitu besar sekali. Hari ini saya ada wakil-wakil daripada restoran orang India di sini dan ini adalah masalah yang cukup besar. Jadi bolehkah Yang Berhormat berikan sedikit *timeframe*, atau apakah logik, kenapa 45 tahun?

Dato' Lee Chee Leong: Tuan Yang di-Pertua, memang ini adalah polisi mengendali pekerja asing. Walaupun kemasukan had umur dia adalah 45 tahun tapi selepas dia masuk ke dalam negara, dia boleh disambung melebihi 45 tahun dan had tempohnya sepuluh tahun.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Lee Cheam Choon memberi penekanan terhadap isu berkaitan dengan wanita warga asing yang datang menggunakan visa tetapi menyalahgunakan visa lawatan dengan melakukan pelacuran atau aktiviti yang bertentangan dengan undang-undang negara, dan bertanya apakah yang perlu dilakukan oleh KDN untuk menangani isu yang tidak berkesudahan ini?

■ 1640

Kerajaan sentiasa memantau dan memandang serius kehadiran warga asing ke negara ini dengan memberi keutamaan kepada aspek keselamatan dan ancaman-ancaman yang mungkin dibawa oleh golongan ini. Oleh yang demikian, kerajaan telah memperkemas kawalan dan pemantauan terhadap warga negara asing dengan melibatkan penggunaan teknologi biometrik yang dikenali sebagai Sistem Pangkalan Data Biometrik Warga Asing dan Sistem Sekuriti Nasional atau *National Enforcement and Registration (Biometric) System (NERS)* semenjak Jun 2011.

Pelan tindakan ini membolehkan biometrik warga asing direkodkan dan disimpan di dalam pangkalan data Jabatan Imigresen Malaysia (JIM). Sehingga 18 April tahun ini hampir lapan juta biometrik warga asing telah direkodkan dan disimpan di dalam pangkalan data JIM. Ini akan meningkatkan kecekapan dan keberkesanan untuk mengesan, mengecam dan mengesahkan identiti status warga asing bermula daripada kemasukan dalam negara, pergerakan dalam negara dan pelepasan keluar dari negara ini. Selain daripada itu, pemalsuan dan kecurian identiti serta dokumen perjalanan juga dapat dielakkan.

Sehubungan dengan itu warga asing telah disenaraihitamkan atas pelbagai kesalahan di bawah Akta Imigresen 1959/1963 dan Peraturan-peraturan Imigresen 1963 serta senarai syak agensi-agensi lain dapat dikenal pasti dengan lebih berkesan menggunakan teknologi biometrik ini. Selain daripada itu, JIM mempunyai beberapa mekanisme lain bagi memantau kemasukan warga negara asing ke negara ini seperti:

- (i) proses tapisan awal melalui pengeluaran visa di kedutaan atau pejabat perwakilan Malaysia di luar negara, di mana tapisan akan dibuat untuk mengenal pasti sama ada warganegara asing berkenaan telah dimasukkan dalam senarai syak Jabatan. Sekiranya nama mereka tersenarai dalam senarai syak, warga asing ini tidak akan dikeluarkan dengan visa untuk datang ke Malaysia;
- (ii) kawalan dan pemeriksaan di pintu-pintu masuk negara meliputi pemeriksaan dokumen perjalanan, latar belakang pengembara dan penyemakan identiti dengan pangkalan data senarai syak Jabatan; dan

- (iii) memberikan perkhidmatan yang pantas dan efisien, penggunaan *autogate* bagi kemasukan warga kemasukan warganegara Malaysia dapat menjamin keselamatan dokumen di samping memelihara identiti warganegara melalui pengecaman cap jari biometrik. Ini seterusnya dapat membantu dan memberi peluang kepada pegawai Imigresen untuk memberikan lebih perhatian kepada pemeriksaan pelawat asing berisiko tinggi di pintu-pintu masuk negara.

Berdasarkan rekod jabatan, seramai 76 orang warganegara China telah ditahan pada tahun ini atas pelbagai kesalahan Imigresen. Manakala 761 orang tidak dibenarkan masuk ke Malaysia di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur dan Lapangan Terbang Tambang Murah Kuala Lumpur.

Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman menyentuh berkenaan kemasukan pelajar asing ke negara kita dan menekankan perlunya kerajaan mengawal kemasukan pelajar asing. Kerajaan perlu mewujudkan dasar-dasar yang lebih terperinci di dalam pemberian visa pelajar. Ini adalah untuk memastikan mereka yang mendapat visa pelajar di Malaysia benar-benar datang untuk belajar dan bukan untuk tujuan-tujuan yang lain.

Permohonan seseorang pelajar asing untuk mendapatkan kemudahan pas pelajar perlu melalui proses tapisan dan mendapat sokongan daripada agensi-agensi kawal selia yang berkaitan iaitu Kementerian Pengajian Tinggi yang mengawal selia institusi pengajian tinggi swasta dan awam, Kementerian Pelajaran Malaysia yang mengawal selia sekolah antarabangsa, sekolah ekspatriat. Pusat bahasa dan pusat kemahiran serta Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia yang mengawal selia pusat-pusat bertauliah. Agensi-agensi kawal selia tersebut mempunyai kriteria-kriteria yang tertentu bagi menentukan pelajar asing yang layak diperakukan untuk pengeluaran pas pelajar. Kementerian Dalam Negeri melalui Jabatan Imigresen Malaysia pula akan meluluskan pas pelajar kepada pelajar antarabangsa yang telah diperakukan oleh agensi-agensi kawal selia tersebut. Jabatan juga akan memastikan pelajar tersebut bukan seorang...

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Mohon mencelah.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri, ada yang hendak mencelah.

Dato' Lee Chee Leong: Imigran larangan, menerusi senarai syak.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri, ada yang hendak mencelah, bolehkah?

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Saya sedar tentang wujudnya agensi-agensi kawal selia yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi. Akan tetapi seakan-akan ini andaian, setidaknya-tidaknya ini kesan yang diterima oleh orang awam Tuan Yang di-Pertua. Seakan-akan agensi kawal selia itu tidak melakukan penyelarasan sebelum mengambil keputusan yang muktamad sedangkan semua agensi kawal selia itu perlu membuat penyelarasan. Akan tetapi kesan yang diterima ialah penyelarasan tidak berlaku. Itu sebab rasa tidak puas hati itu berkali-kali disuarakan dalam Dewan ini.

Jadi, saya rasa penyelarasan agensi-agensi kawal selia itu harus dipertingkatkan keberkesanannya supaya pelajar-pelajar atau individu-individu yang mengaku hendak belajar di sini tidak lagi masuk ke negara ini untuk tujuan-tujuan lain atau melakukan perkara-perkara yang lain. Terima kasih.

Dato' Lee Chee Leong: Tuan Yang di-Pertua, untuk penyelarasan antara agensi atau kementerian memang wujudnya satu jawatankuasa dan beberapa inisiatif telah dikenal pasti. Berkenaan dengan pelajar asing, memang kalau kehadiran seseorang pelajar kurang daripada 80 peratus, kementerian yang mengendalikan kawal selia kena lapor kepada imigresen.

Yang Berhormat Senator Datuk Maijol Mahap meminta KDN memberi penjelasan mengenai status dan masa depan pemegang kad IMM13 selepas 30 tahun berada di Malaysia.

Beliau juga bertanya, sejauh manakah kerajaan akan memberikan pengecualian kepada pemegang kad IMM13 dan adakah mereka layak memohon status pemastautin tetap.

Akhir sekali, Yang Berhormat Senator Datuk Maijol Mahap memohon jumlah pemastautin tetap pemegang kad IMM13 di negara ini. Tuan Yang di-Pertua, atas dasar perikemanusiaan pelarian perang di Selatan Filipina pada tahun 1972 sehingga tahun 1984 dikeluarkan dengan Pas Lawatan IMM13 yang membenarkan mereka tinggal secara sementara di Sabah sehingga kerajaan memutuskan kedudukan status mereka. Jabatan Imigresen Malaysia telah memberhentikan pemberian Pas Lawatan IMM13 baru kepada mereka yang baru memasuki Sabah tetapi pemegang Pas Lawatan IMM13 sedia ada perlu memperbaharui pas mereka setiap tahun.

Pemberian taraf pemastautin tetap (PR) kepada pemegang Pas Lawatan IMM13 adalah berdasarkan *operation of the law*, dengan izin yang juga membenarkan mana-mana orang asing yang telah memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan untuk memohon taraf pemastautin tetap dan perlu mengikut proses yang telah ditetapkan di bawah Akta Imigresen 1959/63 dan Peraturan-peraturan Imigresen 1963. Pemberian taraf pemastautin tetap dibuat dengan mengambil kira kelayakan yang dimiliki seperti tempoh mereka tinggal di Malaysia dan bukannya diberikan secara automatik.

■ 1650

Yang Berhormat Senator Tuan Saiful Izham bin Ramli menuntut KDN untuk meminta Akta Imigresen 1959/63 beliau nyatakan mempunyai pertindihan di dalam peruntukan kewarganegaraan untuk pasangan dan anak pasangan kepada warganegara Malaysia. Sebagaimana Yang Berhormat Senator sedia maklum, tuntutan tersebut menyentuh isu taraf kewarganegaraan. Untuk maklumat penentuan taraf kewarganegaraan adalah terletak di bawah Bahagian III, Perlembagaan Persekutuan dan bukannya di bawah Akta Imigresen 1959/63.

Yang Berhormat Senator Puan Chew Lee Giok mencadangkan supaya kebenaran...

Tuan Saiful Izham bin Ramli: Minta izin.

Dato' Lee Chee Leong: ...Pekerja untuk ...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, ada yang ingin mencelah, bolehkah?... Silakan Yang Berhormat.

Tuan Saiful Izham bin Ramli: Saya mohon penjelasan sedikit kerana pertama saya tidak pernah membangkitkan perkara itu dalam ucapan saya. Mohon pihak Yang Berhormat Menteri untuk membuat rujukan semula terhadap ucapan saya pada 26 hari bulan yang lepas. Saya tidak pernah membangkitkan tentang soal ...

Dato' Lee Chee Leong: Mengenai isu apa?

Tuan Saiful Izham bin Ramli: Saya tidak membangkitkan tentang isu Akta Imigresen. Mungkin ada berlaku sedikit kesilapan di pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Lee Chee Leong: Ya saya minta maaf.

Timbalan Yang di-Pertua: Tidak payah jawab Menteri, *continue* sahaja teruskan.

Dato' Lee Chee Leong: Yang Berhormat Senator Puan Chew Lee Giok mencadangkan supaya kebenaran bekerja untuk bekas pasangan bukan warganegara kepada warganegara Malaysia, hendaklah diberikan tanpa memerlukan kebenaran bertulis daripada pasangan mereka. Dasar sedia ada menetapkan bahawa (bekas pasangan bukan warganegara) kepada warganegara Malaysia terdapat dua kemudahan imigresen yang diberikan. Sekiranya mereka ingin tinggal di Malaysia mereka boleh memohon untuk mendapatkan pas lawatan sosial jangka panjang manakala jika mereka ingin bekerja, mereka boleh memohon PAS lawatan kerja sementara, tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan seperti mempunyai anak bertaraf warganegara Malaysia dari perkahwinan dengan warganegara Malaysia dan mempunyai majikan atau syarikat yang menawarkan pekerjaan. Kemudahan ini boleh dipohon tanpa perlu mendapatkan kebenaran bertulis daripada pasangan warganegara.

Tuan Yang di-Pertua, Senator Dato' Boon Som a/l Inong menarik perhatian kementerian dari Jabatan Pendaftaran Negara (JPN). Berkenaan prosedur permohonan mendapatkan kad pengenalan bagi anak yang lahir hasil perkahwinan antara rakyat tempatan dengan warganegara asing di luar negara. Masalah timbul apabila anak-anak ini dilahirkan sebelum pasangan berkenaan mendaftar perkahwinan mereka di negara ini. Beliau memohon KDN dan JPN untuk mempertimbangkan, mengkaji semula prosedur bagi mempermudah urusan permohonan bagi mereka yang terlibat. Prosedur bagi menentukan taraf kewarganegaraan kanak-kanak semasa kelahiran adalah ditentukan berdasarkan taraf kewarganegaraan ibu atau bapa melalui perkahwinan yang sah.

Bagi kanak-kanak yang lahir tanpa perkahwinan yang sah taraf kewarganegaraan kanak-kanak mengikut taraf kewarganegaraan ibu. Sekiranya ibu bertaraf warganegara Malaysia anak adalah warganegara Malaysia. Kad pengenalan akan dikeluarkan kepada mereka yang mempunyai taraf penduduk seperti berikut:

- (i) warganegara, kad pengenalan biru/MyKad;
- (ii) pemastautin tetap - kad pengenalan merah/MyPR;
- (iii) pemastautin sementara - kad pengenalan hijau/MyKAS.

Oleh yang demikian bagi seseorang yang tidak mempunyai salah satu daripada taraf penduduk seperti yang dinyatakan tadi maka dia adalah tidak layak untuk dikeluarkan kad pengenalan. Merujuk kepada kes bagi anak hasil perkahwinan lelaki rakyat tempatan dengan warga asing di mana ...

Dato' Boon Som a/l Inong: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada ingin mencelah bolehkah? Silakan.

Dato' Boon Som a/l Inong: Yang Berhormat Timbalan Menteri saya hendak tanya kenapa mengikut ibu kenapa tidak mengikut bapa dia? Apa bezanya ibu dengan bapa apabila anak itu lahir sebelum pendaftaran perkahwinan, apa bezanya? Sebab apa yang menjadi mangsa adalah anak bukannya ibu bapa. Jadi kementerian patut mengambil perhatian terhadap masalah yang timbul ini. Terima kasih.

Dato' Lee Chee Leong: Tuan Yang di-Pertua seperti yang dijelaskan tadi, status anak ini terpulang kepada ibu atau bapa. Kalau perkahwinan dengan ibu bapa yang perkahwinan yang sah antara satu ibu atau bapa adalah warganegara atau pemastautin tetap, status anak dia warganegara. Kalau perkahwinan semasa anak dia dilahirkan ibu bapa dengan perkahwinan yang tidak sah status warganegara dia ikut ibu. Jadi, dinasihatkanlah siapa yang hendak melahirkan anak, pastikan perkahwinan mereka adalah sah.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Saya pohon untuk mencelah.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hendak tanya kita difahamkan ada beberapa kes yang membabitkan antara warganegara di luar negara yang mana anak-anak mereka ini pulang ke Malaysia mendapat IC. Sekiranya pihak mereka ini ingin membuat pasport kita difahamkan bahawa pihak imigresen tidak mempunyai maklumat tentang mereka dan mereka harus pergi kembali kepada JPN untuk mengesahkan kewarganegaraan mereka.

Ini kerana mereka ini sering kali silap faham sebagai warganegara Indonesia ataupun negara lain kerana di hadapan kod dia adalah '10'. Jadi saya ingin tanya kepada pihak Yang Berhormat Menteri, setakat ini sejauh manakah kesepaduan antara maklumat di antara Jabatan Imigresen dan Jabatan Pendaftaran serta kedutaan-kedutaan kita di seluruh negara di seluruh dunia? Ini kerana pada tahun 2012 kes seperti ini masih lagi berlaku membabitkan ibu bapa terpaksa pergi semula ke JPN, untuk mengesahkan bagi anak mereka dapatkan pasport setelah anak mereka ini dewasa.

Kedua berkaitan dengan tadi yang sebut tentang biometrik. Kita faham usaha kerajaan untuk mendaftarkan seluruh warga asing dengan kad biometrik ini adalah satu tindakan yang bagus. Walau bagaimanapun, sekarang ini kita lihat yang ada kawalan di pintu-pintu masuk negara sebagai contohnya di lapangan terbang memang adalah yang ada kamera yang tunjuk pada muka itu.

Akan tetapi kalau di pintu-pintu masuk yang bukan lapangan terbang adakah sekarang ini pihak kerajaan boleh memberi jaminan, bahawa di semua pintu-pintu masuk yang kecil-kecil kita mempunyai kelengkapan biometrik sebegini untuk kita mengesahkan setelah kita buat pendaftaran melalui biometrik. Adakah kita pastikan semua mesin ini dapat ditempatkan di seluruh negara khususnya di negeri-negeri yang mempunyai sempadan yang luas di seluruh negara? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri ada jawapan?

Dato' Lee Chee Leong: Okey mengenai dengan pintu-pintu masuk ke negara. Memang bukan sahaja di *airport* atau lapangan terbang di pintu-pintu mana sahaja memang ada mesin merekodkan biometrik warga asing. Kepada soalan yang pertama tadi Yang Berhormat Senator tanya seseorang warganegara kalau dia lahir di luar negara melahirkan anak di luar negara. Memang kalau warganegara, pasport negara masuk Malaysia dibenarkan dikeluarkan. Pengesahan taraf boleh pergi ke kedutaan laporkan diri kemudian masuk balik ke Malaysia. Dalam tempoh satu tahun masuk Malaysia, isukan pengesahan taraf kewarganegaraan.

■ 1700

Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada kes bagi anak hasil perkahwinan lelaki rakyat tempatan dengan warga asing di mana anak berkenaan lahir sebelum pasangan berkenaan mendaftarkan perkahwinan mereka, taraf kewarganegaraan anak ini adalah merujuk kepada taraf kewarganegaraan ibu sebagaimana yang tertakluk di dalam Jadual Kedua, seksyen 17, Bahagian III, Perlembagaan Persekutuan.

Seterusnya Yang Berhormat Dato' Boon Som juga menyentuh berkenaan permohonan untuk membuat pertukaran daripada istilah bangsa Thai kepada bangsa Siam di dalam kad pengenalan dan surat beranak mereka. Namun begitu sejak kebelakangan ini, ada aduan bahawa proses pertukaran itu menjadi rumit seperti perlu mengangkat sumpah, mengisi tiga jenis borang, melalui proses siasatan terhadap latar belakang termasuk ibu bapa serta mengemukakan surat mati ibu bapa jika ibu bapa sudah meninggal.

Beliau berharap KDN dan JPN mengkaji semula prosedur berkenaan. Untuk makluman, dokumen-dokumen tersebut diperlukan untuk dijadikan rekod kekal jabatan supaya setiap permohonan pindaan dibuat ada rekod dan catatan mengikut Kaedah-kaedah Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1958. Namun begitu, perkara ini akan dikaji semula bagi memudahkan urusan penukaran ke bangsa Siam di dalam kad pengenalan.

Yang Berhormat Senator Datuk Haji Saat bin Haji Abu pula membangkitkan isu...

Dato' Boon Som a/l Inong: Boleh saya mencelah?

Timbalan Yang di-Pertua: Ada Yang Berhormat? Silakan.

Dato' Boon Som a/l Inong: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Timbalan Menteri, sebenarnya tentang masyarakat bangsa Siam dan Thai bukan kesilapan masyarakat Siam sendiri. Pada 17 November, Tan Sri Mahmood ada buat lawatan berjumpa dengan masyarakat Siam di Kedah, beliau menyatakan bahawa benda itu dipermudahkan. Akan tetapi sejak balik tiga bulan kemudian, benda itu menyulitkan masyarakat Siam bahkan bukan kesilapan masyarakat Siam, kesilapan Jabatan Pendaftaran Negara sendiri yang tiba-tiba menukar daripada Siam jadi Thai tetapi saya tidak tahu apa sebab ditukarkan. Akan tetapi sekarang apabila tukar balik, menyukarkan masyarakat Siam, menyulitkan masyarakat Siam.

Jadi KSU Kementerian Dalam Negeri mengatakan bahawa benda itu dipermudahkan. Pergi JPN, tukar sahaja tapi sekarang ini tiga borang perlu diisi, lepas itu sijil kalau bapa meninggal, ambil sijil kematian bapa, ini menyulitkan masyarakat Siam. Jadi saya mohon pihak Kementerian Dalam Negeri mengambil perhatian berat terhadap perkara ini. Bukan kesilapan masyarakat Siam tetapi kesilapan Jabatan Pendaftaran Negara. Terima kasih.

Dato' Lee Chee Leong: Tuan Yang di-Pertua, saya akan ambil maklum tentang perkara ini dan saya akan bawa ke kementerian untuk berbincang.

Yang Berhormat Senator Datuk Haji Saat bin Haji Abu pula membangkitkan isu berkaitan penduduk tetap PR di mana beliau meminta KDN untuk mempertimbangkan bagi mereka yang telah melebihi 21 tahun menetap di Malaysia dan telah mempunyai keluarga dan anak diberi taraf kewarganegaraan Malaysia secara automatik. Beliau juga minta KDN mengambil langkah-langkah yang perlu dalam mengatasi masalah penduduk tetap yang mempunyai ciri-ciri seperti dinyatakan tersebut. Terdapat insiden di mana pemohon telah hadir temu duga tetapi tidak dapat menyanyi lagu *Negaraku* dengan fasih, selain itu ada juga permohonan yang telah ditolak tetapi tidak mendapat maklum balas yang sewajarnya dari KDN.

Beliau berharap agar kes-kes tertunggak ini dapat diselesaikan dengan segera dan sewajarnya. Pemberian taraf kewarganegaraan merupakan anugerah tertinggi kerajaan Malaysia kepada seseorang individu. Dalam hal ini, peruntukan undang-undang semasa di Bahagian III Perlembagaan Persekutuan Malaysia secara jelas memperuntukkan bahawa individu yang berusia 21 tahun dan ke atas perlu mengemukakan permohonan taraf kewarganegaraan. Permohonan taraf kewarganegaraan adalah tertakluk kepada syarat-syarat utama seperti berikut:

- (a) tertakluk kepada Fasal 9, apabila permohonan dibuat oleh mana-mana orang yang berumur 21 tahun atau lebih yang bukan warganegara, maka Kerajaan Persekutuan boleh memberi orang itu suatu perakuan naturalisasi jika Kerajaan Persekutuan berpuas hati bahawa dia telah bermastautin di Persekutuan selama tempoh yang dikehendaki dan berniat hendak berbuat demikian secara tetap jika diberi perakuan itu;
- (b) bahawa dia berkelakuan baik; dan
- (c) bahawa dia mempunyai pengetahuan yang memadai dalam Bahasa Melayu.

Permohonan taraf kewarganegaraan ini juga memerlukan semakan dan penelitian yang terperinci bagi memastikan pengeluarannya hanya kepada pemohon yang benar-benar berkelayakan sahaja demi memastikan kepentingan keselamatan persekutuan, ketenteraman awam dan prinsip moral sentiasa terpelihara.

Senator Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg menarik perhatian berkenaan dengan permohonan kad pengenalan di Sarawak, masih ramai yang belum menerima MyKad mereka walaupun permohonannya sudah dibuat sekian lama. Beliau bertanya mengapakah proses pengeluaran MyKad begitu lama padahal kaedah-kaedah yang digunakan semuanya *high tech* dan cara perhubungan pun sekarang mudah dan cepat kalau dibandingkan dengan 30 tahun yang lepas.

Untuk maklumat Yang Berhormat Senator, tempoh pengeluaran MyKad yang ditetapkan bagi JPN Sarawak adalah 30 hari bekerja dan JPN Kuching adalah 1 hari bekerja. Walau bagaimanapun, dengan pelaksanaan MyKad struktur baru melalui pada 3 Januari tahun ini, permohonan yang diterima oleh JPN telah meningkat tiga kali ganda daripada biasa di seluruh negara yang menyebabkan proses pengeluaran MyKad telah mengalami kelewatan dan melebihi daripada tempoh masa yang ditetapkan. Menyedari akan permasalahan tersebut dan sebagai tindakan untuk memenuhi permohonan yang sangat menggalakkan daripada orang ramai, JPN telah pun mengambil langkah-langkah untuk mendapatkan bekalan tambahan kad pintar yang mencukupi serta mengadakan rundingan bagi mendapatkan bekalan tambahan mesin mencetak MyKad struktur baru dan juga melantik pegawai dan kakitangan tambahan untuk kerja-kerja pencetakan MyKad. Melalui usaha ini, JPN dijangka akan dapat menyelesaikan sepenuhnya tunggakan cetakan MyKad struktur baru pada bulan Julai tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Saat bin Haji Abu membangkitkan perkara, bagaimana untuk mengawal pertubuhan-pertubuhan sukarela dan NGO yang ada di Malaysia dan turut mencadangkan untuk mewujudkan satu kementerian bagi mengawal aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh pertubuhan-pertubuhan sukarela dan NGO ini.

■ 1710

Beliau mencadangkan nama bagi Kementerian ini iaitu Kementerian Hal Ehwal Pertubuhan NGO Malaysia. Kementerian mengucapkan terima kasih dan mengambil perhatian atas cadangan Yang Berhormat Senator Datuk Haji Saat bagi menubuhkan satu kementerian khas berkenaan hal ehwal penubuhan NGO di Malaysia. Buat masa ini, kerajaan tidak mempunyai cadangan sedemikian. Namun sukacita dimaklumkan pada tahun 2008, KDN melalui Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) telah mewujudkan kerjasama dengan agensi-agensi berkaitan bagi mengawal penglibatan orang-orang asing dalam politik negara. Kerjasama tersebut diwujudkan dengan agensi-agensi seperti berikut:

- (i) Bank Negara Malaysia;
- (ii) Polis Diraja Malaysia;
- (iii) Lembaga Hasil Dalam Negeri; dan
- (iv) Suruhanjaya Syarikat Malaysia.

JPPM terlibat secara langsung dalam Jawatankuasa *Anti-Money Laundering* dan *Terrorism Financing Act* dan *Asia-Pacific Group on Money Laundering*. Perkara-perkara yang dicadangkan di antaranya adalah bagaimana pertubuhan-pertubuhan berdaftar dijadikan platform bagi penggubahan wang haram. Sehubungan itu, JPPM mewajibkan penggunaan borang pertubuhan 9-1/11 yang diperkenalkan mulai Januari 2012 kepada pertubuhan berdaftar sekitar negeri Selangor dan Kuala Lumpur yang bertujuan memantau penerima, penderma, negara sumber dana dan jumlah yang diterima dalam Ringgit Malaysia. Dalam Bahagian 'C', Borang 9-1/11 tersebut telah menyatakan dengan jelas maklumat-maklumat yang perlu dilengkapkan oleh setiap pertubuhan termasuk parti politik mengenai sumber kewangan diterima oleh pertubuhan berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Rohani binti Abdullah menyentuh berkenaan penglibatan belia dalam Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (RELA). Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, sehingga 31 Mac tahun ini, jumlah anggota Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (RELA) telah seramai 2,924,260 anggota. Dari jumlah tersebut, seramai 1,691,360 anggota atau...

Tuan Saiful Izhah bin Ramli: Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Lee Chee Leong: ...Sebanyak 57.83 peratus.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri, ada yang ingin mencelah.

Dato' Lee Chee Leong: Sekejap, sekejap.

Timbalan Yang di-Pertua: Sekejap, Yang Berhormat.

Dato' Lee Chee Leong: Adalah golongan muda yang berumur 21 tahun hingga 40 tahun. Sila.

Tuan Saiful Izhah bin Ramli: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi saya jawapan berkenaan dengan dana yang diperoleh daripada sumber asing luar negara kepada pertubuhan-pertubuhan termasuk pertubuhan politik dalam negara.

Pertanyaan saya ialah, adakah sebarang parti politik dalam negara ini yang dikenal pasti menerima dana atau sumber asing itu dan apakah nama serta jumlah peruntukkan kewangan atau bantuan yang diperoleh oleh parti politik tersebut dan dari pertubuhan mana daripada negara luar. Terima kasih.

Dato' Lee Chee Leong: Tuan Yang di-Pertua, saya tiada maklumat tentang perkara ini. Saya akan menjawab secara bertulis.

Bagi menggalakkan golongan muda menyertai RELA, beberapa inisiatif telah dilaksanakan iaitu bekerjasama dengan Kementerian Belia dan Sukan menubuhkan skuad muda RELA yang kini keanggotaannya seramai 8,776 anggota dan angka ini akan bertambah dari semasa ke semasa.

Program RELA Masuk ke IPTA dan IPTS dengan menubuhkan RELA Siswa-siswi yang mana keanggotaannya baru di peringkat permulaan iaitu seramai 808 anggota di Universiti Tun Hussein Onn, Batu Pahat. Program ini akan dikembangkan di seluruh negara.

Pada masa kini, kebanyakan tugas baru yang menarik minat dan yang disertai oleh ramai golongan muda antara lain seperti berikut.

- (i) membantu mencegah jenayah bersama PDRM;
- (ii) menyertai sukarelawan polis bertugas di kawasan *hotspot*;
- (iii) menjaga keselamatan depot-depot tahanan imigresen;
- (iv) menjaga keselamatan rumah perlindungan anti pemerdagangan orang;
- (v) membantu agensi penguatkuasaan dalam operasi bersepadu;
- (vi) menjaga keselamatan sasaran penting yang terpilih;
- (vii) pemantauan stesen minyak di sempadan negara; dan
- (viii) menyertai rondaan 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat menyentuh berkenaan permasalahan penagihan dadah di negara ini yang belum nampak surutnya. Beliau ingin tahu punca gejala penagihan dadah ini dan minta perhatian kerajaan. Tidak dinafikan sememangnya sedikit sebanyak berkaitan di antara jenayah-jenayah kecil yang dilakukan dengan gejala penagihan dadah ini. Penagihan dadah di kalangan anak-anak remaja kebanyakannya berpunca daripada pengaruh kawan, perasaan ingin tahu dan atas faktor keseronokan.

Selain itu, faktor kekeluargaan juga merupakan salah satu yang menggalakkan iaitu seramai 13,123 orang *client* bagi tempoh Julai 2010 hingga 22 Mac 2012. Ia telah memberi kesan yang positif kepada Program Transformasi Kerajaan dan ini sekali gus telah membantu dalam usaha mengurangkan indeks jenayah terutamanya jenayah jalanan yang mana indeks jenayah jalanan telah menunjukkan penurunan sehingga kini 39.7 peratus dan indeks jenayah keseluruhan di seluruh negara dapat diturunkan sehingga 11.1 peratus...

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua mencelah, boleh?

Dato' Lee Chee Leong: Sila.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Saya hendak tanya, berapa sebenarnya angka jumlah penagih dadah terkini. Penting.

Dato' Lee Chee Leong: Tuan Yang di-Pertua, ini terlibat dengan angka. Saya akan menjawab secara bertulis.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff menyentuh berkenaan dengan isu membabitkan dua pemegang jawatan penting iaitu institusi peguam negara dan juga bekas ketua polis negara dan memohon agar kementerian memberi satu penegasan tentang pendirian kerajaan dalam menangani dakwaan ini. Perkara yang dibangkitkan ini telah pun disiasat sebelum ini oleh pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan keputusannya juga telah didedahkan kepada umum. PDRM sentiasa mengamalkan sikap tegas dan telus dalam apa jua...

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, mencelah sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua: Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri?

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Penting sangat.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila.

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Sedarkah Yang Berhormat bahawa pusat serenti di Malaysia tidak cukup. Saya ingat 21 atau berapa buah. Jadi penagih ramai. Seingat saya 280 ribu lebih. Seingat saya. Oleh sebab itu saya minta angka tepat tadi.

Jadi tidak muat, adakah kerajaan bercadang hendak bina baru atau macam mana? Kalau sumbat, pusat serenti pecah. Pecah. Jadi, tidak akanlah hendak lihat pecah, tidak akan hendak lihat terbiar. Apakah tindakan kerajaan, KDN khasnya untuk penagih-penagih dadah ada rumah? Terima kasih.

■ 1720

Dato' Lee Chee Leong: Tuan Yang di-Pertua, memang sekarang kaedah AADK bukan sahaja mementingkan pusat serenti tetapi C&C iaitu *cure and care* pun telah diwujudkan di banyak tempat juga yang mana penagih pun memang akan dianggap sebagai satu penagihan adalah sebagai satu penyakit. Ia bukan jenayah. *So*, memang kaedah yang baru ini yang ada perubahanlah. Jadi bukan sahaja pusat serenti, C&C *centre (cure and care)* ataupun memang diadakan supaya menjaga penagih-penagih supaya mereka tidak merebak ke tempat-tempat lain. Kalau tiada penjagaan, dia akan melakukan sesuatu.

Tuan Yang di-Pertua, setakat inilah sahaja penjelasan-penjelasan yang dapat saya berikan...

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: [Bangun]

Dato' Lee Chee Leong: ...Mengenai isu-isu yang telah dibangkitkan...

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Minta laluan.

Dato' Lee Chee Leong: Sepanjang tempoh perbincangan. Ya.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada lagi satu yang hendak mencelah.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Tuan Yang di-Pertua, saya ada minta satu soalan tetapi soalan saya tertinggal. Tadi Yang Berhormat saya tidak minta soalan, tetapi Menteri menjawab juga.

Dato' Lee Chee Leong: Soalan apa?

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Soalan saya ialah...

Dato' Lee Chee Leong: Soalan apakah ia, ada pernah dibahaskan, ada dalam perbincangan?

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Ada dalam perbincangan tetapi tidak mendapat jawapan daripada kementerian. Mungkin itu...

Dato' Lee Chee Leong: Ada...

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: ...Soalan tidak di bawah kementerian. Saya tidak tahu. Mungkin saya ulangnya sekali lagi. Soalannya ialah pada bulan Ogos tahun lalu, Mahkamah Tinggi Australia telah memutuskan bahawa perjanjian perhubungan urusan pertukaran pencari suaka antara Canberra dan Putrajaya sebagai tidak sah. Mengikut perancangan awal, pelarian ini akan ditempatkan di pusat tahanan di Port Dickson sebagai penempatan pelarian. Soalan saya ialah, mahkamah sekarang memberitahu bahawa ini adalah tidak sah. Jadi selepas ini, siapa yang akan menanggung kos pusat tahanan tersebut? Itu soalan pertama.

Kedua ialah – soalan kedua saya tidak minta tetapi itu bersangkutan-paut dengan soalan ini iaitu di Malaysia kita ada 'pelari'. Ramai 'pelari' dari Myanmar dan sekarang dari Sri Lanka. Mereka ada kad daripada UNHCR dan pegawai UNHCR ada banyak kali...

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Salah itu. Salah itu. 'Pelarian'. Bukan 'pelari'. 'Pelari' untuk sukan itu.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Terima kasih.

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Oh! Itu pun tidak... [Ketawa].

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Okey..., *as a silent seekers, silent seekers*. Mereka ada memegang kad UNHCR dan pegawai UNHCR ada banyak kali berunding dengan Kementerian Dalam Negeri untuk memberikan kad bahawa mereka boleh bekerja dengan majikan, di sekitar. Saya pun difahamkan bahawa Menteri bersetuju, SG pun bersetuju, DG pun bersetuju.

Sudah banyak kali bersetuju tetapi sehingga sekarang tidak dapat mengeluarkan kad. Jadi mereka pun risau mengapa tidak dapat kad kebenaran untuk mereka bekerja di sini. Terima kasih.

Dato' Lee Chee Leong: Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan kos untuk pemindahan pelarian antara perjanjian Malaysia dengan Australia, memang kosnya kesemuanya ditanggung oleh kerajaan Australia. So, maknanya Kerajaan Malaysia tidak langsung untuk membelanjakan satu sen pun.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Ya, Tuan Yang di-Pertua. Perjanjian ialah kerajaan Australia perlu membayar RM1 bilion. Adakah bayaran itu dibayar ataupun – sebab perjanjian sekarang tidak sah lagi?

Dato' Lee Chee Leong: Memang perjanjian sebab diputuskan oleh mahkamah Australia perjanjian antara dua buah negara sudah terbatallah. So, kosnya memang ia semua ditanggung oleh kerajaan negeri. So, kita memang tidak tahulah berapa yang telah dibelanjakan.

Okey, berkenaan dengan pemegang kad UNHCR yang dikeluarkan oleh *United Nations* atau Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Pada polisi kerajaan, memang setakat inilah kita memang tidak membenarkan mereka bekerja. Walau bagaimanapun, kalau ada perubahan, kita akan maklumkan. Terima kasih.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Untuk makluman Yang Berhormat Timbalan Menteri, mereka pun sedang bekerja sekarang. Ramai orang semua bekerja. Hanya tidak ada kad daripada kementerian sahaja. Akan tetapi semua orang sudah bekerja.

Dato' Lee Chee Leong: Saya ingat saya akan jawab secara bertulislah, Yang Berhormat Senator.

Timbalan Yang di-Pertua: Okey.

Dato' Lee Chee Leong: Saya ingat setakat inilah saya dapat menjawab. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Okey, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih atas jawapan yang diberikan tadi. Seterusnya saya ingin mempersilakan Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan untuk memberikan jawapan. Silakan.

5.26 ptg.

Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan I [Dato' Joseph Salang anak Gandum]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dan memberi pandangan serta saranan yang menyentuh bidang tugas Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan sepanjang sesi perbincangan ke atas Titah Diraja 2012. Kementerian akan memberikan perhatian dan mengambil tindakan susulan pada isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Secara keseluruhannya, antara isu yang berkaitan dengan kementerian yang telah menarik minat Ahli-ahli Yang Berhormat bolehlah dirumuskan merangkumi beberapa isu iaitu:

- (i) perkhidmatan *internet*;
- (ii) penguatkuasaan dan pemantauan kandungan laman web dan *blog*;
- (iii) kandungan program TV dan berita;
- (iv) peranan media elektronik; dan
- (v) isu-isu lain.

Isu perkhidmatan *internet* – Tuan Yang di-Pertua, berhubung perkhidmatan *internet* melalui kerjasama yang seiring dan bersepadu antara kerajaan dan pihak pemberi perkhidmatan, mutu perkhidmatan dan kelajuan *internet* sudah dapat ditingkatkan dan diluaskan mengikut peralihan teknologi masa kini. Namun, percambahan, penempatan, tahap sara hidup, kepadatan penduduk dan kuasa membeli yang terhad adalah antara faktor yang harus diambil kira pada peringkat ini untuk merealisasikan sasaran penembusan jalur lebar seperti yang telah ditetapkan.

Isu harga langganan jalur lebar di Malaysia yang masih tinggi berbanding dengan negara lain adalah disebabkan oleh penentuan ekonomi yang mengambil kira permintaan dan penawaran. Namun begitu, pada masa ini, rata-rata pembekal perkhidmatan *internet* telah pun memperkenalkan pelan jalur lebar yang mampu milik untuk pengguna yang tinggal di luar bandar dan kumpulan sasaran yang terpilih pada kadar serendah RM20 sebulan.

Isu penguatkuasaan dan pemantauan kandungan laman web dan *blog* – Tuan Yang di-Pertua, kesemua jenis kandungan rangkaian atau *network content* termasuk kandungan laman web, *blog* atau rangkaian sosial di *internet* adalah tertakluk pada undang-undang negara seperti Akta Hasutan 1948, Kanun Keseksaan termasuklah juga Akta Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998.

■ 1730

Ini bermakna, mereka yang didapati menyalahi undang-undang tersebut bolehlah diambil tindakan oleh pihak berkuasa terbabit. Selain daripada tindakan perundangan, pengguna yang merasa teraniaya juga boleh mengambil tindakan sivil. Kementerian melalui SKMM, selain mengambil tindakan menyekat akses kepada laman-laman web yang menyalahi undang-undang negara turut melakukan kempen-kempen kesedaran dari semasa ke semasa bagi mendidik dan meningkatkan kesedaran orang ramai tentang isu sosial dan teknologi yang dihadapi oleh pengguna *internet*.

Isu kandungan program TV dan berita. Tuan Yang di-Pertua, kementerian ini melalui jabatan dan agensi di bawahnya sentiasa memantau dan berhati-hati dalam pemilihan rancangan untuk tayangan umum. Setiap rancangan yang disiarkan di televisyen telah terlebih dahulu dinilai dan ditapis isi kandungannya berdasarkan kepada garis panduan dan peraturan-peraturan yang telah ditetapkan kepada penyiar. Secara umumnya, kerajaan tidak menetapkan dasar atau peraturan khusus mengenai liputan sesuatu peristiwa atau berita. Namun demikian, berita-berita positif sentiasa menjadi keutamaan dalam siaran berita nasional.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Isu peranan media elektronik. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sentiasa berusaha untuk memastikan media arus perdana melaksanakan secara bersepadu melalui kedua-dua media iaitu media elektronik dan juga media cetak untuk menggalakkan persefahaman di antara kaum dan perpaduan di kalangan rakyat di negara ini dapat dicapai. Selain itu, kementerian juga menggalakkan penerbit filem tempatan untuk menghasilkan filem yang beridentitikan 1Malaysia yang menepati inti pati konsep Gagasan 1Malaysia dengan secara tidak langsung mampu mengukuhkan lagi perpaduan di kalangan rakyat Malaysia melalui filem.

Isu-isu lain Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan cadangan penubuhan Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) khas untuk kesenian Islam. Sistem pendidikan ASWARA sedia ada lebih menitik beratkan aspek seni, warisan dan budaya. Walau bagaimana pun ASWARA tidak ketinggalan mengadakan program-program bercorak keislaman yang sentiasa diadakan dari semasa ke semasa untuk para pelajarnya.

Isu perkhidmatan program televisyen NJOI. Tuan Yang di-Pertua, perkhidmatan televisyen NJOI merupakan inisiatif ASTRO bersama-sama pihak kerajaan dalam membantu rakyat Malaysia mendapat akses dalam bidang pendidikan, informasi, hiburan dan sukan. Pelancaran NJOI telah dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 20 Disember 2011 dalam usaha ASTRO merapatkan jurang digital di kalangan rakyat Malaysia.

Saluran hiburan informasi yang boleh didapati melalui NJOI turut merangkumi semua saluran RTM sedia ada seperti TV1, TV2 dan TVi. Akhir sekali berkenaan dengan isu...

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Naw: Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Joseph Salang anak Gandum: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Naw: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan saya berkaitan dengan ASWARA, khusus untuk penyiaran untuk kesenian Islam. Saya tanya soalan ini kerana pada beberapa tahun yang lepas, pihak kementerian pernah memaklumkan bahawa tidak ada pelajaran atau subjek agama Islam kepada pelajar-pelajar yang mengikuti kelas di ASWARA. Jadi, oleh kerana hari ini kita lihat kebangkitan filem-filem yang berkisar tentang aktiviti kesenian Islam telah berkembang dalam negara kita. Jadi, sebab itu saya tanyakan tentang soalan ini, adakah kerajaan berminat untuk mengadakan satu lagi fakulti di ASWARA ini yang khusus untuk kesenian Islam.

Manakala yang kedua tadi disebut panjang lebar berkenaan dengan bagaimana kerajaan memantau dan ingin memastikan bahawa tidak ada penularan gejala-gejala sosial yang tidak mesra kepada rakyat dalam negara kita, khususnya di media massa dan juga *internet*. Hari ini kita lihat dalam akhbar-akhbar utama terdapat paparan-paparan gambar yang saya kira berunsur lucah yang telah dipaparkan di media perdana. Jadi, apakah tindakan kerajaan untuk tidak menjadikan isu-isu seperti ini di muka depan kerana ianya tidak memberikan kesan yang baik kepada pembinaan akhlak yang ingin kita tekankan. Adakah perkara ini berada dalam tindakan pihak kementerian. Terima kasih.

Dato' Joseph Salang anak Gandum: Terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz. Berkenaan dengan fakulti keagamaan, bolehkah ianya diwujudkan di ASWARA atau tidak. Ini adalah satu perkara yang boleh dipertimbangkan oleh kementerian untuk pengamal-pengamal perfileman mendapatkan kakitangan. Ini saya percaya adalah satu cadangan yang boleh diterima dan saya akan mengangkat cadangan ini ke pihak kementerian untuk dipertimbangkan oleh Lembaga Pengarah ASWARA untuk dipertimbangkan.

Berkenaan dengan penularan gejala-gejala yang tidak sihat sebagai mana Yang Berhormat katakan mungkin oleh kerana pemaparan artikel ataupun gambar-gambar yang sepatutnya tidak dipaparkan di media-media cetak. Sebagai mana Yang Berhormat sedia maklum bahawa media cetak adalah di bawah tanggungjawab kementerian lain. Namun demikian, kementerian kami sentiasa menilai dan memberi buah fikiran kepada kementerian yang berkenaan atas apakah yang difikirkan sebagai nilai yang boleh diguna pakai oleh rakyat Malaysia bukan hanya dari segi pengukuhan akhlak seseorang rakyat Malaysia tetapi juga dari segi nilai ketimuran. Sebagai mana Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, perkara berkaitan nilai murni adalah satu-satunya yang sememang dianggap begitu penting oleh kementerian ini. Saya percaya buah fikiran dan sentuhan dari Ahli-ahli Yang Berhormat dan rakyat jelata yang lain memang diambil kira dalam penentuan apakah yang patut atau tidak patut diterbitkan.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan promosi terhadap tarian tradisional...

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Saya mahu mencelah sebentar, izinkan saya Tuan Yang di-Pertua, boleh? Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Kementerian Penerangan juga iaitu tadi saya ingatkan dari segi konteks penapisan, dari segi etika penyiaran TV. Saya ingatkan masih panjang lagi yang akan diulas oleh pihak kementerian tetapi agak pendek. Apa yang saya ingin bertanya di sini ialah berkenaan dengan tentang garis panduan, terutama sekali yang melibatkan tata etika pemakaian. Sekarang kalau kita tengok dalam TV, kita lihat dari segi tata etika pemakaian, terutamanya artis-artis wanita agak keterlaluan.

Jadi, saya tidak tahu sekarang ini garis panduan itu di mana skirt sudah boleh atas bahu, boleh sudah pakai apa..., *sorry*, skirt sudah boleh atas paha, *sorry and then* cara pemakaian artis terutama kadang-kadang ada siaran langsung itu agak nampak keterlaluan.

Jadi, saya tidak tahu sekarang dari segi garis etika ataupun dibolehkan, saya tidak pasti keadaan ini sekarang sebab keadaan ini makin berleluasa baik di RTM, di TV3 ataupun di ASTRO dan sebagainya. Jadi saya ingin tahu dari segi konteks syarat-syarat dari segi etika pemakaian.

Kedua dari segi sensitiviti berkenaan...

■ 1740

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya hendak tumpang tanya, Yang Berhormat ada bangkitkan dalam ucapan Yang Berhormat dulu kah, adakah perkara ini?

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Saya sentuh sikit sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Ada ya?

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Ya, ada sentuh sikit.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau ada tidak mengapa. Kalau tidak ada, tidak boleh baru punya isu dibangkitkan.

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Kedua berkenaan dengan tataetika iaitu sensitiviti berkenaan agama juga. Ini kerana kita tengok dari segi penapisan filem ya, kalau kita lihat sekarang ini berkenaan dengan babak-babak tertentu yang melibatkan kadang-kadang *scene* di dalam masjid, akad nikah walaupun pihak Menteri mungkin bukan dari Islam tetapi saya terpaksa beritahu perkara ini tentang konteks *scene* pernikahan. Ini kerana selepas majlis akad nikah itu kadang-kadang saya tengok di dalam masjid itu juga ada, kalau orang Melayu dipanggil batal air sembahyang, berlaku *scene* itu di dalam masjid, bersalaman antara lelaki dan wanita dan juga kadang-kadang ada adegan sampai mencium dahi. Jadi saya tidak tahu bagaimana sekarang ini keadaan itu dibolehkan keluar di siaran TV. Saya mohon penjelasan.

Dato' Joseph Salang anak Gandum: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, tadi saya sedikit juga terkejut adakah skirt di atas 'bahu' itu... [*Ketawa*] Akan tetapi sebagaimana yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat iaitu skirt di atas lutut sedikit.

Sebagaimana Yang Berhormat sendiri nampaknya faham betul berkenaan dengan perkara ini iaitu setiap rancangan yang disiarkan oleh RTM telah terlebih dahulu dinilai isi kandungannya oleh Jawatankuasa Penilaian dan Pemilihan Rancangan Televisyen dengan merujuk kepada Kod Etika Penyiaran Jabatan Penyiaran Malaysia. Itu pertama. Kod Etika Penyiaran merupakan garis panduan kepada penyiar RTM sama ada penerbit, pengarah, pembekal rancangan, pengiklan, juruhebah, wartawan, pengacara, pembaca berita, karyawan, artis, petugas ataupun sesiapa sahaja yang melibatkan diri dalam penyiaran.

Yang Berhormat, saya tidak begitu fasih dalam perkara-perkara berkenaan dengan apa yang dianggap sebagai sesuai atau tidak sesuai. Akan tetapi saranan Yang Berhormat itu saya percaya lebih elok ianya dirujuk dari segi pernyataannya dan kementerian kami akan menilai dan mengkaji bagaimanakah keadaan yang dikatakan Yang Berhormat itu dapat diperbaiki supaya ianya tidak terlalu menjolok mata dan boleh diterima sebagai nilai yang patut ditonjolkan di televisyen. Terima kasih Yang Berhormat.

Berbalik kepada isu promosi terhadap tarian tradisional kebudayaan. Tuan Yang di-Pertua, kementerian ini berterima kasih dan mengalu-alukan cadangan supaya tarian pelbagai kaum dan etnik dipersembahkan di acara-acara keramaian dan tidak untuk ditunjukkan dalam acara-acara rasmi sahaja. Oleh itu, kerjasama daripada semua pihak amatlah diharapkan dalam memainkan peranan untuk menyerlahkan seni budaya kaum dan etnik dalam usaha menyemarakkan perpaduan melalui seni budaya ke arah memperkasakan gagasan 1Malaysia. Sekian sahaja Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang tanpa membuang masa lagi saya mempersilakan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Dipersilakan Yang Berhormat.

5.45 ptg.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah I [Dato' Haji Hasan bin Malek]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan titah diraja yang menyentuh perkara-perkara yang berkaitan dengan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.

Yang Berhormat Senator Datuk Majjol bin Mahab berharap agar kerajaan dapat menambah peruntukan Program Bantuan Rumah atau PBR untuk rakyat di negara ini memandangkan tidak kurang 2,000 orang ke 3,000 orang yang berdaftar dengan e-Kasih di setiap daerah khususnya di Kota Marudu, Sabah.

Kerajaan sememangnya amat komited dan memberi perhatian yang serius dalam Program Pembasmian Kemiskinan di negeri Sabah. Bagi tempoh tahun 2010 hingga tahun 2012, kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM302 juta dengan sasaran sebanyak 7,093 unit rumah untuk dibina atau di baik pulih di bawah Program Bantuan Rumah (PBR) di negeri Sabah. Bagi daerah Kota Marudu secara khusus, sejumlah 80 unit projek bina baru telah dilaksanakan pada tahun 2010 dengan kos sebanyak RM3.2 juta. Manakala pada tahun 2011 pula, sebanyak 100 unit projek bina baru dan 70 unit projek baik pulih telah dilaksanakan dengan kos sebanyak RM4.84 juta. Pada tahun 2012 pula, kementerian telah memperuntukkan sebanyak RM2 juta bagi melaksanakan 40 unit projek bina baru yang sedang giat dijalankan di daerah Kota Marudu.

Yang Berhormat Senator Datuk Majjol bin Mahab juga memohon supaya pemantauan yang lebih kerap dibuat bagi memastikan jalan yang dibina mempunyai kualiti yang terjamin dan dapat bertahan dalam tempoh yang panjang.

Kementerian kami dengan kerjasama Jabatan Kerja Raya negeri Sabah sentiasa memastikan kualiti jalan yang dibina adalah terbaik bagi memastikan jalan yang dibina tahan lebih lama, dapat menjamin keselamatan para pengguna jalan raya dan penduduk setempat. Jalan yang dibina juga sekurang-kurangnya memenuhi piawaian dan spesifikasi minimum yang telah ditetapkan oleh pihak JKR.

Yang Berhormat Senator Tuan Lihan Jok bertanyakan sebab-sebab yang melambatkan pembinaan tenaga solar di beberapa buah kampung di pedalaman utara Sarawak seperti di Long Lellang, Long Peluan, dan Dataran Tinggi Kelabit. Yang Berhormat Senator juga bertanyakan bilakah semua projek ini siap dan jumlah tenaga elektrik yang mampu dihasilkan melalui projek tenaga solar ini.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, kementerian pada 15 Ogos 2011 telah menawarkan kontrak pelaksanaan Projek Bekalan Elektrik Luar Bandar, Sistem Solar Hibrid di 13 buah kampung di Lembah Bario termasuk kampung-kampung yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator kepada syarikat yang disebut Megan Alfa Sdn. Bhd.. Pelaksanaan projek telah bermula pada 15 Ogos 2011 dan dijangka siap sepenuhnya sebelum 14 Februari 2013 iaitu dalam tempoh 18 bulan.

Projek ini dijangka akan memberi manfaat kepada 453 buah rumah dengan jumlah tenaga elektrik yang mampu dihasilkan sebanyak 800 kilowatt. Sehingga 30 April 2012, kerja-kerja awalan reka bentuk, pemilihan tapak stesen dan perolehan perkakasan dan komponen sistem hibrid telah disempurnakan oleh syarikat. Kerja-kerja di tapak bina dijangka akan dimulakan pada Jun 2012 ini selepas kelulusan untuk memasuki tapak dari *State Planning Authority* diperoleh dalam bab kemajuan tanah dan wilayah.

■ 1750

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar berharap dasar pembahagian tanah kepada peserta FELCRA dan RISDA yang kurang daripada enam ekar dihapuskan dan mencadangkan pembahagian tanah adalah melebihi 10 ekar. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, RISDA dan FELCRA Berhad berfungsi sebagai agensi pemajuan tanah dengan tanaman komuniti utama iaitu getah dan sawit. Kedua-dua agensi ini juga memajukan tanah milik persendirian dan kerajaan di seluruh negara.

Bagi tanah milik persendirian, keluasan pegangan tanah adalah bergantung kepada saiz pegangan asal pemilik tanah berkenaan yang diserahkan kepada RISDA dan FELCRA Berhad.

Manakala bagi tanah milik kerajaan pula, penetapan jumlah keluasan tanah yang hendak diberikan kepada peserta adalah tertakluk kepada kelulusan dari kerajaan negeri yang mempunyai kuasa mutlak dalam hal ehwal pengurusan tanah. Dalam konteks ini, RISDA dan FELCRA Berhad hanya bertindak sebagai pemaju pembangunan ladang sahaja. Okey, KEMAS. Dalam bab KEMAS ini Yang Berhormat Puan Norliza binti Abdul Rahim membangkitkan isu mengenai sistem pembelajaran di tabika KEMAS masih ditakuk lama dan tidak pernah dikaji semula. Tidak betul ini Yang Berhormat.

Taman bimbingan kanak-kanak tabika KEMAS merupakan institusi pra sekolah bagi kanak-kanak berumur dalam lingkungan empat hingga enam tahun. Ia telah menjadi salah satu strategi yang dilaksanakan sejak tahun 1970 untuk membangunkan masyarakat di luar bandar. Pada tahun 1970 hingga 2003, pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran di tabika KEMAS adalah berdasarkan berasaskan kurikulum yang dibina oleh KEMAS dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia. Pada tahun 2003 pula hingga tahun 2009, tabika KEMAS telah mengguna pakai kurikulum prasekolah kebangsaan KPK Kementerian Pelajaran Malaysia mengikut Akta Pendidikan 1996 (Pindaan) 2002.

Mulai tahun 2010, tabika KEMAS telah mengguna pakai Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) yang digubal oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Kurikulum ini telah diwajibkan penggunaannya di semua institusi pendidikan prasekolah di bawah agensi kerajaan dan swasta bermula dari 1 Januari 2010. Senantiasa di dalam keadaan berkembang maju.

Yang Berhormat Senator Tuan Baharudin bin Abu Bakar pula...

Puan Norliza binti Abdul Rahim: Mohon mencelah.

Dato' Haji Hasan bin Malek: Ya.

Puan Norliza binti Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua, boleh?

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Puan Norliza binti Abdul Rahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada kementerian. Saya cuma ingin bertanya. Saya ada tanya lagi satu soalan. Adakah modul yang digunakan oleh tadika KEMAS ini, pernah kah kita mengkaji dan kita membandingkan dengan modul yang digunakan oleh tadika-tadika swasta seperti *Smart Reader*, *Montessori* dan lain-lain? Terima kasih.

Dato' Haji Hasan bin Malek: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Memang ada, apatah lagi dalam perancangan mengikut sama-sama dengan mata pelajaran yang diperkenalkan melalui PERMATA. Ini saya akan sentuh sebentar lagi. Yang Berhormat Senator Tuan Baharudin bin Abu Bakar pula bertanyakan adakah kerajaan berhasrat untuk mengintegrasikan program pendidikan awal kanak-kanak PERMATA ke seluruh tabika KEMAS sedia ada terutama sekali dari segi aspek pembelajaran dan pengajaran untuk menjadikannya lebih lengkap dan tersusun.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, bermula dari tahun 1995 KEMAS merupakan agensi kerajaan yang terlibat dalam melaksanakan Program Taman Asuhan Kanak-Kanak atau taska KEMAS dengan memberi fokus kepada kanak-kanak berumur dua hingga empat tahun. Pada tahun 2009, KEMAS secara langsung telah terlibat dalam Program PERMATA Negara dan KEMAS secara berperingkat telah menaik tarafkan Taman Asuhan Kanak-Kanak KEMAS menjadi Taska PERMATA KEMAS, sekali.

Antara usaha yang dijalankan ialah menaik taraf taska tersebut ialah dengan menaik taraf kemudahan bagi bangunan dan peralatan serta mengguna pakai kurikulum PERMATA. Pada tahun 2011, semua 318 buah taska KEMAS telah di naik taraf menjadi Taska PERMATA KEMAS. Selain daripada itu, kelayakan guru-guru Taska PERMATA KEMAS juga telah dipertingkatkan dari Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) Gred S17 kepada Diploma Pendidikan Awal Kanak-kanak dengan Gred S27. Kemudahan guru-gurunya sama-sama meningkat. Program PERMATA Negara ini hanya melibatkan taman asuhan kepada kanak-kanak yang berumur antara dua ke empat tahun sahaja. Manakala bagi Program Tabika KEMAS masih menggunakan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan yang dikeluarkan Kementerian Pelajaran Malaysia. Okey, selesai Yang Berhormat ya.

Majlis Amanah Rakyat, Tuan Yang di-Pertua Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit memohon kerajaan agar membuka lebih banyak MRSM bagi memberi lebih banyak peluang kepada pelajar cemerlang.

Sehingga kini, seramai 32,605 orang pelajar sedang mengikuti pengajian menengah di 46 buah MRSM di seluruh negara. Dua buah MRSM baru dijangka beroperasi pada pertengahan tahun ini manakala tiga buah MRSM dalam proses pembinaan dan dijangka beroperasi pada tahun 2014.

Saranan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit nampaknya, umumnya memang inilah desakan rakyat untuk hendak lebih banyak lagi pembinaan MRSM ini. Sebab itu dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh, MARA telah memohon untuk membina sebanyak enam buah MRSM baru. Walau bagaimanapun, Unit Perancangan Ekonomi memberi keutamaan kepada pelaksanaan projek sambungan dan projek Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) sahaja. Pada masa ini, kementerian sedang memberi fokus dan usaha meningkatkan kapasiti institusi-institusi pendidikan sedia ada di bawah MARA, khususnya MRSM termasuklah penggantian kelengkapan yang usang dan tidak sesuai.

Penyelenggaraan bangunan-bangunan dan peningkatan kualiti pembelajaran. *Insyah-Allah* desakan-desakan ini esok apabila sampai masanya ada keperluan, ada peruntukan *insyiah-Allah* kita akan banyak bina MRSM-MRSM ini. Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit membangkitkan isu mengenai pelaksanaan Program *International General Certificate of Secondary Education* (IGCSE). Kementerian menerusi MARA telah mengambil inisiatif dengan membuat penambah nilai *added value* kepada sistem pendidikan sedia ada melalui pendidikan *Ulul Albab* dan *International General Certificate of Secondary Education* (IGCSE).

Program IGCSE yang ditanya ini sebenarnya telah dibuat dengan perancangan yang teliti iaitu termasuk siri penerangan oleh pihak IGCSE, lawatan kerja dan khusus untuk semua guru yang terlibat. Latihan serta mesyuarat untuk penambahbaikan sistem penyampaian sentiasa diadakan dari semasa ke semasa untuk memastikan kualiti pembelajaran dan pengajaran adalah baik dan berterusan. Program IGCSE ditawarkan kepada pelajar Tingkatan 1 di mana pelajar-pelajar ini akan mengambil peperiksaan IGCSE semasa Tingkatan 4 dan pelajar-pelajar ini akan mengambil peperiksaan SPM semasa Tingkatan 5.

Maknanya bermulanya daripada Tingkatan 1 dia sudah didedahkan dengan IGCSE ini. Saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat Senator bahawa subjek IGCSE ini adalah hampir sama dengan subjek SPM. Pelajar MRSM ditawarkan beberapa subjek seperti Fizik, Kimia, Biologi, Matematik Tambahan, Matematik Moden, bahasa Inggeris, Sejarah, Agama dan bahasa Melayu dalam SPM. Manakala keputusan IGCSE ialah enam subjek iaitu Fizik, Kimia, Biologi, Matematik Tambahan, dan Matematik.

■ 1800

Oleh yang demikian, pelajar IGCSE diajar terus kepada pengkhususan bermula dari Tingkatan 1 bagi subjek Fizik, Kimia, Biologi tidak seperti mana amalan sekarang di mana pelajar akan mula belajar subjek Fizik, Kimia, Biologi semasa di Tingkatan 4. Sebenarnya, pelajar-pelajar mendapat kelebihan kerana selepas peperiksaan IGCSE pada bulan Oktober, pelajar-pelajar mempunyai masa selama setahun untuk membuat ulang kaji sebagai persediaan SPM semasa di Tingkatan 5 nanti. Pelajar-pelajar yang ditawarkan ke program IGCSE telah melalui proses pemilihan iaitu merit program IGCSE yang merangkumi peperiksaan kemasukan, temuduga, status ekonomi sosial dan kokurikulum.

Berhubung dengan hak pelajar cemerlang miskin dinafikan kerana tidak fasih berbahasa Inggeris begitulah tuduhannya. Sukacita saya maklumkan kepada Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini bahawa lebih 65 peratus pelajar dari golongan pendapatan rendah dan sederhana telah ditawarkan ke projek IGCSE pada tahun ini. Setakat ini sebanyak lima buah MRSM daripada 46 MRSM itu yang sedia ada yang menawarkan program untuk program IGCSE. Berkaitan dengan buku teks dan rujukan IGCSE yang mahal pula, perkara ini tidak menjejaskan ibu bapa kerana MARA telah membekalkan buku teks serta buku rujukan secara pinjaman kepada pelajar-pelajar. Namun, terdapat juga pelajar-pelajar yang tidak gemar menggunakan buku pinjaman dan memohon ibu mereka supaya membeli buku teks atau buku rujukan sebagai hak persendirian pelajar.

Yang Berhormat Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit seterusnya memohon penjelasan klasifikasi kemasukan pelajar mengikut pendapatan isi rumah. Sistem pemilihan pelajar untuk mengikuti pengajian di MRSM senantiasa memberi keutamaan kepada pelajar cemerlang dari keluarga berpendapatan rendah terutamanya dari kawasan luar bandar. Sepanjang sejarah pengambilan pelajar di MRSM iaitu dari tahun 1972 hingga 2012 ini jumlah pelajar-pelajar dari golongan ini adalah amat tinggi.

Untuk sesi pengambilan pelajar 2012 tahun ini, peratus kemasukan pelajar mengikut pendapatan isi rumah di bawah RM2,500 sebulan adalah sebanyak 75 peratus. Ini termasuk 26 peratus daripada mereka yang berpendapatan isi rumah kurang dari RM850 sebulan, manakala golongan yang berpendapatan isi rumah melebihi RM10,000 sebulan adalah sebanyak 7.5 peratus sahaja. Kehadiran pelajar-pelajar dari keluarga berpendapatan tinggi berkenaan tidak menjejaskan peluang pelajar dari keluarga berpendapatan rendah malah memberi lebih ruang dan peluang kepada semua pelajar supaya menjadi lebih kompetitif, berdaya saing serta mampan untuk berinteraksi dan melengkapkan diri untuk bersaing di peringkat global.

Tajuk lain saya beralih kepada hal ehwal kemajuan Orang Asli. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar membangkitkan isu rumah Orang Asli yang sempit dan mengharapkan supaya Orang Asli diberi bantuan rumah semasa beliau mengadakan lawatan ke Rompin baru-baru ini. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, sehingga tahun 2011 sebanyak 1,110 unit rumah PBR telah dibina di kawasan perkampungan Orang Asli daerah Rompin. Berdasarkan rekod terkini JKOA, jumlah ketua isi rumah Orang Asli di daerah Rompin adalah seramai 2,969 KIR iaitu 13,582 orang. Dianggarkan sebanyak 1,355 unit rumah PBR yang masih diperlukan oleh masyarakat Orang Asli di daerah ini.

Kementerian menyedari tentang keperluan rumah PBR di kawasan perkampungan Orang Asli bukan sahaja di daerah Rompin malah di seluruh Semenanjung Malaysia. Pada tahun 2012, peruntukan sebanyak RM16.6 juta telah disalurkan kepada Jabatan Kemajuan Orang Asli (JKOA) untuk pelaksanaan projek PBR di perkampungan Orang Asli yang meliputi bina baru dan baik pulih. Namun begitu, pelaksanaan projek PBR ini perlu dilaksanakan secara berperingkat-peringkat mengikut keutamaan dengan mengambil kira peruntukan yang telah diterima serta keupayaan pegawai pelaksana projek di lapangan.

Terima kasih atas keprihatinan Yang Berhormat Senator. Saya juga ingin mengucapkan....[Disampuk]

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, boleh tanya sedikit?

Dato' Haji Hasan bin Malek: Okey.

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Berapakah rumah yang akan dibina pada tahun akan datang dan di mana?

Dato' Haji Hasan bin Malek: Okey, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, soalan Yang Berhormat Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar itu begitu khusus dan saya pun tidak ada maklumat pada hari ini saya minta maaf dan saya akan beri jawapan secara bertulis kepada Yang Berhormat. Boleh Yang Berhormat? Terima kasih.

Saya ingin mengucapkan terima kasih di atas teguran Yang Berhormat Senator agar pegawai-pegawai KKRW perlu cakna, prihatin dan rajin turun padang dalam mengenal pasti keperluan kumpulan sasaran. Ingin saya tegaskan di sini bahawa pegawai-pegawai di kementerian ini bukan sahaja di JKOA juga di agensi-agensi lain sememangnya komited terhadap tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan dan perkara ini akan terus dipertingkatkan dan ditambah baik dari semasa ke semasa. Andainya terdapat pandangan ataupun gerak geri mereka yang agak mencurigakan Yang Berhormat sendiri tidak puas hati boleh dimaklumkan kepada pihak kementerian sama ada terus kepada Yang Berhormat Menteri ataupun saya supaya kita dapat menyusul supaya tambah baik di JKOA akan dapat kita tingkatkan dari satu masa ke satu masa, *insya-Allah*.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Muhammad Yusof bin Husin pula menyentuh isu Orang Asli perlu diinstitusikan dan cerdik pandai di kalangan mereka harus diberi tanggungjawab supaya mereka dapat bersaing dalam kehidupan yang semakin mencabar. Saya bersetuju.

Pembangunan modal insan dan pendidikan masyarakat Orang Asli adalah menjadi keutamaan Jabatan Kemajuan Orang Asli sejak ditubuhkan sehingga sekarang. Malah aspirasi pembangunan modal insan dan kecemerlangan Orang Asli turut menjadi fokus utama JKOA seperti mana yang termaktub dalam Pelan Strategik Kemajuan Orang Asli 2011 hingga 2015 di mana ia menjadi teras utama daripada enam teras yang terkandung dalam pelan strategik tersebut.

Semenjak tahun 1970 sehingga kini, seramai 3,187 pelajar Orang Asli telah berjaya melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi dalam pelbagai bidang pengajian. Daripada jumlah tersebut, seramai 1,103 tamat pengajian dengan jayanya. Mulai tahun 2010, seramai enam pelajar sedang melanjutkan pelajaran ijazah dan *master* di universiti luar negara dan sembilan pelajar Orang Asli sedang mengikuti kelas persediaan untuk ke luar negara.

Perangkaan ini jelas membuktikan dan menunjukkan pencapaian pelajar Orang Asli dalam pendidikan semakin meningkat dari semasa ke semasa dan ini jelas membuktikan bahawa masyarakat Orang Asli turut sama mencapai prestasi yang cemerlang dalam bidang pelajaran setaraf dengan kaum-kaum lain di negara ini. Semuanya berdasarkan atas sokongan dan komitmen pihak kerajaan kepada golongan masyarakat ini. Berdasarkan rekod JKOA pada tahun 2011 seramai 1,305 masyarakat Orang Asli berkhidmat di sektor awam dan seramai 922 orang pula berkhidmat dalam sektor swasta.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Muhammad Yusof bin Husin sekali lagi juga membangkitkan isu program yang diadakan di bawah JKOA tidak nampak hasil dan peningkatan kemajuan Orang Asli. Dia tidak nampak hasilnya. Okey. JKOA telah melaksanakan pelbagai program kepada masyarakat Orang Asli terutamanya kepada pelajar dan belia Orang Asli. Antara program yang dilaksanakan adalah Anugerah Pelajar Cemerlang, Program *Score 'A'*, Program *Mesra Didik*, sumbangan komputer riba, Program Mentor-Mentee, Program Jejak Siswa dan Program *Jom Masuk U*. Banyak program antaranya saya berkesempatan untuk hadir sama merasmikan dan memberikan galakan untuk makluman Yang Berhormat.

■ 1810

Untuk makluman Yang Berhormat Senator juga pada tahun 2011 tiada keciciran dicatatkan oleh pelajar Orang Asli di peringkat sekolah rendah iaitu dari darjah satu hingga darjah enam berbanding keciciran selepas tamat darjah enam iaitu seramai 1,079 orang pelajar atau 26.16 peratus. Jumlah pelajar cemerlang Orang Asli juga meningkat di mana pada tahun 2011 seramai 187 pelajar Orang Asli mendapat keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan UPSR, PMR, SPM dan STPM berbanding seramai hanya 126 orang pada tahun 2010.

Jumlah kemasukan pelajar Orang Asli kepada IPTA juga meningkat iaitu seramai 200 orang pelajar pada tahun 2011 berbanding hanya 160 orang pelajar pada tahun 2010, ia meningkat dari satu tahun ke satu tahun. Bagi belia dan beliawanis Orang Asli yang tertinggal dari segi akademik JAKOA membantu mereka memperoleh Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 1 dan 2 melalui program usaha sama dengan GIATMARA, agensi-agensi dan juga syarikat-syarikat swasta. Ini juga meningkatkan keupayaan mereka dalam bidang kemahiran dan teknikal dan seterusnya menjadi belia beliawanis Orang Asli yang mampu berdikari dan berdaya saing.

Pada tahun 2011 seramai 443 orang belia beliawanis Orang Asli telah menyertai program kemahiran ini dan seramai 378 orang iaitu 85.32 peratus telah mendapat pekerjaan dengan anggaran pendapatan sebulan sebanyak RM850 hingga RM1300 sebulan. Manakala 121 orang belia beliawanis Orang Asli telah menyambung kursus di peringkat Sijil Kemahiran Tahap 1 dan 2. Saya sengaja memberikan angka-angka ini untuk membuktikan bahawa tuduhan Yang Berhormat tadi adalah tidak betul, tidak ada kesan dan sebagainya. Inilah kesannya dari segi pelajaran nampak, dari keusahawanan, dari segi keputusan peperiksaan nampak peningkatan Yang Berhormat Senator.

Yang Berhormat Senator Dato' Muhammad Olian bin Abdullah juga bertanyakan kedudukan sebenar pegangan ekuiti masyarakat Orang Asli dan juga perancangan kerajaan dalam menyediakan peluang bagi memastikan masyarakat Orang Asli dapat meningkatkan pegangan ekonomi mereka serta bersaing di pasaran tempatan.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, sememangnya terdapat pegangan ekuiti di kalangan masyarakat Orang Asli menerusi program-program yang dilaksanakan oleh kerajaan seperti Amanah Saham Bumiputera (ASB) dan pegangan saham syarikat-syarikat individu dan awam. Pada tahun 1997, pihak kerajaan pernah melancarkan program ASB Sejahtera kepada masyarakat Orang Asli, sehubungan dengan itu ke arah meningkatkan lagi pemilikan ekuiti di kalangan isi rumah berpendapatan kurang daripada RM3,000 sebulan termasuk Orang Asli, pihak kerajaan telah melancarkan Skim Amanah Rakyat 1Malaysia atau SARA 1Malaysia pada 12 Januari 2012 yang lalu.

Kementerian melalui JAKOA berusaha untuk mewujudkan lebih ramai Orang Asli yang menceburi bidang keusahawanan. Bagi masyarakat Orang Asli yang berminat dan berpotensi di dalam bidang keusahawanan JAKOA menyediakan pelbagai jenis bantuan kepada mereka seperti penyediaan premis perniagaan, bantuan peralatan untuk memulakan perniagaan dan kursus-kursus keusahawanan yang bersesuaian. Pendek kata macam-macam usaha yang kita buat dan apa yang kita harapkan sokongan daripada Yang Berhormat Senator juga kami perlukan untuk menggalakkan mereka ini menceburi bidang-bidang yang saya sebutkan tadi.

Akhir sekali Yang Berhormat Senator Dato' Muhammad Olian bin Abdullah bertanya jumlah masyarakat Orang Asli yang menerima bantuan BR1M. Berdasarkan sistem pangkalan data maklumat asas Orang Asli e-DAMAK pada 12 Mac 2012, seramai 30,674 ketua isi rumah (KIR) Orang Asli layak menerima BR1M. Hasil semakan di antara sistem pangkalan data maklumat asas Orang Asli e-DAMAK dengan sistem BR1M Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) sehingga 28 Mac 2012 seramai 21,460 ketua isi rumah yang telah memohon dan daripada jumlah permohonan ini seramai 19,611 ketua isi rumah telah diluluskan termasuk permohonan rayuan BR1M. Manakala seramai 9,207 ketua isi rumah yang tidak memohon.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, kementerian melalui Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) sedang mengambil tindakan mengenal pasti dan memproses permohonan serta kelulusan bagi baki ketua isi rumah Orang Asli yang masih belum memohon BR1M ini. Ini adalah selaras dengan pelanjutan tempoh rayuan BR1M sehingga 30 April 2012 dan tarikh sah laku baucar BR1M sehingga 15 Mei 2012 seperti yang telah dipersetujui oleh pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya – tertinggal tadi berkenaan dengan kejayaan Orang Asli. Sebenarnya pihak JAKOA ada menyediakan buku-buku Orang Asli yang berjaya, ini adalah edisi yang keempat yang menunjukkan individu-individu Orang Asli yang telah berjaya seperti angka-angka yang saya sebutkan tadi dan *insya-Allah* saya akan meminta JAKOA membekalkan majalah ini kepada Yang Berhormat Senator supaya dapat dilihat. Mungkin mereka tadi adalah kenalan ataupun berkhidmat di tempat Yang Berhormat Senator. Ada yang menjadi senator, ada *engineer* dan ada yang menjadi doktor semuanya ada, *insya-Allah* JAKOA akan menagihkan kepada Yang Berhormat Senator.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya merakamkan penghargaan dan terima kasih di atas keprihatinan, cadangan dan buah fikiran Ahli-ahli Yang Berhormat Senator dalam perbahasan titah diraja yang menyentuh mengenai Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, sekarang saya mempersilakan Kementerian Pengajian Tinggi untuk memberikan penjelasan.

6.17 ptg.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi I [Dr. Hou Kok Chung]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini yang telah mengambil bahagian serta memberikan cadangan dan pandangan yang bernas semasa membahaskan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang menyentuh perkara-perkara yang berkaitan dengan Kementerian Pengajian Tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, umum mengetahui bahawa usaha mentransformasikan pengajian tinggi adalah signifikan dan tiada penghujungnya bagi memenuhi keperluan pembangunan dan kemajuan negara lebih penting, sektor pengajian tinggi adalah salah satu penyumbang kritikal dan pemboleh upaya utama yang akan merealisasikan hasrat Malaysia menjadi sebuah negara maju berpendapatan tinggi pada tahun 2020. Agenda mentransformasikan pengajian tinggi negara ini bertunjangkan kepada Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) yang telah diperkenalkan dan mula dilaksanakan sejak tahun 2007.

PSPTN telah memasuki fasa kedua mulai tahun 2011, dalam fasa satu iaitu daripada tahun 2007 hingga 2010, kita telah sama-sama berkongsi pengalaman dan melihat bagaimana pelan ini telah berjaya meletakkan asas yang kukuh untuk kita terus melangkah menghadapi cabaran dalam fasa-fasa seterusnya. Dalam fasa satu pelaksanaan pelan lebih memberikan fokus kepada pendekatan berdasarkan projek agenda kritikal yang kesemuanya berjumlah 22 ketika itu. Mulai tahun ini, pelaksanaan PSPTN akan memberi fokus yang lebih kepada lima teras strategik iaitu meluaskan akses dan meningkatkan ekuiti, menambahbaikkan kualiti pengajaran dan pembelajaran, memperteguh penyelidikan dan inovasi, mempergiatkan pengantarabangsaan dan membudayakan pembelajaran sepanjang hayat dengan memberi fokus yang amat khusus kepada kelima-lima teras strategik ini dari segi substantif dan dari segi keutuhan operasi, teras memperkasakan institusi pengajian tinggi dan teras memperkukuhkan sistem penyampaian KPT akan juga sekali gus terlaksana.

■ 1820

Teras segi pertama iaitu meluaskan akses dan meningkatkan ekuiti bertujuan memudah dan meningkatkan akses pelajar kepada pengajian tinggi dan ia berhubung kait soal keterangkuman. Ia meliputi soal pinjaman oleh PTPTN serta soal tempat yang ditawarkan oleh IPT sama ada di peringkat ijazah pertama atau pasca siswazah.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu desakan pihak pembangkang dan beberapa orang mahasiswa agar dimansuhkan PTPTN seperti yang disentuh oleh ramai Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini, iaitu Yang Berhormat Senator Tuan Ahmad bin Hussin, Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar, Yang Berhormat Senator Dato' Syed Ibrahim bin Kader, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Noriah binti Mahat, Yang Berhormat Senator Dato' Mohammed Najeed bin Abdullah, Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman, Yang Berhormat Senator Tuan Khoo Soo Seang, Yang Berhormat Senator Dato' Boon Som a/l Inong, Yang Berhormat Senator Datuk Raja Ropiaah binti Raja Abdullah, Yang Berhormat Senator Tuan Chiew Lian Keng, Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh, Yang Berhormat Senator Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah, Yang Berhormat Senator Tuan Saiful Izham bin Ramli dan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi.

Sebenarnya hampir kesemua Ahli-ahli Yang Berhormat yang membahaskan isu ini telah menyatakan sokongan padu atas usaha kerajaan memperkenalkan skim pembiayaan pinjaman PTPTN dan mencadangkan agar ia dikekalkan. Kementerian ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang memahami isu sebenar di sebalik pinjaman PTPTN ini. Ahli-ahli Yang Berhormat juga turut melahirkan rasa sedih, kesal, terkejut dan pelik dengan desakan pihak pembangkang dan beberapa orang mahasiswa agar skim pembiayaan pinjaman PTPTN dimansuhkan. PTPTN hanya menjadi mangsa kerakusan pihak tertentu untuk menanggung di air yang keruh. Pinjaman PTPTN yang sepatutnya menjadi rahmat kepada keluarga miskin telah diubah wajah oleh mereka seolah-olah menjadi satu bebanan yang tidak mampu lagi ditanggung.

Tuan Yang di-Pertua, pinjaman PTPTN tidak sepatutnya diperlakukan sedemikian rupa. Pinjaman PTPTN adalah merupakan satu kemudahan yang disediakan kepada pelajar yang memerlukan pembiayaan. Mereka boleh memilih sama ada ingin memohon pinjaman PTPTN atau sebaliknya. Para pelajar sebenarnya tidak pernah dipaksa untuk mengambil pinjaman PTPTN. Dasar kerajaan agar tiada pelajar yang layak tidak dapat menyambung pengajian di universiti atas sebab-sebab kekangan kewangan. Maka pada 18 September 1996, kerajaan memutuskan penubuhan PTPTN dan menawarkan skim pembiayaan pendidikan PTPTN kepada pelajar yang mengikuti pengajian di institusi pendidikan tinggi tempatan.

Pembiayaan ini akan membolehkan pelajar membiayai sepenuh atau sebahagian yuran pengajian dan juga kos sara hidup di sepanjang tempoh pengajian mereka di IPT. Sekali gus skim ini membuka lebih banyak peluang kepada semua golongan pelajar untuk melanjutkan pelajaran di peringkat pendidikan tinggi. Sebelum wujud PTPTN pada pertengahan 1990-an dahulu, pelajar-pelajar yang berpeluang melanjutkan pengajian ke peringkat pengajian tinggi hanya sekitar 27,000 orang sahaja. Selepas PTPTN diwujudkan, skim pembiayaan pinjaman PTPTN telah membolehkan seramai 227,000 pelajar untuk masuk universiti.

Mengenai pandangan Yang Berhormat Dato' Syed Ibrahim bin Kader dan Yang Berhormat Datuk Raja Ropiah binti Raja Abdullah agar kerajaan tidak hiraukan desakan pembangkang supaya diberi pendidikan percuma. Kerajaan amat bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat.

Kerajaan sebenarnya telah memberi pendidikan percuma dan subsidi yang tinggi di peringkat rendah dan menengah, Matrikulasi dan Tingkatan 6. Jika di peringkat pengajian tinggi juga dicadangkan agar diberikan percuma, maka peruntukan kewangan kerajaan daripada sektor lain seperti sektor keselamatan, sosial, ekonomi, kesihatan, pertanian termasuk penyediaan prasarana dalam negara terpaksa dikurangkan. Ini sudah tentu akan menjejaskan perkembangan ekonomi dan kemajuan negara secara keseluruhannya. Apa pun, kementerian sedang membuat kajian yang menyeluruh untuk menambah baik kesemua aspek berhubung PTPTN. Semua pandangan dan cadangan daripada pelbagai pihak akan diambil kira dalam kajian tersebut.

Seterusnya mengenai isu pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TEVT) yang perlu...

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Minta laluan.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. PTPTN tiap-tiap tahun baki hutangnya tambah dan kalau kadar ini menambah lagi, memang pada satu masa kutipan akan menjadi masalah. Sama juga seperti sistem ini di US sehingga satu jumlah ini begitu banyak, tidak boleh kutip lagi. Jadi dalam *Auditor General* pun ada lapor juga perkara ini. Apakah cara atau pun apakah langkah yang diambil untuk memperkemaskinikan cara kutip balik dan iaitu *repayment of debt*. Terima kasih.

Datuk Dr. Hou Kok Chung: Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, memang PTPTN sekarang telah mengadakan cadangan untuk menambahaikkan semua sistem termasuk sistem pungutan. Jadi sekarang kita selalu menasihatkan pelajar supaya mengingatkan kesedaran, bayar balik ini memang merupakan tanggung jawab mereka. Kita juga ada banyak cadangan seperti menghalang pelajar yang hutang PTPTN itu dari keluar negara. Jadi itu adalah sala satu langkah yang kita telah ambil dan ramai pelajar selepas mereka dihalang keluar negara, mereka telah bayar balik. Akan tetapi ini memang bukan satu cara yang baik. Kita mahu pelajar dapat menyedari bahawa kalau mereka dapat pulangkan wang yang dipinjam itu, mereka akan juga membantu generasi yang akan datang. Itulah yang saya rasa yang paling penting sebab pelajar yang telah habis belajar di peringkat universiti patut tahu kepentingan itu.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya mengenai isu pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TEVT) yang perlu peka kepada perubahan dan keperluan industri yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Norliza binti Abdul Rahim. Dimaklumkan bahawa melalui kerangka kelayakan Malaysia (MQF) di bawah Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), pengajian TEVT telah dihubungkan melalui jaringan yang membolehkan pelajar melanjutkan pengajian dalam program pengajian tertentu yang ditawarkan oleh semua institusi pengajian TEVT.

Jaringan ini akan meletakkan pengajian TEVT dalam rantai nilai pengajian *tertiary* bagi menambah bekalan modal insan berkemahiran yang diperlukan oleh industri. Kerajaan sememangnya peka dengan keperluan industri negara apabila menubuhkan empat universiti khusus dalam bidang teknikal iaitu Universiti Teknikal Malaysia Melaka, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Universiti Malaysia Pahang dan Universiti Malaysia Perlis.

Di samping itu, politeknik, kolej komuniti dan institusi latihan sama ada awam atau swasta ditubuhkan bagi menjana pekerja separa profesional dan pekerja separa mahir bagi menyokong pertumbuhan industri negara terutamanya dalam bidang ekonomi utama nasional. Kolaborasi antara institusi juga telah menghasilkan artikulasi program di mana pelajar diberi kemudahan pindahan kredit (*credit transfer*) sekiranya mereka melanjutkan pengajian di peringkat yang lebih tinggi.

Secara keseluruhannya, politeknik mempunyai peranan bagi menyokong pertumbuhan industri negara. Politeknik sebagai institusi pendidikan dan latihan teknik dan vokasional telah menyumbang kepada lebih 340,000 pekerja peringkat separa profesional dan eksekutif pertengahan sejak penubuhannya dalam tahun 1996. Kini sebanyak 18 buah politeknik mempunyai bidang tujuhan masing-masing dan ia mampu menyokong perkembangan industri negara dari semasa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pertanyaan Yang Berhormat Puan Norliza binti Abdul Rahim berkaitan bilangan hasil R&D yang dikomersialkan dan dipatenkan serta produk ciptaan pelajar.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

■ 1830

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat pada tahun 2011 jumlah harta intelek dari Institusi Pengajian Tinggi Awam yang telah dipatenkan adalah sebanyak 279, manakala jumlah kumulatif harta intelek atau IP yang telah didaftarkan ataupun difailkan di IPTA adalah sebanyak 1,498 bagi tahun 2011. Turut menarik perhatian Ahli Yang Berhormat pada tahun 2011 bilangan produk R&D IPTA yang telah dikomersialkan telah meningkat iaitu sebanyak 191 produk dibandingkan dengan tahun sebelumnya sebanyak 179 produk.

Kementerian Pengajian Tinggi sememangnya telah menyediakan persekitaran yang menggalakkan bagi menjana lebih banyak aktiviti penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan hasil-hasil R&D di IPTA. Di antara usaha tersebut termasuklah:

- (i) penstrukturan pentadbiran di IPTA dengan mewujudkan jawatan Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi yang mana tugas utamanya ialah untuk menggalakkan aktiviti penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan di IPTA berkenaan;
- (ii) dari segi pelaksanaannya pula setiap IPTA mempunyai pusat pengurusan penyelidikan yang mana tugas utamanya ialah untuk melaksana, menyelaraskan dan memantau aktiviti R&D&C;
- (iii) setiap IPTA juga mempunyai unit hubungan industri yang mana tugas utamanya adalah untuk menghubungkan antara industri dengan IPTA bagi mempergiatkan aktiviti R&D&C;
- (iv) IPTA juga telah menubuhkan syarikat utama ataupun *holding company* bagi mempergiatkan aktiviti pengkomersialan serta menjalinkan kerjasama dengan industri; dan
- (v) menggalakkan IPTA membayar royalti kepada penyelidik hasil daripada pengkomersialan penyelidikan.

Mengenai pelajar antarabangsa yang terlibat dalam masalah sosial yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Johari bin Mat dan Yang Berhormat Datuk Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman. Dimaklumkan bahawa menurut satu laporan yang telah dikeluarkan oleh *Observatory on Borderless Higher Education* bertajuk *International Student Mobility Status Report 2009*, Malaysia berada di tempat kesebelas dunia sebagai destinasi pilihan untuk melanjutkan pengajian di kalangan pelajar antarabangsa dengan menguasai 2 peratus daripada pasaran pelajar antarabangsa. Malaysia menjadi antara tarikan pelajar-pelajar antarabangsa kerana menyediakan program pelajaran yang pelbagai, sistem pengajian tinggi yang berkualiti dengan kos yang kompetitif.

Sehingga Januari 2012, jumlah keseluruhan pelajar antarabangsa yang berdaftar dengan Kementerian Pengajian Tinggi adalah seramai 91,670 orang iaitu seramai 25,855 di IPTA dan 65,812 orang di IPTS. Kementerian memang menyedari terdapat kelemahan dalam sistem kemasukan pelajar antarabangsa yang memasuki negara ini dengan menggunakan visa semasa ketibaan atau VOA dan Pas Lawatan Sosial kerana mereka akan datang ke Malaysia sebelum mendapat tempat pengajian di mana-mana IPT tempatan.

Sehubungan itu, Kementerian Pengajian Tinggi bekerjasama dengan Jabatan Imigresen Malaysia bagi menetapkan agar pas pelajar hanya dikeluarkan selepas pelajar menerima tawaran daripada IPT tempatan. Ini bagi memastikan pelajar antarabangsa yang memohon visa melalui Pejabat Kedutaan Malaysia di negara asal pelajar atau di negara-negara yang berhampiran adalah mereka yang telah melalui proses penapisan yang lebih teliti. Usaha ini bagi memastikan hanya pelajar antarabangsa yang benar-benar layak sahaja yang akan memasuki IPT tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahaja yang dapat saya jelaskan tentang perkara-perkara yang dibangkitkan berkaitan dengan Kementerian Pengajian Tinggi. Saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat...

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Saya mohon untuk mencelah.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada yang mencelah Yang Berhormat. Ada dua orang. Yang mana satu? Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahim, silakan.

Dato' Haji Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat. Saya hendak tanya berhubung dengan kemasukan pelajar luar negara - istimewa pula IPTSlah. Kita semua bangga dengan kedudukan negara sebagai negara yang kesebelas *most attractive*, dengan izin, kepada pelajar-pelajar luar negara tetapi dalam masa yang sama saya percaya kebanyakan daripada kita di sini tahu bahawa ada pelajar-pelajar ini yang telah menyalahgunakan visa untuk belajar ini dan menjadi masalah sosial pada negara kita. Pertanyaan saya ialah adakah IPTS ataupun IPTA menerima murid-murid ini dan mendapati bahawa mereka bukan sebenar-benarnya untuk menjadi pelajar tetapi membuat kerja-kerja yang kita sebagai rakyat tidak boleh terima.

Apakah tindakan kementerian terhadap IPTS ini yang memang tahu mesti mereka mempunyai rekod kehadiran *classes* dan sebagainya, tetapi kalaulah tindakan tidak diambil maka perkara ini akan terus berlaku dan menjadi satu masalah sosial kepada negara kita. Saya hendak tahu apakah tindakan kementerian terhadap perkara ini? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Datuk Dr. Hou Kok Chung: Tuan Yang di-Pertua, kementerian sebenarnya memandang serius terhadap isu-isu yang melibatkan pelajar antarabangsa. Antara langkah kawalan yang diambil oleh KPT adalah dengan melaksanakan pemantauan terhadap IPT yang mengambil pelajar antarabangsa melalui audit pemantauan, pengawalseliaan ke atas IPTS yang diluluskan penubuhan dan berdaftar dengan KPT untuk meninjau pengurusan pelajar antarabangsa agar ianya berada di tahap yang diharapkan.

Di samping itu IPT dikehendaki melaporkan secara berkala bagi tempoh setiap empat bulan berkenaan pelajar-pelajar antarabangsa yang mempunyai peratusan kehadiran ke kuliah yang kurang daripada 80 peratus dan pelajar yang mempunyai prestasi akademik yang lemah. KPT telah mewujudkan satu sistem maklumat yang dikenali sebagai IPT *Information Management System* yang menyimpan rekod pelajar antarabangsa yang berdaftar dengan IPTS. Melalui sistem itu KPT dapat membuat semakan berhubung profil pelajar bagi tujuan tersebut...

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua: Boleh satu lagi Yang Berhormat Timbalan Menteri, ada yang mahu mencelah.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Saya mohon mencelah.

Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh: Terima kasih di atas penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya telah tanya satu soalan tentang pelajar-pelajar-pelajar asing ini yang masuk ke IPTA.

Apakah syarat-syarat mereka masuk IPTA sama ada kita pakai *A Levels* kah ataupun IB ataupun *foundation*? Sebab saya tanya soalan ini untuk warganegara Malaysia terutamanya kaum India, lorong yang kita hendak masuk IPTA adalah melalui matrikulasi tempat dia terhad ataupun STPM. Bila budak-budak kita mengambil *A Levels*, dia tidak diterima tetapi kalau orang asing itu apa dia punya syarat untuk masuk?

Datuk Dr. Hou Kok Chung: Universiti yang IPTA yang menerima pelajar-pelajar antarabangsa memang mengikutkan STPM yang biasa atau dikatakan STPM atau setarafnya seperti Yang Berhormat tadi sebut *A Level* ataupun peperiksaan yang dikendalikan oleh kerajaan tersebut yang telah diterima oleh kerajaan kita. Jadi yang sekarang tujuan untuk kita menerima pelajar asing ialah untuk supaya kita dapat mengantarabangsakan suasana di peringkat universiti kita. Jadi inilah yang telah merupakan satu cara yang juga diamalkan oleh negara-negara maju. Jadi kita hanya mengguna pakai cara yang lebih kurang sama dan cara pengantarabangsaaan ini baru boleh memastikan bahawa universiti tempatan ini akan lebih kompetitif untuk masa sekarang dan juga masa yang akan datang.

■ 1840

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Saya pohon untuk mencelah.

Datuk Dr. Hou Kok Chung: *Just* satu lagi.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya telah pun mengemukakan tiga isu utama berkenaan dengan pengajian tinggi dan tadi saya pun dengar Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyebut bahawa saya ada membangkitkan isu. Walau bagaimanapun, ketiga-tiga isu yang saya kemukakan tidak dijawab langsung oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya pohon jawapan kepada ketiga-tiga isu yang telah saya kemukakan.

Timbalan Yang di-Pertua: Mungkin Yang Berhormat hendak sebut apa soalan Yang Berhormat itu.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Isu yang pertama berkaitan dengan pengiktirafan sementara yang diberikan oleh MQA kepada IPTA dan IPTS yang akhirnya tidak diambil tindakan untuk mendapatkan pengiktirafan tetap daripada pihak MQA. Adakah pelajar dalam kes ini berhak untuk saman IPTA dan IPTS terbabit kerana mereka telah masuk tersebut dengan dasar pengiktirafan profesional daripada pihak MQA.

Kedua, berkenaan dengan isu PTPTN kerana kita difahamkan ada taklimat-taklimat yang diberikan kepada pelajar-pelajar untuk PTPTN bahawa mereka akan diberikan pelepasan sekiranya mereka mendapat *1st class*. Akan tetapi setelah mereka mendapat keputusan tersebut ada *batch* yang diberikan pelepasan, ada yang *batch* yang tidak diberikan pelepasan. Saya pohon jawapan kenapakah tidak dibuat pelepasan yang seimbang dan setara kepada semua *batch* ataupun generasi yang telah menerima pinjaman PTPTN ini.

Ketiga, berkenaan dengan *transfer credit*. Berapakah universiti yang telah membuat *transfer credit* di antara universiti-universiti bagi memudahkan pelajar-pelajar kita yang menyambung pelajaran di antara IPTA dan IPTS dalam negara kita. Saya telah semak dengan Parlimen dan memang ada di dalam catatan Parlimen. Jadi, saya rasa sepatutnya perkara ini harus lihat oleh pihak Yang Berhormat Menteri, terima kasih.

Datuk Dr. Hou Kok Chung: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat oleh kerana MQA soalan pertama itu sangat spesifik, jadi saya minta saya akan jawab soalan ini secara bertulis. Soalan berkenaan dengan PTPTN. Suka saya memaklumkan bahawa PTPTN telah melaksanakan dasar pinjaman boleh ubah bagi pelajar IPTA dan IPTS yang memperoleh ijazah sarjana muda dengan kepujian kelas pertama atau setaraf mulai tahun 2003 sebelum dihentikan pada 1 Julai 2005. Berikutan kedudukan kewangan PTPTN yang terhad. Dasar ini telah diperkenalkan semula mulai Januari 2010 sebagaimana pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa pembentangan Bajet 2010 yang lalu. Pengecualian bayaran balik bagi pelajar ijazah kelas pertama ini hanya diberikan kepada pelajar yang mengikuti program pengajian yang telah mendapat pengakuan akreditasi penuh daripada agensi kelayakan Malaysia atau MQA.

Dalam tempoh dasar ini diberhentikan pada tahun 2005 dan diperkenalkan semula pada tahun 2010, pelaksanaan pelepasan bayaran balik pinjaman pendidikan bagi pelajar-pelajar yang mendapat pujian kelas pertama tidak dapat dibuat disebabkan kekangan kewangan PTPTN. Kita akan meneliti semua pandangan dan cadangan daripada pelbagai pihak dan kita akan mengambil kira ataupun membincang balik. Ini termasuk rayuan kumpulan pelajar cemerlang yang berjaya menamatkan pengajian dengan mendapatkan ijazah sarjana muda kelas pertama di antara 1 Julai 2005 hingga Disember 2009 agar pinjaman mereka ditukarkan kepada biasiswa.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahaja yang dapat saya jelaskan tentang perkara-perkara yang dibangkitkan...

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Tuan Yang di-Pertua...

Datuk Dr. Hou Kok Chung: ...Berkaitan Kementerian Pengajian Tinggi.

Timbalan Yang di-Pertua: Cukuplah itu Yang Berhormat.

Datuk Dr. Hou Kok Chung: Saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang memberi pandangan dan cadangan untuk kita menambahbaikan perkhidmatan sektor pengajian tinggi negara. Bagi isu dan cadangan yang tidak sempat dijawab, kementerian akan tetap memberikan perhatian dan mengambil tindakan yang sewajarnya...

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Minta laluan Tuan Yang di-Pertua. Satu soalan sudah terlepas.

Timbalan Yang di-Pertua: Cukuplah itu Yang Berhormat.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Bukan, soalan sudah terlepas tadi. Saya ada membangkitkan dalam ucapan saya tetapi Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak menjawab. Iaitu mengenai jururawat.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada bangkitkan?

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Ya, saya ada bangkitkan. Kursus jururawat. Ramai jururawat selepas tamat kursus tetapi mereka tidak ada kerja dan sekarang mereka menanggung hutang PTPTN. Jadi, macam mana kawalan kolej-kolej yang mengadakan kursus jururawat. Sebab ada banyak kolej kursus jururawat. Semua penuntut yang tamat kursus tidak ada kerja. Jadi, macam mana kementerian akan kawal keadaan ini? Terima kasih.

Datuk Dr. Hou Kok Chung: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian berpendapat bahawa kursus jururawat ini memang di dalam terkawal. Sekarang, untuk menambahbaikan kualiti pelajar, pelajar yang dibenarkan masuk ke kursus jururawat telah dinaikkan dari tiga kredit SPM ke lima kredit SPM. Jadi, itu merupakan satu cara. Untuk soalan, kalau PTPTN tidak dapat bayar balik, sebenarnya pihak PTPTN dapat menerima semua ataupun cadangan daripada pelajar-pelajar. Jikalau mereka menghubungi PTPTN, tengok cara macam mana untuk menyelesaikan masalah. Jadi, pihak PTPTN memang selalu terbuka untuk cadangan-cadangan yang berlainan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Baiklah terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Seterusnya, saya ingin mempersilakan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Silakan Yang Berhormat.

6.46 ptg.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri I [Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir]: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada enam Ahli Yang Berhormat Senator yang telah membangkitkan isu-isu yang berkaitan dengan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri semasa perbahasan Titah Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong. Antara isu yang telah dibangkitkan adalah berkaitan;

- (i) pelaburan;
- (ii) perusahaan kecil dan sederhana;
- (iii) perjanjian perdagangan bebas atau FTA;
- (iv) industri halal;
- (v) teknologi hijau dan
- (vi) perdagangan dengan Myanmar.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah menyatakan kesan-kesan negatif perjanjian perdagangan bebas atau FTA Malaysia dengan Amerika Syarikat dan EU kepada negara kita. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Malaysia pada masa ini telah melaksanakan lima perjanjian perdagangan bebas atau FTA secara dua hala dan enam FTA secara serantau bersama-sama dengan negara-negara ASEAN FTA yang ditandatangani termasuklah dengan Jepun, India, Australia, New Zealand, Pakistan, Korea dan China. Dari segi statistik, jumlah perdagangan Malaysia setelah FTA dilaksanakan menunjukkan peningkatan yang berganda berbanding sebelum FTA. Contohnya, sebelum adanya kawasan perdagangan bebas ASEAN atau AFTA, jumlah perdagangan Malaysia dengan negara-negara ASEAN adalah RM52 bilion pada tahun 1992 berbanding RM330.8 bilion pada tahun 2011.

Berhubung dengan kesan FTA, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, isu-isu yang dibangkitkan iaitu beras, perkhidmatan kewangan dan sektor bekalan perubatan merupakan elemen-elemen yang sensitif bagi Malaysia. Di mana ianya melibatkan isu dasar dan peraturan berkaitan dengan agenda pembangunan negara bagi kepentingan rakyat dan negara. Oleh yang demikian, dalam rundingan mana-mana FTA termasuk rundingan FTA dengan EU dan Amerika Syarikat, kerajaan akan memastikan perjanjian FTA tidak mempunyai peruntukan yang mungkin boleh menjejaskan hak negara untuk mengamalkan fleksibiliti-fleksibiliti berkaitan perkara-perkara tersebut.

Contohnya, bagi sektor perubatan kerajaan sedar akan kebimbangan sesetengah pihak bahawa kepentingan kesihatan awam secara umumnya akan terjejas akibat pemeteraian FTA dengan Amerika Syarikat dan EU. Oleh itu kerajaan juga sentiasa memastikan kepentingan awam termasuk kesihatan tidak terjejas dengan memasukkan peruntukan-peruntukan yang membolehkan kerajaan mengambil langkah perlindungan demi kepentingan negara dan rakyat. Selain daripada perkhidmatan eksport, FTA juga boleh mendatangkan kebaikan kepada sektor kesihatan dalam pengurangan tarif yang boleh mengurangkan harga barangan kesihatan seperti produk farmaseutikal dan peralatan perubatan.

■ 1850

Yang Berhormat Senator Datuk Abdul Rahman bin Bakar menyatakan penglibatan kaum bumiputera di peringkat pengurusan tertinggi dalam sektor swasta yang masih rendah dan juga telah mengesyorkan supaya MITI menarik lebih ramai rakyat Malaysia berdagang dengan negara Myanmar.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, berdasarkan statistik terkini Jabatan Perangkaan Malaysia, sehingga tahun 2011, sejumlah 41.4 peratus daripada kumpulan pengurusan dan 43.8 peratus daripada kumpulan profesional dalam sektor swasta adalah terdiri daripada kaum Melayu dan Bumiputera lain. Kerajaan sentiasa menyokong sebarang usaha untuk meningkatkan kualiti modal insan tempatan. Sebagai contoh, melalui program-program yang dianjurkan oleh Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Pengajian Tinggi bagi memastikan kemahiran dan pengetahuan tenaga kerja tempatan memenuhi kehendak industri terutama bagi mengisi jawatan di peringkat pengurusan, profesional dan juga teknikal. Di bawah slogan 1Malaysia, penglibatan tenaga kerja tempatan dalam semua sektor perlu dilihat secara menyeluruh tanpa mengira kaum kerana kerajaan tidak pernah membeza-bezakan layanan bagi meningkatkan kualiti modal insan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat juga, Kementerian Perdagangan, Antarabangsa dan Industri sentiasa mengikuti dengan rapat perkembangan pasaran Myanmar dan menyedari peluang yang ditawarkan kepada masyarakat antarabangsa terutama sekali sewaktu negara tersebut sedang melalui transformasi kerajaan dan juga ekonomi.

Di antara langkah yang efektif bagi memastikan syarikat-syarikat Malaysia beroleh manfaat daripada peluang-peluang di Myanmar adalah melalui, pertama, lawatan rasmi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Myanmar pada 28 Mac dan 29 Mac 2012 telah disertai oleh seramai 40 peserta dari 24 syarikat yang telah berjaya membuka peluang kepada syarikat-syarikat Malaysia untuk menerokai pasaran Myanmar.

Kedua, misi perdagangan dan pelaburan yang diketuai oleh Yang Berhormat Menteri MITI seperti mana yang telah dianjurkan pada bulan Februari. Misi ini yang telah disertai oleh 93 peserta dari 38 syarikat telah berjaya menarik minat ramai pelabur dan juga syarikat-syarikat Malaysia untuk menerokai pasaran Myanmar.

Ketiga, MATRADE juga akan menganjurkan pameran perdagangan antarabangsa iaitu Showcase Malaysia di Yangon, Myanmar pada 18 hingga 21 Oktober 2012. Pameran ini dijangka disertai oleh 20 syarikat dan usahawan Malaysia yang ingin menerokai pasaran Myanmar.

Keempat, selain daripada pameran perdagangan, MATRADE akan turut menganjurkan misi pemasaran khusus. Misi khusus ini bertujuan untuk mempromosikan produk dan perkhidmatan Malaysia yang berpotensi untuk dipasarkan di Myanmar. Pada tahun ini, MATRADE akan mengadakan satu misi pemasaran khusus untuk sektor perkhidmatan logistik pada bulan Ogos di mana sebanyak 10 syarikat logistik akan menyertai misi ini.

Susulan daripada misi pelaburan dan perdagangan ke Myanmar yang telah diketuai oleh Yang Berhormat Menteri MITI pada 22 hingga 24 Februari 2012, Kerajaan Myanmar telah menyatakan minat untuk mempelajari pengalaman Malaysia dalam mengendalikan Projek Perumahan Rakyat. Sehubungan dengan hasrat itu, Yang Berhormat Menteri MITI telah menjemput Menteri Pembinaan Myanmar untuk mengadakan lawatan rasmi ke Malaysia pada 4 hingga 8 Mei 2012. Syarikat-syarikat Malaysia terutamanya dalam sektor pembinaan, perkhidmatan profesional dan bahan binaan telah dijemput untuk menyertai program yang diatur oleh MITI dan MATRADE sewaktu lawatan rasmi ini.

Yang Berhormat Senator Datuk Zaitun binti Mat ingin mendapatkan penjelasan berhubung dengan prestasi eksport produk halal Malaysia yang meliputi makanan dan farmaseutikal bagi tahun 2011 dan perkembangannya pada tahun 2012 serta langkah-langkah kerajaan bagi memantapkan industri halal negara.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, eksport keseluruhan produk halal pada tahun 2011 adalah RM35.4 bilion, tidak termasuk minyak sawit mentah. Jumlah tersebut menyumbang sebanyak 5.1 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport negara pada tahun 2011. Eksport produk makanan halal adalah RM11.9 bilion manakala untuk produk farmaseutikal berstatus halal nilai eksportnya adalah RM286 juta. Jangkaan perkembangan keseluruhan eksport produk halal untuk tahun 2012 adalah sekurang-kurangnya enam peratus. Dianggarkan terdapat sebanyak 4,785 syarikat termasuk pengilang, premis dan rumah sembelihan telah mendapat pensijilan halal daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) dan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) pada tahun 2011.

Dari segi memantapkan industri produk halal, Halal Industri *Development Cooperation* atau HDC telah melaksanakan beberapa program. Antaranya aktiviti-aktiviti pembangunan kapasiti syarikat-syarikat halal, mewujudkan pusta rujukan halal, menyediakan latihan dan khidmat nasihat teknikal serta mempromosikan jenama halal melalui Program Transformasi Halal. Bagi mempromosikan produk dan perkhidmatan halal, MATRADE telah dan akan melaksanakan aktiviti-aktiviti seperti berikut;

- (i) menganjurkan Pameran Perdagangan Halal Antarabangsa ke-29 atau MIHAS 2012 pada 4 hingga 7 April 2012 di KLCC;
- (ii) menyertai pameran-pameran perdagangan di luar negara seperti *The 16th Gulfood 2011* di Dubai, UAE pada 27 Februari hingga 2 Mac 2011 dan *The 16th Food and Hotel Arabia 2011* di Jeddah, Arab Saudi pada 29 Mei hingga 1 Jun 2011;

- (iii) menyertai pameran promosi seperti SIAL Canada di Toronto pada 11 hingga 13 Mei 2011, di THAIFEX 2011 di Bangkok Thailand pada 25 hingga 29 Mei 2011, dan *Damascus International Fair 2011* di Syria pada 14 hingga 22 Julai 2011;
- (iv) mengadakan program galakan kesedaran halal seperti *Halal Awareness Program* di Bangkok, Thailand dan *Halal Awareness Program* di Dubai, UAE; dan
- (v) bakal menganjurkan satu misi perdagangan khusus halal ke Kazakhstan pada bulan Oktober 2012.

Yang Berhormat Senator Datuk Chiu Tiang Chai telah mencadangkan supaya kerajaan mempertimbangkan untuk meluaskan insentif atau potongan cukai kepada perusahaan yang mampu beroperasi secara bersih dan mengurangkan pencemaran melalui sistem teknologi hijau.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kerajaan telah memperkenalkan pelbagai insentif bagi menggalakkan penggunaan teknologi hijau dalam sektor selain dari sektor automotif. Sebagai contoh, bagi sektor syarikat yang menjana tenaga daripada sumber yang boleh diperbaharui atau *renewable energy*, dengan izin, dan juga syarikat yang memberi perkhidmatan penjimatan tenaga atau *energy efficiency* dengan izin, syarikat yang layak boleh memohon untuk mendapatkan taraf perintis atau elaun cukai pelaburan dan pengecualian duti import dan cukai jualan.

Bagi syarikat yang menjana tenaga daripada sumber yang boleh diperbaharui untuk kegunaan sendiri atau syarikat yang melakukan perbelanjaan modal bagi tujuan penjimatan tenaga untuk kegunaan sendiri pula, syarikat yang layak boleh memohon untuk mendapatkan elaun cukai pelaburan. Kerajaan akan terus menyokong sebarang usaha untuk mengukuhkan penggunaan teknologi hijau dalam industri.

Yang Berhormat Senator Datuk Abdul Rahman Bakar meminta MITI memainkan peranan dalam menyeimbangkan pelaburan asing dan domestik dalam sektor minyak dan gas.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, jumlah pelaburan domestik atau DDI dalam sektor minyak dan gas adalah lebih tinggi dari pelaburan asing FDI pada tahun 2008 dan 2009 disebabkan oleh penglibatan Petronas. Sebagai contoh, pada tahun 2008, DDI berjumlah RM14.2 bilion bersamaan 64.5 peratus berbanding FDI berjumlah RM7.8 bilion bersamaan 35.5 peratus, dan pada tahun 2009 pula, DDI berjumlah RM18.7 bilion atau 58.4 peratus berbanding FDI berjumlah RM13.3 bilion atau 41.6 peratus.

■ 1900

Bagi tahun 2010 dan 2011 pula adalah diperhatikan bahawa jumlah FDI adalah lebih tinggi daripada jumlah DDI dalam sektor minyak dan gas iaitu pada tahun 2010, DDI berjumlah RM9.3 bilion atau 45.1 peratus berbanding FDI berjumlah RM11.3 bilion atau 54.9 peratus. Pada tahun 2011 pula, DDI berjumlah RM8.1 bilion atau 41.3 peratus berbanding FDI RM11.5 bilion atau 58.7 peratus. Nisbah FDI yang tinggi berbanding DDI bagi tahun 2010 dan 2011 adalah disebabkan penglibatan syarikat-syarikat asing seperti Exxon, Shell dan *Murphy Oil Corporation*. Kerajaan sentiasa mengambil langkah dan inisiatif untuk menggalakkan pelaburan domestik bagi menjana pertumbuhan ekonomi negara.

Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, menerusi Program Transformasi Ekonomi atau ETP, kerajaan menyasarkan pelaburan domestik atau DDI menyumbang sebanyak 73 peratus daripada pelaburan swasta manakala 27 peratus lagi adalah pelaburan asing FDI. Selaras dengan sasaran tersebut, sejumlah RM148.6 bilion pelaburan telah diluluskan dalam sektor-sektor utama atau *primary sectors* dengan izin, perkilangan dan perkhidmatan bagi tahun 2011. Daripada jumlah tersebut, RM82.3 bilion atau 55.4 peratus adalah DDI manakala RM66.3 bilion atau 44.6 peratus adalah FDI dan RM87.4 bilion atau 58.8 peratus adalah daripada sektor NKEA manakala RM61.2 bilion ataupun 41.2 peratus adalah daripada sektor bukan NKEA. Bagi NKEA sektor minyak, gas dan tenaga pula, jumlah pelaburan yang dicatat pada tahun 2011 adalah RM36.3 bilion dengan DDI berjumlah RM19.4 bilion bersamaan 53.4 peratus iaitu lebih tinggi daripada FDI yang berjumlah RM16.9 bilion atau 46.6 peratus. Antara langkah-langkah dan inisiatif-inisiatif lain yang dilaksanakan untuk menggalakkan DDI adalah:

- (i) meningkatkan jaringan hubungan antara PKS dan Syarikat Multinasional atau MNC serta menggalakkan program penyumberan luar;
- (ii) menjalankan dialog atau mesyuarat dengan tokoh-tokoh industri tempatan; dan
- (iii) mengadakan aktiviti-aktiviti turun padang untuk memfasilitasikan syarikat-syarikat tempatan bagi memastikan pelaburan yang dicadangkan dilaksanakan.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin berpandangan inisiatif kerajaan dalam memajukan Industri Kecil dan Sederhana atau IKS masih tidak mencukupi kerana PKS dilihat masih belum benar-benar berkembang di desa. Justeru, beliau mencadangkan agar kerajaan merancang tindakan dan pelan bersepadu yang menyeluruh bagi membantu PKS desa yang berpotensi agar lebih berdikari pada masa hadapan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pada bulan November 2011, kerajaan telah meluluskan Pelan Induk PKS 2012-2020 yang bertujuan mewujudkan ekosistem yang merangsang pertumbuhan PKS ke arah mencapai status negara berpendapatan tinggi. Pelan ini merupakan pelan menyeluruh bagi PKS meliputi semua sektor ekonomi, kawasan dan kumpulan sasaran strategik termasuk PKS desa.

Pelan ini telah menggariskan langkah-langkah utama termasuk enam program berimpak tinggi. Salah satu program berimpak tinggi ialah inovasi keterangkuman atau *inclusive innovation*, dengan izin, yang direka khusus bagi membolehkan golongan 40 peratus berpendapatan terendah memanfaatkan inovasi serta menggalakkan transformasi komuniti termasuk perusahaan mikro di kawasan luar bandar melalui *hand holding* dengan izin, serta sokongan teknikal kewangan dan pengurusan. Di samping itu, kerajaan juga menjalankan Program Transformasi Luar Bandar atau RTP, yang mana matlamat utamanya adalah untuk memodenkan kawasan luar bandar dan meningkatkan infrastruktur pendapatan dan ekonomi penduduk luar bandar. Pelan induk PKS dan RTP akan mengintegrasikan kawasan luar bandar dengan aliran utama ekonomi dan merancangkan penglibatan usahawan luar bandar dalam aktiviti ekonomi.

Yang Berhormat Senator Dato' Ng Fook Heng bertanyakan apakah tindakan yang akan diambil oleh kerajaan terhadap pelaburan asing yang diluluskan tetapi mendapat bantahan rakyat. Contoh Lynas di Gebeng, Kuantan dan juga adakah MITI sebagai Kementerian yang mengawal selia kelulusan ini tidak membuat kajian menyeluruh dari segi aspek sosial, ekonomi dan politik sesuatu pelaburan asing yang diterima. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, dalam menilai kelulusan sesuatu projek, antara aspek-aspek yang dipertimbangkan adalah:

- (i) sumbangan dari segi ekonomi sesebuah projek;
- (ii) peluang pekerjaan yang diwujudkan daripada projek-projek pelaburan yang dilaksanakan serta meningkatkan kemahiran sumber manusia tempatan;
- (iii) membangunkan industri-industri sampingan serta perkhidmatan dan kesan limpahan secara tidak langsung termasuk pemindahan teknologi; dan
- (iv) meningkatkan pengetahuan syarikat domestik mengenai penyelidikan dan pembangunan atau R&D.

Di samping itu, kelulusan lesen pengilang bagi projek perkilangan tertakluk kepada pelbagai akta dan peruntukan sedia ada, yang juga berkaitan. Bagi projek-projek yang dijangka memberi kesan khususnya kepada alam sekitar, kelulusan lesen pengilang adalah tertakluk kepada Akta Kualiti Alam Sekeliling 1970 di bawah Jabatan Alam Sekitar. Oleh yang demikian, sekiranya syarikat tidak mematuhi syarat-syarat di bawah akta-akta dan peruntukan yang berkaitan, syarikat berkenaan tidak boleh meneruskan operasi atau lesen pengilang boleh ditarik balik.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja jawapan saya terhadap isu-isu yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat semasa perbahasan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di Dewan Negara.

Kementerian mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan tersebut. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Baiklah, terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya ingin menjemput Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi.

7.07 mlm.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Haji Fadillah bin Yusof]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah, Yang Berhormat Senator Datuk Chiew Tiang Chai, Yang Berhormat Senator Datuk Majid Mahap, Yang Berhormat Senator Puan Norliza binti Abdul Rahim dan Yang Berhormat Senator Datuk Abdul Rahman bin Bakar yang telah membangkitkan isu-isu berkaitan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi atau singkatannya MOSTI semasa perbahasan Titah Diraja. Terdapat lima isu di bawah bidang tugas MOSTI yang telah dibangkitkan iaitu:

- (i) pelaksanaan projek *Lynas Advanced Materials Plant* ataupun singkatannya LAMP di Gebeng, Kuantan Pahang;
- (ii) tahap radiasi di lokasi tapak bekas kilang *Asian Rare Earth* atau singkatannya ARE di Bukit Merah dan tapak pelupusan sisa di Bukit Kledang;
- (iii) status pelaksanaan Tahun Sains dan Gerakan Inovasi Nasional 2012 atau singkatannya SGI 2012,
- (iv) tahap pengkomersialan produk penyelidikan dan pembangunan R&D di pasaran luar negara; dan
- (v) status Program Angkasawan Negara.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah bertanya mengapa Kerajaan Malaysia mempelawa dan membenarkan Syarikat Lynas menubuhkan kilang di Gebeng, Kuantan. Memandangkan pada masa ini terdapat juga tindakan dan proses perundangan yang sedang berjalan di luar Dewan mengenai projek *Lynas Advanced Materials Plant* atau LAMP, saya tidak bercadang untuk menyentuh secara terperinci berhubung perkara ini bagi mengelakkan *sub judice*. Memadai saya jelaskan di Dewan yang mulia ini bahawa kelulusan bagi projek LAMP adalah berdasarkan penilaian kepada pematuhan di bawah pelbagai akta, peraturan serta piawaian termasuk Akta Pelesenan Tenaga Atom 1984 ataupun Akta 304.

Di samping itu, penilaian ke atas projek ini turut dibuat oleh sepasukan panel bebas pakar antarabangsa di bawah seliaan Agensi Tenaga Atom Antarabangsa ataupun IAEA. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, sungguhpun Lembaga Pelesenan Tenaga Atom (AELB) telah meluluskan secara bersyarat lesen beroperasi sementara atau TOL bagi projek ini pada 30 Januari 2012, lesen tersebut masih belum dikeluarkan kepada syarikat Lynas.

■ 1910

Yang Berhormat Senator Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah berpendapat dalam kes pemrosesan nadir bumi, Malaysia harus belajar daripada pengalaman Projek ARE di Bukit Merah. Ingin saya jelaskan bahawa Projek ARE di Bukit Merah tidak boleh kita samakan dengan Projek LAMP di Gebeng. Untuk makluman Yang Berhormat, banyak perbezaan antara projek *Lynas Advance Material Plant* (LAMP) dan Projek *Asian Rare Earth* (ARE) tetapi perbezaan yang paling ketara ialah seperti berikut:

- (i) dari segi teknologi. Teknologi digunakan oleh Syarikat ARE adalah berasaskan teknologi 70-an manakala teknologi bagi Projek LAMP adalah terkini dan dilengkapi ciri-ciri keselamatan moden;

- (ii) dalam konteks bahan mentah. Bahan mentah yang diproses di ARE adalah 'amal' iaitu bahan monosit yang mengandungi kandungan torium 7 peratus manakala bahan mentah yang akan diproses LAMP dengan kandungan torium 0.16 peratus;
- (iii) *residue* daripada aktiviti pengilangan. *Residue* daripada kilang ARE adalah torium hidroksida dengan kandungan torium 8 peratus manakala *residue* daripada kilang Lynas adalah *water leach purification* (WLP) dengan izi, yang mempunyai kandungan torium 0.1655 peratus.

Mengenai laporan media yang dirujuk oleh Yang Berhormat Senator Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah bahawa tahap radiasi di sekitar Bukit Merah dan Bukit Ledang masih berada pada tahap yang bahaya. Ingin saya jelaskan bahawa bacaan radiasi di sesuatu tetapi perlu mengambil kira bacaan radiasi latar belakang lokasi tersebut. Bacaan yang direkodkan oleh kumpulan *Save Malaysia Stop Lynas* iaitu 0.19 mikrosievert sejam adalah lebih rendah daripada bacaan latar belakang iaitu 0.2 ke 0.75 mikrosievert sejam. Apabila mengambil kira bacaan latar belakang, tahap radiasi di kawasan ini adalah di bawah paras selamat bagi orang awam iaitu satu milisievert setahun. Perlu juga saya jelaskan bahawa bacaan latar belakang di lokasi ini adalah lebih tinggi berbanding dengan purata paras bacaan latar belakang Malaysia iaitu 0.05 mikrosievert sejam disebabkan aktiviti perlombongan bijih timah yang menghasilkan amang yang mengandungi torium dan uranium.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya ada bawa alat untuk membaca latar belakang ini. Kalau dalam Dewan kita ini bacaan latar belakangnya ialah 0.11 dan lebih kurang sama dengan apa yang ada di Kledang untuk makluman semua supaya kita tidak mempertikaikan.

Timbalan Yang di-Pertua: Bagus Yang Berhormat.

Datuk Haji Fadillah bin Yusof: Ini kerana memang dari segi radiasi latar belakang memang semula jadi memang ada bacaan semula jadi sebab bahan-bahan yang ada. Kalau kita keluar sana lebih tinggi sedikit sebab ada tile, ada granit yang digunakan maka bacaan akan lebih tinggi. Oleh sebab itu ianya berbeza bacaan latar belakang. Jadi Yang Berhormat Senator Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah juga membangkitkan kerisauan mengenai tahap keselamatan tapak simpanan *residue* Projek LAMP kerana Malaysia kini terdedah kepada gegaran setiap kali kejadian gempa bumi berlaku di Indonesia.

Yang Berhormat Senator tidak perlu bimbang kerana kerajaan sentiasa mengutamakan aspek keselamatan dan kesihatan awam. Dalam hubungan ini, lokasi tapak simpanan *residue* projek LAMP dipastikan tidak berada dalam kawasan berisiko gempa bumi. Berdasarkan kajian *seismic* dan tsunami *hazard* dan *risk study in Malaysia* oleh MOSTI pada tahun 2009 Pahang khususnya Gebeng adalah kawasan berisiko rendah gempa bumi. Untuk makluman Yang Berhormat juga setakat ini tiada kerosakan struktur binaan yang dikesan di Semenanjung Malaysia berikutan kejadian gempa bumi di Indonesia.

Yang Berhormat Senator Datuk Chiew Tiang Chai, Yang Berhormat Senator Puan Norliza binti Abdul Rahim dan Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar ada menyentuh mengenai pelaksanaan Tahun Sains Gerakan Inovasi Nasional 2012 dalam perbincangan mereka. Sebanyak 397 aktiviti telah dirancang untuk dilaksanakan di bawah Tahun Sains dan Gerakan Inovasi Nasional 2012 atau SGI 2012 oleh MOSTI dan juga pelbagai Kementerian, kerajaan negeri, badan-badan kerajaan (NGO), pihak swasta dan individu. Aktiviti-aktiviti ini disasarkan kepada semua lapisan masyarakat khususnya pelajar, belia dan penduduk luar bandar. MOSTI selaku peneraju SGI 2012 telah menyediakan beberapa aktiviti induk iaitu Majlis Perasmian SGI 2012, Karnival Sains dan Inovasi di enam zon, Jejak Inovasi di seluruh Malaysia dan *World Innovation Forum Kuala Lumpur 2012*. *World Innovation Forum* yang dijadualkan pada 4 hingga 7 November 2012 akan merangkumi tiga program utama iaitu:

- (i) *BioMalaysia*;
- (ii) *National Innovation Conference and Exhibition* (NICE);
dan
- (iii) *Nano Summit*.

Sehingga 30 April 2012 sebanyak enam program utama telah dilaksanakan oleh MOSTI iaitu:

- (i) Majlis Perasmian SGI 2012 oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri;
- (ii) pelancaran logo dan lagu SGI 2012;
- (iii) Karnival Sains dan Inovasi Zon Timur di Jeli, Kelantan;
- (iv) BioBorneo di Sarawak;
- (v) Jejak Inovasi Zon Timur; dan
- (vi) program TV, WOWW anjuran Majlis Rekabentuk Malaysia (MRM) di ASTRO sebanyak 12 episod.

Perincian bagi segala aktiviti SGI 2012 yang telah dan akan dilaksanakan boleh diakses melalui portal MOSTI iaitu www.mosti.gov.my.

Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar mencadangkan supaya promosi Tahun Sains dan Gerakan Inovasi Nasional 2012 ditingkatkan kerana tahap promosi sekarang kurang memuaskan dan kurang meluas. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, MOSTI melaksanakan promosi untuk menguar-uarkan aktiviti-aktiviti SGI 2012 melalui semua kaedah promosi sedia ada termasuk media sosial supaya segala aktiviti SGI 2012 dapat diketahui oleh orang ramai selain mampu mendapatkan penglibatan yang tinggi daripada pelbagai golongan bagi membolehkan semua pihak mendapat manfaat daripada aktiviti-aktiviti berteraskan sains dan inovasi yang disediakan. Unit Komunikasi Korporat setiap kementerian, kerajaan negeri serta badan bukan kerajaan juga telah diminta untuk memainkan peranan mereka untuk menguar-uarkan aktiviti SGI 2012 masing-masing kepada komuniti setempat.

Yang Berhormat Senator Datuk Chiu Tiang Chai mencadangkan agar MOSTI bekerjasama dengan Kementerian Pelajaran Malaysia mencari kaedah terbaik meningkatkan kreativiti dan inovasi di kalangan pelajar dan mengetengahkan produk-produk inovasi mereka. MOSTI sentiasa bekerjasama dengan kementerian, jabatan termasuk juga Kementerian Pelajaran Malaysia bagi meningkatkan kreativiti dan inovasi dalam kalangan pelajar dan mengetengahkan produk-produk inovasi mereka.

Program yang dijalankan termasuklah yang dianjurkan di bawah SGI 2012 seperti bengkel dan ceramah yang berteraskan sains dan inovasi, pertandingan reka cipta dan inovasi di peringkat sekolah serta pertandingan inovasi pengajaran dan pembelajaran peringkat guru-guru. Program ini merupakan kesinambungan kepada program yang dijalankan di bawah Malaysia Inovatif 2010 dan Tahun Penggalakan Sains dan Matematik 2011. Produk-produk ciptaan pelajar yang dipamerkan semasa pertandingan-pertandingan reka cipta sememangnya diberi perhatian. Produk yang berpotensi akan dirujuk kepada agensi MOSTI seperti SIRIM, TPM (Teknologi Park Malaysia) dan MDeC bagi penambahbaikan. Salah satu produk yang telah berjaya dikomersialkan ialah Rostrum Pintar (RosPin) ciptaan pelajar Sekolah Menengah Vokasional Kuantan yang ditambah baik oleh SIRIM dan kini telah berada di pasaran.

Yang Berhormat Senator Datuk Majid Mahap ingin mengetahui sama ada terdapat produk hasil R&D yang diketengahkan dan dipasarkan di peringkat antarabangsa. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sememangnya terdapat produk R&D yang dipasarkan di peringkat antarabangsa. Dalam sektor i-City, Perfisio Solution Sdn. Bhd yang merupakan syarikat penerima teknologi MIMOS telah menandatangani perjanjian persefahaman MoU dengan syarikat di Sri Lanka serta Indonesia untuk menggunakan teknologi MIMOS iaitu *Intelligent Learning Management System (ILMS)* dengan izin, atau Sistem Pembelajaran dan Pengurusan Bersepadu di pasaran negara masing-masing.

Dalam sektor biotech pula *Dengue Diagnostic Kits* yang dilesenkan oleh Universiti Malaya kepada GeneFlux Bioscience Sdn. Bhd. telah dipasarkan di India. Pengkomersialan produk hasil inovasi juga telah berjaya dilaksanakan dan pembangunan herba sebagai *health supplement* dengan izin, dengan produk tempatan seperti tongkat ali dan kacip fatimah dipasarkan oleh Biotropics Malaysia Bhd. di Amerika Syarikat.

■ 1920

Terdapat lebih dari sepuluh produk telah dihasilkan. Beberapa *software* dalam *database* dan aplikasi perubatan kini sedang dan dalam proses perbincangan untuk dibawa ke pasaran antarabangsa. Bagi sektor industri sejumlah 76 permohonan telah diterima dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesepuluh untuk mengkomersialkan produk-produk hasil pendidikan tempatan di bawah *Commercialization of Research and Development Fund* (CRDF) dengan izin, di bawah kelolaan *Malaysia Technology Development Corporation* (MTDC). Daripada jumlah tersebut sebanyak 43 projek berjumlah RM85 juta telah diluluskan untuk mengkomersialkan produk-produk mereka di dalam dan juga di luar negara.

Bagi menjawab pertanyaan Yang Berhormat Senator Datuk Abdul Rahman bin Bakar yang ingin mengetahui mengenai status Program Angkasawan Negara, sukacita saya menjelaskan bahawa kerajaan pada dasarnya bersetuju meneruskan program angkasawan ini tertakluk kepada kedudukan kewangan negara. Buat masa ini program ataupun aktiviti yang berkaitan dilaksanakan sebagai persiapan sekiranya negara memutuskan untuk melancarkan program angkasawan kedua. Program dilaksanakan pada masa ini termasuklah membangunkan *content* saintifik seperti kajian mikrograviti, program pendidikan serta kesedaran awam. Program pendidikan dan kesedaran awam ini diterajui oleh Yayasan Angkasawan Malaysia (YAM). Semenjak penubuhannya pada tahun 2009, YAM telah melaksanakan ratusan program dengan pencapaian yang meluas di seluruh negara. Antara program yang dilaksanakan termasuklah:

- (i) sambutan ulang tahun Program Angkasawan Negara yang diadakan setiap tahun;
- (ii) *Space Camp*;
- (iii) *Angkasawan Challenge*; dan
- (iv) pameran serta ceramah.

Program kajian saintifik mikrograviti terus dikembangkan melalui kerjasama antarabangsa antara universiti tempatan dan agensi angkasa luar negara dan projek berikut iaitu:

- (i) program *protein crystallization* dengan *Japan Aerospace Exploration Agency* (JAXA);
- (ii) program MARS 500 dengan *Institute of Bio-medical Problems of State Scientific Center of the Russian Federation*, Rusia.

Kajian saintifik ini adalah penting untuk memastikan program angkasawan yang akan datang mempunyai *content* saintifik yang lebih kukuh dan dapat memberi pulangan yang lebih besar pada negara dari segi penemuan saintifik, penjana ilmu baru dan juga penjana ekonomi negara. Jadi Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahaja penggulungan saya pada kali ini. Akhir kata saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam sesi perbahasan Titah Diraja terutamanya menyentuh bidang kuasa Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi. Sesungguhnya segala cadangan, teguran dan pandangan tersebut akan diambil perhatian sewajarnya oleh pihak kementerian demi memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat dan negara ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Baiklah terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Seterusnya saya ingin mempersilakan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Silakan Yang Berhormat.

7.23 mlm.

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi cadangan dan pandangan terhadap perkara-perkara yang menyentuh bidang kuasa Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar semasa perbahasan Titah Diraja di Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat Senator Tuan Khoo Soo Seang menyarankan agar usaha-usaha dijalankan untuk memastikan bahawa kekayaan diversiti negara terutamanya hutan dikaji dan dilindungi. Tuan Yang di-Pertua, Malaysia sememangnya mempunyai dua dasar utama berkaitan dengan pemeliharaan dan pemuliharaan kepelbagaian bi-diversiti, biologi ataupun bi-diversiti negara. Dasar tersebut ialah Dasar Perhutanan Negara 1978 (Pindaan) 1993 dan Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan 1998.

Objektif Dasar Perhutanan Negara ialah untuk memelihara dan mengurus hutan berdasarkan prinsip-prinsip pengurusan hutan secara berkekalan atau dengan izin, *Sustainable Forest Management* (SFM). Selain itu dasar ini diwujudkan untuk melindungi alam sekitar dan memelihara kepelbagaian biologi sumber alam dan menggalakkan penyelidikan serta pendidikan. Sementara itu Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan digubal untuk memelihara kepelbagaian biologi negara dan memastikan komponennya digunakan secara lestari bagi kemajuan dan pembangunan sosio ekonomi negara.

Bagi mencapai matlamat ini dasar tersebut menggariskan strategi dan pelan tindakan pengurusan kepelbagaian biologi negara yang lebih berkesan. Selaras dengan matlamat kedua-dua dasar tersebut, pelbagai program dan kajian dijalankan oleh kementerian terutamanya Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) dan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) bertujuan untuk memelihara dan memulihara kepelbagaian biologi negara.

Berhubung kait dengan pertanyaan Yang Berhormat Senator Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah yang membangkitkan isu kerugian akibat pembalakan haram yang dilaporkan dalam *Transparency International* bagi menyarankan agar aktiviti pembalakan haram dibendung. Beliau turut meminta statistik mengenai kes tangkapan pembalakan haram dan bertanya sama ada kerajaan berhasrat untuk menubuhkan satu jawatankuasa khas untuk menangani isu ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sukacita saya menjelaskan bahawa kerugian sebanyak RM900 juta setahun seperti mana yang dilaporkan oleh *Transparency International* adalah tidak tepat kerana ianya dibuat melalui pengiraan pihak *Transparency International* sendiri secara anggaran sahaja dan ia boleh mengundang kekeliruan orang awam. Di Semenanjung Malaysia peratusan pengeluaran balak daripada kegiatan pembalakan haram adalah terlalu kecil jika dibandingkan dengan isi padu pengeluaran kayu balak sebenar iaitu dalam lingkungan 0.03 peratus hingga 0.07 peratus dalam tempoh tahun 2005 hingga tahun 2010 dengan nilai kerugian berjumlah RM10.7 juta.

Bilangan orang yang ditangkap di Semenanjung Malaysia pada tahun 2012 sehingga Mac kerana melakukan pelbagai kesalahan hutan termasuk yang disyaki adalah berjumlah 83 orang. Pihak kementerian bersama dengan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia sememangnya komited dalam usaha membanteras pembalakan haram.

Untuk Ahli Yang Berhormat dan juga Dewan yang mulia ini, langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar melalui Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia ialah:

- (i) memperkukuhkan Akta Perhutanan Negara Tahun 1984 dengan mengkaji semula serta membuat pindaan ke atas akta tersebut, antaranya adalah dengan memindahkan prinsip beban bukti atau dengan izin, *strict liability* kepada pihak pesalah serta menaikkan hukuman dan penalti;
- (ii) meningkatkan aktiviti pemeriksaan dan pemantauan;
- (iii) menjalankan operasi penguatkuasaan bersepadu atau *integrated enforcement* dengan agensi-agensi penguatkuasaan lain seperti Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Unit Pencegahan Penyeludupan (UPP) dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM); dan

■ 1930

- (iv) menubuhkan satu NRE *enforcement team* bagi menjalankan penguatkuasaan secara bersepadu oleh pelbagai agensi penguatkuasaan di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Ini menunjukkan betapa komited kerajaan untuk membanteras atau kalau boleh menghapuskan sama sekali aktiviti-aktiviti pembalakan haram.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, tindakan-tindakan tersebut telah menunjukkan hasil yang positif dalam menangani isu pembalakan haram. Berdasarkan rekod, kes pembalakan haram dalam hutan simpan kekal mencatatkan trend menurun iaitu daripada 118 kes pada tahun 2006 kepada 58 kes pada tahun 2011. Aktiviti-aktiviti penguatkuasaan pembalakan haram juga dipantau dan dilaporkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Petugas Pemantauan Pembalakan Haram, Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan Operasi Hutan dan Mesyuarat Khas Pengarah-pengarah Perhutanan Negeri, di samping Majlis Tanah Negara yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Justeru, tidak perlulah untuk menubuhkan satu lagi jawatankuasa khas bagi menangani isu tersebut.

Yang Berhormat Senator Puan Chew Lee Giok bertanya sama ada kerajaan masih prihatin terhadap industri perlombongan timah dan lain-lain mineral seperti emas. Beliau juga bertanya tentang masalah-masalah yang dihadapi dalam menghidupkan industri perlombongan dan penyelesaian oleh pihak kerajaan. Suka saya menjelaskan di sini bahawa pada dasarnya kerajaan sentiasa prihatin, malahan terus berusaha menggalakkan pembangunan industri mineral timah, emas dan juga mineral-mineral yang lain. Usaha ini telah dilaksanakan sejak kejatuhan harga timah dalam tahun 1985 yang memberi kesan yang ketara kepada industri dengan perlombongan timah. Ketika itu, industri mineral negara adalah sinonim dengan perlombongan timah.

Justeru itu kerajaan telah melantik pakar daripada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk membantu kumpulan kerja tempatan menjalankan kajian bagi membaik pulih dan membangun industri ini. Hasil kajian kumpulan kerja-kerja tersebut telah mendapati beberapa kekangan iaitu:

- (i) undang-undang perlombongan yang ada ketika itu mengandungi kedua-dua bidang kuasa persekutuan dan negeri dan tidak sesuai untuk dilaksanakan;
- (ii) kurangnya insentif kepada pihak berkuasa negeri untuk mengeluarkan kawasan untuk kerja cari gali dan melombong;
- (iii) tiada pulangan setimpal kepada pihak berkuasa negeri; dan
- (iv) kawasan yang habis dikerjakan tidak semuanya dapat dibaikpulih dengan sempurna.

Sehubungan dengan itu berdasarkan hasil kajian tersebut, kerajaan telah mengambil beberapa langkah seperti menggubal Dasar Mineral Negara dan dua undang-undang utama iaitu Modul Enakmen Mineral Negeri dan Akta Pembangunan Mineral 1994. Selain itu, kerajaan telah membentuk mineral negara di bawah Majlis Tanah Negara sebagai platform bagi pihak persekutuan dan negeri membincangkan isu-isu berkaitan pembangunan industri tersebut. Melalui Majlis Mineral Negara pihak berkuasa Enakmen Mineral Negeri yang disediakan mengeluarkan lebih banyak kawasan untuk dijalankan kerja mencari gali dan melombong serta melaksanakan tabung pemuliharaan kawasan lombong seperti diperuntukkan di bawah Enakmen Mineral Negeri.

Langkah-langkah lain ialah dengan menggalakkan pihak berkuasa negeri untuk mengeluarkan lebih banyak kelulusan melombong. Seiring dengan pertambahan kelulusan ini telah meningkatkan hasil pendapatan negeri. Contohnya, pendapatan yang diperoleh oleh negeri Pahang dari penghasilan emas mentah meningkat daripada RM4.6 juta dalam tahun 2009 kepada RM21.9 juta dalam tahun 2011.

Baru-baru ini Kerajaan Negeri Sembilan juga melaporkan hasil daripada industri perlombongan telah meningkat. Mereka akan terus mengambil langkah sesuai bagi menambah pendapatan negeri. Dengan usaha padu daripada pihak berkuasa negeri, bilangan lombong yang beroperasi telah bertambah.

Mengikut statistik sejak tahun 2009, bilangan lombong timah telah meningkat dari sembilan buah kepada 13 buah. Manakala lombong emas daripada 12 ke 18 buah dan lombong bijih besi bertambah daripada 31 ke 80 buah dalam tahun 2011.

Pada masa yang sama bagi meningkatkan minat pelabur untuk melabur dalam industri tersebut, pihak kementerian saya sudah pun melantik juru perunding untuk menjalankan kajian ke atas Dasar Percukaian dan Insentif di dalam industri perlombongan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya kira semua isu, saranan dan cadangan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dalam perbahasan Titah Diraja 2012, terutama yang menyentuh bidang kuasa Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar telah saya jawab. Pihak kementerian akan mengambil tindakan susulan sewajarnya terhadap semua isu yang dibangkitkan dalam perbahasan ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Bagus Yang Berhormat. Terima kasih Seterusnya saya ingin mempersilakan Kementerian Pelancongan. Silakan Yang Berhormat Menteri.

7.38 mlm.

Timbalan Menteri Pelancongan [Dato' Dr. James Dawos Mamit]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh perkara-perkara di bawah tanggungjawab Kementerian Pelancongan semasa perbahasan Titah Diraja sempena pembukaan penggal kelima Dewan Negara. Kementerian ini menghargai semua pandangan, saranan dan teguran yang diberi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sepanjang perbahasan minggu lepas.

Antara isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat adalah mengenai Program *Homestay*, jumlah ketibaan dan pendapatan pelancongan negara, strategi promosi menggalakkan pelancongan, aspek kebersihan kawasan pelancongan, pembangunan industri pelancongan, syarikat pengendalian pelancongan dan pelancongan kebudayaan.

Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada saranan Yang Berhormat Senator Senator Puan Chew Lee Giok mengenai Program *Homestay* agar dapat turut disertai oleh perkampungan orang Cina, rumah estetik orang India, rumah panjang di Sabah dan Sarawak serta perkampungan Orang Asli. Suka saya memaklumkan bahawa Kementerian Pelancongan sememangnya ingin memperluaskan pelaksanaan Program *Homestay* supaya lebih ramai penduduk luar bandar dapat turut berkecimpung dalam aktiviti pelancongan yang dapat menambahkan pendapatan isi rumah keluarga terutama penduduk-penduduk di perkampungan orang Cina, India dan Orang Asli.

■ 1940

Bagi memastikan setiap *cluster homestay* yang dipilih berdaya maju dan berdaya tahan di masa hadapan, Kementerian Pelancongan mewajibkan setiap *cluster homestay* yang dicadangkan untuk pendaftaran perlu mempunyai sekurang-kurangnya sepuluh buah rumah yang menawarkan sekurang-kurangnya 20 bilik mempunyai kemudahan sampaian ataupun *easy accessibility*, daya tarikan yang menarik termasuk aktiviti kebudayaan dan ekonomi di kawasan *homestay* berkenaan ataupun berhampiran dengannya serta terdapat penggerak *homestay* yang proaktif. Sehingga kini, Kementerian Pelancongan telah mendaftarkan sebanyak 152 *cluster homestay* di seluruh negara yang melibatkan 3,312 pengusaha *homestay* yang menawarkan sebanyak 4,541 buah bilik.

Daripada jumlah pengusaha *homestay*, 85.11 peratus ataupun 2,819 adalah merupakan pengusaha Melayu manakala selebihnya adalah pengusaha daripada etnik Sabah dan Sarawak. Manakala penglibatan masyarakat Orang Asli dalam program *homestay* pada ketika ini adalah melalui pakej-pakej *homestay* yang melibatkan lawatan ke Perkampungan Orang Asli seperti Kampung Pos Satak di Raub, Perkampungan Orang Asli Perpat di Tasik Chini dan Perkampungan Orang Asli Che' Wong di Temerloh, Pahang. Justeru itu, Kementerian Pelancongan memohon kerjasama Yang Berhormat untuk membantu menggalakkan penyertaan kaum Cina dan India dalam program *homestay* ini.

Tuan Yang di-Pertua, soalan kedua mengenai statistik kedatangan dan jumlah pendapatan pelancongan hasil tukaran mata wang asing. Untuk pendapatan tahun 2010 adalah sebanyak RM56.5 bilion manakala pada tahun 2011 ialah sebanyak RM58.3 bilion.

Jumlah ketibaan pelancong asing daripada tahun 2005 hingga tahun 2011 secara kumulatif mengikut rantau adalah seperti berikut:

- (i) ASEAN – 115.57 juta orang;
- (ii) Asia Timur – 11.82 juta orang;
- (iii) Eropah – 6.54 juta orang;
- (iv) Asia Selatan – 4.86 juta orang;
- (v) *Oceania* – 3.51 juta orang;
- (vi) Amerika – 2.44 juta orang;
- (vii) Asia Barat – 1.81 juta orang;
- (viii) Afrika – 1.08 juta orang;
- (ix) Asia Tengah – 0.079 juta orang; dan
- (x) lain-lain negara – 2.24 juta orang

Jumlah besar tahun 2005 hingga 2011 secara kumulatif ialah 149.95 juta orang pelancong. Maklumat terperinci mengenai jumlah ketibaan pelancong asing boleh diperolehi di laman web rasmi *Tourism Malaysia* mengikut negara masing-masing.

Soalan ketiga mengenai strategi dalam menarik lebih ramai pelancong dari ASEAN dan negara-negara yang mempunyai populasi yang ramai seperti negara China, India, Indonesia dan Brazil. Untuk maklumat Yang Berhormat, sememangnya pasaran ASEAN dan negara-negara yang mempunyai populasi atau penduduk yang ramai menjadi pasaran sasaran kita.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Oleh itu, kementerian ini melalui *Tourism Malaysia* telah dan akan menjalankan pelbagai bentuk promosi melalui strategi-strategi seperti berikut:

- (i) menyertai pameran-pameran dan ekspo pelancongan antarabangsa;
- (ii) mengadakan misi penggalakan pelancongan dan program *Minggu Malaysia*;
- (iii) membuat kerjasama dengan syarikat-syarikat kerjasama asing dalam mengadakan pakej-pakej baru;
- (iv) mengenal pasti destinasi fokus bagi negara-negara berkenaan;
- (v) mengadakan siri lawatan suai kenal bagi pengusaha-pengusaha dan pengamal media negara berkenaan ke Malaysia;
- (vi) mengadakan pelbagai seminar dan bengkel kepada para pengusaha pelancongan;
- (vii) mempromosikan produk *niche* seperti pelancongan golf dan pelancongan membeli belah kepada golongan '*menopause*';
- (viii) mempromosi pakej-pakej pelancongan melalui pengiklanan taktikal di media cetak, media elektronik dan media sosial yang disasarkan kepada para konsumer;
- (ix) menggalakkan syarikat-syarikat pelancongan negara berkenaan mengadakan penerbangan sewa khas ke Malaysia terutamanya pada musim percutian;

- (x) memupuk pakatan strategik global dan serantau serta perkongsian pintar antara kerajaan, organisasi pelancongan dan sektor swasta; dan
- (xi) memperkenalkan pakej insentif istimewa yang memberikan fokus kepada percutian premium bagi menambahkan jumlah perbelanjaan dan tempoh percutian.

Soalan keempat mengenai langkah-langkah yang akan diambil bagi menangani masalah tandas-tandas di kawasan tarikan pelancong yang tidak bersih dan berbau busuk yang saya akan jawab bersekali dengan saranan daripada Yang Berhormat Senator Tuan Pau Chiong Ung yang turut disentuh oleh beberapa Ahli Yang Berhormat yang lain. Seperti mana kita sedia maklum, memastikan tahap kebersihan dan penjagaan tandas awam di seluruh negara adalah terletak di bawah tanggungjawab pihak berkuasa tempatan.

Kementerian ini sememangnya menerima banyak aduan mengenai tahap kebersihan di tempat-tempat pelancongan termasuk di tandas-tandas awam dan bagi mengatasi masalah ini, kementerian ini telah mengambil beberapa inisiatif antaranya melancarkan kempen *1Malaysia Bersih dan Indah* iaitu 1MG 1MC pada 18 Julai 2010. Tujuan kempen ini adalah untuk meningkatkan kesedaran rakyat Malaysia mengenai kepentingan menjaga kebersihan dan kehijauan alam sekitar di tempat pelancongan termasuk tandas-tandas awam di seluruh negara. Maskot kempen ini ialah 'Mr. Bin' ataupun tong sampah serta lagu tema *1Malaysia Bersih dan Indah* turut diperkenalkan bagi mempromosikan kempen tersebut dengan lebih berkesan.

■ 1950

Tuan Yang di-Pertua, kempen 1MG1MC dilaksanakan melalui beberapa pengisian seperti aktiviti gotong-royong sambil beriadah melibatkan golongan belia, pelajar sekolah, peserta *homestay*, badan bukan kerajaan seperti *Quality Restroom Association of Malaysia* (QRAM), pihak swasta dan media serta penduduk setempat. Pada tahun 2011, sebanyak 78 program 1MG1MC telah dilaksanakan oleh kementerian ini di seluruh negara. Pada tahun 2012 setakat ini, 60 program ini di dalam perancangan untuk dilaksanakan.

Selain itu, kempen 1MG1MC turut dilaksanakan melalui laman sesawang www.1MalaysiaGreenandClean.com.my. Melalui laman sesawang ini, orang ramai dijemput untuk menyumbang gambar-gambar tarikan pelancong yang telah diambil oleh mereka sendiri untuk dimuat naik ke seksyen kawasan-kawasan pelancongan yang bersih dan indah, *hall of fame* untuk diberi penghargaan dan digunakan sebagai contoh yang patut diikuti atau kawasan-kawasan pelancongan yang kotor, *hall for improvement* untuk diambil tindakan pembersihan atau penyelenggaraan oleh pihak-pihak yang berkenaan. Tambahan kepada itu, kementerian ini juga menjalankan kerjasama dengan media-media cetak dan elektronik tempatan dalam mempromosikan kempen 1MG1MC termasuk memupuk kesedaran terhadap penjagaan tandas awam.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai saranan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Noriah binti Mahat meminta kawasan Pagoh dijadikan salah satu hab pelancongan negara dan boleh dipromosikan sebagai sebuah destinasi agropelancongan dan ekopelancongan. Antara produk-produk pelancongan yang sedang dipromosikan oleh *Tourism Malaysia* bagi kawasan Pagoh adalah seperti berikut:

- (i) *Homestay* Batu 28, Lenga yang mempunyai 40 buah bilik;
- (ii) Nasuha Herbs ataupun ladang agro yang menghasilkan rempah ratus jenama Mak Siti dan produk kesihatan berasaskan herba serta menyediakan kemudahan penginapan berbentuk *log cabin* sebanyak 11 unit di situ dan saya sudah pun melawat Nasuha Herbs dan dijemput sebagai *advisor* tetapi saya tidak bolehlah. Tidak ada masa untuk membuat tugas-tugas demikian; dan
- (iii) dusun buah-buahan sekitar Pagoh milik persendirian yang sering menjadi kunjungan pelancong pada musim buah-buahan seperti durian.

Selain itu, Pejabat Tourism Malaysia Negeri Johor juga menyediakan *fame trip* bagi pihak media dan agensi pelancongan serta mempromosikan produk-produk tersebut melalui penerbitan brosur pelancongan.

Berhubung dengan saranan Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar...

Puan Hajah Noriah binti Mahat: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang bangun itu.

Puan Hajah Noriah binti Mahat: Saya hendak mencelah sedikit.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Ya, silakan.

Puan Hajah Noriah binti Mahat: Terima kasih di atas jawapan daripada pihak Menteri tadi. Jawapannya pun bagus dan saya pun sudah pergi ke tempat-tempat itu yang diberitahu oleh Menteri. Akan tetapi dia tengok tidak betul-betul. Tempat yang dekat Batu 28, Lenga itu indah atau tidak? Saya minta Menteri turun tengok dan kalau boleh pasal kita hendak bawa untuk ke peringkat antarabangsa. Saya hendak minta kalau boleh cadangkan bawa pelancong-pelancong asing turun. Saya lihat tidak nampak sangat pelancong-pelancong asing turun ke Pagoh. Habis kuat pun saya rasa orang Singapura dan saya minta Menteri pergi tengok dekat Batu 28, Lenga itu macam mana. Kalau tidak tahu tempatnya, saya boleh tunjukkan indah atau tidak.

Jadi, satu lagi Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini hari itu sekejap tengah sibuk diperkatakan tentang isu Bukit Kepong. Jadi, apa peranan Kementerian Pelancongan tentang Bukit Kepong ini. Sepatutnya isu Bukit Kepong ini lagi dulu sudah diindahkan. Sudah ada orang yang bawa pasal Bukit Kepong dahulu. Sebab itu ada orang yang tidak faham dengan sejarah Bukit Kepong kerana ia seolah-olah macam ditinggalkan begitu. Saya ingin mencadangkan kalau boleh Kementerian Pelancongan ini biar sama, adik-beradik dengan Kementerian Dalam Negeri. Pakat sama-sama, indahkan sementara muzium itu belum buat. Lama lagi rasa saya hendak didirikan. Dalam dua atau tiga tahun. Jadi, indahkanlah Bukit Kepong itu dekat balai polis itu supaya kalau bawa pelancong-pelancong asing datang tengok macam mana sejarah Bukit Kepong itu. Jadi, indahkanlah. Jadi, saya hendak minta kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri tengok betul-betullah. Saya memang orang tempatan, selalu pergi dekat situ. Dekat Batu 28, dekat Bukit Kepong itu. Kadang-kadang sedih kita tengok. Kawasan-kawasan Timbalan Perdana Menteri cuba indahkan baik-baik.

Rasa saya yang cantik pun, yang dapat nama esok Kementerian Pelancongan. Baru itu yang dinamakan pelancongan itu indah dan murnilah, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kalau silap saya, minta maaf banyak-banyak. Terima kasih.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Hajah Noriah. Ini bagi kita memang maklumat yang kita perlu juga. Jadi, terima kasih atas maklumat seperti itu. *Homestay* Batu 28, Lenga indah ataupun tidak. Yang sebenarnya, tarikan untuk *homestay* adalah dua tahap. Yang pertamanya, promosi untuk *homestay* tersebut.

Kedua, sama ada ia indah ataupun tidak, ini kita boleh nilai sama ada ia indah atau tidak. Akan tetapi kegagalan pelancong hadir ke *homestay* adalah walaupun sudah ada persetujuan pengusaha-pengusaha *homestay* dengan syarikat pelancongan, kadangkala syarikat pelancongan tidak menghantar pelancong ke *homestay* tersebut. Jadi, ini adalah satu kegagalan daripada itu. Kita memang sedang mengkaji dan melihat perkara seperti ini agar ia tidak berlaku.

Untuk promosi, memang kita promosi sebab di dalam *website* ada. Ada *website homestay* iaitu www.gotohomestay.com.my. Itu kita promosi melalui *internet*. Selain daripada itu, kita juga mempromosi melalui apabila pegawai kementerian dan pegawai *Tourism* Malaysia pergi ke luar negara untuk membuat promosi pelancongan. Ini semuanya masuk, termasuk *homestay* sebab ia adalah satu destinasi dan produk di bawah industri pelancongan. Kita memang sentiasa memperbaharui macam-macam strategi supaya kita boleh menarik minat pelancong lebih-lebih lagi daripada luar negara termasuk membuat penjenamaan ataupun *tagline* seperti *biotourism* dan sebagainya.

Untuk soalan tambahan kedua daripada Yang Berhormat Senator tentang Bukit Kepong. Bukit Kepong adalah satu sejarah dan warisan negara. Maka, untuk memperbaiki tempat itu ataupun membaik pulih Bukit Kepong adalah tanggungjawab Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan.

■ 2000

Memang betul kata Yang Berhormat. Saya setuju bahawa perlu diperindah tapak seperti itu lebih-lebih lagi tapak bersejarah, tapak warisan supaya apabila kita membawa pelancong ataupun membuat promosi kepada pelancong-pelancong dari luar negara, keindahan itu adalah satu tarikan yang amat sesuai. Terima kasihlah atas makluman yang diberi Yang Berhormat. Nanti kalau saya ada melawat ke Johor, saya berhenti lagi di Pagoh dan cari Yang Berhormat Senator untuk bawa saya melawat ke tapak-tapak yang disebut itu.

Puan Norliza binti Abdul Rahim: Mohon mencelah sedikit. Tuan Yang di-Pertua..

Tuan Yang di-Pertua: Silakan, silakan.

Puan Norliza binti Abdul Rahim: Terima kasih kepada pihak menteri yang menjawab. Saya cuma ingin bertanya sedikit sebab bila dibangkitkan isu Pagoh, saya ingin membangkitkan sedikit isu tempat peranginan yang kita ada di Pulau Jerejak di Pulau Pinang yang mana sewaktu Kerajaan Barisan Nasional memerintah, kita telah membelanjakan sejumlah wang yang besar untuk membangunkan Pulau Jerejak ini bersama dengan Uda Holdings. Sekarang ini Pulau Jerejak saya rasa telah tidak diuruskan, ditadbir dengan betul dan ia telah menjadi seperti 'gajah putih' dekat situ sebab tidak ramai pelancong yang pergi dan saya rasa promosi pun tidak baik. Saya rasa ia satu kerugian bila kita telah dengan izin, kita telah *spent such a big sum of money* tetapi benda itu tidak menjadi tempat tarikan pelancong. Kemudahan yang ada di situ, *equipment* dan semuanya.

Jadi adakah kerajaan atau kementerian rasa boleh membantu dengan mengkaji semula apakah masalah yang dihadapi oleh pusat peranginan di Pulau Jerejak ini dan sama ada kementerian boleh bersama dengan Uda mengatasi masalah ini tetapi kita harus memastikan kalau kita boleh selesai ini, ini adalah satu kredit kepada Kerajaan Barisan Nasional yang dapat menyelesaikan masalah di Pulau Jerejak ini. Itu soalan saya. Terima kasih.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Yang Berhormat Senator atas makluman ini lagi. Inilah perkara yang kadang-kadang terlepas pandang daripada kita di kementerian. Walaupun demikian, memang secara turun padang memanglah baiklah supaya kita boleh melihat apa sebenarnya yang ada di Pulau Jerejak dan apa seharusnya dibangunkan di Pulau Jerejak supaya ia boleh jadi satu destinasi pelancong yang unik dan sebagainya. Saya sebagai seorang ahli ekologi memang suka hendak turun padang dan melihat perkara-perkara seperti itu. Dari itu kita boleh buat strategi yang sesuai termasuk strategi promosi dan pembangunan untuk tempat seperti yang disebut oleh Yang Berhormat. Akan tetapi, terima kasihlah Yang Berhormat kerana memberi pandangan itu. Saya akan ambil kira. Kalau saya turun padang ke Pulau Pinang, saya pergi ke situ, boleh ya? Saya cari Yang Berhormat untuk bawa saya ke situ.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya berhubung dengan saranan dan soalan Yang Berhormat Senator Datuk Abdul Rahman bin Bakar. Kementerian mengucapkan jutaan terima kasih di atas keprihatinan Yang Berhormat akan pembangunan pelancongan negara. Kementerian ini sememangnya sedar akan kepentingan memastikan setiap dasar, program dan produk pelancongan yang diperkenalkan hendaklah bersifat lebih inovatif dan strategik agar dapat memenuhi permintaan pasaran tempatan dan global yang semakin mencabar. Ini penting bagi meningkatkan keupayaan industri pelancongan negara untuk menarik lebih ramai pelancong yang dapat berbelanja lebih banyak dan tinggal lebih lama di Malaysia terutama di negara-negara sasaran yang mempunyai pertumbuhan ekonomi yang tinggi.

Bagi tujuan ini, Kementerian Pelancongan dan *Tourism Malaysia* menggiatkan kempen bagi pembangunan dan promosi produk pelancongan berimpak tinggi dan minat khas seperti pelancongan membeli belah, pelancongan kebudayaan dan kesenian, pelancongan *parks and garden*, *helicopter tours*, pelancongan *eco*, pelancongan kesihatan, spa dan *wellness*, pelancongan makanan, pelancongan MICE iaitu yang berkaitan dengan konvensyen dan persidangan dan pelancongan sukan.

Mengenai pembangunan di pulau-pulau, sebenarnya ia tidaklah hanya tertumpu pada Pulau Langkawi sahaja tetapi juga merangkumi pulau-pulau lain yang mempunyai potensi untuk dipromosikan. Pembangunan dan promosi sesebuah pulau untuk tujuan pelancongan perlu terlebih dahulu mengambil kira *carrying capacity* iaitu daya had tampung, kemudahan infrastruktur yang sedia ada dan yang perlu dibangunkan terutama yang berkaitan dengan pengurusan alam sekitar yang mampan, bekalan elektrik dan air serta kemudahan sempayan, *accessibility* dan keunikan daya tarikan.

Walau bagaimanapun, di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh, kementerian ini telah memperuntukkan sebanyak RM27 juta untuk menaik taraf infrastruktur untuk kemudahan dan keselesaan pelancong di Pulau Pangkor, Perak; Pulau Besar, Johor; Pulau Sibul, Johor; Pulau Aru, Johor; Pulau Cekas, Pahang; Pulau Redang, Terengganu; Pulau Duyong, Terengganu; dan Pulau Ba'kungan Kecil, Sabah. Bagi mempromosikan pulau-pulau di Malaysia, kementerian ini turut melaksanakan beberapa acara di peringkat kebangsaan dan antarabangsa seperti Pesta Air Antarabangsa Labuan yang baru diadakan minggu lepas...

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, boleh minta laluan?

Dato' Dr. James Dawos Mamit: ...Dan *Redang Island Water Challenge*. Sekejap lagi, saya hendak habiskan ayat ini. Untuk menarik lebih ramai pelancong tempatan dan asing ke pulau-pulau berkenaan. Ya, Yang Berhormat. Ini sahabat saya di Dewan Rakyat.

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Sebab sahabatlah saya bangun.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat, silakan.

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Saya melihat RM27 juta tak masuk Pulau Kapas, Marang. Kenapa? Kedua, tak masuk Pulau Pisang, Johor. Kenapa? Ketiga, pulau yang masuk di Sabah adakah Pulau Manukan, Pulau Gaya masukkah?

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Yang Berhormat atas pertanyaan itu. Semua pulau yang Yang Berhormat sebut tadi memang ada yang sudah pun dibangunkan dan ada yang belum dibangunkan. Akan tetapi pembangunan apa-apa sahaja di pulau, kalaulah pembangunan *accessibility* ataupun jalan masuk ke pulau, ini bergantung kepada permohonan daripada kerajaan negeri kerana pulau adalah di bawah tanggungjawab kerajaan negeri di dalam Perlembagaan Malaysia. Bukan sahaja pulau, tanahlah di bawah kerajaan negeri. Jadi oleh itu, apa yang kita memperuntukkan untuk apa sahaja yang diperlukan untuk pembangunan di pulau-pulau, kita menunggu permohonan daripada pihak-pihak yang tertentu dalam kerajaan negeri. Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Ada lagi?

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Ada lagi.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Ya.

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Dahulu saya ada sentuh satu gua ke Gua Mulu di Sarawak. Adakah kerajaan bercadang hendak menambahbaikkan kepada Gua Mulu sebab Gua Mulu ini besar. Saya sudah sebut, boleh menampung Boeing 737 atau 747 sebanyak 60 buah atau 70 buah. Itu penting, aset negara yang jarang-jarang terdapat di dalam dunia. Saya hendak komen, jawapan daripada kementerian. Apakah usaha terbaru yang dibuat untuk promosi, naik taraf dan *airline* juga. *Thank you*.

■ 2010

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Promosi naik taraf dan *airline* juga. Terima kasih Yang Berhormat. Tentang Gua Mulu ini, alahai! Saya ada sejarah dengan Gua Mulu kerana pada tahun 1976 saya buat penyelidikan di Taman Negara Mulu. Tahun 1976 dulu, saya yang telah pun mengenal pasti semua gua yang ada di Taman Negara Mulu. Yang sudah pun dibangunkan supaya pelancong senang pergi masuk ke dalam gua ialah empat tetapi kita tinggal satu iaitu *Sarawak Chamber*, yang dalamnya paling panjang boleh menempatkan tujuh Boeing 747. Tujuh buah Boeing 747 dalamnya dan kita hendak gua ini sebagai satu gua di mana pelancong-pelancong boleh menjalankan aktiviti *adventure* bukan senang berjalan di dalam tetapi untuk *adventure*. Jadi kita biarkan ianya sebegini.

Daripada kalau kita berjalan ke pangkalan *information centre* dari Gunung Mulu, tiga jam kita berjalan baru sampai, selepas itu baru masuk ke dalam untuk kita buat aktiviti *adventure*.

Tentang lain termasuk *airline*, kita memang selalu berbincang juga dengan *airline* untuk lebih strategik lagi untuk membuat perancangan. Jangan dipotong sahaja *flight* seperti di Kuching banyak *flight* sudah pun dipotong oleh Malaysia Airlines. Jadi ini juga membimbangkan kita di Kuching tetapi Yang Amat Berhormat telah pun mengumumkan bahawa cadangan supaya Sarawak dan Sabah juga akan ada ekuiti di dalam MASwings nanti yang akan dibincangkan. Inilah satu berita yang baiklah untuk rakyat Sabah dan Sarawak. Terima kasih Yang Berhormat.

Pada masa yang sama *Tourism Malaysia* turut mempromosikan destinasi pelancongan pulau di peringkat antarabangsa melalui laman web rasmi *Tourism Malaysia*, pejabat-pejabatnya di luar negara serta semasa penyertaan di dalam pameran-pameran antarabangsa seperti di *World Travel Market London*, *International Tourism Bourse* di Berlin, *Arabian Travel Market* di Dubai dan *China International Travel Mart* di China. Kementerian ini juga mempromosikan tempat-tempat pelancongan yang menjadikan ikon bagi setiap negeri agar dapat menarik lebih ramai pelancong asing ke Malaysia serta menggalakkan lebih ramai rakyat Malaysia bercuti di dalam negara agar dapat menghayati keindahan alam semula jadi dan kekayaan warisan budaya masyarakat berbilang kaum di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya merujuk kepada soalan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi yang memohon penjelasan kementerian ini, akan jawab soalan lisan tarikh 24 April 2012 kepada beliau mengenai data jumlah pelancong dan pendapatan di pulau-pulau yang mempunyai *resort*. Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian ini mengguna pakai perangkaan jumlah ketibaan pelancong asing ke Malaysia oleh Jabatan Imigresen berdasarkan kemasukan pelancong di pintu-pintu masuk negara. Manakala bagi data pelancong tempatan diperolehi daripada Jabatan Perangkaan.

Maklumat mengenai pendapatan pelancong negara atau hasil tukaran asing pula dikira berdasarkan kepada kajian pemergian pelancong asing yang dikendalikan oleh *Tourism Malaysia* pada setiap tahun. Kita ada satu model bagaimanakah kita menggunakan data yang diperolehi supaya kita boleh mengira pendapatan daripada hasil pertukaran wang asing. Oleh yang demikian, kementerian ini tidak dapat mengemukakan maklumat yang dikehendaki oleh Yang Berhormat Senator kerana data mengenai kedatangan pelancong yang mengunjungi kawasan sesuatu *resort* atau pendapatan mereka adalah tidak dikutip secara spesifik.

Seterusnya soalan daripada Yang Berhormat Senator Datuk Maijol Mahap mengenai langkah-langkah kementerian dalam meningkatkan penyertaan syarikat tempatan dalam industri pelancongan khususnya syarikat pengendalian pelancongan. Bagi membantu syarikat-syarikat tempatan, kementerian ini menyediakan kemudahan pembiayaan pinjaman dana pelancongan iaitu Tabung Khas Pelancongan dan Tabung Infrastruktur Pelancongan bagi membangunkan atau mengembangkan produk dan kemudahan pelancongan seperti premis perniagaan pelancongan, perkhidmatan pengangkutan berkaitan pelancongan, tempat-tempat peranginan, kemudahan-kemudahan serta lain-lain projek yang berkaitan pelancongan.

Sehingga kini pinjaman sebanyak RM2.72 bilion yang melibatkan 309 buah projek telah diluluskan. Pada masa yang sama, bagi meningkatkan kecekapan semua syarikat pengusaha pelancongan kementerian ini dengan kerjasama *Association of Tourism Training Institute Malaysia* (ATTIM) telah dan sedang menganjurkan *Travel and Tours Management Course* (TTMC) dan *Travel and Tours Enhancement Course* (TTEC). Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua...

Datuk Maijol Mahap: Ingin mencelah Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat. Silakan.

Datuk Maijol Mahap: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih dengan jawapan atau ulasan yang diberikan oleh Timbalan Menteri pada isu yang telah saya bangkitkan dalam bahas saya.

Saya juga teringat tentang masalah *manpower*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan *tour guide* yang saya difahamkan masih kurang di negara kita, yang boleh bertutur dalam bahasa *foreign languages*, dengan izin seperti *Chinese*, Jepun, Korean dan sebagainya kerana dengan ketiadaan kakitangan seperti ini akan sedikit sebanyak membantut perkembangan pelancongan kita.

Saya teringat sewaktu saya melancong di Beijing, China. *Tour guidenya* berbangsa Cina tetapi beliau amat fasih bercakap atau bertutur dalam Bahasa Melayu. Sehingga dia boleh bercakap dengan baik. Saya amat memujinya. Peribahasa Melayu pun dia pandai, sampai begitu. Jadi kalau kita mengembangkan lagi sektor pelancongan kita, saya rasa itu satu sektor atau satu segmen pelancongan yang amat perlu dititikberatkan supaya negara kita akan lebih mempunyai kepakaran dalam segi ini Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

■ 2020

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Majjol Mahap. Masalah *manpower* sama ada masalah *manpower* daripada bilangan ataupun daripada kepakaran. Ada dua masalah. daripada bilangan saya rasa mungkin belum cukup lagi kerana lebih ramai lagi pelancong yang datang ke negara kita lebih banyak lagi *man power* yang diperlukan. Bagi kecekapan ataupun ikhtisas ataupun *specialization*, latihan memang diberi terutamanya dua bentuk. *City guides* dan *nature guides*, ada dualah. Oleh itu setakat ini bilangan *tour guide* ataupun pemandu pelancongan mengikut bahasa asing sehingga bulan Februari tahun ini, kesemuanya ialah 801.

Bahasa	Bilangan <i>tour guide</i> (orang)
Itali	10
Jepun	336
Thai	71
Urdu	2
Punjabi	3
Perancis	37
German	122
Turkish	0
Spanish	18
Arab	102
Vietnam	8
Korea	56
Russia	34
Portugis	0
Persia	2
Belanda	0

Jadi itulah bilangan pemandu pelancong mengikut bahasa di dunia ini. Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali bagi soalan Yang Berhormat senator Dato' Muhammad Olian bin Abdullah mengenai perancangan kementerian untuk produk pelancongan kebudayaan. Untuk makluman Yang Berhormat, sememangnya pelancongan kebudayaan adalah tunjang utama dalam produk pelancongan negara kerana negara ini mempunyai kekayaan kepelbagaian warisan budaya bangsa yang unik dan menarik bagi para pelancong.

Bagi tujuan ini kementerian ini telah pun mengetengahkan produk seperti *fabulous food 1Malaysia* iaitu program yang diadakan dari Oktober hingga Disember setiap tahun bagi mempromosikan kepelbagaian makanan etnik negara. Selain itu kementerian turut mengadakan program *Citra Warna 1Malaysia* dan tarian *Cuti-Cuti 1Malaysia* yang mempromosikan kepelbagaian tarian dan kebudayaan rakyat negara ini.

Selain daripada itu *Cluster Homestay* juga ada pertunjukan kebudayaan setiap kali pelancong-pelancong menginap di *homestay*. Sememangnya pertunjukan kebudayaan ada di *Cluster Homestay*. Kementerian ini turut menitikberatkan aktiviti-aktiviti kebudayaan di *homestay* bagi membolehkan para pelancong merasai sendiri pengalaman dan suasana hidup, yang pentingnya adalah merasai sendiri dan pengalaman. Inilah kekuatan *homestay* kita dari segi kebudayaan. Antara aktiviti yang diadakan adalah seperti gotong-royong, permainan tradisional, majlis perkahwinan. Sesiapa pelancong asing yang inginkan majlis perkahwinan mengikut adat resam kita boleh diadakan di *homestay* dan sebagainya.

Pada masa yang sama kementerian ini turut bekerjasama dengan Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan serta pengusaha-pengusaha pelancongan, agensi kerajaan, badan bukan kerajaan juga pihak media untuk mepakejkan produk kebudayaan sebagai produk *niche* bagi menarik perhatian pelancong. Sebagai contoh karnival Kahwin-Kahwin Kedah tahun 2012 di Alor Setar Kedah yang telah dianjurkan oleh pihak swasta pada 6 hingga 8 April tahun 2012 telah berjaya mengetengahkan dan mempromosikan adat resam perkahwinan tempatan yang berjaya menarik pelancong-pelancong dari wilayah Utara untuk bercuti di negeri Kedah.

Tambahan kepada itu kementerian ini telah membangunkan pakej lawatan ke Tapak Warisan Dunia UNESCO bagi dua buah negara iaitu Malaysia dan Indonesia yang mengandungi tiga produk pelancongan kebudayaan dan warisan iaitu Melaka, Pulau Pinang dan Borobudur manakala pakej produk pelancongan kebudayaan antara Malaysia dan Kemboja bagi produk pelancongan kebudayaan di Melaka Pulau Pinang dan Angkor Wat sedang dirancang dan dibangunkan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat...

Datuk Maijol Mahap: Mohon mencelah.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: ...Di atas kerjasama sepanjang Dewan ini bersidang....

Datuk Maijol Mahap: Mohon mencelah.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Tunggu sekejap... Pandangan saranan dan teguran bagi tujuan membantu membangunkan industri pelancongan negara.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat. Agaknya sudah sejam.

Tuan Pau Chiong Ung: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Ada Yang Berhormat bangkitkan dalam ucapan Yang Berhormat hari itu.

Datuk Maijol Mahap: Ada kaitan dalam ataupun yang saya bahaskan tempoh hari.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh Yang Berhormat Timbalan Menteri bagi laluan?

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Ya, ya. Saya sudah kata boleh, saya sudah duduk.

Datuk Maijol Mahap: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat.

Datuk Maijol Mahap: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini ada kaitan dengan kerjasama yang dibuat oleh kementerian pelancongan dan kementerian luar untuk mempromosikan pelancongan kita di luar negara. Saya telah jumpa dengan beberapa orang *ambassador* kita di luar negara dan berbincang mengenai apakah lagi langkah kita untuk mempromosikan negara kita di luar negara? Sebenarnya *ambassadors* di luar negara mempunyai program ataupun usaha untuk membantu Kementerian Pelancongan untuk mempromosikan Malaysia.

Akan tetapi mereka mengatakan bahawa masalahnya adalah dana ataupun peruntukan yang ada pada mereka kerana tidak ada wang yang diberi oleh Kementerian Pelancongan kepada mereka untuk mempromosikan pelancongan di luar negara. Mereka juga mengatakan bahawa *approach* kita ataupun pendekatan kita yang *entries* Kementerian Pelancongan yang begitu besar untuk melawat, mempromosikan negara kita di luar negara bagi mereka, *a bit outdated* Tuan Yang di-Pertua sebab, kalau mengikut seperti negara lain seperti Indonesia mereka mengamalkan kumpulan yang lebih kecil lagi iaitu empat, lima orang sebab boleh bergerak dari *city* ke *city*, dari bandar ke bandar di negara asing itu. Lebih efektif, bukan kumpulan yang besar sekali datang begitu. Jadi adakah kementerian melihat ini satu yang agak penting dan pendekatan yang sesuai? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Cukup Yang Berhormat. Agaknya itu kali yang terakhir. Selepas ini Yang Berhormat Menteri menjawab dan kita berhenti setakat itu.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Yang Berhormat Senator untuk soalan itu, tentang promosi negara. Sama ada kita menggunakan juga khidmat duta-duta negara luar yang ada di negara kita. Kita memang menggunakannya. Saya sendiri selalu mengunjungi mereka dan berbincang dengan mereka supaya mereka juga boleh mempromosikan negara kita ke luar. Untuk kumpulan-kumpulan besar sama ada kumpulan kecil, untuk mengendali pelancong.

■ 2030

Kita ada *tourism information centre* di mana-mana sahaja. Risalah kita menempatkan di situ memang banyak, memang sentiasa ada dan *tourism information centre* seperti TIC kita di Jalan Ampang itu setiap hari memang ada sahaja pelancong datang ke situ. Itu adalah *best line* atau *best point* di mana mereka datang untuk mengetahui negara kita. Jadi dari situ mereka boleh pergi ke mana-mana yang mereka mahu termasuk juga duta-duta daripada negara lain. Mereka gemar juga pergi ke situ jika mereka mahu tahu apa-apa sahaja, memang akan pergi ke situ. Kita memang bekerjasama dengan mereka untuk mempromosikan negara kita. Itu sahaja Yang Berhormat.

Sememangnya kementerian ini akan mengambil kira akan pandangan dan cadangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat dalam usaha untuk mempergiatkan pertumbuhan industri pelancongan negara yang kini menawarkan sebanyak 1.8 juta pekerjaan iaitu merupakan sumbangan sebanyak 15.9 peratus kepada jumlah tenaga Malaysia pada tahun 2010.

Kementerian ini akan melipat-gandakan usaha untuk membangunkan industri pelancongan negara dan yakin dengan kerjasama serta sokongan semua Ahli-ahli Yang Berhormat dan rakyat Malaysia akan dapat mencapai sasaran ketibaan seramai 36 juta pelancong asing dengan pendapatan sebanyak RM168 bilion menjelang tahun 2020 seperti mana ditetapkan di bawah Bidang Keberhasilan Utama Pelancongan Kebangsaan ataupun NKEA. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

8.32 mlm.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani I [Dato' Wira Mohd Johari bin Baharum]: *Bismillahir Rahmaaniir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan Salam 1Malaysia. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada 16 orang Ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan isu-isu berkaitan dengan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ahamat bin Yusop dan Yang Berhormat Senator Datuk Haji Saat bin Haji Abu telah membangkitkan isu mengenai bekalan makanan, *food security* dan membangunkan tanaman-tanaman lain selain daripada beras. Kerajaan disarankan mewujudkan stok penimbun untuk bekalan makanan selama tiga hingga enam bulan. Yang Berhormat juga bangkitkan mengenai pembangunan jelapang padi di Sarawak.

Untuk makluman Yang Berhormat, bil import bahan makanan pada tahun 2011 adalah RM34.5 bilion. Bil import ini terus meningkat kerana permintaan yang tinggi terhadap bahan-bahan makanan yang tidak dapat dihasilkan dalam negara kerana faktor iklim dan kos pengeluaran yang tinggi terutama sekali bijirin, bahan makanan ternakan, bawang merah serta buah-buahan dan sayur-sayuran beriklim sederhana. Objektif utama Dasar Agro Makanan negara daripada tahun 2011 hingga 2020 adalah menjamin bekalan makanan yang mencukupi dan selamat dimakan.

Sektor agro makanan lebih bersedia menghadapi cabaran dan menangani krisis sekiranya berlaku dan mengambil kira faktor-faktor di peringkat global dan dalam negara seperti peningkatan harga makanan dan input pertanian, perubahan iklim, penambahan penduduk serta persaingan dalam industri bio tenaga.

Untuk peningkatan keluaran makanan, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melaksanakan projek berimpak besar seperti tanaman kekal pengeluaran makanan, zon industri *agro-culture*, pembangunan usahawan tani serta *entry point project* di bawah NKEA pertanian. Tanah pertanian akan digunakan secara optimum. Pendidikan dan pembangunan akan menumpukan kepada peningkatan pengeluaran secara mampan, sistem rantaian bekalan makanan yang lebih terangkum dan kukuh akan dibangunkan, pemberian insentif fiskal termasuk pelaburan semula dan baru akan diperluaskan melalui semua aktiviti pengeluaran dan pemprosesan serta pinjaman mudah akan disediakan melalui Agro Bank dan Tekun. Kerajaan juga telah mewujudkan stok penimbun makanan bagi komoditi beras di mana stok penimbun beras dikekalkan pada tahap 292,000 metrik tan bagi menampung keperluan permintaan dalam negara selama 45 hari.

Bagi negeri Sarawak, penanaman padi secara komersial sedang dipergiatkan dilaksanakan di Batang Lupar terutama di kawasan Stumbin-Bljat di bawah inisiatif EPP11, Bidang Ekonomi Utama Negara NKEA. Projek tersebut melibatkan pembangunan *infrastructure first year*, inisiatif kepada petani dan aktiviti R&D bagi *variety* padi tradisional. Kawasan yang terlibat adalah seluas 5,100 hektar. Anggaran pengeluaran dijangka meningkat dari 1 metrik tan kepada 4 metrik tan sektor menjelang tahun 2020.

Yang Berhormat Senator Datuk Abdul Rahman bin Bakar telah membangkitkan mengenai tahap SSL bagi lembu, kambing, ayam dan itik. Yang Berhormat Tuan Lee Cheam Choon juga bertanya tentang apakah SSL sayur-sayuran pada tahun 2015. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Senator, tahap SSL 2011 komoditi ternakan tersebut adalah seperti berikut;

Komoditi Ternakan	Unjuran SSL (% / peratus)
Daging Lembu dan Daging Kerbau	29
Daging Kambing dan Kambing Biri-biri	11.3
Ayam dan Itik	128.1

Unjuran SSL bagi sayur-sayuran pada tahun 2015 adalah sebanyak 54 peratus.

Yang Berhormat Senator Puan Mumtaz membangkitkan mengenai harga makanan berkhasiat seperti susu, yogurt, buah-buahan seperti pisang yang mahal. Untuk maklumat Yang Berhormat, komoditi pisang pada masa ini sedikit tinggi memandangkan pengeluaran di semenanjung berkurangan kesan daripada penyakit layu bakteria pisang.

Walau bagaimanapun, bagi memenuhi keperluan pisang tempatan, pengusaha-pengusaha telah mendapat bekalan daripada Sabah dan Sarawak melalui penghantaran kontena sejuk beku. Harga purata runcit bulan April di pasar-pasar sekitar Lembah Klang adalah RM3 hingga RM3.50 bagi pisang berangan dan RM2 hingga RM2.80 bagi pisang emas. Untuk maklumat Yang Berhormat, harga bagi makanan organik biasanya dua kali ganda lebih tinggi berbanding dengan makanan bukan organik kerana penentuan harga oleh permintaan dan penawaran.

Kementerian sedang berusaha untuk meningkatkan pengeluaran sayur-sayur dan buah-buahan organik bagi memenuhi bekalan makanan organik negara. Bagi memperkukuhkan bekalan hasil pertanian tempatan, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah menyasarkan penambahan 7000 hektar ladang kontrak pada tahun 2012 dan jangkakan pengeluaran 300 ribu tan metrik dengan nilai RM600 juta. Ini melibatkan 11 jenis sayur-sayuran dan 16 jenis buah-buahan serta enam jenis tanaman pelbagai yang telah dikenal pasti yang mempunyai permintaan di pasaran.

■ 2040

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Rohani binti Abdullah membangkitkan isu mengenai usaha membendung kenaikan harga makanan dan mekanisme subsidi serta sistem edaran yang lebih berkesan. Untuk maklumat Yang Berhormat, dalam menangani isu kenaikan harga barang-barang makanan khususnya hasil pertanian, FAMA sedang memperkenalkan dan mempergiatkan Program Jimat Belanja Dapur sebagai strategi jangka pendek dan Skim Pengukuhan Bekalan Ladang Kontrak MOA di pasar tani sebagai strategi jangka panjang. Dalam program JBD merupakan satu insentif bagi menangani kenaikan harga barang di pasaran terutama menjelang pada musim perayaan.

JBD adalah salah satu mekanisme untuk menangani kenaikan kos sara hidup rakyat melalui jualan komuniti terpilih dengan 5 peratus hingga 30 peratus lebih rendah berbanding dengan pasaran di pasar tani terpilih. Skim Pengukuhan Bekalan Ladang Kontrak MOA di pasar tani merupakan skim berbentuk insentif, galakan yang disediakan untuk kelompok gabungan antara peserta ladang kontrak dengan peserta-peserta pasar tani sedia ada. Skim ini bertujuan untuk meningkatkan pengeluaran dan mengumpulkan hasil pertanian bagi dipasarkan terus kepada pengguna melalui pasar tani. Sasaran peserta adalah seramai 500 orang.

Bagi membendung kenaikan harga ikan, LKIM telah melaksanakan Program Ikan Rakyat di mana kiosk jualan diwujudkan bagi tujuh jenis ikan yang selalu diguna oleh rakyat iaitu ikan kembung, ikan selar, ikan cencaru, ikan selayang, ikan pelaling, keli dan tilapia. Pada masa ini, sejumlah 42 kiosk jualan Ikan Rakyat telah diwujudkan. Selain daripada itu, 24 pasar nelayan telah diwujudkan di pusat pendaratan dan kawasan perkampungan nelayan bagi menyediakan ikan segar kepada rakyat dengan harga berpatutan dan secara jualan terus.

Isu padi dan beras. Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ahamat telah membangkitkan isu supaya subsidi harga padi tanpa had kawasan. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, dasar kerajaan sejak Dasar Pertanian Negara Ketiga telah menetapkan supaya tanaman padi di Semenanjung Malaysia ditumpukan kepada kawasan jelapang sahaja. Walau bagaimanapun, permohonan subsidi harga padi bagi kawasan luar jelapang telah diperluaskan kepada petani yang mengusahakan sawah tidak melebihi enam ekar dan tanah tersebut adalah milik individu secara mutlak. Pada masa ini, pihak kementerian sedang mengkaji cadangan memperluaskan pemberian subsidi ini di kawasan luar jelapang.

Yang Berhormat Senator Datuk Paul Kong Sing Chu dan Senator Tuan Pau Chiong Ung telah membangkitkan mengenai isu pembangunan sawah padi di Sabah. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, projek pembangunan pertanian komersial berasaskan padi di Kota Belud adalah tindakan susulan daripada cadangan pelan induk pembangunan pertanian berdasarkan penanaman padi secara komersial di Kota Belud. Pelan induk tersebut melibatkan kawasan seluas 10,000 hektar. Fasa pertama yang merupakan projek perintis telah bermula pada tahun 2009 untuk melaksanakan cadangan-cadangan dalam pelan induk. Ia menyusun semula plot sawah padi mengikut keperluan komersial, memperbaiki kemudahan pengairan dan saliran dan struktur-struktur berkaitan dengannya dan sebagainya.

Fasa ini melibatkan pembinaan infrastruktur di kawasan 'Kugean' seluas 240 hektar, menaikkan tali air utama sedia ada, memperbaiki sebahagian daripada saliran sawah padi di kawasan skim pengairan Tempasuk Utara dan menggunakan air takungan di kawasan Kimo-Kimo untuk pengairan di kawasan 'Kegugaan'. Projek ini secara tidak langsung memperbaiki saliran kepada kawasan sawah padi yang sedia ada di kawasan Kesapang 290 hektar di kawasan skim Tempasuk Utara 330 hektar dan di tanah terbiar Kimo-kimo sebanyak 330 hektar.

*[Timbalan Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz membangkitkan mengenai keuntungan hasil padi dan pendapatan yang diuruskan pihak KADA serta sewa kenderaan menuai yang tinggi. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, tanaman padi di kawasan KADA diuruskan sama ada oleh individu atau secara berskala besar melalui ladang merdeka yang diuruskan secara berpusat oleh Bahagian Industri Padi KADA. Pengusaha individu yang ada terdiri daripada petani atau orang perseorangan yang menerima bantuan input pertanian seperti baja, racun, kapur dan lain-lain daripada kerajaan. Purata hasil padi musim satu 2011, bagi ladang merdeka yang diuruskan secara berpusat oleh pihak KADA adalah sebanyak 6.4 metrik tan per hektar dengan pendapatan bersih berjumlah RM2,309 per hektar. Sementara itu, purata hasil bagi individu adalah sebanyak 4.1 tan metrik per hektar dengan pendapatan bersih berjumlah RM1,727 per hektar. Ini jelas menunjukkan hasil pendapatan yang diuruskan oleh KADA adalah lebih tinggi berbanding dengan yang diurus secara individu.

Bagi bayaran sewa jentera penanam dan menuai padi, kos menggunakan *transplant* adalah sebanyak RM750 per hektar, manakala kos jentuai adalah RM70 per tan metrik. Jumlah purata hasil padi adalah 4.1 metrik tan per hektar, jumlah pendapatan petani tersebut adalah RM5,117, manakala kos sewa jentera, menanam dan menuai adalah sebanyak RM1,037 per hektar. Ini bermakna kos menanam dan menuai hanya berjumlah 20 peratus dan tidak sampai 1/4 daripada pendapatan jumlah padi. Petani mampu memperoleh pendapatan melebihi RM1,000.

Yang Berhormat Datuk Paul Kong Sing Chu membangkitkan isu monopoli Bernas. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, Jemaah Menteri pada 18 Mac 2011 telah bersetuju supaya perjanjian penswastaan Bernas dilanjutkan kepada sepuluh tahun lagi iaitu daripada 11 Januari 2011 sehingga 10 Januari 2021. Pelanjutan tempoh perjanjian penswastaan Bernas adalah berdasarkan Bernas melaksanakan semua obligasi sosial seperti yang diperuntukkan di dalam perjanjian penswastaan dahulu. Memberi penjimatan kos kepada kerajaan dalam menguruskan obligasi sosial terhadap tersebut dan Bernas mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh, berpengalaman memiliki infrastruktur dan kewujudan dalam setiap rantaian industri serta syer pasaran.

Isu tanaman. Yang Berhormat Datuk Senator Haji Abdul Rahman bin Bakar membangkitkan mengenai kekurangan bekalan kelapa dan sayur-sayuran serta ulam seperti pucuk ubi, pandan dan sebagainya.

■ 2050

Untuk makluman Yang Berhormat, tidak dapat dinafikan bekalan kelapa masih lagi bergantung kepada import daripada Indonesia, malah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah meluluskan kuota import kepada FAMA sebanyak sejuta biji sebulan bagi memastikan bekalan kelapa di pasaran mencukupi untuk mengelak kenaikan harga kelapa di pasaran tempatan. Kuota ini akan ditambah kepada tiga juta biji sebulan menjelang musim-musim perayaan.

Berkaitan dengan bekalan sayur-sayuran kampung dan ulam-ulam pemantauan oleh pihak FAMA di pasar Chow Kit mendapati terdapat 30 orang pemborong daripada Hulu Langat, Tanjung Karang, Perak dan Melaka beroperasi bermula daripada 7 petang hingga 6 pagi. Bekalan komoditi ini adalah dari sumber tempatan kecuali kubis bulat. Pemborong-pemborong adalah terdiri daripada orang tempatan manakala peruncit-peruncit pula adalah terdiri daripada orang-orang Indonesia.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg membangkitkan isu mengenai bilangan ladang komersial yang dilaksanakan di negeri Sarawak setakat ini. Untuk makluman Yang Berhormat Senator terdapat 256 ladang komersial yang dilaksanakan di Sarawak yang berkeluasan 900 hektar. Daripada jumlah tersebut 84 ladang dengan keluasan 692 hektar adalah ladang buah-buahan manakala 172 lagi adalah ladang sayur-sayuran dengan keluasan 208 hektar. Untuk makluman Yang Berhormat juga terdapat kebun epal jenis *Rome Beauty* dan epal hijau seluas 1.5 hektar di kawasan tanah tinggi di Ba'Kelalan. Hasil tanaman ini dijual bagi pasaran tempatan termasuk Lawas dan Miri.

Yang Berhormat Senator Tuan Pau Chiong Ung telah membangkitkan mengenai isu pembangunan tanah terbiar sebagai estet. Yang Berhormat, untuk pengetahuan berdasarkan kepada rekod Jabatan Perikanan keluasan tanah terbiar di seluruh Malaysia sehingga tahun 2011 adalah seluas 446,000 hektar di mana seluas 446,000 merupakan tanah darat dan seluas 9,000 hektar merupakan kawasan tanah sawah. Tanah-tanah terbiar ini adalah milik individu dan ianya merupakan lot-lot kecil yang bertaburan di seluruh negara. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat lot-lot kecil yang boleh dijadikan estet ia memerlukan kerjasama pemilik dan tanah adalah di bawah kerajaan negeri.

Isu perikanan. Yang Berhormat Tuan Ahmad bin Hussin telah mencadangkan mewujudkan perumahan rakyat yang selesa, meletakkan harga diesel sama rata kepada semua nelayan dan menambah elauan sara hidup nelayan kepada RM300. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, semasa pembentangan Belanjawan tahun 2012, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan tabung khas perumahan nelayan dengan peruntukan sebanyak RM300 juta yang merangkumi baik pulih dan pembinaan baru rumah nelayan dan penempatan semula nelayan. Program ini akan dijalankan dalam tempoh tiga tahun mulai tahun 2012 dengan tumpuan kepada membaik pulih rumah nelayan pada tahun 2012.

Kos baik pulih maksimum setiap rumah adalah RM10,000 bagi Semenanjung dan bagi Sabah dan Sarawak ialah RM12,000. Bagi bina baru rumah nelayan pula kos maksimum bagi rumah adalah RM40,000 di Semenanjung dan RM50,000 di Sabah dan Sarawak. Pelaksanaan program ini akan dilaksanakan oleh Majlis Pembangunan Pertanian kawasan. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, sehingga hari ini 3,981 permohonan baik pulih perumahan nelayan telah diluluskan dengan kos berjumlah RM39,326,000.

Berhubung dengan harga diesel dan elaun sara hidup nelayan dimaklumkan pada masa ini nelayan zon 'A', 'B', dan 'C' menerima bekalan diesel pada harga RM1.25 manakala nelayan laut dalam iaitu dalam zon C2 menerima bekalan diesel bersubsidi pada harga RM1.80. Sehingga kini kerajaan belum membuat keputusan untuk menurunkan harga subsidi diesel kepada RM1.30 atau menaikkan bayaran elaun sara hidup nelayan kepada RM300. Namun demikian, kementerian sedang mengkaji keadaan sekarang ini sama ada dari segi kewangan kita mampu atau tidak untuk melaksanakan cadangan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Puan Chew Lee Giok bertanya mengenai berapakah bilangan nelayan dan syarikat yang terlibat dengan pangkalan penangkapan ikan laut dalam dan mengapakah tidak ramai nelayan yang melabur dalam industri penangkapan ikan laut dalam dan seterusnya apakah galakan insentif dan sokongan yang diberi oleh kerajaan kepada pengusaha penangkapan ikan laut dalam. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, sehingga 16 April 2012 sebanyak 1,517 lesen laut dalam telah dikeluarkan oleh Jabatan Perikanan. Pada tahun 2011 sebanyak 18,382 nelayan terlibat dengan perusahaan penangkapan ikan laut dalam. Pihak kerajaan menggalakkan penangkapan ikan laut dalam melalui pemberian harga subsidi diesel sebanyak RM1.80 seliter berbanding dengan harga industri RM2.80 seliter. Kerajaan juga telah memberi insentif hasil tangkapan ikan sebanyak 20 sen bagi setiap kilo ikan yang mendarat di negara ini. Nelayan tempatan juga yang bekerja di atas bot laut dalam juga layak menerima elaun sara hidup sebanyak RM20 sebulan.

Yang Berhormat Senator juga bertanya mengenai statistik penangkapan ikan dan udang bagi lima tahun kebelakangan ini. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, statistik berbanding dengan lima tahun di antara pendaratan ikan dan udang mendapati jumlah pendaratan ikan tidak banyak berubah bermula daripada tahun 2005 sehingga 2010 dengan kadar pertumbuhan purata sebanyak 2.7 peratus setahun manakala jumlah ikan, pengeluaran ternakan ikan air tawar, air payau meningkat setiap tahun dengan kadar purata pertumbuhan sebanyak 16.3 peratus setahun.

Bagi statistik udang didapati pendaratan udang laut meningkat dengan kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 17.2 peratus. Walau bagaimanapun, pengeluaran ternakan udang air tawar dan air payau meningkat lebih banyak dengan kadar pertumbuhan sebanyak 25.8 peratus setahun. Jabatan Perikanan telah menjalankan kajian baka ikan seperti ikan tilapia merah, ikan siakap dan ikan kerapu. Kajian yang dijalankan oleh Institut Penyelidikan Jabatan Perikanan Negeri Sembilan dan di Kedah. Kajian ikan kerapu yang menghasilkan ikan kerapu hibrid iaitu ikan kerapu harimau dengan kerapu kertak. Kajian baik bakaan turut dijalankan untuk udang harimau dengan udang galah. Jabatan berkenaan turut merancang untuk menjalankan kajian ke atas baka ikan asli sungai seperti ikan patin buah, kelah dan sebagainya.

■ 2100

Bermula pada tahun 2006, Jabatan Perikanan menyediakan program peningkatan pengeluaran kepada pengusaha melalui Skim Penyampaian Khidmat Sokongan Akuakultur dalam bidang akuakultur yang merangkumi aspek perkhidmatan sistem, infrastruktur, teknologi input dan peralatan. Jabatan Perikanan juga menyelaraskan pelaksanaan dua *entry point project* iaitu EPP4 - Sistem Sangkar Bersepadu, dan EPP6 - Sistem Kolam Bersepadu bagi meningkatkan pengeluaran ikan. Bagi tujuan tersebut kerajaan menyediakan insentif bagi menyediakan infrastruktur asas projek iaitu yang tidak melebihi 30 peratus daripada kos projek.

Yang Berhormat Senator Datuk Abdul Rahman bin Bakar membangkitkan usaha-usaha untuk mencukupkan bekalan ikan yang mewujudkan stok ikan terutamanya pada musim tengkujuh seperti yang dilaksanakan oleh negara Thailand. Untuk makluman Yang Berhormat, mengenai cadangan mewujudkan stok ikan terutamanya bagi kegunaan musim tengkujuh, Persatuan Nelayan Kebangsaan dan Persatuan Nelayan Negeri telah digesa untuk melaksanakan inisiatif ini.

NEKMAT telah bekerjasama dengan enam persatuan nelayan kawasan dan usahawan nelayan di Johor, Pahang dan Terengganu untuk membekalkan ikan dan menyediakan tiga gerai borong ikan di Pasar Borong Kuala Lumpur. Di samping itu pihak swasta telah terlibat dalam menyediakan stok ikan bagi kegunaan semasa menghadapi masalah bekalan terutama sekali pada musim tengkujuh. Berdasarkan kepada rekod, keupayaan stok ikan swasta adalah kira-kira 7,000 metrik tan dan kapasiti stok ikan Persatuan Nelayan adalah kira-kira 1,000 metrik tan. Usaha sedang dijalankan oleh kementerian untuk meningkatkan kapasiti stok ikan oleh NEKMAT. Kerajaan juga sedang meneliti cadangan untuk menghalang ikan rakyat seperti ikan kembong, ikan selar dan sebagainya yang dimakan oleh rakyat setiap hari untuk dieksport ke negara jiran.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ahmad mencadangkan *matching grant* ditambahkan. Bagi tahun 2011, Lembaga Persatuan Peladang telah mengeluarkan *matching grant* sebanyak 199 juta di bawah Skim Pemilikan Jentera dan Peralatan Kecil Peladang. Untuk tahun 2012, sebanyak 400 juta telah dikeluarkan. Ini menunjukkan bahawa peruntukan *matching grant* di bawah skim ini memang ditambah mengikut keperluan dan kesesuaian.

Yang Berhormat Senator Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah membangkitkan supaya dibina satu kawasan khas untuk membangunkan ternakan lembu dan kambing di Johor. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, kementerian memang prihatin kepada masalah yang dialami oleh golongan penternak di Malaysia yang tidak mempunyai kemudahan kandang. Di bawah Program Ladang Satelit, Jabatan Perkhidmatan Veterinar menyediakan infrastruktur kandang agar satu sistem ternakan yang sistematik diwujudkan dan tidak mendatangkan pelbagai masalah kepada orang awam. Sehingga kini terdapat 59 unit kandang ladang satelit telah siap dan 32 daripadanya telah beroperasi. Di Johor sebanyak lima unit ladang satelit telah dibina di Lubuk Bakul di Pagoh, Kampung Queen di Kota Tinggi, Hulu Bakri dan di Batu Pahat, Peta Temalek di Labis dan Bagas di Segamat.

Untuk makluman, setiap negeri ada memperuntukkan kawasan padang ragut yang boleh dipohon daripada kerajaan negeri di bawah seliaan Jabatan Veterinar. Di Johor, kerajaan negeri telah menyediakan 36 buah kawasan padang ragut dengan keluasan seluas 3,300 hektar di mana kadar sewaanannya ialah RM25 sehektar setahun. Di Mukim Labis sahaja, Jabatan Veterinar Negeri Johor menyediakan kawasan padang ragut seluas 314.8 hektar di Jauseh dan di Redong, Kepoh dan Peta Temalek. Jabatan Veterinar juga menggalakkan pemilik ternakan mendapatkan persetujuan daripada pemilik ladang bagi ternakan integrasi di ladang kelapa sawit dan mempraktikkan sistem pintar di mana ternakan dikawal dengan pagar elektrik dan dipindahkan setiap dua hari ke kawasan ragutan yang baru bagi mengelak kerosakan pada pokok dan tanah.

Yang Berhormat Senator Puan S. Bagiam telah mencadangkan supaya diwujudkan *database* mengenai penyertaan belia kaum India di bidang pertanian. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, Majlis Latihan Pertanian dan Kebangsaan (NATC) menyediakan sistem maklumat permohonan latihan pertanian yang mana terdapat pangkalan data pelajar dan bekas pelajar alumni sembilan buah institut latihan pertanian di bawah seliaan NATC. Terdapat perancangan untuk mewujudkan direktori tenaga pakar pertanian, direktori tenaga pengajar serta profil belia usahawan tani. Program Kelab Usahawan Petani Pelajar (IPTA) MyAgrosis juga dilaksanakan bagi melahirkan usahawan tani berdaya saing dan berkaliber di kalangan siswazah. Maklumat pelajar disimpan di dalam sistem pangkalan data MyAgrosis bagi membolehkan mereka membuat pinjaman di institut kewangan seperti Agro Bank dan Tabung Kumpulan Usahawan Niaga apabila mereka menamatkan pengajian kelak.

Kementerian juga bersama-sama dalam program Kementerian Pengajian Tinggi yang melibatkan golongan belia IPTA dan di bawah Program *National Blue Ocean Strategy 4* bagi mendedahkan pelajar dan kepada kerjaya usahawan tani melalui *Rural Transformation Centre (RTC)*.

Yang Berhormat, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan yang telah dijalankan baru-baru ini. Saya sekali lagi bagi pihak kementerian mengucapkan berbilang-banyak terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas jawapan tadi. Seterusnya, saya ingin mempersilakan Kementerian Pertahanan.

9.09 mlm.

Timbalan Menteri Pertahanan [Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, ada dua orang Yang Berhormat yang mengambil bahagian di dalam usul Menjunjung Kasih Titah Diraja yang menyentuh perkara-perkara di bawah Kementerian Pertahanan. Mereka adalah Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawī dan juga Yang Berhormat Senator Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim.

Tuan Yang di-Pertua, perkara pertama yang disentuh oleh Yang Berhormat Senator Hajah Mumtaz adalah beliau ingin mengetahui sama ada pameran DSA yang berlangsung baru-baru ini tidak dibuka kepada umum serta mencadangkan supaya diberi peluang kepada golongan muda terutama badan-badan beruniform untuk melawat pameran tersebut.

■ 2110

Pameran pertahanan *Defense Service Asia* (DSA) dianjurkan secara dwitahunan dan ia mula diperkenalkan pada tahun 1988. Pameran DSA ke-13 telah berlangsung pada 16 hingga 19 April lepas di PWTC di mana seramai 324 orang delegasi luar negara yang terlibat daripada menteri-menteri pertahanan negara-negara asing, ketua-ketua setiausaha pertahanan, panglima-panglima angkatan tentera, ketua-ketua polis negara serta pegawai kanan tertinggi dan agensi pertahanan keselamatan dan penguatkuasaan daripada 41 buah negara seluruh dunia telah hadir.

Sebagai sebuah platform perniagaan bagi industri pertahanan dan keselamatan terulung di rantau ini, Pameran DSA tidak dibuka kepada awam tetapi hanya terbuka kepada pelawat-pelawat perdagangan. Namun begitu, pihak kementerian dan penganjur sememangnya sedar bahawa Pameran DSA telah berjaya menarik minat masyarakat yang ingin mengetahui perkembangan industri pertahanan dan teknologi ketenteraan. Selain itu, pameran seumpama ini juga berjaya memupuk minat generasi muda untuk mengetahui mengenai persenjataan dan sistem pertahanan negara yang digunakan oleh mana-mana negara.

Oleh itu, Kementerian Pertahanan dengan kerjasama pihak penganjur telah mengambil inisiatif dengan memanjangkan jemputan kepada universiti-universiti tempatan yang menawarkan subjek pengajian pertahanan, keselamatan, aeroangkasa, maritim, automotif, perhubungan antarabangsa, pengajian strategik serta penyelidikan dan pembangunan (R&D), dengan izin. Badan-badan beruniform juga tidak ketinggalan dijemput seperti pasukan askar wataniah, kadet-kadet PALAPES IPTA serta pelajar-pelajar Universiti Pertahanan Nasional Malaysia dan juga Maktab Tentera Diraja. Kehadiran mereka di Pameran DSA sungguh menggalakkan.

Perkara kedua yang disentuh oleh Yang Berhormat Mulia Senator Tunku Abdul Aziz ialah supaya dilakukan transformasi dalam prosedur perolehan aset pertahanan. Elok saya umumkan di Dewan yang mulia ini bahawa Kementerian Pertahanan dalam melaksanakan semua perolehan kementerian sentiasa memastikan tatacara dan prosedur kewangan yang ditetapkan oleh kerajaan dipatuhi sepenuhnya. Sifat keterbukaan dan ketelusan diamalkan sepanjang proses perolehan dengan melaksanakan sebahagian besar dari perolehannya secara tender terbuka kecuali perolehan yang melibatkan aset-aset strategik dan terutamanya yang melibatkan kerahsiaan dan keselamatan negara. Apa pun, ia mesti tertakluk kepada kelulusan Kementerian Kewangan.

Bagi memastikan ATM memperoleh aset-aset yang menepati dengan keperluan dan juga mengikut standard yang ditetapkan, pembangunan spesifikasi dipertanggungjawabkan kepada jawatankuasa khas yang diwujudkan di peringkat perkhidmatan iaitu darat, laut dan udara. Seterusnya spesifikasi yang dibangunkan dengan teliti diperhalusi dan disahkan oleh Institut Penyelidikan Sains dan Teknologi Pertahanan (STRIDE) iaitu satu-satunya jabatan di bawah Kementerian Pertahanan yang bertanggungjawab melaksanakan R&D dengan izin, dalam bidang pertahanan. Spesifikasi yang dibangunkan dikaji semula secara berskala tertakluk kepada *complexity* aset bagi memastikan ia sentiasa relevan dan menepati perkembangan teknologi semasa.

Semasa proses perolehan di laksana, penilaian teknikal tender dibuat oleh jawatankuasa yang anggotanya dilantik dari kalangan pegawai-pegawai yang mempunyai kepakaran dan pengetahuan yang mendalam mengenai aset tersebut.

Bagi perolehan aset yang bernilai tinggi pula, kawalan kualiti yang berterusan dijalankan oleh pasukan projek yang ditubuhkan khusus untuk memantau segala aspek pembangunan perolehan aset yang terlibat. Pelbagai ujian dijalankan sebelum aset berkenaan boleh diterima oleh pengguna. Antara ujian-ujian yang sering kali dijalankan adalah uji nilai, ujian penerimaan kilang, ujian sebelum penghantaran dan akhir sekali ujian penerimaan akhir (*final acceptance test*).

Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja yang dapat saya nyatakan mengenai dua masalah yang diutarakan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi dan juga Yang Berhormat Mulia Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Baiklah, ringkas itu Yang Berhormat Menteri. Terima kasih. Seterusnya saya menjemput Kementerian Kerja Raya. Silakan Yang Berhormat.

9.15 mlm.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Dato' Yong Khoon Seng]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian khususnya kepada empat orang Ahli Yang Berhormat iaitu Yang Berhormat Senator Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah, Yang Berhormat Senator Tuan Pau Chiong Ung, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Kadzim Haji M. Yahya dan Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar yang telah mengambil bahagian dan menyentuh isu-isu di bawah bidang kuasa Kementerian Kerja Raya semasa membahaskan Usul Menjunjung Kasih Titah Yang di-Pertuan Agong di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Kadzim Haji M. Yahya dan Yang Berhormat Senator Tuan Pau Chiong Ung masing-masing telah membangkitkan isu dan memohon penjelasan mengenai perancangan kerajaan untuk membina dan menaik taraf jalan-jalan utama di negeri Sabah dan Sarawak khususnya Jalan Persekutuan Pan Borneo yang menghubungkan bandar-bandar utama di kedua-dua negeri tersebut, dan bertanya adakah kerajaan berhasrat untuk menaik taraf laluan tersebut dari dua lorong dua hala sedia ada kepada empat lorong dua hala atau *dual carriageway* sebagaimana sebahagian besar jalan-jalan utama di Semenanjung Malaysia.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan sememangnya amat komited dan memberikan keutamaan tinggi untuk meningkatkan sistem rangkaian jalan perhubungan darat di negeri Sabah dan Sarawak. Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat telah sedia maklum, iltizam kerajaan itu dibuktikan menerusi penetapan bidang usaha bagi meningkatkan prasarana infrastruktur luar bandar khususnya pembinaan rangkaian jalan raya di Sabah dan Sarawak sebagai salah satu Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) dalam Indeks Prestasi Utama (KPI) kerajaan.

Walaupun tumpuan kerajaan dalam NKRA ini ialah untuk membina dan menaik taraf jalan-jalan di kawasan luar bandar di negeri Sabah dan Sarawak, namun dalam masa yang sama, kerajaan juga sebenarnya tidak pernah meminggirkan kepentingan untuk meningkatkan Jalan Persekutuan Pan Borneo sedia ada iaitu jalan perhubungan darat utama yang menghubungkan bandar-bandar besar di dua-dua negeri tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya jawab pada minggu lalu iaitu pada hari Rabu, 25 April semasa menjawab soalan daripada Yang Berhormat Senator Tuan Pau Chiong Ung mengenai isu ini, izinkan saya mengulangi di Dewan yang mulia ini bahawa rancangan kerajaan untuk membina dan menaik taraf Jalan Persekutuan di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan adalah berpandukan kepada Pelan Induk Pembangunan Rangkaian Lebuhraya atau *Highway Network Development Plan* fasa dua bagi negeri Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Dokumen rujukan itu telah diterbitkan pada tahun 2010 setelah kementerian ini selesai berbincang dan mengambil kira pandangan dari pelbagai pihak khususnya dari Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Negeri Sarawak. Laporan *blueprint* itu telah mengenal pasti keperluan untuk menaik taraf secara berperingkat Jalan Persekutuan Pan Borneo sedia ada iaitu dari Sematan ke Merapok di negeri Sarawak sepanjang 1,077 kilometer dan sepanjang 720 kilometer lagi di negeri Sabah melibatkan laluan dari Sindumin di sempadan Sabah-Sarawak ke Kota Kinabalu dan Ranau dan laluan dari Kota Kinabalu ke Sandakan dan Tawau di bahagian timur negeri Sabah.

■ 2120

Untuk itu, kerajaan menganggarkan keperluan peruntukan melibatkan kos sebanyak RM9 bilion hingga RM16 bilion di negeri Sarawak dan RM7 bilion hingga RM9 bilion lagi di negeri Sabah. Memandangkan kemampuan kerajaan adalah amat terhad, projek ini sedang dan akan dilaksanakan secara berfasa iaitu melalui Rancangan Malaysia Kesepuluh, Rancangan Malaysia Kesebelas, Rancangan Malaysia Kedua Belas.

Tuan Yang di-Pertua, dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesepuluh, Kementerian Kerja Raya setakat ini telah menerima peruntukan sebanyak RM6.57 bilion bagi melaksanakan pelbagai projek pembangunan infrastruktur awam di seluruh negara khususnya melibatkan pembinaan dan naik taraf jalan raya. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM1.17 bilion atau 17.7 peratus ialah peruntukan yang diluluskan untuk negeri Sabah dan RM664.1 juta lagi atau 10.1 peratus untuk negeri Sarawak. Kedua-dua negeri itu merupakan antara negeri yang menerima peruntukan Rancangan Malaysia Kesepuluh tertinggi di bawah Kementerian Kerja Raya berbanding dengan negeri-negeri lain.

Jumlah ini tidak termasuk peruntukan untuk tujuan penyelenggaraan jalan di kedua-dua negeri iaitu dianggarkan di antara RM85 juta hingga RM100 juta setiap tahun untuk setiap negeri berkenaan. Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar telah membangkitkan mengenai isu kelewatan pelaksanaan Projek Lebuhraya Pantai Timur, Fasa 2, Negeri Terengganu atau dikenali LPT2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 30 April 2012, kemajuan fizikal keseluruhan projek LPT2 ialah 80 peratus. Projek ini telah mengalami kelewatan disebabkan terdapat 10 pakej di bawah pengawasan Jabatan Kerja Raya yang terpaksa di tender semula setelah kontraktor asal menarik diri berikutan kesan daripada kenaikan harga bahan binaan pada tahun 2007-2008.

Pada masa kini, kontraktor penyiap telah dilantik untuk meneruskan pakej-pakej yang di tender semula kecuali untuk pakej 4 iaitu melibatkan jajaran dari stesen MARDI ke Ladang Cerul, Kemaman sepanjang 7 kilometer dan pakej 7 iaitu laluan jajaran yang menghubungkan Bukit Mempusi ke FELDA Kerteh 6, Kemaman sepanjang 13.5 kilometer. Pada masa kini, JKR sedang dalam peringkat akhir untuk melantik kontraktor penyiap, di mana kontraktor yang baru untuk kedua-dua pakej itu dijangka akan dipilih selewat-lewatnya pada bulan hadapan iaitu Jun dan projek dijangka akan siap dalam tempoh 24 bulan kemudian.

Sehubungan itu, Kementerian Kerja Raya akan menggiatkan lagi pemantauan untuk memastikan kemajuan pelaksanaan projek ini berjalan lancar dan tidak lagi berlaku sebarang kelewatan. Kerajaan mulai bulan Ogos 2011 yang lalu telah melaksanakan pembukaan secara berperingkat untuk jajaran yang telah disiapkan iaitu melibatkan tiga laluan dari persimpangan bertingkat Bukit Besi ke persimpangan bertingkat Ajil dan Ajil ke Telemong dan Telemong ke Kuala Terengganu sepanjang 42 kilometer.

Manakala satu lagi laluan di jajaran yang sama juga akan dibuka pada pertengahan bulan ini iaitu Mei. Sehubungan itu, berdasarkan kepada penjadualan semula keseluruhan projek LPT 2 sepanjang 184 kilometer ini iaitu dijangka akan siap dan dibuka sepenuhnya kepada lalu lintas seawalnya pada pertengahan tahun 2014.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Senator Dr. Ramakrishnan telah membangkitkan isu berkaitan caj tambahan yang dikenakan kepada pengguna untuk menambah nilai kad *Touch'nGo* khususnya di stesen-stesen minyak. Beliau juga telah mencadangkan supaya lebih banyak lorong tambah nilai kad *Touch'nGo* dibuka di plaza-plaza tol dan pejabat pentadbiran plaza tol untuk kemudahan pengguna berbanding tambah nilai di stesen-stesen minyak yang mengenakan caj tambahan.

Untuk makluman Ahli-ahli Dewan, caj tambah nilai kad *Touch'nGo* sebanyak 50 sen itu bukanlah caj yang dikenakan oleh kerajaan atau syarikat *Touch'nGo* Sdn. Bhd. Sebaliknya ia dikutip oleh pihak ketiga atau agen yang dilantik oleh *Touch'nGo* Sdn. Bhd seperti pengusaha stesen minyak dan kios tertentu. Caj tambahan ini bertujuan untuk menampung kos modal operasi dan penyelenggaraan oleh pihak ketiga tersebut. Ini merupakan kemudahan alternatif kepada para pelanggan untuk membuat transaksi tambah nilai.

Walau bagaimanapun, pada pengguna sebenarnya masih boleh menambah nilai secara percuma di lorong-lorong tambah nilai dan pusat khidmat jualan di plaza tol tertentu yang beroperasi setiap masa, mesin-mesin ATM milik CIMB, hab-hab *Touch'nGo*, Stesen Transit Aliran Ringan (LRT) atau kaunter khidmat pelanggan di stesen Petronas terpilih, (*hotspot Touch N Go*). Tadi Yang Berhormat Dr. Ramakrishnan nak senarai tempat-tempat yang *Touch'nGo*, tanpa caj itu, saya akan bagi secara bertulis sebab *listnya* panjang...

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Minta laluan. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan saya ialah tambah *lane* tambah nilai dan di pusat ataupun pejabat tol, di situ. Saya cadang bahawa kita ada tambah nilai di pusat-pusat itu sebab di situ dulu tidak ada apa-apa caj dan juga sangat *convenience* untuk *motorist*. Terima kasih.

Dato' Yong Khoon Seng: Cadangan Yang Berhormat kita ambil perhatian kerana saya nak maklumkan kepada Ahli Yang Berhormat, pada masa kini kita dalam proses untuk menambah jumlah terminal tambah nilai *Touch'nGo* tanpa dikenakan servis caj. Sebagai contoh, pada tahun lalu sahaja sebanyak 1,455 buah terminal baru telah dibuka untuk tujuan tersebut. Saya tahu Yang Berhormat Dr. pun kata dia selalu pergi tempat yang selalu kena caj juga. Mana tempat ini, 1,455 buah, saya akan bagi senarai ini kepada Yang Berhormat supaya pergi cari tempat yang tak caj 50 sen itu. Tuan Yang di-Pertua, saya cuba nak habiskan ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Dato' Yong Khoon Seng: Akhir sekali Yang Berhormat Senator Dr. Ramakrishnan juga telah mencadangkan supaya peranan dan fungsi Lembaga Lebuhraya Malaysia diperluaskan iaitu tidak terhad sebagai agensi kawal selia sahaja sebaliknya diperluaskan sebagai operator kepada semua konsesi lebih raya di negara ini sebagaimana amalan di UK. Untuk makluman Yang Berhormat, Lembaga Lebuhraya Malaysia ialah agensi badan berkanun yang ditubuhkan oleh kerajaan melalui Akta Lembaga Lebuhraya Malaysia 1980 atau dikenali Akta 231. LLM bertanggungjawab untuk merancang, melaksana ...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa kita sekarang tepat pukul 9.30 malam.

Dato' Yong Khoon Seng: Ada dua minit untuk saya habiskan.

Timbalan Yang di-Pertua: Dua minit, okey. Teruskan ya, dua minit, saya bagi dua minit.

Dato' Yong Khoon Seng: Boleh. Menyelia dan mengawasi pelaksanaan projek-projek lebuhraya bertol di Malaysia dan tertakluk kepada peruntukan di bawah Akta 231 dan juga Akta Jalan-jalan Persekutuan (Pengurusan Persendirian) 1984. Sekarang ia masih kekal sebagai satu agensi mengawal selia dan kita hendak LLM memastikan syarikat-syarikat konsesi lebuhraya sentiasa memberikan perkhidmatan yang berkualiti, selamat dan selesa kepada pengguna-pengguna lebuhraya. Dasar ini dilengkapi dengan Dasar Persyarikatan dan Dasar Pembangunan Negara yang bertujuan untuk membantu kerajaan mempercepatkan lagi pertumbuhan ekonomi negara melalui kerjasama awam-swasta dan dalam masa yang sama dapat mengurangkan beban kewangan dan pentadbiran kerajaan.

Walau bagaimanapun, dasar ini tidak mengubah fungsi dan peranan asal LLM sebagai agensi kawal selia lebuhraya bertol di negara ini, sebagaimana yang termaktub dalam akta ini. Tuan Yang di-Pertua, ini saya janjikan dua minit sudah selesai. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri kerana menepati janji. Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga pukul 10 pagi, hari Khamis, 3 Mei 2012.

Dewan ditangguhkan pada pukul 9.31 malam.